# TINGKAHLAKU ETIKA PEGUAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA

**OLEH**

**HAIRUDDIN MEGAT LATIF**

**Tesis Diserahkan kepada**

**Pusat Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah**

**Universiti Utara Malaysia**

**Bagi Memenuhi Keperluan Pengijazahan Ijazah Doktor Falsafah**

**September 2014**

90656

**Kolej Perniagaan**
*(College of Business)*
**Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**
*(Certification of thesis / dissertation)*

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
*(We, the undersigned, certify that)*

HAIRUDDIN MEGAT LATIF

calon untuk Ijazah DOCTOR OF PHILOSOPHY
*(candidate for the degree of)*

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
*(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):*

TINGKAHLAKU ETIKA PEGUAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
*(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).*

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada: **12 Jun 2014.**
*(That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:* ***12 June 2014****).*

| | | | |
|---|---|---|---|
| Pengerusi Viva *(Chairman for Viva)* | : Prof. Dr. Nor Hayati bt Ahmad | Tandatangan *(Signature)* | |
| Pemeriksa Luar *(External Examiner)* | : Prof. Datuk Dr. Syed Othman bin Syed Hussin Alhabshi | Tandatangan *(Signature)* | |
| Pemeriksa Luar *(External Examiner)* | : Prof. Dr. Kamal Halili bin Hassan | Tandatangan *(Signature)* | |

Tarikh: **12 Jun 2014**
*(Date)*

Nama Pelajar
(Name of Student)
: **Hairuddin Megat Latif**

Tajuk Tesis / Disertasi
*(Title of the Thesis / Dissertation)*
: **Tingkahlaku Etika Peguam di Semenanjung Malaysia**

Program Pengajian
*(Programme of Study)*
: **Doctor of Philosophy**

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia
*(Name of Supervisor/Supervisors)*
: **Prof. Dr. Abdullah bin Hj. Abdul Ghani**

Tandatangan

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia
*(Name of Supervisor/Supervisors)*
: **Assoc. Prof. Dr. Rusniah bt Ahmad**

Tandatangan

## KEBENARAN MENGGUNA

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Siswazah Lanjutan Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa saja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau, jika ketiadaan beliau Dekan Pusat Pengajiaan Siswazah Othman Yeop Abdullah, diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagian daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberi kepada saya dan kepada UUM dalam sebarang kegunaan sarjana terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk salinan atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya, hendaklah di alamatkan kepada:

Dekan Pusat Pengajian Siswazah Othman Yeop Abdullah
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok,
Kedah Darul Aman

## PERMISSION TO USE

In presenting this thesis, in full fulfillment of the requirements for a postgraduate degree from Universiti Utara Malaysia (UUM), I agree that the University Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for copying of this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purposes may be granted by my supervisor(s) or, in their absence, by the Dean of Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or part thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and UUM for any scholarly use which may be made of any material from my thesis.

Requests for permission to copy or make other use of materials in this thesis, in whole or in part, should be addressed to:

Dean of Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok,
Kedah Darul Aman

ABSTRAK

Objektif utama penyelidikan ini ialah mengkaji tahap tingkahlaku etika peguam di Semenanjung Malaysia. Rekabentuk kajian secara tinjauan rentas telah digunakan dalam kajian ini. Kutipan data melibatkan pengedaran soal selidik. Responden kajian ini ialah para peguam. 107 soal selidik telah dianalisis. Kajian ini menggunakan pengukuran *Defining Issue Test* (DIT) untuk mengukur tingkahlaku etika. Secara am, dapatan menunjukkan skor min tahap tingkahlaku etika para peguam berada pada tahap pasca konvensional dengan indeks P DIT sebanyak 55.74 atas skor maksima 100. Dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam aspek tingkah laku etika diantara lelaki dan wanita. Sungguhpun begitu, dapatan menunjukkan tahap tingkah laku peguam wanita lebih tinggi berbanding peguam lelaki. Min bagi wanita adalah 61.35, sedangkan min bagi lelaki 52.68. Kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan diantara responden yang telah didedahkan kepada pendidikan etika semasa di institusi pengajian tinggi berbanding dengan mereka yang tidak pernah mendapat pendedahan. Persepsi para peguam terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan dalam kalangan peguam adalah sederhana tinggi dengan skor 3.3 atas skor 5. Kesemua pemboleh ubah bebas yang diambil kira dalam kajian ini berkecenderungan mempengaruhi tingkahlaku secara positif kecuali persepsi terhadap kod etika, jantina, pendedahan kursus etika semasa perkhidmatan dan dalam seminar serta tempoh masa menjadi peguam. Pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam paling berpontensi mempengaruhi tingkahlaku peguam. Hasil kajian ini mendapati latihan mengenai etika peguam perlu dipertingkatkan. Akhir sekali, dicadangkan agar penguatkuasaan etika peguam diperkukuhkan lagi.

**Katakunci:** Tingkahlaku, etika, peguam-peguam, pengetahuan dan pemahaman, persepsi.

# ABSTRACT

The main objective of this research is to study the ethical behaviour of lawyers in Peninsular Malaysia. The cross sectional studies' research design has been applied in this study. The data collection included the distribution of questionnaires. Respondents of this study are lawyers. 107 questionnaires have been analyzed. This study used the Defining Issue Test (DIT) measurement to measure the ethical behaviour. In general, the findings showed that the mean score of the stage of ethical behaviour among lawyers is at a post conventional stage with the P DIT index value of 55.74 on the maximum score of 100. The findings further showed that there is no significant different on the aspect of the ethical behaviour between the male lawyers and the female lawyers. However, the findings did show that the stage of the ethical behaviour of female lawyers is higher than that of the male lawyers. The mean for the female lawyers is 61.35, while that of the male lawyers is 52.68. The findings has also shown that there is a significant different between the respondents who have been exposed to ethical education at institutions of higher learning as compared to those who have never been exposed to ethical education. The perception of lawyers toward the execution of the law, rules and training are moderately high with a score of 3.3 over 5. All the independent variables that were taken into account in this research tend to have a positive influence on the behaviour of lawyers, with the exception of the perception towards the code of ethics, gender, attending in-service courses or seminars on ethics and the long duration of being a lawyer. The knowledge and understanding of the lawyer's code of ethics has the most potential in influencing the lawyers' ethical behaviour. The study found that training pertaining to the lawyer's ethics needs to be improved. Finally, it is suggested that there is a need to reinforce the code of ethics on all lawyers.


**Keywords:** Behaviour, ethics, lawyers, knowledge and understanding, perception.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. *Alhamdu lillahi Rabbil-'Alamin was-salatu was-salamu 'ala Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wa sahbihi ajmain.* Dengan puji-pujian kepada Allah, segala penyampaian baik secara tulisan ataupun lisan dimulakan. Selawat keatas Nabi Muhammad al-Mustafa, penerima kenabian dan kerasulan. Serta keatas keluarga dan sahabatnya yang menjadi petunjuk untuk menghindarkan diri dari kesesatan.

Saya mengucap syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya saya dapat menjalankan dan menyelesaikan kajian Ph.D ini dengan jayanya. Dalam usaha menyelesaikan kajian ini saya dengan rendah hati menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia dan Tuan Guru saya iaitu Profesor Dr. Hj. Abdullah Hj. Abdul Ghani. Tanpa bimbingan sokongan dan galakan beliau saya dapat menjangkakan bahawa, kajian dan tesis ini sukar disiap dan disempurnakan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada penyelia kedua saya Prof. Madya Dr. Rusniah Ahmad atas bimbingan dan galakan sepanjang tempoh pengajian.

Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua responden kerana memberi kerjasama dalam memberikan maklumat bagi menjayakan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih kepada pembantu penyelidik saya, secara tidak rasmi Puteri Khairunnisa dan Puteri Adibah (anak-anak saya) atas segala bantuan yang diberikan sepanjang penyelidikan ini berjalan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Allahyarham Profesor Dr. Abdul Rahim Mohd. Saad dan Profesor Dr. Zakaria Ismail kerana ilmu dan panduan yang saya perolehi daripada mereka

selama saya berada di Sekolah Pengurusan, UUM. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Profesor Dr. Mohd. Noor Shariff, Profesor Dr. Muhammad Ali Embi, Profesor Dr. Padzim Othman, Profesor Dr. Zakaria Abbas, Profesor Dr. Kamil Idris, Profesor Dr. Mansor Mohd. Noor, Prof. Madya Dr. Abu Bakar Hameed, Prof. Madya Dr. Jamal Ali, Prof. Madya Dr. Bidin Yatim, Allahyarham Prof. Madya Dr. Syed Abdul Rahman Syed Zin, dan Prof. Madya Dr. Razli Che Razak. Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan dari Pusat Pengajian Undang-undang, UUM COLGIS yang telah sudi meluangkan masa dan tenaga untuk memberi komen dan pendapat pakar berkaitan dengan soal selidik kajian ini.

Akhir sekali, saya mengucapkan syukur yang tidak terhitung kerana Allah S.W.T telah mengurniakan saya ibu bapa yang memahami akan kepentingan ilmu pengetahuan. Rasa terima kasih atas bimbingan, dorongan dan galakan mereka dari saya kecil sehinggalah saya tahu membezakan yang baik dan buruk tidaklah dapat diucapkan dan diukur dengan kata-kata. Semoga Allah S.W.T mencucuri rahmat dan kasih sayangNya terhadap ayahanda yang telah pun menemui Allah S.W.T. Kepada isteri tercinta yang setia dan tabah, Che Asiah Abdullah, *PJK (Perlis), PMP (Perlis)*, anak-anak yang dikasihi Puteri Khairunnisa, Puteri Adibah, Megat Omar Nafiis dan Megat Kamil Naim, mereka adalah sumber kebahagian (*happiness*) saya yang menjadikan hidup saya ceria tanpa tekanan. Akhir sekali, semoga sumbangan semua pihak mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

# ISI KANDUNGAN


| BAB | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| Tajuk Tesis | | i |
| Kebenaran Mengguna | | ii |
| Permission To Use | | iii |
| Abstrak | | iv |
| Abstract | | v |
| Penghargaan | | vi |
| Isi Kandungan | | viii |
| Senarai Lampiran | | xiv |
| Senarai Jadual | | xvi |
| Senarai Rajah | | xx |
| **BAB SATU** | | |
| **PENGENALAN** | | |
| 1.0 | Pendahuluan | 1 |
| 1.1 | Pernyataan Masalah | 10 |
| 1.2 | Persoalan Kajian | 14 |
| 1.3 | Objektif Kajian | 15 |
| 1.4 | Signifikan Kajian | 16 |
| 1.5 | Skop Kajian | 17 |
| 1.6 | Profesion Guaman di Malaysia | 17 |
| | 1.6.1 Kelayakan Menjadi Peguam | 18 |
| 1.7 | Andaian dan Batasan Kajian | 21 |
| | 1.7.1 Andaian | 21 |
| 1.8 | Sumber Rujukan Utama | 22 |
| 1.9 | Definisi Operasional | 22 |
| | 1.9.1 Faktor-faktor Demografik | 22 |
| | 1.9.2 Ciri-ciri Situasi | 23 |
| | 1.9.3 Tingkahlaku Etika | 23 |
| | 1.9.4 Peguam | 24 |
| | 1.9.5 Malaysia | 24 |
| 1.10 | Penyusunan Tesis | 24 |
| 1.11 | Penutup dan Rumusan | 25 |

**BAB DUA**
**PROFESION GUAMAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA**


2.0 Pendahuluan 26
2.1 Kewajipan Seorang Peguam 28
2.2 Kaedah-kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978 (KPGAE 1978) 29
2.2.1 Kewajipan Kepada Mahkamah 29
2.2.1.1 Kewajipan Tidak Mengelirukan Mahkamah 31
2.2.1.2 Kewajipan Tidak Menyembunyikan Nas-Nas 32
2.2.1.3 Kewajipan Tidak Membuat Salahnyataan Kepada Saksi Yang Memberi Keterangan Di Mahkamah 37
2.2.1.4 Peguam Tidak Ada Kewajipan Memberitahu Mahkamah Mengenai *Discredibility* Saksi 38
2.2.1.5 Kewajipan Menghalang Mahkamah Daripada Menguatkuasakan Transaksi Tidak Sah 39
2.2.1.6 Kewajipan Tidak Menimbulkan Celaan Tanpa Bukti Cukup 40
2.2.1.7 Seorang Peguam Mesti Mengutamakan Pentadbiran Keadilan 43
2.2.1.8 Seorang Peguam Mesti Menjaga Kelakuannya Di Mahkamah 49
2.2.1.9 Penangguhan Kes 53
2.2.1.10 Seorang Peguam Mesti Mengelakkan Pertelingkahan Kepentingan Antara Tugas Kepada Mahkamah Dengan Tugas Kepada Anak Guam 56
2.2.1.11 Tidak Berkelakuan Yang Dikategorikan Sebagai Menghina Mahkamah 67
2.3 Kewajipan Kepada Anak Guam 82
2.3.1 Seorang Peguam Boleh Menerima Arahan Jika Dia Dapat Mengendalikan Kes Tersebut Dari Mula Sehingga Akhir Dengan Sempurna 83
2.3.2 Seorang Peguam Mesti Bersedia Membela Anak Guam dan Menjalankan Tugas Dengan Penuh Perhatian Terhadap Kepentingan Anak Guam 86
2.3.3 Seorang Peguam Mesti Menjaga Perkara Rahsia Anak Guamnya 91

2.3.4 Seorang Peguam Mesti Mengelakkan Pertentangan Kepentingan Antara Tugas Kepada Anak Guam dan Kepentingan Peribadi 92
2.4 Kelakuan Terhadap Peguam Lain / Pihak Bertentangan 102
2.4.1 Tidak Berkomunikasi Dengan Anak Guam Kepunyaan Peguam Lain 102
2.4.2. Tidak Mewakili Anak Guam Yang Diwakili Oleh Peguam Lain 102
2.5 Kelakuan Lain Yang Diperuntukkan Di Bawah Kaedah 12, 13, 14, 18, 24(c), 33, dan 56 KPGAE 1978 102
2.6 Pekerjaan dan Pengiklanan 107
2.6.1 Kaedah-kaedah Berkaitan Pekerjaaan (Kaedah-kaedah 2-39 KPGAE 1978) 108
2.6.2 Kaedah-kaedah Berkaitan Pengiklanan dan Perihalan (Kaedah-kaedah 37-39 serta Kaedah-kaedah 45-52 KPGAE 1978) 117
2.6.3 Pekerjaan atau Perniagaan Sampingan (Kaedah 7(b) dan kaedah 44 KPGAE 1978) 120
2.7 Penutup dan Rumusan 120

**BAB TIGA**
**SOROTAN KARYA DAN PEMBENTUKAN HIPOTESIS KAJIAN**

3.0 Pendahuluan 122
3.1 Tingkat Pembangunan Moral 122
3.2 Faktor-faktor Individu dan Situasi 125
3.3 Ciri-ciri individu 126
3.3.1 Pegangan Agama 127
3.3.2 Latar Belakang Pendidikan Etika 132
3.3.3 Pengalaman Kerja 139
3.3.4 Persepsi Individu 139
3.3.5 Jantina 142
3.3.6 Umur 147
3.4 Ciri-ciri situasi 149
3.4.1 Kod Etika Profesion 149
3.4.2 Tanggungjawab Sosial 153
3.5 Model Kajian 156
3.6 Penutup dan Rumusan 156

**BAB EMPAT**
**METODOLOGI KAJIAN**


| | | |
|---|---|---|
| 4.0 | Pendahuluan | 158 |
| 4.1 | Tempat Kajian | 159 |
| 4.2 | Rekabentuk Kajian | 159 |
| 4.3 | Instrumen Kajian | 159 |
| 4.4 | Pengukuran Pemboleh ubah | 160 |
| | 4.4.1 Tingkahlaku Etika | 160 |
| | 4.4.2 Kod Etika Profesion | 164 |
| | 4.4.3 Persepsi Terhadap Kod Etika Peguam | 165 |
| | 4.4.4 Tanggung Jawab Sosial | 166 |
| | 4.4.5 Nilai Keagamaan | 167 |
| | 4.4.6 Faktor Demografik | 169 |
| 4.5 | Populasi dan Persampelan Responden | 169 |
| 4.6 | Pra Ujian dan Kajian Rintis | 170 |
| | 4.6.1 Analisis Kebolehpercayaan | 171 |
| | 4.6.2 Analisis Kesahihan | 173 |
| 4.7 | Kajian Sebenar di Lapangan | 175 |
| | 4.7.1 Analisis Kebolehpercayaan | 178 |
| | 4.7.2 Analisis Kesahihan | 179 |
| | 4.7.3 Ujian Normaliti, Leneariti dan Multikolineariti | 189 |
| | 4.7.3.1 Ujian Normaliti | 189 |
| | 4.7.3.2 Ujian Leneariti | 192 |
| | 4.7.3.3 Ujian Multikolineariti | 193 |
| 4.8 | Penganalisisan Data | 194 |
| 4.9 | Penutup dan Rumusan | 195 |


**BAB LIMA**
**HASIL KAJIAN**


| | | |
|---|---|---|
| 5.0 | Pendahuluan | 196 |
| 5.1 | Maklumat Demografik | 196 |
| | 5.1.1 Jantina | 197 |
| | 5.1.2 Agama | 197 |
| | 5.1.3 Pendedahan Terhadap Pelajaran Etika Semasa di IPT | 198 |
| | 5.1.4 Pendedahan Terhadap Pelajaran Etika Semasa Bekerja | 198 |
| | 5.1.5 Pendedahan Terhadap Pelajaran Etika Melalui Seminar | 199 |
| | 5.1.6 Lama Bekerja | 199 |
| | 5.1.7 Kategori Umur | 200 |

5.2 Hasil Kajian 201
5.2.1 Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Peguam 201
5.2.2 Tahap Persepsi Terhadap Perlaksanaan Undang-undang, Peraturan dan Latihan Etika Peguam 201
5.2.3 Tahap Tingkahlaku Etika 203
5.2.4 Perbezaan Tahap Tingkahlaku Etika 203
5.2.4.1 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Jantina 204
5.2.4.2 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Faktor Agama 205
5.2.4.3 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Pendedahan Etika di IPT 207
5.2.4.4 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Pendedahan Etika Semasa Bekerja 208
5.2.4.5 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Pendedahan Etika didalam Seminar 209
5.2.4.6 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Lama Menjadi Peguam 210
5.2.4.7 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Kategori Umur 210
5.3 Perbezaan Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika 212
5.3.1 Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Berdasarkan Jantina 212
5.3.2 Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Berdasarkan Faktor Agama 213
5.3.3 Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Berdasarkan Pendedahan Di IPT, Kursus dalam Perkhidmatan dan Semasa Seminar 214
5.4 Perbezaan Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika Peguam Berdasarkan Ciri-ciri Demografik 216
5.4.1 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Jantina 216
5.4.2 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Umur 216
5.4.3 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Agama 217
5.4.4 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Pendedahan Etika Di IPT 217
5.4.5 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Kursus Etika Didalam Perkhidmatan 218

5.4.6 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Pendedahan Etika didalam Seminar 219
5.4.7 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Lama Khidmat 219
5.5 Ciri-ciri Individu dan Situasi yang Mempengaruhi Tingkahlaku Etika 220
5.6 Penutup dan Rumusan 222

**BAB ENAM**
**KESIMPULAN DAN CADANGAN**
6.0 Pendahuluan 224
6.1 Gambaran Ringkas Kajian 224
6.2 Penemuan Utama Kajian 226
6.3 Implikasi Penemuan Kajian 228
6.3.1 Implikasi Teoritikal 228
6.3.2 Implikasi Pengurusan 229
6.3.2.1 Latihan Berkaitan Kod Etika Peguam 230
6.3.2.2 Penguatkuasaan Kod Etika Peguam 231
6.3.2.3 Memantapkan Kod Etika Peguam 232
6.3.2.4 Pendedahan Kepada Subjek Etika 232
6.3.3 Implikasi Akademia 234
6.3.3.1 Penggunaan Kaedah Statistik Dalam Kajian Sosio-perundangan 234
6.3.3.2 Pengukur Tingkahlaku Etika 235
6.3.3.3 Pengukur Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Peguam 237
6.3.3.4 Pengukur Persepsi Kod Etika Peguam 239
6.4 Batasan Kajian 241
6.4.1 Generalisasi 241
6.4.2 Kaedah Kajian 242
6.5 Masalah Kajian 242
6.5.1 Peguam Sentiasa Dalam Keadaan Sibuk 242
6.6 Halatuju Penyelidikan Akan Datang 243
6.7 Penutup 244

**RUJUKAN** 245

## SENARAI LAMPIRAN


| Lampiran | Perkara | Muka Surat |
|---|---|---|
| Lampiran A : | Laporan-Laporan Akhbar Terhadap Peguam | 260 |
| Lampiran A1: | Jenis Kesalahan Tatatertib dan Jenayah Yang Dilakukan Oleh Peguam Berdasarkan LAMPIRAN A | 262 |
| Lampiran A2: | Statistik Tindakan Disiplin Diambil Oleh Lembaga Disiplin Majlis Peguam Malaysia | 263 |
| Lampiran B : | Soal Selidik | 264 |
| Lampiran C : | Arahan Amalan No. 2 Tahun 1992 | 278 |
| Lampiran D : | Borang Laporan Kepada Majlis Peguam | 279 |
| Lampiran E : | Silibus Kursus *Legal Ethics*, Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia | 280 |
| Lampiran F : | Tahun Kursus Etika Perundangan di Ajar di Universiti Tempatan | 285 |
| Lampiran G : | *Legal Profession (Practice And Etiquette) Rules* 1978 | 286 |
| Lampiran H : | Analisis Faktor Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Peguam | 295 |
| Lampiran I : | Analisis Faktor Tanggungjawab Sosial | 303 |
| Lampiran J : | Analisis Faktor Pegangan Agama | 307 |

Lampiran K : Analisis Faktor Persepsi Terhadap Perlaksanaan Undang-Undang, Peraturan dan Etika Peguam 310

Lampiran L : Histogram Andaian Multivariat Hubungan Tanggungjawab Sosial dan Tingkahlaku Etika Peguam 314

Lampiran M : Histogram Andaian Multivariat Hubungan Pegangan Agama dan Tingkahlaku Etika Peguam 315

Lampiran N : Histogram Andaian Multivariat Hubungan Persepsi Kod Etika dan Tingkahlaku Etika Peguam 316

Lampiran O : P Plot Andaian Multivariat Hubungan Tanggungjawab Sosial dan Tingkahlaku Etika Peguam 317

Lampiran P : P Plot Andaian Multivariat Hubungan Pegangan Agama dan Tingkahlaku Etika Peguam 318

Lampiran Q : P Plot Andaian Multivariat Hubungan Persepsi Kod Etika dan Tingkahlaku Etika Peguam 319

Lampiran R : Plot Serakan Andaian Multivariat Hubungan Tanggungjawab Sosial dan Tingkahlaku Etika Peguam 320

Lampiran S : Plot Serakan Andaian Multivariat Hubungan Pegangan Agama dan Tingkahlaku Etika Peguam 321

Lampiran T : Plot Serakan Andaian Multivariat Hubungan Persepsi Kod Etika dan Tingkahlaku Etika Peguam 322

Lampiran U : Analisis Korelasi Pearson 323

# SENARAI JADUAL


| Jadual | Perkara | Muka Surat |
|---|---|---|
| Jadual 1.1: | Peratus Undian Responden Bagi Markah Sangat Tinggi atau Tinggi Berdasarkan Profesion | 5 |
| Jadual 1.2: | Bilangan Aduan Terhadap Peguam 1981-1992 | 8 |
| Jadual 1.3: | Bilangan Peguam Telah Dikenakan Tindakan Tatatertib 1981-2007 | 8 |
| Jadual 1.4: | Bilangan Peguam Dilucut Menjadi Pengamal Undang-Undang Daripada Tahun 2003-2008 | 9 |
| Jadual 1.5: | Bilangan Peguam Digantung Menjadi Pengamal Undang-Undang Daripada Tahun 2003-2008 | 10 |
| Jadual 4.1: | Bahagian Soal Selidik | 160 |
| Jadual 4.2: | Nilai *Cronbach Alpha* Bagi Ujian Kebolehpercayaan (N = 107) | 178 |
| Jadual 4.3: | Ringkasan Keputusan Bagi Analisis Faktor (*Principal Component Analysis*) | 180 |
| Jadual 4.4: | Jumlah Varian Diterangkan Bagi Konstruk Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika | 182 |
| Jadual 4.5: | Nombor dan Bilangan Item Yang Diambilkira Bagi Tujuan Analisis Multivariat | 184 |
| Jadual 4.6: | Jumlah Varian Diterangkan Bagi Konstruk Sikap Tanggungjawab Sosial | 185 |
| Jadual 4.7: | Jumlah Varian Diterangkan Bagi Konstruk Pegangan Agama | 186 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.8 : | Jumlah Varian Diterangkan Bagi Konstruk Persepsi Terhadap Perlaksanaan Undang-Undang, Peraturan serta Latihan Etika Peguam | 187 |
| Jadual 4.9 : | Bilangan Item-Item DiBawah Faktor-Faktor Persepsi Terhadap Perlaksanaan Undang-Undang, Peraturan serta Latihan Etika Peguam | 188 |
| Jadual 4.10: | Mean, Mod dan Median Bagi Pemboleh Ubah Kod Etika Peguam, Tanggungjawab Sosial, Pegangan Agama, dan Persepsi Terhadap Kod Etika Peguam | 191 |
| Jadual 4.11: | Pengujian Multikolineariti Untuk Pemboleh Ubah Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Peguam | 194 |
| Jadual 5.1 : | Jantina | 197 |
| Jadual 5.2 : | Agama | 197 |
| Jadual 5.3 : | Pendedahan Kursus Etika Di IPT | 198 |
| Jadual 5.4 : | Pendedahan Kursus Etika Didalam Perkhidmatan | 198 |
| Jadual 5.5 : | Pendedahan Kursus Etika Didalam Seminar | 199 |
| Jadual 5.6 : | Lama Berkerja | 200 |
| Jadual 5.7 : | Umur | 200 |
| Jadual 5.8 : | Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Peguam | 201 |
| Jadual 5.9 : | Skor Persepsi Terhadap Perlaksanaan Undang-Undang, Peraturan dan Latihan Etika Peguam | 202 |
| Jadual 5.10 : | Tahap Persepsi Terhadap Perlaksanaan Undang-Undang, Peraturan dan Latihan Etika Peguam | 202 |
| Jadual 5.11: | Tahap Tingkahlaku Etika | 203 |

Jadual 5.12 : Perbezaan Min Tingkahlaku Etika Peguam Berdasarkan Jantina 204

Jadual 5.13 : Perbezaan Min Tingkahlaku Etika Peguam Berdasarkan Agama 206

Jadual 5.14 : Perbezaan Min Tingkahlaku Etika Peguam Berdasarkan Pendedahan Etika Di IPT 207

Jadual 5.15 : Perbezaan Min Tingkahlaku Etika Peguam Berdasarkan Kursus Semasa Dalam Perkhidmatan 208

Jadual 5.16 : Perbezaan Min Tingkahlaku Etika Peguam Berdasarkan Seminar 209

Jadual 5.17 : Perbezaan Min Tingkahlaku Etika Peguam Berdasarkan Lama Berkhidmat 210

Jadual 5.18 : Perbezaan Min Tingkahlaku Etika Peguam Berdasarkan Umur 211

Jadual 5.19 : Perbezaan Min Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Kod Etika Peguam Berdasarkan Jantina 212

Jadual 5.20 : Perbezaan Min Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Kod Etika Peguam Berdasarkan Agama 213

Jadual 5.21 : Perbezaan Min Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Kod Etika Peguam Berdasarkan Kursus Etika Di IPT 214

Jadual 5.22 : Perbezaan Min Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Kod Etika Peguam Berdasarkan Kursus Semasa Perkhidmatan 215

Jadual 5.23 : Perbezaan Min Pengetahuan dan Pemahaman Terhadap Kod Etika Peguam Berdasarkan Seminar 215

Jadual 5.24 : Perbezaan Min Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika Peguam Berdasarkan Jantina 216

Jadual 5.25 : Perbezaan Min Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika Peguam Berdasarkan Umur 217

Jadual 5.26 : Perbezaan Min Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika Peguam Berdasarkan Agama 217

Jadual 5.27 : Perbezaan Min Persepsi Terhadap Etika Peguam Berdasarkan IPT 218

Jadual 5.28 : Perbezaan Min Persepsi Terhadap Etika Peguam Berdasarkan Kursus Semasa Perkhidmatan 219

Jadual 5.29 : Perbezaan Min Persepsi Terhadap Etika Peguam Berdasarkan Seminar 219

Jadual 5.30 : Perbezaan Min Persepsi Terhadap Etika Peguam Berdasarkan Lama Berkhidmat 220

Jadual 5.31 : Ciri-Ciri Individu dan Situasi Yang Berpontensi Mempengaruhi Tingkahlaku Etika Peguam 221

## SENARAI RAJAH

**Rajah** **Perkara** **Muka Surat**


| Rajah | Perkara | Muka Surat |
|---|---|---|
| Rajah 4.1 : | Histogram Residual Bagi Pemboleh Ubah Kod Etika Peguam dengan Tingkahlaku Etika Peguam | 190 |
| Rajah 4.2 : | Plot Kebarangkalian Normal Bagi Pemboleh Ubah Kod Etika Peguam dengan Tingkahlaku Etika Peguam | 192 |
| Rajah 4.3 : | Plot Serakan Bagi Pemboleh Ubah Kod Etika Peguam dengan Tingkahlaku Etika Peguam | 193 |
| Rajah 4.4 : | Histogram Residual Bagi Pemboleh Ubah Tanggungjawab Sosial dengan Tingkahlaku Etika Peguam | 314 |
| Rajah 4.5 : | Histogram Residual Bagi Pemboleh Ubah Pegangan Agama dengan Tingkahlaku Etika Peguam | 315 |
| Rajah 4.6 : | Histogram Residual Bagi Pemboleh Ubah Persepsi Terhadap Kod Etika Peguam dengan Tingkahlaku Etika Peguam | 316 |
| Rajah 4.7 : | Plot Kebarangkalian Normal Bagi Pemboleh Ubah Tanggungjawab Sosial Peguam dengan Tingkahlaku Etika Peguam | 317 |
| Rajah 4.8 : | Plot Kebarangkalian Normal Bagi Pemboleh Ubah Pegangan Agama | 318 |
| Rajah 4.9 : | Plot Kebarangkalian Normal Bagi Pemboleh Ubah Persepsi Terhadap Kod Etika Peguam | 319 |
| Rajah 4.10 : | Plot Serakan Bagi Pemboleh Ubah Antara Tanggungjawab Sosial dengan Tingkahlaku Etika Peguam | 320 |

Rajah 4.11 : Plot Serakan Bagi Pemboleh Ubah Pegangan Agama dengan Tingkahlaku Etika Peguam 321

Rajah 4.12 : Plot Serakan Bagi Pemboleh Ubah Persepsi Terhadap Kod Etika Peguam dengan Tingkahlaku Etika Peguam 322

# BAB SATU

# PENGENALAN

## 1.0 Pendahuluan

Menurut Thomas (2000) peguam-peguam adalah kumpulan profesional yang sangat berkuasa. Peguam-peguam juga adalah kumpulan profesional yang memiliki keistimewaan dan ekslusiviti yang tersendiri (Thomas, 2000). Manakala, menurut Lennertz (1991), Crier (2002), Horn III (2003) dan Yeap Ghim Guan (2004) profesion guaman adalah satu profesion yang mulia. Kemuliaan profesion guaman ini telah dinyatakan oleh mahkamah dalam kes *Syarikat Pengangkutan Sakti Sdn. Bhd.* lwn. *Tan Joo King t/a Bengkel Son Tak* (1997) 5 MLJ 705 yang mana mahkamah menegaskan Kaedah 28(1) Kaedah-Kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978 (KPGAE 1978) mestilah dipatuhi agar pengendalian litigasi adalah teratur dan untuk mengekalkan serta mematuhi taraf kelakuan yang dikehendaki daripada ahli-ahli profesion yang mulia ini (Kaedah 28(1), KPGAE 1978). Manakala Kaedah 16 KPGAE 1978 juga memperuntukkan seorang peguam hendaklah tanpa rasa takut menegakkan kepentingan anak guamnya, kepentingan keadilan dan kemulian profesion tanpa menghiraukan akibat-akibat yang tidak menyenangkan (*unpleasant consequences*) yang mungkin menimpa dirinya atau terhadap orang lain (Kaedah 16, KPGAE 1978). Kaedah 31 juga menyatakan seorang peguam hendaklah sentiasa menjaga kemuliaan dan kedudukan tinggi profesion guaman (Kaedah 31, KPGAE 1978).

Satu sifat  penting profesion seperti guaman ialah pertaliannya yang berterusan dengan masyarakat dimana ia memberi khidmat (Cohen, 1991). Menurut Lennertz (1991) para peguam mempunyai beberapa set kewajipan profesional. Bukan sahaja ada kewajipan memberi khidmat kepada anak guamnya tetapi dia juga mempunyai satu kewajipan awam (Lennertz, 1991). Maksud kewajipan awam di sini ialah kewajipan menegakkan keadilan. Menurut seskyen 42 Akta Profesion Guaman 1976 (APG 1976), salah satu daripada tujuan dan kuasa Persatuan Peguam Malaysia (*Malaysian Bar*) ialah menegakkan keadilan.

Kipnis (1991) mengingatkan bahawa profesión guaman adalah satu institusi sosial yang kompleks bertujuan untuk menyelesaikan pertikaian secara adil dan saksama. Sebagai satu institusi yang kompleks, profesion perundangan menyerahkan kepada peguam dalam kes-kes khusus kewajipan-kewajipan yang mana pertaliannya dengan matlamat umum masyarakat kelihatan bertentangan (Kipnis, 1991). Keadaan ini mungkin timbul, contohnya, apabila seoarang peguam sedang menjadi peguambela kepada tertuduh kes rogol bersiri yang terkenal. Katakanlah tertuduh itu terlepas dari tahanan lokap. Pihak polis sedang mengesan tertuduh ini dan cuba mendapatkan maklumat daripada peguambelanya tentang kemungkinan tempatnya bersembunyi. Peguambela ini memang mengetahui *modus operandi* tertuduh kerana tertuduh telahpun mendedahkan perkara itu kepada peguambela berkenaan. Adakah peguambela itu patut mendedahkan maklumat itu kepada pihak polis?. Sekiranya berdasarkan etika umum, peguambela itu wajar mendedahkan maklumat itu kepada pihak polis berdasarkan etika bercakap benar dan juga kepentingan

awam. Tetapi, kod etika peguam memperuntukkan tentang kerahsiaan maklumat yang didedahkan oleh tertuduh dibawah prinsip keistimewaan anak guam (*client's privilege*) dan prinsip kesetian berkekalan (*outlasting loyalty*) peguam kepada anak guamnya (Seksyen 126 dan 129, Akta Keterangan 1950 dan Kaedah 35(b) KPGAE 1978). Maka, berdasarkan Akta Keterangan 1950 dan KPGAE 1978 peguambela itu dibawah undang-undang tidak wajip mendedahkan maklumat tentang tempat persembunyian tertuduh walaupun ia mengetahui. Kerana jika ia mendedahkanya, dia boleh dikenakan tindakan disiplin dibawah KPGAE 1978. Kegagalan mematuhi KPGAE 1978 adalah merupakan satu salah laku (seksyen 94 sub-seksyen 3 perenggan (d) APG 1976). Salah laku ini boleh membawa kepada tindakan tatertib oleh Lembaga Tatatertib Majlis Peguam Malaysia (seksyen 94 sub-seksyen 1, APG 1976). Sekiranya didapati bersalah nama seorang peguam boleh dikeluarkan dari profesion guaman atau digantung menjadi pengamal undang-undang untuk tempoh tidak melebihi 5 tahun atau dikenakan denda (seksyen 94 sub-seksyen 2 APG 1976).

Seterusnya menurut Lennertz (1991) keadaan di atas adalah benar, kerana yang membezakan profesion guaman dengan lain-lain institusi yang kompleks ialah ianya berpaksikan maksud atau tujuan awamnya, tradisi intelektual dan pertalian fidusiari dengan anak guamnya. Pertalian fidusiari adalah satu hubungan antara seorang dengan seorang yang lain bersandarkan kepercayaan (*trust*). Lennertz (1991) seterusnya menyatakan komitmen sistem guaman kepada keadilan adalah merupakan satu fokus yang berterusan. Merujuk stuktur sistem dan profesion

guaman masa kini, peguam berkenaan berkewajipan menjaga keyakinan anak guam dan membela mereka secara agresif (Lennertz, 1991).

Sungguhpun demikian, Lennertz (1991) juga menyatakan bahawa komitmen profesion guaman kepada keadilan sebagai maksud awamnya adalah pada masa kini, menjadi satu fokus jenaka undang-undang yang berterusan (Lennertz, 1991). Satu contoh sindiran yang mempersenda bidang guaman ditulis oleh Cramton (1989: 13) seperti berikut:

> Two balloonists are floating over the countryside in a lighter-than–air balloon on a summer’s day. Suddenly storm clouds move in, the balloonists become lost. After a while there is a gap in the clouds, an the balloonists  lower the balloon and discover a habitation below. One of them leans over and shouts to a man walking on the street below, “Where are we?” [Can’t hear: shouts again.] The answer : You’re in a balloon.” The balloonists look at each other, and one says: “That man is a lawyer. His answer was entirely correct but revealed absolutely nothing.”

Manakala, pada zaman Shakespeare dalam lakonan Bangsawan King Henry VI, scene 2 - Part 2, terdapat satu bait lakonan Bangsawan itu yang berbunyi “First thing we do, let’s kill all lawyers” (Benington, 2009: 586). Seterusnya, pada masa kini ada pandangan awam cenderung mengatakan bahawa peguam bukan lagi merupakan rakan yang boleh dipercayai yang mengintegrasikan pengetahuan peribadinya mengenai anak guamnya dan kepakarannya untuk menyokong pendapatnya mengenai apa yang anak guamnya mesti lakukan (Lennertz, 1991). Lennertz (1991) menyatakan, sesungguhnya adalah merupakan pandangan yang lapuk atau usang untuk mengatakan peguam sebagai kaunselor undang-undang.

Seterusnya, dalam kajian Gallup (*Gallup poll*) responden-responden disoal seperti berikut, “How would you rate the honesty and ethical standards of people in these different fields- very high, high, low or very low?” (Jones dan Gautschi, 1988). Keputusannya hanya 27% responden memberi markah sangat tinggi atau tinggi kepada peguam. Kadar markah yang diberi responden bagi profesion lain adalah ditunjukkan oleh Jadual 1.1.

**Jadual 1.1:**
***Peratus undian responden bagi markah sangat tinggi atau tinggi berdasarkan Profesion***

| Profesion | Peratus (%) |
|---|---|
| Paderi | 67 |
| Ahli Farmasi | 65 |
| Doktor perubatan | 58 |
| Doktor gigi | 56 |
| Guru | 54 |
| Jurutera | 53 |
| Polis | 47 |
| Jurubank | 37 |
| Pelapor/ Pengulas TV | 33 |
| Jurnalis | 31 |
| Wartawan suratkhabar | 29 |
| Peguam | 27 |

Daripada “Will the ethical business change? A survey of future executives” oleh Jones dan Gautschi (1988), *Journal of Business Ethics, 7,* 231-248. hlm. 231.

Justeru itu, perangkaan dan pandangan awam di atas menunjukkan betapa pentingnya para peguam mempunyai tahap perlakuan etika yang tinggi bagi memelihara keistimewaan, kemuliaan profesion, kesetiaan peguam terhadap anak guam dan juga kepercayaan masyarakat umum terhadap para peguam dalam menegakkan keadilan. Kerajaan (melalui Fakulti-fakulti Undang-Undang Institusi Pengajian Tinggi awam dan swasta tempatan) dan Majlis Peguam Malaysia (MPM)

ada menyediakan program-program latihan untuk melahirkan para peguam yang bukan sahaja berwibawa tetapi juga beretika tinggi. Usaha ini adalah untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap profesion guaman di Malaysia.

Selain daripada perangkaan dan persepsi awam di atas, pada masa kini, terdapat banyak aduan dan laporan tentang etika peguam dilaporkan dalam akhbar-akhbar tempatan (sila rujuk LAMPIRAN A dan LAMPIRAN A1).

Diantara laporan-laporan mengenai peguam melanggar etika ialah, menurut Berita Harian (2007), seorang peguam telah diperintahkan oleh mahkamah membela diri atas tuduhan menawarkan rasuah RM5,000 kepada bekas Timbalan Pendakwaraya. Pada 29 Mei 2007 akhbar melaporkan seorang peguam ditahan polis atas kesalahan menipu (Utusan Malaysia, 2007). Manakala Berita Harian (2006) melaporkan seorang peguam digantung tugas guamannya oleh Lembaga Tatatertib Peguambela dan Peguamcara (LTPBPC) atas dakwaan tidak jujur berhubung penjualan tiga tanah bernilai RM122,560. Pada 20 Oktober 2005 seorang peguam dituduh pecah amanah membabitkan wang milik pelanggannya berjumlah RM69,041 (Utusan Malaysia, 2005). Pada 28 September 2005 Majlis Peguam dilaporkan memandang serius kes seorang peguam yang cuba menipu Mahkamah Sesyen Ipoh dengan meminta orang lain menggantikan anak guamnya (Utusan Malaysia, 2004). Pada 14 Januari 2005 akhbar melaporkan seorang peguam diperintah menjalani hukuman penjara dua tahun dan denda RM5,000 kerana disabitkan atas tuduhan bersubahat menipu Malayan Banking Berhad melibatkan

wang berjumlah RM21,076 (Utusan Malaysia, 2005). Pada 29 Mei 2007, Utusan Malaysia melaporkan seorang peguam diperintah membela diri di Mahkamah Sesyen kerana cuba menawarkan rasuah RM5,000 kepada seorang Timbalan Pendakwa Raya (DPP) untuk mengurangkan tuduhan terhadap anak guamnya yang menghadapi dakwaan mengikut Akta Dadah Berbahaya (Utusan Malaysia, 2007). Pada 24 Julai 2003 Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Rais Yatim menyatakan sejumlah 2,599 daripada 11,000 peguam di seluruh negara sedang disiasat Lembaga Disiplin MPM berhubung salah laku (Berita Harian, 2003). Walaupun begitu menurut Presiden MPM jumlah 2,599 itu sebenarnya merupakan jumlah aduan yang diterima oleh Lembaga Tatatertib termasuk aduan yang belum diselesaikan sejak tahun 1992 (Berita Harian, 2003). Pengerusi MPM seterusnya menjelaskan bahawa kes-kes yang melibatkan salah laku yang serius seperti melarikan wang pelanggan adalah sangat kecil jumlahnya iaitu tidak lebih dari 15 orang sahaja (Berita Harian, 2003). Pada Julai 2001 akhbar melaporkan 24 laporan salah laku terhadap peguam telah dibuat pada tahun 2000. Daripada 24 kes itu, 13 difailkan dibawah seksyen 88A Akta Profesion Guaman 1976 (The Sun, 2001).

Akhbar New Straits Times (1998) melaporkan MPM memohon Injunksi terhadap 377 peguam yang gagal memperolehi sijil annual (New Straits Times, 1998). Pada tahun 1995 seorang peguam telah didapati bersalah di Mahkamah Tinggi dan dijatuhkan hukuman penjara 18 bulan atas kesalahan melakukan dua pecah amanah membabitkan RM139,576.16 wang pelanggannya (Berita Harian, 1995). (LAMPIRAN A menunjukkan laporan-laporan akhbar berkaitan etika peguam dari

tahun 1995 sehingga tahun 2009). Harun Hashim (1993) menyatakan bilangan aduan-aduan terhadap peguam dari 1981 hingga 1993 adalah seperti Jadual 1.2.

**Jadual 1.2:**
***Bilangan aduan terhadap peguam 1981-1992***

| Tahun | Bilangan Pengamal guaman | Bilangan aduan | Bilangan aduan ditolak |
|---|---|---|---|
| 1981 | 1304 | 104 | 102 |
| 1982 | 1417 | 211 | 199 |
| 1983 | 1592 | 153 | 149 |
| 1984 | 1681 | 324 | 309 |
| 1985 | 1987 | 344 | 318 |
| 1986 | 2235 | 526 | 493 |
| 1987 | 2428 | 565 | 522 |
| 1988 | 2608 | 459 | 409 |
| 1989 | 2774 | 406 | 346 |
| 1990 | 3160 | 319 | 268 |
| 1991 | 3488 | 225 | 177 |
| 1992 | 4043 | 89* | 38* |

*Sehingga 31 March 1992

Daripada "Ethics in the legal profession: Now and the future" oleh Harun Hashim (1993) 2 *Malayan Law Journal* lxxxi, hlm. lxxxii-lxxxiii.

Menurut Presiden MPM semenjak 1981 hingga 2007, seramai 171 peguam digantung menjadi pengamal undang-undang, 99 digantung sementara dan 233 dilucutkan daripada menjadi pengamal undang-undang (Utusan Malaysia, 2007). Jadual 1.3 menunjukkan tindakan tatatertib yang telah diambil terhadap peguam.

**Jadual 1.3.**
***Bilangan peguam telah dikenakan tindakan tatatertib 1981-2007***

| Jenis tindakan | Bilangan |
|---|---|
| Digantung menjadi pengamal undang-undang | 171 |
| Digantung sementara sebagai pengamal undang-undang | 99 |
| Dilucutkan daripada menjadi pengamal undang-undang | 233 |
| **JUMLAH** | 394 |

Daripada Presiden MPM, Ambiga Sreenevasan, *Utusan Malaysia*, 29 Mei 2007, hlm. 2.

Berdasarkan statistik sehingga 24 April 2012, dari tahun 2003 hingga 2008, seramai 201 peguam telah dilucutkan daripada menjadi pengamal undang-undang. Manakala dalam tempoh yang sama, 96 orang peguam digantung menjadi pengamal undang-undang. Majoriti peguam yang dilucutkan atau digantung menjadi pengamal undang-undang adalah terdiri daripada pemilik tunggal firma. Jadual 1.4 menunjukkan peguam yang telah dilucutkan menjadi pengamal undang-undang. Manakala, Jadual 1.5 pula menunjukkan peguam yang telah digantung menjadi pengamal undang-undang. Seterusnya, LAMPIRAN A1 menunjukkan jenis kesalahan yang dilakukan oleh Peguam. Manakala LAMPIRAN A2 pula, menunjukkan statistik tindakan disiplin yang telah diambil oleh Lembaga Disiplin MPM mulai tahun 2009 hingg tahun 2013.

**Jadual 1.4.**
***Bilangan peguam dilucut menjadi pengamal undang-undang daripada tahun 2003-2008***

| Tahun | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pemilik Tunggal | 18 | 31 | 25 | 17 | 9 | 15 | 115 |
| Pekongsi | 7 | 23 | 23 | 3 | 13 | 16 | 85 |
| Pembantu Peguam | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 1 |

Daripada The Malaysian Bar, “Statistics on Lawyers Struck off and Suspended,” The Malaysian Bar, retrieved pada 24 April, 2012 dari http: Malaysianbar.org.my/general_notices/statistics_lawyers_struckoff_suspended.html.

**Jadual 1.5.**

***Bilangan peguam digantung menjadi pengamal undang-undang daripada tahun 2003-2008***

| Tahun | 2003 | 2004 | 2005 | 2006 | 2007 | 2008 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pemilik Tunggal | 21 | 10 | 20 | 5 | 0 | 0 | 56 |
| Pekongsi | 13 | 14 | 6 | 4 | 1 | 0 | 38 |
| Pembantu Peguam | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |

Daripada The Malaysian Bar, "Statistics on Lawyers Struck off and Suspended," The Malaysian Bar, retrieved pada 24 April, 2012 dari http: Malaysianbar.org.my/general_notices/statistics_lawyers_struckoff_suspended.html.

## 1.1 Pernyataan Masalah

Sungguhpun profesion guaman diakui sebagai profesion yang mulia dan mempunyai kedudukan yang dipandang tinggi, namun akhbar-akhbar sering melaporkan peguam melanggar kod etika mereka, malahan ada yang disabitkan dengan kesalahan jenayah seperti jenayah pecah amanah (sila rujuk LAMPIRAN A). Lebih serius lagi, terdapat juga peguam dituduh atas kesalahan membunuh (sila rujuk LAMPIRAN A dan LAMPIRAN A1). Ini adalah satu senario yang sangat bertentangan dengan pengiktirafan mulia dan darjat tinggi yang diberikan kepada profesion ini. Senario ini juga bertentangan dengan kewajipan peguam dalam menegakkan keadilan. Bagaimanakah seorang peguam boleh menjadi anggota atau ahli profesion yang mulia, sekiranya dia sendiri tidak memiliki dan mengamalkan sifat-sifat mulia, contohnya tidak memiliki sifat amanah, jujur, bersopan santun dan berani bercakap benar. Bagaimanakah seorang peguam boleh menjadi ahli profesion yang berdarjat tinggi, sekiranya tinggahlaku etikanya sangat rendah. Bagaimanakah seorang peguam boleh diharapkan untuk menegakkan keadilan, jika

peguam itu sendiri tidak adil terhadap dirinya dengan melakukan perkara-perkara yang tidak beretika.

Seterusnya, hubungan peguam dan anak guamnya adalah satu hubungan fidusiari (*fiduciary relationship*). Hubungan ini adalah satu hubungan bersandarkan kepercayaan (*trust*). Hubungan ini diumpamakan hubungan pemegang amanah dan waris-waris harta amanah (*beneficiaries*). Bolehkah seorang peguam dipercayai jika peguam itu sendiri melakukan perkara-perkara tidak beramanah, contohnya, melakukan jenayah pecah amanah (*criminal breach of trust*).

Berdasarkan aduan-aduan orang awam terhadap kesalahan etika para peguam, Lembaga Disiplin MPM telah mengambil tindakan tatatertib terhadap peguam yang telah melanggar kod etika peguam. Keputusan-keputusan Lembaga Disiplin yang telah dibuat ialah pertama, amaran keras. Kedua, dikenakan denda. Ketiga, penggantungan sementara atau kekal daripada menjadi pengamal undang-undang. Keempat, dilucutkan daripada menjadi pengamal undang-undang (sila rujuk Jadual 1.3; Jadual 1.4 dan LAMPIRAN A2)

Menurut Yeap (2004), etika adalah perkara terakhir dalam minda peguam hari ini. Seterusnya, Yeap (2004) menyatakan etika-etika yang semakin dilupakan ialah, menghormati mahkamah yang membuat keputusan walaupun keputusan itu tidak menyebelahi anak guamnya, tidak berkomunikasi dengan anak guam pihak bertentangan tanpa kebenaran peguamnya, peguam memohon penangguhan kes

bagi pihak peguam yang tidak hadir apabila kes peguam tidak hadir itu dipanggil (Yeap, 2004).

Data dan senario di atas menunjukkan kemuliaan dan darjat tinggi profesion guaman seperti disebut dalam Kaedah 16 KPGAE 1978 dan kes *Syarikat Pengangkutan Sakti Sdn. Bhd*. lwn *Tan Joo King* (1997) 5 MLJ 705 telah dicemari dengan tingkahlaku tidak beretika segelintir peguam. Data dan senario di atas juga mencalarkan imej peguam dalam menegakkan keadilan. Oleh yang demikian, satu kajian tentang tingkahlaku etika peguam perlu dibuat untuk memastikan adakah tahap etika mereka berada pada tahap yang membimbangkan.

Bagi mengatasi masalah etika dikalangan para peguam pada masa sekarang, kajian etika adalah merupakan salah satu cara yang boleh dilakukan. Alasan yang memerlukan kita menjalankan kajian etika sama dengan situasi di Yunani kuno sekitar abad ke- 5 S.M. Ketika itu kesedaran beretika di Yunani mengalami krisis besar (Bertens, 2003). Menurut Bertens (2003) pendidikan peguam belum lengkap jika dimensi etika tidak diberi perhatian. Seterusnya Bertens (2003) menyatakan pengajian etika akan membantu para calon sarjana meningkatkan kesedaran moralnya dan bersedia mengambil keputusan etika yang bijak dan tepat dalam kariernya nanti.

Kajian terhadap etika bidang guaman dibuat kerana banyak aduan tentang etika peguam dilaporkan dalam akhbar-akhbar. Kajian seperti ini amatlah sesuai

sekarang kerana menurut Bertens (2003) pada zaman ini minat kepada etika tidak berkurang, malahan bertambah. Sebabnya kerana pada masa kini kita menghadapi masalah yang baru dan berat (Bertens, 2003) kerana perkembangan ilmu dan teknologi yang pesat (Bertens, 2003). Manakala Dekan Fakulti Undang-undang dan Pengerusi Jawatankuasa Dekan-dekan Undang-undang Kanada, menggalakkan kajian dalam etika guaman mendorong kepada penambahbaikan pengajaran dalam kelas dan kemuncaknya piawaian yang lebih tinggi dikalangan pengamal-pengamal undang-undang (McDonald, 1992). Perbezaan antara etika guaman dengan etika perniagaan ialah etika guaman boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Peguam yang yang didapati bersalah melanggar etika guaman boleh dikenakan hukuman (seksyen 94(1)(2)(3) Akta Profesion Guaman 1976). Selain dari itu etika guaman berpaksi kepada tujuan awamnya iaitu menegakkan keadilan (Lennertz, 1991; Kipnis, 1991).

Menurut McDonald (1992) kajian dalam etika profesional akan memenuhi keperluan-keperluan ahli profesional, organisasi dan juga orang awam. Aktiviti berkaitan dengan etika profesional adalah kurang berkembang dan yayasan-yayasan kajian berkaitan etika profesional secara perbandingannya adalah terhad. Barangkali sebagai satu kesannya, pendidikan undang-undang menerima penekanan yang kecil (McDonald, 1992). Menurut Collins (2000), daripada 1,500 artikel yang diterbitkan dalam *Journal of Business Ethics* (JBE) dari tahun 1982 hingga 2000, laporan kajian atau artikel berkaitan tingkahlaku etika ahli badan profesional hanyalah berkenaan bidang perakaunan, pemasaran/jualan dan

kewangan/strategi. Tiada kajian berkaitan tingkahlaku etika ahli profesion undang-undang sehingga tahun 2000. Artikel yang telah diterbitkan berkaitan dengan profesion undang-undang hanyalah dalam bentuk konsepsual sahaja (Collins, 2000). Seterusnya, sehingga tahun 2011, hanya ada dua artikel berkaitan dengan undang-undang yang diterbitkan iaitu pada tahun 1971 dan 1975 (Calabretta, Dunisin, dan Opliengo, 2011). Sungguhpun begitu, artikel-artikel tersebut bukanlah kajian tingkahlaku etika peguam. Ia hanya artikel berbentuk konsepsual dan teori sahaja (Calabretta, Dunisin, dan Opliengo, 2011). Seterusnya, oleh kerana tiada kajian terhadap tingkahlaku etika peguam, maka tidaklah diketahui apakah tahap tingkahlaku etika peguam dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku mereka. Oleh yang demikian, kajian terhadap tingkahlaku peguam adalah suatu yang sangat mendesak pada masa kini. Atas sebab-sebab di atas, kajian ini dijalankan.

## 1.2 Persoalan Kajian

Mengambil kira perbincangan sebelum ini, beberapa persoalan boleh ditimbulkan. Persoalan yang timbul di sini ialah:

(i) Adakah peguam memahami kod etika peguam?

(ii) Apakah persepsi peguam terhadap kod etika peguam?

(iii) Adakah tingkahlaku etika para peguam masa kini di tahap tingkahlaku etika yang membimbangkan?

(iv) Ciri–ciri apakah yang menentukan perbezaan tingkahlaku etika mereka?

(v) Ciri–ciri apakah yang menentukan perbezaan persepsi terhadap kod etika peguam?

(vi) Ciri-ciri apakah yang menentukan perbezaan tahap pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam?

vii) Ciri–ciri apakah yang mempengaruhi tingkahlaku etika mereka?

## 1.3 Objektif Kajian

Secara umum objektif kajian ini ialah mengkaji tahap tingkahlaku etika peguam di Semenanjung Malaysia.

Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1. Menentukan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam.
2. Mengukur persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam dikalangan peguam di Semenanjung Malaysia.
3. Menentukan tahap tingkahlaku etika dikalangan peguam di Semenanjung Malaysia.
4. Mengesan perbezaan tahap tingkahlaku etika para peguam berdasarkan ciri-ciri demografik mereka.
5. Mengesan perbezaan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika berdasarkan ciri-ciri demografik mereka.
6. Mengesan perbezaan persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam berdasarkan ciri-ciri demografik mereka.

7. Mengenal pasti ciri-ciri individu dan situasi yang mempengaruhi tingkahlaku etika dikalangan peguam di Semenanjung Malaysia.

Kajian ini menunjukkan tahap tingkahlaku etika dikalangan para peguam. Kajian ini seterusnya menghuraikan dengan lebih mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku etika peguam di Semenanjung Malaysia dan merujuk hubungannya dengan faktor-faktor yang menjadi pemboleh ubah bebas bagi kajian ini.

## 1.4 Signifikan Kajian

Kajian ini dapat dijadikan panduan dalam memastikan tingkahlaku peguam berada pada tahap etika yang sepatutnya. Jika para peguam berada pada tahap tingkahlaku yang rendah dari yang sepatutnya, maka langkah-langkah pembetulan perlu dibuat. Kajian ini, selanjutnya diharap dapat memberikan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memastikan peguam berada pada tahap tingkahlaku etika yang sepatutnya dalam menjalankan kewajipannya.

Hasil kajian ini seterusnya dijangka dapat menyediakan maklumat-maklumat penting yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang berkenaan khususnya institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) terutamanya yang mengeluarkan graduan undang-undang, Majlis Peguam Malaysia (MPM), Lembaga Kelayakan Profesion Guaman (LPQB) dan kerajaan dalam merangka dasar-dasar dan kaedah-kaedah berkaitan etika para peguam. Kajian ini juga, akhirnya akan

menambah khazanah ilmu, umumnya dalam bidang etika dan khususnya dalam etika peguam.

## 1.5 Skop Kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada tingkahlaku etika peguam di Semenanjung Malaysia dengan menghuraikan bagaimana dan dalam keadaan apa pemboleh ubah bebas yang dipilih mempengaruhi tingkahlaku etika mereka. Kajian ini secara khusus akan memilih peguam yang masih menjadi pengamal undang-undang di Semenanjung Malaysia sebagai responden.

## 1.6 Profesion Guaman di Malaysia

Dalam profesion perundangan dan kehakiman, pihak mahkamah, pihak pendakwaan serta peguam adalah tiga pihak utama yang penting dalam sistem perundangan Malaysia. Jika satu darinya tiada, maka sistem perundangan itu adalah tidak sempurna. Kehakiman yang bebas dan berwibawa, pendakwaraya yang cekap dan peguam yang beretika pula adalah tiga unsur penting yang menjamin sistem perbicaraan yang dihormati dan yang boleh dipercayai.

Penjawat-penjawat dalam ketiga-tiga organisasi di atas adalah terdiri dari orang-orang yang mempunyai kelayakan undang-undang iaitu Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) atau singkatannya L.L.B (Hons.). L.L.B (Hons.) adalah merupakan kelayakan paling minima bagi seorang yang akan dilantik ke perkhidmatan kehakiman (*judicial service*), perkhidmatan perundangan (*legal*

*service*) serta menjadi peguam. Selain dari itu seorang *Barrister-at-law* dari England juga layak mengisi jawatan dalam ketiga-tiga profesion di atas. Seorang yang diterima masuk sebagai ahli Persatuan Peguam di gelar sebagai peguambela dan peguamcara. Oleh kerana kajian ini fokus kepada peguam adalah perlu penyelidik menerangkan siapakah orang yang layak menjadi peguam serta apakah kewajipan-kewajipan mereka. Bahagian berikutnya akan membincangkan kewajipan-kewajipan di atas.

### 1.6.1 Kelayakan Menjadi Peguam

Seksyen 10 Akta Profesion Guaman 1976 (APG 1976) memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi boleh, menurut budibicaranya dan menurut Akta ini menerima masuk orang-orang berikut sebagai peguam Mahkamah Tinggi:-

a) mana-mana orang berkelayakan; dan,
b) mana-mana kerani artikel yang telah mematuhi seksyen 25

Orang berkelayakan ditakrifkan oleh seksyen 3 sebagai sesiapa:-

a) yang telah lulus peperiksaan akhir bagi Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Universiti Malaya di Kuala Lumpur, Universiti Malaya di Singapura, Universiti Singapura, Universiti Kebangsaan Singapura, Universiti Teknologi MARA, Universiti Islam Antarabangsa atau Universiti Kebangsaan Malaysia;
b) seorang *barrister-at-law* England; atau
c) yang memiliki kelayakan lain sebagaimana boleh dengan pemberitahuan dalam gazet diisytiharkan oleh Lembaga Kelayakan

adalah memadai untuk menjadikan seorang itu sebagai orang berkelayakan bagi maksud-maksud Akta ini.

Seterusnya menurut seksyen 11 pula seorang berkelayakan boleh diterima masuk sebagai seorang peguam jika dia-

a) telah mencapai umur 18 tahun;
b) adalah berkelakuan baik dan
    1. tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di tempat lain atas satu kesalahan jenayah terutamanya satu kesalahan melibatkan frod atau perbuatan tidak jujur;
    2. tidak diisytiharkan bankrap dan tidak didapati bersalah atas mana-mana perbuatan atau peninggalan yang disebutkan dalam perenggan (a), (b), (c), (d), (e), (f), (h), (k) atau (l) sub-seksyen (6) seksyen 33 Akta Kebankrapan 1967;
    3. tidak pernah melakukan apa-apa perbuatan lain yang mana, jika dia seorang barrister atau peguam di England, boleh menyebabkan dia dihalang, hilang kelayakan atau digantung sebagai pengamal; atau
    4. tidak pernah atau tidak dihalang, hilang kelayakan atau digantung dalam keupayaannya sebagai seorang pengamal undang-undang dalam mana-mana negara lain;
c) adalah sama ada seorang warganegara Persekutuan atau pemastautin tetap di Malaysia.
d) telah dengan memuaskan berkhidmat di Malaysia tempoh pelatihan ditetapkan untuk orang-orang berkelayakan.

Selain dari keperluan-keperluan di atas bermula dari 1 Januari 1984, sebagai keperluan tambahan orang berkelayakan hanya boleh diterima masuk sebagai peguam sekiranya dia telah lulus atau dikecualikan dari Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia (Seksyen 11(2) APG 1976). Peguam yang menjadi pengamal undang-undang di Malaysia dikenali sebagai peguambela dan peguamcara (peguam) (Ahmad Ibrahim et al., 1995). Di Semenanjung Malaysia tidak ada pembahagian profesion guaman (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1995). Ini bermaksud, tiada perbezaan dan pembahagian kerja atau fungsi peguambela (*barrister*) dan peguamcara (*solicitor*) seperti yang diamalkan di England. Seorang peguam di Malaysia, lazimnya melakukan kerja-kerja atau fungsi peguambela dan peguamcara di England (Ahmad Ibrahim et al., 1995).

Para peguam di Semenanjung Malaysia mempunyai satu badan yang membuat peraturan-peraturan dan mengawasi perkara-perkara berkaitan dengan etika para peguam yang dikenali sebagai Majlis Peguam Malaysia (MPM). Sungguhpun demikian ada pengasingan antara MPM Semenanjung Malaysia dan di Sabah serta Sarawak (Ahmad Ibrahim et al., 1995). Ahli dari Semenanjung Malaysia tidak boleh menjadi pengamal undang-undang di Sabah dan Sarawak (Ahmad Ibrahim et al., 1995). Begitu juga sebaliknya (Ahmad Ibrahim et al., 1995). MPM telah wujud di Semenanjung Malaysia semenjak 1947 (New Straits Times, July 22 1996). Menurut Pengerusi MPM, peguam yang ingin beroperasi sebagai peguam di Semenanjung Malaysia mesti mendapatkan sijil tahunan yang dikeluarkan oleh

MPM dan perlu diperbaharui setiap tahun mengikut APG 1976 (Berita Harian, 26 Januari 1998).

Pada tahun 1980 terdapat 745 orang peguam di Semenanjung Malaysia (New Straits Times, 1991). Angka ini meningkat kepada 3,500 orang pada tahun 1991 (New Straits Times, 1991). Pada tahun 2005 terdapat seramai 12,078 (tidak termasuk WP Labuan) peguam di Semenanjung Malaysia (Nik Ahmad Kamal et al., 2005). Manakala, Pada tahun 2009 bilangan peguam meningkat kepada 12,500 orang (Berita Harian, 2009; New Straits Times, 2008). Seterusnya, pada 12 Januari 2011, terdapat 13,181orang peguam (Direktori MPM atas talian, 2011).

## 1.7 Andaian dan Batasan Kajian

Kajian ini merangkumi satu bidang yang sangat luas dengan cuba meninjau etika khususnya etika peguam. Tingkahlaku etika peguam akan menjadi fokus kajian. Oleh kerana bidang kajian ini sangat luas, penyelidik akan menghadkan kepada beberapa andaian dan batasan seperti berikut:

### 1.7.1 Andaian

Kajian ini dijalankan dengan beberapa andaian seperti berikut (Abu Bakar Sarpon, 2005):

1. Sampel dalam kajian ini diandaikan mencukupi untuk mewakili populasi,
2. Populasi diandaikan homogenius diantara negeri-negeri,

3. Semua responden diandaikan memahami soalan yang dikemukakan,
4. Semua responden diandaikan memahami kod etika peguam,
5. Semua soalan dalam soal selidik dijawab oleh responden secara bebas dan tersendiri dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak atau membuat sebarang peniruan.

## 1.8 Sumber Rujukan Utama

Oleh kerana kajian ini menggunakan pendekatan sosioperundangan (*sociolegal*), sumber-sumber utama yang akan menjadi rujukan dan dasar kajian ialah sumber yang diiktiraf oleh undang-undang mengikut keutamaan iaitu Perlembagaan Persekutuan, statut, undang-undang kecil, *common law* dan keputusan-keputusan mahkamah (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1995).

## 1.9 Definisi Operasional

Dibawah tajuk ini penyelidik membincangkan definisi bagi faktor-faktor demografi, ciri-ciri situasi, tingkahlaku etika, peguam dan Malaysia.

### 1.9.1 Faktor-faktor Demografi

Faktor demogfrafi adalah merujuk kepada ciri-ciri individu. Ciri-ciri individu yang boleh mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang itu ialah pegangan agama (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000; Kidwell, Stevens dan Bethke, 1987; Hegarty dan Sims, 1978, 1979; McNichols dan Zimmerer, 1985 dan Siker, Nonanwe dan Green, 1991), latar belakang pendidikan (Abdullah et al., 2005,

2006; Abdullah, 2000; Hawkins dan Cocanougher, 1972; Beltramini, Peterson dan Kozmetsky, 1984; Chonko dan Hunt, 1983; Lazniak dan Inderrieden, 1987; Goodman dan Crawford, 1974; Boyd, 1982; McNichols dan Zimmerer, 1985), sikap tanggung jawab sosial (Abdullah, 2000; Singhapakdi dan Kraft, 1995; Kanungo dan Mendonca, 1996), pengalaman kerja (Abdullah et al., 2005, 2006; Syed Azizi, 1989; Arlow dan Ulrich, 1980; Stevens, 1984 dan Stevens et al., 1989), jantina (Abdullah et al., 2005, 2006; Kidwell, Steven, dan Bethke, 1987; Syed Azizi, 1989; Beltramini et al., 1984; Chonko dan Hunt, 1983; Ferrel dan Skinner, 1988; Jones dan Gautshi, 1988; Reugger dan King, 1992 dan Whipple dan Swords, 1992), persepsi individu (Abdullah et al., 2005, 2006) dan umur (Abdullah et al., 2005, 2006); Browning dan Zabriskie, 1983; Serwinek, 1992; Reugger dan King, 1992).

### 1.9.2 Ciri-ciri Situasi

Ciri-ciri situasi yang mendapat perhatian penyelidik ialah sikap tanggung jawab sosial dalam masyarakat (Sims, 1991) dan kod etika organisasi (Bernard, 1983; Posner dan Schmidt, 1984; Hite, Bellizi dan Fraser, 1978; Izraeli, 1988; Weller, 1988; Tsalikis dan Fritzches, 1989; Murphy, Smith dan Daley, 1992; Farrell, Cobbin dan Farrell, 2002: Abdullah et al., 2005, 2006).

### 1.9.3 Tingkahlaku Etika

Tingkahlaku etika seseorang boleh diukur dengan merujuk tingkat pembangunan moral seseorang. Teori tingkat pembangunan moral adalah diutarakan oleh

Lawrence Kohlberg. Teori Kohlberg telah digunakan dengan meluasnya dalam banyak model proses pembuatan keputusan etika. Menurut teori Kolhberg, ada tiga tingkat pembangunan moral individu iaitu prakonvensional, konvensional dan pascakonvensional dan tiap-tiap tingkat mempunyai dua tahap (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000; White, 1992). Kohlberg (1973) mengkelaskan tahap 1-2 sebagai prakonvensional; 3-4 sebagai konvensional; dan 5-6 sebagai pascakonvensional. Perbincangan mendalam mengenai tingkahlaku etika dilakukan dibawah sub-topik 3.1 Bab Tiga.

### 1.9.4 Peguam

Peguam adalah bermaksud seorang berkelayakan yang telah diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara menurut Akta Profesion Guaman 1976. Peguam yang dipilih dalam kajian ini hanyalah peguam yang aktif sebagai pengamal undang-undang. Ini bermaksud peguam yang mana namanya masih terdapat dalam daftaran peguam serta yang memiliki sijil amalan dan sijil anual yang masih sah.

### 1.9.5 Malaysia

Malaysia bermaksud Semenanjung Malaysia. Bagi tujuan kajian ini, Malaysia tidak termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

## 1.10 Penyusunan Tesis

Tesis ini dibahagikan kepada enam bab. Bab Pertama adalah mengenai

pengenalan. Bab Dua berkaitan profesion guaman di Semenanjung Malaysia. Bab Tiga adalah mengenai sorotan karya dan pembentukan hipotesis kajian. Bab Empat adalah mengenai metodologi kajian. Bab Lima mengenai hasil kajian. Akhir sekali, Bab Enam, adalah mengenai kesimpulan dan cadangan kajian masa hadapan.

## 1.11 Penutup dan Rumusan

Dalam Bab ini, penyelidik telah membincangkan pernyataan masalah yang menunjukkan mengapa kajian ini perlu jalankan. Secara khusus Bab ini telah membentangkan latarbelakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, skop kajian, batasan kajian, andaian kajian dan definisi operasional. Bab Dua seterusnya akan membincangkan profesion guaman di Semenanjung Malaysia.

# BAB DUA

# PROFESION GUAMAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

## 2.0 Pendahuluan

Dalam Bab Satu penyelidik telah membincangkan latarbelakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, skop kajian, batasan kajian andaian kajian, definisi operasional, dan penyusunan tesis. Bab Dua, seterusnya, akan membincangkan kewajipan-kewajipan peguam berdasarkan Kaedah-Kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978 (KPGAE 1978). (KPGAE 1978) adalah kod etika bagi semua peguam yang mengamal undang-undang di Semenanjung Malaysia. Kewajipan-kewajipan yang akan dibincangkan ialah kewajipan tidak mengelirukan mahkamah, kewajipan tidak menyembunyikan nas-nas, kewajipan tidak membuat salahnyataan kepada saksi yang memberi keterangan di mahkamah, kewajipan memberitahu mahkamah mengenai *discredibility* saksi, kewajipan menghalang mahkamah daripada menguatkuasakan transaksi tidak sah, kewajipan tidak menimbulkan *aspersions* tanpa bukti cukup, kewajipan mengutamakan pentadbiran keadilan, kewajipan menjaga kelakuannya di mahkamah, kewajipan berkaitan penangguhan kes, kewajipan mengelakkan pertelingkahan kepentingan antara tugas kepada mahkamah dengan tugas kepada anak guam, kewajipan tidak berkelakuan yang dikategorikan menghina mahkamah, kewajipan dalam menerima arahan mengendalikan kes, kewajipan membela anak guam dan menjalankan tugas dengan penuh perhatian terhadap kepentingan anak guam, kewajipan menjaga perkara rahsia anak guamnya, kewajipan mengelakkan

pertentangan kepentingan antara tugas kepada anak guam dan kepentingan peribadi, kewajipan terhadap peguam lain dan pihak bertentangan, kewajipan tidak berkomunikasi dengan anak guam kepunyaan peguam lain, kewajipan tidak mewakili anak guam yang diwakili oleh peguam lain dan kewajipan berkaitan pekerjaan serta pengiklanan. Kewajipan-kewajipan yang dibincangkan dalam Bab ini akan digunakan membina item-item dalam Bahagian B soal selidik kajian ini.

Pentingnya etika dalam profesion guaman dapat dilihat dengan wujudnya APG 1976, Kaedah-Kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978, dan Kaedah-Kaedah Majlis Peguam yang dikeluarkan oleh MPM dari semasa kesemasa untuk para peguam. Malahan kepentingan etika telah pun diberi penekanan semasa pelajar mengikuti kursus undang-undang. Menurut Jawatankuasa Program undang-undang dan Syariah Malaysia, diantara hasil pembelajaran bagi program undang-undang ialah pertama, patuh kepada Kaedah mahkamah, etiket, prosedur serta etika dalam pengendalian kes di mahkamah dan kedua, patuh kepada etika serta etiket profesion (Nik Ahmad Kamal et al., 2005). Menurut Nik Ahmad Kamal et al. (2005), di Amerika, salah satu skil yang diperlukan oleh profesion guaman ialah mengenal pasti dan menyelesaikan dilema dan masalah yang berhubung kait dengan etika.

Kursus etika peguam ini merupakan kursus wajib bagi pelajar LLB (Hons.) semua universiti tempatan (Jadual 2.1). Ia juga kursus wajib bagi lulusan undang-undang luar negara yang wajib mengikuti kursus Sijil Amalan Guaman (*Certificate in*

*Legal Practice*) sebelum dibenarkan membuat latihan dalam kamar (*chambering*) dan didaftarkan sebagai peguam di Semenanjung Malaysia.

**Jadual 2.1:**
***Tahun kursus etika perundangan diajar***

| BIL. | TAHUN SATU | TAHUN DUA | TAHUN TIGA | TAHUN EMPAT | TAHUN LIMA |
|---|---|---|---|---|---|
| UM | | | | / | |
| UIAM | | | | / | |
| UKM | | | | / | |
| UiTM | | | | / | |
| UUM | | | / | | |
| MMU | | | | / | |
| KUIM | | | | | / |

Daripada "Kajian dan semakan perlaksanaan kursus undang-undang di Malaysia Barat" oleh Nik Ahmad Kamal et al. (2005). Kuala Lumpur: Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa, hlm. 73-74.

## 2.1 Kewajipan Seorang Peguam

Seseorang peguam adalah merupakan seorang pegawai mahkamah (Ravi et al., 2001; Abdullah Abdul Rahman, 1981). Oleh yang demikian seorang peguam mestilah menumpukan diri mereka membantu mahkamah dalam pentadbiran keadilan (Ravi et al., 2001). Untuk mencapai pentadbiran keadilan ini peguam mempunyai kewajipan berikut: iaitu pertama, kewajipan kepada mahkamah; kedua, kewajipan kepada anak guam; ketiga, kewajipan kepada pihak lain; keempat, kewajipan berkaitan pekerjaan dan pengiklanan dan kelima, kewajipan peguam kes jenayah (Ravi et al., 2001; Abdullah Abdul Rahman, 1981).

## 2.2 Kaedah-Kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978 (KPGAE 1978)

Seorang peguam adalah terikat untuk mematuhi Kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978 (KPGAE 1978). Kaedah ini adalah merupakan satu kod etika bagi seseorang peguam. Ia digubal oleh MPM berdasarkan kuasa yang diberi oleh seksyen 77 APG 1976. Kegagalan mematuhinya adalah merupakan satu salah laku (seksyen 94 sub-seksyen 3 perenggan (d) APG 1976). Salah laku ini boleh membawa kepada tindakan tatertib oleh Lembaga Disiplin MPM (seksyen 94 sub-seksyen 1, APG 1976). Sekiranya didapati bersalah nama seorang peguam boleh dikeluarkan dari profesion guaman atau digantung menjadi pengamal undang-undang untuk tempoh tidak melebihi 5 tahun atau dikenakan denda (seksyen 94 sub-seksyen 2 APG 1976).

### 2.2.1 Kewajipan Kepada Mahkamah

Seorang peguam mempunyai kewajipan yang lebih utama terhadap mahkamah dibandingkan dengan kewajipan terhadap anak guam (Ravi et al., 2001). Menurut Ravi et al. (2001) orang awam mendapatkan remedi di mahkamah berdasarkan kepercayaan bahawa mahkamah adalah kubu kebenaran yang menegakkan keadilan. Oleh itu sangatlah mustahak kepercayaan awam ini tidak terhakis (Ravi, et al., 2001). Maka, adalah kewajipan peguam membantu mahkamah dalam mencari kebenaran dan memastikan keadilan ditegakkan (Ravi, et al., 2001).

Menurut Kaedah 8(a) KPGAE 1978, seorang peguam yang ditugaskan oleh mahkamah sebagai peguam dalam mana-mana kes sivil atau jenayah hendaklah tidak memohon pengecualian atas alasan yang remeh. Peguam berkenaan juga hendaklah selalu mempamirkan usaha yang terbaik (*exert his best effort*) dalam melaksanakan tugasan itu.

Manakala menurut Kaedah 12 KPGAE 1978, seorang peguam hendaklah tidak menjalankan satu kes sivil semata-mata untuk melengahkan prosiding atau mengganggu (*harass*) atau memudaratkan pihak bertentangan atau sebagai satu penindasan (*oppression*). Dalihan yang digunakan juga tidak boleh digunakan bagi tujuan yang sama.

Berdasarkan Kaedah 15 KPGAE 1978, seorang peguam hendaklah sentiasa mengekalkan sikap penuh hormat kepada mahkamah. Seterusnya, Kaedah 16 KPGAE 1978 pula memperuntukkan bahawa seorang peguam semasa bertindak di hadapan satu tribunal, hendaklah bertindak dengan tingkahlaku yang sopan dan beradab yang sepatutnya. Dia juga hendaklah tanpa rasa takut menegakkan kepentingan anak guamnya, kepentingan keadilan dan kemulian profesion tanpa mengambil kira akibat-akibat yang tidak menyenangkan (*unpleasant consequences*) yang timbul terhadap dirinya atau terhadap orang lain. Selain dari itu, menurut Kaedah 18 KPGAE 1978 pula, kelakuan seorang peguam terhadap mahkamah dan peguam yang lain hendaklah dilakukan dengan ketulusan (*candour*), budi bahasa (*courtesy*) dan kesaksamaan (*fairness*).

#### 2.2.1.1 Kewajipan Tidak Mengelirukan Mahkamah

Kaedah 17 KPGAE 1978 memperuntukkan bahawa seorang peguam hendaklah tidak mengamalkan apa-apa perdayaan (*deception*) terhadap mahkamah. Peruntukan Kaedah 18 KPGAE 1978 pula menegaskan kelakuan seorang peguam terhadap mahkamah dan peguam yang lain hendaklah dilakukan dengan ketulusan (*candour*), budi bahasa (*courtesy*) dan kesaksamaan (*fairness*).

Seterusnya Kaedah 21 KPGAE 1978 memperuntukkan bahawa tidak wajar seorang peguam bertindak seperti berikut:

(a) dengan disedarinya membuat petikan yang salah (*misquote*) kandungan-kandungan satu kertas, testimoni seorang saksi, hujah peguam yang bertentangan, bahasa satu keputusan atau bahasa buku teks; atau

(b) dengan pengetahuan tentang kesahannya, mengemukakan satu keputusan yang telah ditolak atau satu statut yang telah dimansuhkan; atau

(c) dalam penghujahan menyatakan satu fakta yang mana tidak dibuktikan; atau

(d) mengelirukan lawannya dengan menyembunyi atau merahsiakan dalam ucapan pembukaannya, posisi yang mana dia berniat bergantung padanya.

Dalam kes *Rondel* lwn. *Worsley* [1967] 3 All ER 993 mahkamah memutuskan seorang peguam mempunyai kewajipan yang lebih tinggi terhadap mahkamah dibandingkan dengan kewajipan terhadap anak guam.

#### 2.2.1.2 Kewajipan Tidak Menyembunyikan Nas-nas

Menurut Kaedah 10(a) KPGAE 1978, seorang peguam yang hadir bagi pihak pendakwa dalam pendakwaan kes jenayah hendaklah tidak menjalankan pendakwaan hingga menyebabkan disabitkan seorang yang tidak bersalah. Material yang boleh membuktikan tidak bersalah tertuduh berkenaan hendaklah tidak disembunyikan (Kaedah 10(a)). Manakala menurut Kaedah 20(a) KPGAE 1978, adalah merupakan kewajipan peguam membawa kepada pengetahuan hakim apa-apa nas yang diketahuinya sama ada yang menyokong atau menentang anak guamnya.

Seterusnya Kaedah 21(d) KPGAE 1978 memperuntukkan adalah tidak wajar seorang peguam bertindak secara mengelirukan lawannya dengan menyembunyi atau merahsiakan dalam ucapan pembukaannya, satu posisi yang mana dia berniat bergantung padanya.

Menurut Kaedah 22(a) KPGAE 1978 selepas penamatan keterangan dan hujah, tetapi penghakiman direzabkan, apabila seeorang peguam yang menemui satu proposisi (*proposition*) undang-undang atau satu keputusan yang secara langsung berkaitan, dia hendaklah membawanya kepada perhatian mahkamah. Peguam pihak yang berlawanan hendaklah bersetuju terhadap cadangan itu walaupun proposisi itu bertentangan dengannya. Kaedah 23 KPGAE 1978 pula memperuntukkan, seorang peguam mestilah mengemukakan kepada mahkamah semua maklumat yang boleh memendekkan dan memungkinkan penyelesaian kes.

Dalam kes *Glebe Sugar Refining Company Limited* lwn. *Trustee of the Port and Harbours of Greenock* (1921) 37 TLR 436, mahkamah menyatakan adalah kewajipan peguam membawa kepada pengetahuan hakim apa-apa nas yang diketahuinya sama ada yang menyokong atau menentang anak guamnya. Menurut Lord Birkenhead L.C, dalam kes-kes yang sukar, adalah tidak mungkin seorang hakim itu mengetahui semua kes-kes yang berkaitan dengan isu yang perlu diputuskan dalam kes tertentu. Dalam keadaan sedemikian, adalah menjadi kewajipan peguam mengemukakan semua nas-nas yang berkaitan dengan isu yang sedang diperdebatkan tidak kira sama ada nas tersebut membantu atau tidak membantu pihak yang mengetahuinya. Kewajipan ini adalah satu tanggungjawab keyakinan (*an obligation of confidence*) antara mahkamah dengan mereka yang membantu mahkamah dalam pentadbiran keadilan.

Kewajipan yang sama juga ditekankan oleh mahkamah dalam kes *Yap Ban Tick & Ors*. lwn. *Standard Chartered Bank* [1995] 3 AMR 2580. Dalam kes *Cheah Cheng Hoc* lwn. *PP* [1986] 1 MLJ 125, mahkamah memutuskan peguam yang menyembunyikan dokumen-dokumen berkaitan bagi maksud mencabar kredibiliti saksi boleh dituduh menghina mahkamah kerana tindakan ini terjumlah kepada menghalang pengendalian litigasi sepatutnya (*proper conduct of litigation*). Dalam kes *Re Advocate & Solicitor* [1962] MLJ 125, mahkamah memutuskan bahawa seorang profesional yang menyediakan *affidavit* yang tidak benar yang diketahuinya tidak benar adalah melakukan kesalahan yang sangat serius. Dalam

kes seperti ini hukuman yang setimpal ialah sama ada mengeluarkan (*strike off*) nama peguam itu dari senarai peguam atau digantung amalan untuk satu masa.

Dalam kes *Rajasooria* lwn. *Disciplinary Committee* [1955] MLJ 65, satu rekuisisi (*requisition*) untuk satu mesyuarat agung luarbiasa Foh Hup Omnibus Co. Ltd. telah dibuat. Pihak merayu seorang peguam telah memotong tandatangan-tandatangan dari rekuisisi asal dan melekatkannya kepada helaian-helaian rekuisisi baru yang telah dipinda. Dia kemudiannya menulis tandatangan namanya merentas tiap-tiap satu dari tiga dokumen yang berkenaan. Pada tarikh rekuisisi yang terkemudian itu, sebilangan daripada 90 tandatangan tersebut pada hakikatnya bukan lagi pemegang syer syarikat. Ini berlawanan dengan kepercayaan pihak merayu. Rekuisisi ini dikemukakan kepada setiausaha syarikat Foh Hup. Apabila mendapati tandatangan itu adalah yang dikerat dari rekuisisi asal, setiausaha syarikat telah membuat aduan terhadap pihak merayu kepada Jawatankuasa Peguam Selangor dan Negeri Sembilan (JPSNS). Kandungan penting aduan ini ialah pihak merayu mengatakan penyediaan dokumen seperti ini dibuat setelah mendapat nasihat daripada Pendaftar syarikat dan Pendaftar syarikat menafikan telah memberi nasihat sedemikian. Setelah selesai membuat penyiasatan, Jawatankuasa Peguam memohon kepada Ketua Hakim Negara melantik Jawatankuasa Disiplin dibawah seksyen 27 Ordinan Peguam (Ordinan). Jawatankuasa Disiplin membuat laporan mereka dan menyerahkan satu salinan kepada Ketua Hakim Negara dan JPSNS berdasarkan seksyen 29 Ordinan. Jawatankuasa Disiplin menunjukkan bahawa aduan tersebut mempunyai dua

tuduhan, iaitu pertama, pihak merayu telah mengerat tandatangan-tandatangan dari rekuisisi asal dan melekatkannya kepada helaian-helaian rekuisisi baru yang telah dipinda (Aduan No. 1). Kedua, pihak merayu telah memberitahu peguam syarikat bahawa penyediaan dokumen seperti ini dibuat setelah mendapat nasihat daripada Pendaftar syarikat dan setelah disiasat Pendaftar syarikat menafikan telah memberi nasihat sedemikian (Aduan No. 2). Setelah membentangkan fakta-fakta kes dan merekodkan keterangan pihak merayu yang mengatakan pengeratan tandatangan-tandatangan dan melekatkannya secara menggamkan kepada rekuisisi yang baru dilakukan atas kepercayaan *bona fide* bahawa tidak ada apa yang tidak profesional telah dilakukannya dan dia menandatangi merentas dokumen itu atas kepercayaan ini, Jawatankuasa Disiplin menyatakan seperti berikut:

(1) berkenaan dengan perkara-perkara yang disebut dalam aduan No. 1 pihak merayu adalah bersalah atas kelakuan tidak profesional yang serius tetapi ini dilakukan tanpa niat memperdaya, dan

(2) berkenaan aduan No. 2 bahawa surat yang ditulis dengan niat menjustifikasikan tindakan yang diadu dalan aduan No. 1, dan ini adalah pasti dengan niat mengelirukan.

Jawatankuasa Disiplin, dengan sebab itu, mendapati bahawa kelakuan pihak merayu dengan menulis surat itu dan seterusnya tidak menjawab surat dari peguam syarikat bertarikh 1 Oktober terjumlah kepada kelakuan tak senonoh yang melampau (*grossly improper conduct*). Jawatankuasa memutuskan bahawa fakta yang dibuktikan dan diakui mewujudkan sebab wajar (*due cause*) bagi tindakan

disiplin dibawah seksyen 26. Satu usul pemula telah dikeluarkan menurut seksyen 31 dan satu perintah telah dibuat memanggil pihak merayu hadir ke mahkamah.

Mahkamah memutuskan bahawa adalah amat jelas bahawa seorang peguam tidak menghormati dirinya dan profesionnya apabila dia dengan pengetahuannya dan sengaja mengemukakan dokumen palsu dan berniat bertindak berdasarkan dokumen itu. Mahkamah juga menerima dapatan Jawatankuasa Disiplin bahawa pihak merayu tidak bertindak dengan niat memperdaya apabila menghantar dokumen berkenaan kepada setiausaha syarikat pada 22 Ogos. Mahkamah berpendapat ini dilakukan dengan tujuan menjimatkan tenaga tanpa perlu mendapatkan tandatangan 80 dan 90 orang yang tinggal di dua buah negeri berlainan. Sungguhpun demikian, mahkamah menyatakan dari segi fakta adalah jelas dokumen itu adalah dokumen yang palsu dan mungkin akan memperdayakan Pendaftar Syarikat dan syarikat sendiri jika tandatangan tiga orang yang bukan lagi pemegang syer syarikat tidak diperhatikan. Berkaitan aduan No 2 mahkamah menyatakan persetujuannya dengan Jawatankuasa Disiplin bahawa kenyataan pihak merayu pada 29 September adalah berniat mengelirukan. Mahkamah kemudiannya memutuskan menerima dapatan Jawatankuasa Disiplin dan menggantung pihak merayu dari amalan selama enam bulan.

#### 2.2.1.3 Kewajipan Tidak Membuat Salahnyataan Kepada Saksi Yang Memberi Keterangan di Mahkamah

Menurut Kaedah 12 KPGAE 1978, seorang peguam hendaklah tidak menjalankan satu kes sivil semata-mata untuk melengahkan prosiding atau mengganggu (*harass*) atau memudaratkan pihak bertentangan atau sebagai satu penindasan (*oppression*). Dalihan yang digunakan juga tidak boleh digunakan bagi tujuan yang sama.

Seterusnya Kaedah 13 KPGAE 1978 memperuntukkan, seorang peguam hendaklah mengawal dirinya dari mengemukakan soalan yang bertujuan memalukan atau mengganggu (*annoy*). Peguam berkenaan hendaklah menggunakan pertimbangan dirinya sendiri mengenai kandungan dan bentuk soalan yang dikemukakan (Kaedah 13, KPGAE 1978).

Manakala menurut Kaedah 14(a) KPGAE 1978, soalan-soalan yang menjejaskan kredibiliti dengan menyerang karakter tetapi tidak berkaitan dengan siasatan sebenar, hendaklah tidak ditanya melainkan pemeriksa balas ada alasan yang munasabah bahawa imputasi (*imputation*) itu ada alasan yang baik dan benar. Soalan-soalan berkaitan, yang begitu jauh (*so remote*) dari segi masa atau karakter yang tidak secara material menjejaskan kredibiliti seorang saksi, hendaklah tidak disoal (Kaedah 14(b), KPGAE 1978). Sebagai contoh, soalan berkaitan dengan karakter saksi semasa zaman kanak-kanaknya, tidak boleh di soal semasa saksi memberi keterangan ketika dia berumur 50 tahun. Ini adalah kerana, walaupun

perkara yang disoal berkaitan dengan karakter tetapi ia adalah begitu jauh jarak masanya.

Dalam kes *Re JLP Harris* [1953] 19 MLJ 161, seorang peguam dengan sengaja melarikan saksi dari mahkamah kerana saksi itu memudaratkan kes anak guamnya. Peguam itu juga memohon penangguhan kes secara palsu. Mahkamah memutuskan peguam itu bersalah atas salah laku. Berikutan dari itu peguam itu digantung dari amalan selama tiga bulan dan diperintah membayar kos prosiding.

#### 2.2.1.4 Peguam Tidak Ada Kewajipan Memberitahu Mahkamah Mengenai Ketidakbolehpercayaan (*discredibility*) Saksi

Dalam kes *Tombling* lwn. *Universal Bulb Co*. (1951) 2 TLR 289, saksi utama yang sedang menjalani hukuman penjara hadir ke mahkamah berpakaian awam. Warden juga berpakaian awam. Peguam yang memanggil saksi itu mengetahui bahawa saksi itu datang dari penjara dan dia tidak memberitahu mahkamah fakta ini. Peguam itu juga telah bertanya kepada saksi sama ada dia tinggal di alamat tertentu sedangkan peguam itu tahu bahawa saksi tidak lagi tinggal di alamat berkenaan. Saksi berkenaan memberi jawapan dia tinggal di alamat berkenaan. Mahkamah telah menerima testimoni saksi itu dan menolak tuntutan pihak menuntut.

Sungguhpun demikian, dalam kes *Meek* lwn. *Fleming* [1961] 3 All ER 148, mahkamah memutuskan bahawa adalah satu kewajipan peguam memaklumkan kepada mahkamah tentang *discredibility* saksi. Fakta kes ini ialah, plaintif

membawa tuntutan terhadap defendan. Defendan telah diberitahu oleh peguamnya supaya datang ke mahkamah dengan berpakaian awam. Ini bertujuan untuk menyembunyikan fakta bahawa defendan telah diturunkan pangkat dari Inspektor Balai kepada sarjan kerana satu prosiding tatatertib. Mahkamah dalam kes ini membezakan kes *Tombling* di atas berdasarkan fakta bahawa maklumat ini akan mempunyai impak kepada keputusan mahkamah. Oleh sebab itu peguam mesti memaklumkan kepada mahkamah tentang *discredibility* saksi itu.

#### 2.2.1.5 Kewajipan Menghalang Mahkamah Daripada Menguatkuasakan Transaksi Tidak Sah

Kaedah 9(b) KPGAE 1978 memperuntukkan, seorang peguam hendaklah menggunakan dalihan yang boleh digunakan seseorang tertuduh atas satu kesalahan tanpa mempedulikan pendapat peribadinya mengenai salah atau tidaknya tertuduh itu. Manakala menurut Kaedah 10(a) KPGAE 1978 pula, seorang peguam yang hadir bagi pihak pendakwa dalam pendakwaan kes jenayah hendaklah tidak menjalankan pendakwaan hingga menyebabkan disabitkan seorang yang tidak bersalah. Material yang boleh membuktikan tidak bersalah tertuduh berkenaan hendaklah tidak disembunyikan (Kaedah 10(a), KPGAE 1978).

Dalam kes *Mercantile Credit Co. Ltd.* lwn. *Hamblin* (1964) 1 All ER 680, mahkamah memutuskan bahawa peguam boleh menimbullkan isu kepenyalahan undang-undang (*illegality*) walaupun ia tidak diplidkan (*not pleaded*). Mahkamah

menyatakan bahawa peguam tidak bertindak secara tidak patut dengan mempelawa mahkamah menimbangkan kemungkinan tidak sahnya transaksi.

#### 2.2.1.6 Kewajipan Tidak Menimbulkan Celaan (*aspersions*) Tanpa Bukti Cukup

Menurut Kaedah 18 KPGAE 1978, kelakuan seorang peguam terhadap mahkamah dan peguam yang lain hendaklah dilakukan dengan ketulusan (*candour*), budi bahasa (*courtesy*) dan kesaksamaan (*fairness*). Manakala Kaedah 19 KPGAE 1978 pula memperuntukkan bahawa apabila peguam memulakan kes, dia hendaklah tidak merujuk kepada apa-apa fakta yang mana dia tidak boleh membuktikannya.

Dalam kes *Clyn*e lwn. *New South Wales Bar Association* (1906) 104 CLR 186, anak guam pihak merayu adalah Mr. Jacombe yang mana bersama isterinya yang kaya telah datang dari negara asing dan menetap di Australia. Mereka mempunyai seorang anak perempuan berumur 12 tahun. Pasangan ini kemudiannya berpisah pada 1956. Pada tahun 1958, Mr. Jacombe didapati bersama dengan seorang perempuan dalam keadaan yang menunjukkan perzinaan. Mrs. Jacombe memulakan prosiding perceraian, satu prosiding untuk satu akaun berkaitan sejumlah wang yang dikatakan kepunyaan Mrs. Jacombe, satu prosiding untuk menjual satu harta dan permohonan untuk alimoni *pendente lite* (nafkah zahir sementara sehingga kes perceraiaan selesai diputuskan oleh mahkamah sepenuhnya). Peguam Mrs. Jacombe ialah Mr ER Mann. Mr. Jacombe mendapat idea jika Mr. Mann tidak lagi mewakili Mrs. Jacombe, prosiding yang dibawa oleh

Mrs. Jacombe akan digugurkan atau bersedia untuk dikompromi. Pihak merayu dan Mr. Jacombe memutuskan satu rancangan membuat satu pendakwaan salahlaku penyaraan common law (*common law misdemeanour of maintenance)* terhadap Mr. Mann walaupun tiada keterangan menyokong tuduhan ini. Adalah diharap bahawa pendakwaan jenayah ini akan memaksa Mr. Mann bersetuju menarik diri mewakili Mrs. Jacombe. Semasa pendakwaan jenayah itu pihak merayu telah membuat serangan keras terhadap integriti profesional Mr. Mann. Semasa permulaan prosiding di mahkamah majistret, pihak merayu telah dituduh membuat serangan secara terbuka secara kasar, tak terkawal dan ganas (*savage, unrestrained and vicious*) terhadap sifat profesional seorang peguam. Diantara perkataan yang digunakan ialah:

> Defendan (Mr Mann) telah menggunakan anak guamnya sebagai satu alat untuk memeras ugut seorang yang kaya (Mr. Jacombe) bagi tujuan mendapatkan wang. Perintah alimoni yang telah dibuat yang akan kami buktikan telah diperolehi secara frod ke atas affidavit yang disediakan oleh defendan dan dengan pengetahuan defendan telah diangkat sumpah oleh Mrs. Jacombe, maka affidavit itu adalah palsu.

Persatuan Peguam New South Wales dengan satu notis usul meminta Mahkamah Agung mengeluarkan satu perisytiharan bahawa pihak merayu adalah bersalah atas salah laku profesional. Mahkamah Agung memerintahkan nama Peter Leopold Clyne dikeluarkan dari senarai pengamal undang-undang New South Wales. Clyne merayu ke Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi bersetuju dengan Mahkamah Agung bahawa pihak merayu tidak sesuai dan tidak patut menjadi ahli Badan Peguam New South Wales. Mahkamah memutuskan bahawa sungguhpun peguam

dilindungi oleh keistimewaan dari apa-apa yang dicakap atau tindakan di mahkamah, keistimewaan ini mestilah tidak disalah guna.

Dalam kes *Roy* lwn. *Priori* [1970] 2 All E.R 729, peguam pihak pembela dalam satu kes saman mengaku telah menyerahkan sepina (*subpoena*) kepada seorang saksi. Peguam itu seterusnya menyatakan kegagalan saksi berkenaan datang ke mahkamah kerana dia mengelak dari hadir di mahkamah. Peguam pihak pembela kemudiannya memohon waran tangkap terhadap saksi itu sungguhpun dia amat sedar bahawa kenyataannya adalah palsu. Saksi tersebut kemudiannya ditangkap. Saksi tersebut menuntut peguam pembela. Peguam berkenaan menimbulkan isu dalihan kekebalan. *House of Lords* memutuskan jika keistimewaan itu disalah guna maka kekebalan itu akan hilang. Mahkamah memutuskan oleh kerana peguam pihak pembela bertindak secara niat jahat (*malicious)* maka dia hilang kekebalan itu.

Seterusnya dalam kes *Wong Sin Chong & Anor*. lwn. *Bhagwan Singh & Anor* [1993] 3 MLJ 679, satu sepina telah dikeluarkan terhadap peguam pihak merayu. Wong mengatakan peguam pihak merayu telah melakukan kecuaian profesional. Mahkamah Agung mengenepikan sepina itu atas alasan sekiranya peguamcara pihak merayu dituduh melakukan kecuaian profesional dia mestilah sepatutnya digabungkan sebagai pihak dalam prosiding dan bukan dipanggil sebagai saksi. Mahkamah juga memutuskan walaupun adalah hak satu pihak memanggil saksi, namun hak ini mestilah dilindungi dari salah guna dan penindasan. Apabila tidak

ada hasil yang berguna memanggil saksi, maka sepina terbabit hendaklah diketepikan.

### 2.2.1.7 Seorang peguam Mesti Mengutamakan Pentadbiran Keadilan

Kewajipan mesti mengutamakan pentadbiran keadilan diperuntukkan dalam Kaedah 8(a), 9, 10, 12, dan 16 KPGAE 1978. Menurut Kaedah 8(a) KPGAE 1978, seorang peguam yang ditugaskan oleh mahkamah sebagai peguam dalam mana-mana kes sivil atau jenayah hendaklah tidak memohon pengecualian atas alasan yang remeh. Peguam berkenaan juga hendaklah selalu mempamirkan usaha yang terbaik (*exert his best effort*) dalam melaksanakan tugasan itu.

Kaedah 9(b) KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah menggunakan dalihan yang boleh digunakan seseorang tertuduh atas satu kesalahan tanpa mempedulikan pendapat peribadinya mengenai salah atau tidaknya tertuduh itu. Seterusnya menurut Kaedah 10(a) KPGAE 1978 seorang peguam yang hadir bagi pihak pendakwa dalam pendakwaan kes jenayah hendaklah tidak menjalankan pendakwaan hingga menyebabkan disabitkan seorang yang tidak bersalah. Material yang boleh membuktikan tidak bersalah tertuduh berkenaan hendaklah tidak disembunyikan (Kaedah 10(a) KPGAE 1978). Manakala menurut Kaedah 12 KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah tidak menjalankan satu kes sivil semata-mata untuk melengahkan prosiding atau mengganggu (*harass*) atau memudaratkan pihak bertentangan atau sebagai satu penindasan (*oppression*). Dalihan yang digunakan juga tidak boleh digunakan bagi tujuan yang sama.

Dalam kes *Wong Sin Chong* lwn. *Bhagwan Singh* [1993] 3 MLJ 679, responden adalah bekas peguamcara untuk perayu (Wong) dalam suatu tindakan sivil. Pada perbicaraan itu, Wong dan responden tidak hadir, mengakibatkan penghakiman ingkar dikeluarkan terhadap Wong. Encik Bhagwan Singh (responden pertama), kemudiannya telah memohon untuk mengetepikan penghakiman ingkar itu. Kemudiannya, dengan persetujuan responden, Wong telah mengguna khidmat Tetuan Wrigglesworth & Co untuk menggantikan responden. Permohonan untuk mengetepikan penghakiman itu telah didengar bersama dengan suatu permohonan baru oleh Wong untuk melanjutkan masa, kerana permohonan untuk mengetepikan penghakiman itu telah difailkan di luar had masa, iaitu tujuh hari dari tarikh penyampaian perintah penghakiman ingkar. Kedua-dua permohonan itu telah ditolak. Rayuan kepada Mahkamah Persekutuan oleh Dato' Wrigglesworth juga telah ditolak, lalu mengakhiri sebarang harapan Wong untuk mengetepikan penghakiman ingkar itu. Wong telah mengarahkan Dato' Wrigglesworth supaya memulakan tindakan terhadap responden atas kecuaian profesional. Selepas pendengaran tindakan itu telah berlangsung selama dua hari, responden pertama telah mengeluarkan writ sepina terhadap Dato' Wrigglesworth supaya beliau memberi keterangan lisan bagi pihak pembela dan untuk mengemukakan dokumen. Wong memohon untuk mengetepikan sepina itu atas alasan bahawa: (i) Dato' Wrigglesworth tidak mempunyai pengetahuan peribadi berkenaan dengan kes kecuaian profesional itu dan tidak dapat memberi sebarang keterangan material; (ii) sepina itu telah dibuat secara *mala fide* dan adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah, iaitu untuk menghalang Dato' Wrigglesworth daripada terus menjadi

peguambela mereka; dan (iii) suatu penukaran peguambela pada peringkat lewat itu adalah bersifat menindas. Permohonan Wong untuk mengetepikan sepina itu telah ditolak dengan kos dan mereka telah membuat rayuan atas alasan bahawa keengganan hakim perbicaraan untuk mengetepikan sepina itu dengan berkesannya, telah menghalang Dato' Wrigglesworth daripada terus menjadi peguambela mereka dalam kes yang telah didengar sebahagian. Isu di hadapan mahkamah adalah: (i) betapa pentingnya keterangan yang hendak didapati oleh pihak pembela daripada Dato' Wrigglesworth; (ii) isu penindasan kerana Dato' Wrigglesworth sudah lama menjadi peguam Wong; dan (iii) penyalahgunaan keistimewaan atau proses, memandangkan kelengahan dalam mengeluarkan sepina selepas pendengaran telah berlangsung selama dua hari.

Mahkamah memutuskan bahawa hak sesuatu pihak terhadap kehadiran saksi merupakan suatu bahagian yang amat penting dalam sistem kehakiman kita, tetapi hak itu mesti dilindungi daripada sebarang penindasan atau penyalahgunaan. Di mana tidak ada keputusan berguna yang akan dicapai oleh kehadiran seseorang saksi, sepina itu tidak harus diberikan.

Seterusnya mahkamah menyatakan beban membukti terletak pada pihak yang mengeluarkan sepina itu untuk menunjukkan bahawa saksi itu adalah material, iaitu ia lebih penting daripada penindasan yang mungkin diakibatkan kepada pihak yang membantah. Oleh itu, terpulanglah kepada responden untuk memuaskan mahkamah, bahawa keterangan Dato' Wrigglesworth sebagai saksi mereka adalah

material, sebelum hak Wong untuk mendapatkan perkhidmatan Dato' Wrigglesworth boleh dilucutkan. Walaupun, dengan kehadiran sepina itu, Dato' Wrigglesworth dibenarkan terus menjadi peguambela Wong, mahkamah mesti berpuas hati bahawa Dato' Wrigglesworth berkedudukan untuk memberi keterangan yang material sebelum beliau boleh diarahkan untuk memberi keterangan untuk pihak yang lain.

Mahkamah selanjutnya memutuskan bahawa satu-satunya perkara yang mungkin dalam pengetahuan peribadi Dato' Wrigglesworth dan dengan itu beliau dapat memberi keterangan mengenainya adalah keterangan fakta kolateral yang tidak relevan secara langsung kepada pemasukan penghakiman ingkar itu.

Selain dari itu mahkamah menegaskan bahawa oleh kerana ia tidak merupakan sebahagian daripada pembelaan bahawa Dato' Wrigglesworth bersalah kerana kecuaian sertaan (*contributory negligence*), hakim perbicaraan seharusnya membuat keputusan bahawa, berdasarkan pliding, responden telah gagal memuaskan hati mahkamah bahawa keterangan yang mungkin diberikan oleh Dato' Wrigglesworth untuk pihak pembelaan adalah material. Kehadiran Dato' Wrigglesworth sebagai seorang saksi tidak mempunyai kepentingan selain daripada menyebabkan kejengkelan dan konfrontasi.

Akhir sekali mahkamah memutuskan bahawa tidak ada penjelasan tentang kelengahan dalam mengeluarkan sepina, dan memandangkan pengaturan masa,

tidak ada sebarang keraguan bahawa sepina itu bersifat menindas dengan tujuan *mala fide* untuk melucutkan Wong akan perkhidmatan Dato' Wrigglesworth di tengah-tengah pendengaran itu. Ia adalah suatu penyalahgunaan proses dan patut diketepikan.

Kaedah 16 KPGAE 1978 pula memperuntukkan bahawa seorang peguam semasa bertindak di hadapan satu tribunal, hendaklah bertindak dengan tingkahlaku yang sopan dan beradab yang sepatutnya. Dia juga hendaklah tanpa rasa takut menegakkan kepentingan anak guamnya, kepentingan keadilan dan kemuliaan profesion tanpa mengambil kira akibat-akibat yang tidak menyenangkan (*unpleasant consequences*) yang timbul terhadap dirinya atau terhadap orang lain.

Dalam kes *Lai Cheng Chong* lwn. *PP* [1993] 3 MLJ 147, perayu telah disabitkan di mahkamah majistret atas kesalahan dibawah seksyen 20(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan telah dihukum penjara sepuluh bulan. Beliau telah membuat rayuan terhadap sabitan dan hukumannya dan notis rayuan itu telah ditandatangani olehnya. Terdapat juga tandatangan firma guaman peguambela perayu di atas notis itu. Alamat yang tercatat didalam notis itu adalah alamat firma guaman itu. Pada hari pendengaran rayuan itu, perayu dan peguambela tidak hadir dan mahkamah telah menangguh kes itu ke 27 Oktober 1992. Beberapa hari sebelum tarikh perbicaraan baru, peguambela melalui surat kepada penolong kanan pendaftar (PKP), telah memberitahu mahkamah bahawa mereka tidak lagi mewakili perayu kerana beliau ingin melantik peguambela yang baru dan oleh yang demikian

memohon untuk dikecualikan kehadiran mereka pada tarikh perbicaraan. PKP, atas arahan mahkamah, telah menelefon pejabat firma guaman tersebut dan memberitahu kerani di situ bahawa peguambela dikehendaki hadir pada 27 Oktober 1992. Pada tarikh itu, kedua-dua perayu dan peguambelanya sekali lagi tidak hadir dan mahkamah telah menangguhkan kes ke 14 November 1992. Pada tarikh tersebut, seorang rakan kongsi dalam firma guaman tersebut telah hadir sebagai peguambela perayu dan telah meminta maaf kepada mahkamah. Isu tunggal yang perlu diputuskan oleh mahkamah, adalah sama ada kegagalan perayu dan peguambela untuk hadir di mahkamah pada 27 Oktober 1992, yang telah menyebabkan perbicaraan terpaksa ditangguhkan, merupakan suatu penghinaan mahkamah.

Mahkamah memutuskan bahawa pertama, adalah menjadi keadilan yang serba kurang jika mahkamah membatalkan rayuan atas kegagalan pihak-pihak, terutama sekali peguambela, untuk hadir di mahkamah tetapi sebaliknya, mahkamah harus melindungi hak litigan untuk mengutarakan kesnya. Mahkamah harus mencari jalan untuk bertindak terhadap orang yang bertanggungjawab atas keingkaran itu dan satu daripada caranya ialah dengan menggunakan undang-undang penghinaan mahkamah. Kedua, dengan meletakkan nama mereka dalam rekod didalam notis rayuan sebagai mewakili perayu, peguambela mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kehadiran perayu dan dirinya sendiri di mahkamah. Kegagalan mereka berbuat demikian, yang menyebabkan perbicaraan terpaksa ditangguhkan, telah

menggugat keadilan serta pentadbirannya dan satu kes *prima facie* penghinaan mahkamah telah dibuktikan.

Mahkamah akhirnya memutuskan walau bagaimanapun, oleh kerana versi kejadian perayu dan peguambela berbeza antara satu sama lain tentang sebab-sebab mengapa mereka gagal hadir di mahkamah, mahkamah mempercayai mereka walaupun berasa sangsi dan tidak membuat apa-apa perintah kerana prosiding penghinaan adalah suatu prosiding keseksaan. Mahkamah juga mengambil kira bahawa kedua-dua mereka telah meminta maaf dari mahkamah dan tidak berniat hendak menghinanya. Juga, keadaan seperti dalam kes ini, pertama kali ditimbang dari sudut penghinaan mahkamah.

#### 2.2.1.8 Seorang Peguam Mesti Menjaga Kelakuannya Semasa Di Mahkamah

Menurut Kaedah 6(a) KPGAE 1978, seorang peguam hendaklah tidak menerima arahan melainkan dia secara munasabah pasti berupaya hadir dan mewakili anak guamnya pada hari yang ditetapkan. Manakala Kaedah 6(b) KPGAE 1978 pula memperuntukkan seorang peguam hendaklah tidak menarik diri dari guna-khidmatan (*engagement*) sebaik sahaja telah menerima arahan tanpa sebab yang memadai dan melainkan notis munasabah dan memadai telah diberikan kepada anak guam berkenaan.

Seterusnya menurut Kaedah 8(a) KPGAE 1978, seorang peguam yang ditugaskan sebagai peguam dalam mana-mana kes sivil atau jenayah hendaklah tidak

memohon pengecualian atas alasan yang remeh. Peguam berkenaan juga hendaklah selalu mempamirkan usahanya yang terbaik (*exert his best effort*) dalam melaksanakan tugasan itu. Berikutnya, Kaedah 9(b) KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah menggunakan dalihan yang boleh digunakan seseorang tertuduh atas satu kesalahan tanpa mempedulikan pendapat peribadinya mengenai salah atau tidaknya tertuduh itu.

Selain dari itu menurut Kaedah 10(a) KPGAE 1978, seorang peguam yang hadir bagi pihak pendakwa dalam pendakwaan kes jenayah hendaklah tidak menjalankan pendakwaan hingga menyebabkan disabitkan seorang yang tidak bersalah. Material yang boleh membuktikan tidak bersalah tertuduh berkenaan hendaklah tidak disembunyikan (Kaedah 10(a), (KPGAE 1978)).

Manakala menurut Kaedah 12 KPGAE 1978, seorang peguam hendaklah tidak menjalankan satu kes sivil semata-mata untuk melengahkan prosiding atau mengganggu (*harass*) atau memudaratkan pihak bertentangan atau sebagai satu penindasan (*oppression*). Dalihan yang digunakan juga tidak boleh digunakan bagi tujuan yang sama.

Seterusnya Kaedah 13 KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah mengawal dirinya dari mengemukakan soalan yang bertujuan memalukan atau mengganggu (*annoy*). Peguam berkenaan hendaklah menggunakan pertimbangan dirinya sendiri mengenai kandungan dan bentuk soalan yang dikemukakan (Kaedah

13, KPGAE 1978). Manakala menurut Kaedah 14(a) KPGAE 1978, soalan-soalan yang menjejaskan kredibiliti dengan menyerang karakter tetapi tidak berkaitan dengan siasatan sebenar hendaklah tidak ditanya melainkan pemeriksa balas ada alasan yang munasabah bahawa imputasi (*imputation*) itu ada alasan yang baik dan benar. Soalan-soalan berkaitan yang begitu jauh (*so remote*) dari segi masa atau karakter yang tidak secara material menjejaskan kredibiliti seorang saksi, hendaklah tidak disoal (Kaedah 14(b), KPGAE 1978).

Berdasarkan Kaedah 15 KPGAE 1978, seorang peguam hendaklah sentiasa mengekalkan sikap penuh hormat kepada mahkamah. Kaedah 16 KPGAE 1978, pula memperuntukkan bahawa seorang peguam semasa bertindak di hadapan satu tribunal, hendaklah bertindak dengan tingkahlaku yang sopan dan beradab yang sepatutnya, menegakkan kepentingan anak guamnya, keadilan dan kemuliaan profesion. Dia hendaklah bertindak sedemikian tanpa menghiraukan akibat-akibat tidak menyenangkan yang timbul terhadap dirinya atau orang lain.

Kaedah 17 KPGAE 1978 selanjutnya memperuntukkan seorang peguam hendaklah tidak mengamalkan apa-apa perdayaan (*deception*) terhadap mahkamah. Manakala menurut Kaedah 18 KPGAE 1978 pula, kelakuan seorang peguam terhadap mahkamah dan peguam yang lain hendaklah dilakukan dengan ketulusan (*candour*), budi bahasa (*courtesy*) dan kesaksamaan (*fairness*).

Kaedah 19 KPGAE 1978 seterusnya memperuntukkan apabila peguam memulakan kes, dia hendaklah tidak merujuk apa-apa fakta yang mana dia tidak boleh membuktikannya. Seterusnya menurut peruntukan 20(a) KPGAE 1978, adalah merupakan kewajipan peguam membawa kepada pengetahuan hakim apa-apa nas yang diketahuinya sama ada yang menyokong atau menentang anak guamnya.

Selanjutnya Kaedah 21 KPGAE 1978 pula memperuntukkan, adalah tidak wajar seorang peguam bertindak seperti berikut:

(a) dengan disedarinya membuat petikan yang salah (*misquote*) kandungan-kandungan satu kertas, testimoni seorang saksi, hujah peguam bertentangan, bahasa satu keputusan atau buku teks; atau

(b) dengan pengetahuan tentang keesahannya, mengemukakan satu keputusan yang telah ditolak atau satu statut yang telah dimansuhkan; atau

(c) dalam penghujahan menyatakan satu fakta yang mana tidak dibuktikan; atau

(d) mengelirukan lawannya dengan menyembunyi atau merahsiakan dalam ucapan pembukaannya, posisi yang mana dia berniat bergantung padanya.

Menurut Kaedah 22(a) KPGAE 1978, selepas penamatan keterangan dan hujah, tetapi penghakiman masih direzabkan, apabila seeorang peguam yang menemui satu proposisi (*proposition*) undang-undang atau satu keputusan yang secara langsung berkaitan, dia hendaklah membawanya kepada perhatian mahkamah. Peguam pihak yang berlawanan hendaklah bersetuju terhadap cadangan itu walaupun proposisi itu bertentangan dengannya.

Kaedah 23 KPGAE 1978 pula memperuntukkan, seorang peguam mestilah mengemukakan kepada mahkamah semua maklumat yang boleh memendekkan dan memungkinkan penyelesaian kes. Seterusnya Kaedah 24(a) KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah bersedia pada hari perbicaraan yang ditetapkan. Seorang peguam boleh memohon penangguhan kes atas alasan yang baik dan kukuh sahaja (Kaedah 24(a), KPGAE 1978). Manakala menurut Kaedah 24(c), KPGAE 1978, adalah tidak wajar seorang peguam memohon penangguhan kes semasa ketiadaan peguam pihak satu lagi, melainkan dia telah memberi notis sekurang-kurangnya 48 jam tentang niatnya membuat permohonan penangguhan.

**2.2.1.9 Penangguhan Kes**

Kaedah 24 KPGAE 1978 dengan jelas memperuntukkan bahawa peguam hendaklah sedia untuk perbicaraan pada hari yang ditetapkan. Dia tidak boleh memohon penangguhan perbicaraan tanpa alasan-alasan yang munasabah (Arahan Amalan No. 2, 1992). Seterusnya adalah tidak wajar bagi seorang peguam memohon penangguhan kes apabila peguam pihak yang lain tidak hadir di mahkamah melainkan dia telah memberi notis sekurang-kurangnya 48 jam kepada peguam yang lain itu mengenai niatnya untuk membuat permohonan penangguhan (Kaedah 24(c), KPPAE 1978). Sebagai satu langkah mengelakkan seorang peguam melanggar Kaedah 24, adalah wajar bagi seorang peguam mematuhi Kaedah 6, KPPAE 1978. Kaedah ini memperuntukkan bahawa seorang peguam hendaklah

tidak menerima arahan jika dia tidak boleh hadir perbicaraan di mahkamah pada tarikh yang ditetapkan.

Dalam kes *Pendakwaraya* lwn. *Mohtar b Abdullah* [1980] 2 MLJ 51 tertuduh didakwa atas kesalahan pecah amanah jenayah. Pada awalnya dia telah mengaku bersalah tetapi kemudiannya dibenarkan menarik balik pengakuan salahnya. Perbicaraan telah ditetapkan pada 4 Februari 1979 semasa kehadiran peguam. Peguam kemudiannya berjaya memohon penangguhan perbicaraan kepada 4 Februari 1980 dan kemudiannya kepada 9 September 1980. Alasan penangguhan ialah peguam ada perbicaraan di mahkamah yang lain. Semasa semakan kes, mahkamah tinggi memutuskan bahawa menurut rukun am, tarikh perbicaraan adalah menurut keselesaan mahkamah atas dasar yang mana dahulu didahulukan (*first come first serve basis*). Oleh yang demikian penangguhan hanya dibenarkan atas alasan yang kukuh dan munasabah. Dalam kes ini peguam tiada alasan yang kukuh dan munasabah. Apabila mahkamah telah menetapkan tarikh perbicaraan, peguam hendaklah tidak menerima arahan yang bertindih dengan tarikh perbicaraan yang telah ditetapkan.

Dalam kes *Tan Pak* lwn. *Cham Boon San* [1992] 2 M.L.J 271 Mahkamah Tinggi telah menimbangkan isu akujanji peguam untuk hadir dalam kes yang lain sedangkan dia terlibat dalam satu perbicaraan. Peguam dalam kes ini membuat permohonan penangguhan kes secara bertulis. Sungguhpun dalam kes ini mahkamah membenarkan penangguhan perbicaraan atas alasan khidmat peguam

berpengalaman diperlukan oleh anak guam terlibat, mahkamah mengingatkan peguam tentang masa mahkamah yang penting. Peguam mestilah sensitif apabila membuat permohonan penangguhan perbicaraan. Penangguhan hanya dipohon dalam keadaan-keadaan luar kawalan peguam. Adalah tidak profesional peguam bersetuju menerima satu kes apabila dia secara munasabah tahu bahawa dia tidak dapat hadir di mahkamah. Sekiranya akibat dari itu kes terpaksa ditangguhkan ia adalah merupakan salah guna proses mahkamah yang mana peguam itu adalah pihak yang menjadi penyebab. Jika ini berlaku ia mungkin satu penghinaan terhadap mahkamah sekiranya ia menjejaskan pentadbiran keadilan. Fakta bahawa tidak ada bantahan dari pihak bertentangan tidaklah konklusif. Pemohon mesti merujuk kesanggupan mahkamah membenarkan penangguhan yang bermakna pengorbanan masa kehakiman, masa kehadiran staf mahkamah, gangguan kepada senarai kes dan menyebabkan kes tertangguh.

Dalam kes *Lai Cheng Chong* lwn. *PP* [1993] 3 MLJ 1472, mahkamah memutuskan dengan meletakkan nama mereka dalam rekod didalam notis rayuan sebagai mewakili perayu, peguambela mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kehadiran perayu dan dirinya sendiri di mahkamah. Kegagalan mereka berbuat demikian, yang menyebabkan perbicaraan terpaksa ditangguhkan, telah menggugat keadilan serta pentadbirannya dan satu kes *prima facie* penghinaan mahkamah telah dibuktikan.

Dalam kes *Sharma Kumari a/p Om Prakash* lwn. *PP* [2000] 6 MLJ 282, peguam memohon penangguhan kes atas alasan dia perlu hadir di mahkamah lebih tinggi pada tarikh yang sama. Sehubungan dengan ini, Hakim Abdul Wahab Patail berkata seperti berikut:

> The discretion to fix the dates is with the court. As with all discretion, it is to be exercised judicially. But once the order is made, and whether one agrees with the decision or order or not, the law remains that once the court makes an order, it is to be complied with until it is set aside. The personal problem of counsel having too many commitments for appearances in other courts cannot interfere with the schedule of the courts. Otherwise all trials can be postponed indefinitely by the simple device of every accused person appointing the same counsel and he accepts all appointments. That cannot be in the interest of justice and of other lawyers. Further rule 6(a) of the Legal Profession (Practice and Etiquette) 1978 clearly provides that an advocate and solicitor shall not accept any brief unless he is reasonably certain of being able to appear and represent the client on the required day (hlm. 305G, 307C-F).

Akhir sekali Kaedah 56 KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam tidak boleh memohon penghakiman ingkar (*judgment by default*) terhadap seorang anak guam sekiranya dia mengetahui anak guam itu diwakili oleh seorang peguam lain melainkan dia telah memberi notis tentang niatnya untuk mendapatkan penghakiman ingkar itu dan tujuh hari telah berlalu selepas hantar-serah notis tersebut kepada peguam anak guam berkenaan.

#### 2.2.1.10 Seorang Peguam Mesti Mengelakkan Pertelingkahan Kepentingan Antara Tugas Kepada Mahkamah dan Tugas Kepada Anak Guam

Berdasarkan Kaedah 3 KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah tidak menerima arahan jika dia mendapat malu atau akan memberi malu (*embarrassed)* kepadanya. Suatu keadaan yang memberi malu (*embarrassment*) wujud:

(i) apabila peguam mendapati dia ada posesi maklumat sulit kerana dia telah memberi nasihat kepada seorang lain berkaitan dengan hal yang sama: dan

(ii) apabila wujud pertalian peribadi antara dia dengan satu pihak atau seorang saksi dalam prosiding yang sama.

Menurut Kaedah 4 KPGAE 1978, seorang peguam hendaklah tidak menerima arahan dalam satu kes apabila dia tahu atau ada alasan mempercayai bahawa kelakuan profesionalnya akan dicabar (*impugned*). Manakala Kaedah 5(a) KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah tidak menerima satu arahan jika prosiding berkaitan menyebabkan atau akan menyebabkan sukar bagi dia mengekalkan kebebasan profesional atau prosiding itu tidak sesuai (*incompatible*) dengan kepentingan terbaik pentadbiran keadilan.

Berikutnya Kaedah 5(b) KPGAE 1978 pula memperuntukkan seorang peguam yang telah memberi nasihat menyediakan pliding atau bertindak bagi satu pihak berkaitan dengan tuntutan, pendakwaan atau pembelaan mana-mana tuntutan, rayuan atau prosiding lain hendaklah tidak bertindak, mewakili atau plid bagi pihak bertentangan dalam tuntutan, rayuan atau prosiding lain itu.

Dalam kes *Sinwara Sdn Bhd* lwn. *Maris Housing Sdn. Bhd.* [2003] 6 MLJ 771, defendan pertama adalah pemaju Kompleks Desa Kepong ('pembangunan tersebut'). Defendan kedua adalah perbadanan pengurusan pembangunan tersebut. Plaintif adalah pembeli Lot 4.06 dalam pembangunan tersebut. Klausa 17

perjanjian jualbeli ('perjanjian tersebut') memperuntukkan, inter alia, bahawa defendan-defendan boleh mengenakan fee pengurusan. Melalui satu notis bertarikh 28 Oktober 1994, defendan pertama telah menaikkan fee pengurusan tersebut atas alasan bahawa ruang plaintif adalah komersial. Plaintif telah membayar. Pada 27 September 1996, defendan kedua telah mengeluarkan satu notis untuk selanjutnya menaikkan fee pengurusan. Plaintif telah memohon untuk satu deklarasi berikutan itu supaya defendan-defendan tidak boleh menaikkan fee-fee pengurusan. Apabila permohonan dibicarakan, defendan-defendan telah membantah terhadap kehadiran peguam pertama bagi pihak plaintif — Encik Lee Seng Wai, atas alasan bahawa En Lee memiliki salah satu daripada lot-lot dalam pembangunan tersebut dan oleh demikian satu pihak yang berkepentingan dan mempunyai kepentingan wang. Bantahan tersebut telah ditimbulkan dibawah Kaedah-Kaedah 3, 4, 5 & 27 Kaedah-Kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etika) 1978.

Mahkamah Tinggi membenarkan bantahan tersebut, menghalang En Lee Seng Wai daripada mewakili plaintif dan memutuskan bahawa jika peguam dalam kedudukan yang positif, mahkamah mungkin mempunyai keyakinan yang lebih terhadap keikhlasan dan sikap terus terang penilaian-penilaian fakta-fakta oleh peguam. Dengan objektif sedemikian, peguam pada hakikatnya berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk mengemukakan kepentingan anak guam beliau bagi memperoleh satu keputusan yang adil. Kegagalan untuk bertindak dengan sikap positif akan menyebabkan persoalan-persoalan yang mengelirukan dan membawa kepada litigasi yang berlarutan dan mahal yang menghasilkan satu keputusan yang tidak betul dan adil. Dalam kes semasa, En Lee Seng Wai yang berada dalam

kedudukan yang sama seperti plaintif mempunyai satu kepentingan dalam keputusan tersebut. Walaupun beliau boleh mewakili diri sendiri dimana beliau tidak akan bertindak sebagai seorang peguambela dan peguamcara, dalam kes semasa, beliau bukan plaintif dan justeru itu tidak mempunyai locus standi. Hakikat bahawa tiada ketidakadilan ditunjukkan adalah tidak relevan kerana bantahan tersebut bukan hanya prosedural tetapi suatu yang penting dalam sistem keadilan. Oleh yang demikian, Encik Lee Seng Wai, hendaklah dihalang daripada mewakili plaintif dan diarahkan memberitahu anak guamnya mendapatkan khidmat peguam lain.

Seterusnya menurut Kaedah 28 KPGAE 1978, seorang peguam hendaklah tidak hadir dimana-mana mahkamah atau dalam kamar dalam mana-mana kes yang mana dia ada sebab mempercayai bahawa dia akan menjadi saksi mengenai satu material dan satu soalan fakta yang dipertikaikan. Selain dari itu Kaedah 29 KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam yang mewakili mana-mana kausa (*cause*) mestilah tidak memberi keterangan bagi pihak anak guamnya dalam kausa berkenaan.

Dalam kes *Abdul Halim bin Abdul Hanan* lwn. *Pengarah Penjara Taiping* [1996] 4 MLJ 54, melalui saman pemula, plaintif-plaintif memohon deklarasi bahawa arahan yang dibuat oleh defendan pertama atau ejennya dalam menghukum plaintif-plaintif dengan mengurung mereka selama 23 jam sehari, adalah batal dan tak sah dan tidak berkesan mengikut undang-undang. Plaintif juga memohon ganti rugi. Pada masa yang berkenaan, plaintif-plaintif adalah banduan tahanan dalam

jagaan defendan pertama, yang berada dibawah jagaan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (defendan kedua) yang merupakan ejen bagi Kerajaan Malaysia ('defendan ketiga'). Disebabkan mogok lapar, plaintif-plaintif mengatakan bahawa mereka telah dihukum dengan dipenjarakan selama 23 jam sehari dan tidak dibenarkan rutin harian. Saman plaintif-plaintif telah disokong sebahagian besarnya oleh peguam mereka yang telah mengesahkan penegasan mereka dan bukannya oleh affidavit mereka sendiri. Walau bagaimanapun, affidavit tambahan telah difailkan oleh plaintif-plaintif untuk mengesahkan affidavit peguam itu. Maka, isu yang timbul adalah, isu prosedur sama ada saman itu di luar aturan atas sebab ianya tidak disokong oleh affidavit plaintif-plaintif.

Mahkamah memutuskan menolak permohonan plaintif-plaintif dan menyatakan bahawa jikalau seseorang peguam percaya bahawa beliau mungkin menjadi seorang saksi didalam sesuatu kes, adalah wajar jika dia tidak mengendalikan kes tersebut di mahkamah mengikut Kaedah 28 KPGAE 1978. Ia adalah bertentangan dengan etika profesion jika peguam mengangkat sumpah sesuatu affidavit tentang dakwaan substantif untuk anak-anak guamnya dalam suatu kes dan kemudiannya mengendalikan kes itu di mahkamah. Oleh yang demikian, peguam bagi pihak plaintif tidak patut hadir di mahkamah untuk mengendalikan kes itu untuk plaintif-plaintif dan sepatutnya memberikan kes tersebut untuk tindakan selanjutnya kepada peguam yang lain.

Dalam kes *Lee Kam Su* lwn. *Ho Sau Lin* [1999] 4 MLJ 509, plaintif telah bersetuju dibawah perjanjian jual beli (perjanjian tersebut) untuk membeli dua lot industri (hartanah tersebut) di sebuah kompleks industri daripada defendan pertama. Di dalam penyediaan perjanjian dan juga dokumentasi yang berkenaan, plaintif telah diwakili oleh Tetuan Cheah, Teh & Su (CTS), suatu firma peguam. Defendan kedua, seorang peguam telah mewakili defendan pertama dan bertindak sebagai pemegang amanah harta (*stakeholder*). Selepas pelaksanaan perjanjian, plaintif telah membayar penuh harga belian menurut terma-terma dan syarat-syarat perjanjian tersebut. Namun, suatu pertikaian timbul antara pihak-pihak berkenaan dengan dua kawasan meletak kereta. Defendan pertama mengatakan yang penjualan hartanah tersebut tidak termasuk kawasan meletak kenderaan tersebut, sementara plaintif menegaskan sebaliknya. Plaintif telah menamatkan perjanjian dan telah memfailkan writ terhadap defendan dan menuntut pengembalian harga belian dengan ganti rugi punitif. Didalam pernyataan tuntutan, plaintif selain daripada menuntut suatu terma tersirat untuk kemasukan kawasan meletak kereta di dalam perjanjian selanjutnya mengatakan wujudnya suatu perjanjian kolateral berkenaan dengan tempat meletak kereta tersebut. Kemudian, plaintif memohon untuk penghakiman terus (PT). Semasa perbicaraan PT, peguam untuk defendan pertama membangkitkan bantahan awal bahawa CTS, firma yang mewakili plaintif dijadikan tidak layak daripada terus mewakili plaintif didalam tindakan sivil tersebut. Peguam untuk defendan pertama menegaskan bahawa CTS adalah peguamcara untuk plaintif didalam menyiapkan perjanjian tersebut dan dengan aktif mengatakan bahawa tempat meletak kereta tersebut adalah termasuk didalam

hartanah tersebut. Oleh itu, terdapat kemungkinan bahawa defendan memasukkan CTS sebagai suatu pihak didalam prosiding-prosiding atau memanggil mereka untuk memberikan keterangan. Kedua-dua peguam plaintif dalam menghujahkan bahawa firma mereka tidak patut dijadikan tidak layak, berhujah bahawa mereka bukanlah peguamcara yang terlibat didalam transaksi hartanah tersebut dan tidak akan dipanggil untuk memberikan keterangan sebagai saksi-saksi. Oleh itu, mereka patut dibenarkan untuk terus mewakili plaintif didalam tindakan sivil.

Mahkamah telah membenarkan bantahan awal dan memutuskan bahawa adalah suatu prinsip yang mantap bahawa peguam-peguam tidak bertindak sebagai peguam dan saksi-saksi didalam prosiding-prosiding yang sama. Tetapi peraturan ini tidak terpakai jika keterangan peguamcara dan peguambela adalah berkenaan dengan perkara-perkara yang rasmi dan tiada bantahan seperti identifikasi, mengakusaksi, kawalan dokumen-dokumen dan sepertinya. Didalam kes ini, jika isu kes tersebut hanya dibataskan kepada penafsiran terma-terma perjanjian, dengan demikian seksyen 92 Akta Keterangan 1950 akan terpakai dan tiada keterangan lisan akan diterima masuk untuk menyangkal, mengubah, menambah atau mengecualikan daripadanya. Didalam situasi begini, sebarang keterangan CTS akan dihadkan kepada mengakusaksi dokumen-dokumen dan dengan itu terjatuh dibawah pengecualian Kaedah bercanggah dengan kepentingan diri dalam mewakili plaintif. Namun, tuntutan plaintif mengenai kontrak kolateral adalah terjatuh dibawah proviso seksyen 92 Akta Keterangan 1950 untuk pihak-pihak mengemukakan keterangan lisan untuk menyokong atau menidakkan

penegasan tersebut. Didalam situasi begini, peguam CTS yang mengendali pemindahhakan hartanah boleh dipanggil oleh defendan-defendan untuk memberikan keterangan dan keterangannya adalah lebih daripada formaliti sahaja. Atas sebab ini, CTS patutlah berhenti daripada mewakili plaintif untuk mengekalkan ketertiban dan untuk mengelak kepentingan yang bertentangan.

Mahkamah seterusnya memutuskan bahawa walaupun kedua-dua peguam tidak diretainkan secara peribadi oleh plaintif tetapi firma mereka telah diretainkan. Hubungan dan kedekatan rakan-rakan kongsi dan juga pembantu guaman didalam firma yang sama adalah terlalu dekat untuk memastikan bahawa kepentingan bertentangan tidak akan dipraktikkan. Mahkamah mempunyai dan akan melaksanakan bidang kuasa sedia ada untuk mengarahkan CTS daripada bertindak untuk plaintif didalam tindakan tersebut.

Dalam kes *Paruvathy a/p Palany* lwn. *A/l Govindasamy* [1999] 5 MLJ 151, plaintif memohon melalui saman pemula supaya penjagaan, kawalan dan jagaan seorang budak lelaki diberikan kepadanya, dan untuk penyenggaraan sebanyak RM500 sebulan dibayar oleh defendan kepada plaintif untuk manfaat budak tersebut. Plaintif membangkitkan bantahan permulaan bahawa En T Rajagopalu dari Tetuan T Rajagopalu & Co harus dihalang daripada mewakili defendan. Ini adalah kerana En T Rajagopalu mendeposkan affidavit dengan kesan bahawa beliau tidak pernah diarahkan oleh defendan supaya memulakan prosiding perceraian terhadap plaintif. Ini menyangkal affidavit ayah plaintif dimana ia telah mendeposkan bahawa En T

Rajagopalu telah memberitahunya bahawa defendan telah menyimpan sijil perkahwinan dan dokumen-dokumen lain dengannya bagi memulakan prosiding perceraian terhadap plaintif.

Mahkamah telah membenarkan bantahan permulaan plaintif dan menolak bantahan permulaan defendan memutuskan bahawa adalah nyata bahawa En T Rajagopalu sendiri terlibat dalam peristiwa ini. Terdapat kemungkinan bahawa En T Rajagopalu mungkin akan diperiksa balas atas affidavitnya, suatu prerogatif plaintif dan boleh dilaksanakan olehnya pada bila-bila masa dibawah Aturan 38 Kaedah 2(3) KMT.

Seterusnya, mahkamah mempunyai budi bicara untuk membenarkan suatu pihak untuk memeriksa balas seorang saksi sumpah. Encik T Rajagopalu mungkin menjadi saksi untuk defendan dan beliau akan terperangkap dibawah Kaedah 28(a) KPGAE 1978. Mahkamah selanjutnya menyatakan apabila beliau mengikrarkan affidavit tersebut, beliau tidak lagi bertindak sebagai peguam defendan tetapi sebagai seorang saksi. Oleh itu, firma guaman beliau dan rakan kongsinya serta pembantu guamannya haruslah dihalang daripada mewakili defendan. Dengan itu, mahkamah membenarkan bantahan permulaan plaintif.

Dalam kes *Syarikat Pengangkutan Sakti Sdn. Bhd.* lwn. *Tan Joo Khing t/a Bengkel Sen Tak* [1997] 5 MLJ 705, plaintif telah melantik seorang peguam, En Gana Muthusamy (En Muthusamy) untuk mendapatkan semula van kepunyaannya dari

bengkel defendan apabila defendan enggan memulangkannya semula kepada plaintif selagi jumlah sebanyak RM1,267 tidak dijelaskan oleh plaintif. Berdasarkan retainer tersebut En Muthusamy telah pergi ke bengkel defendan bersama-sama dengan wakil daripada syarikat plaintif. Di bengkel defendan, En Muthusamy telah bercakap dengan seorang bernama Tan Joo Khing (TJK) dan cuba meyakinkannya untuk menyerahkan van dengan satu akujanji daripada plaintif untuk menjelaskan semua bayaran yang perlu dijelaskan kepada bengkel tersebut tetapi tanpa menjejaskan hak plaintif untuk mempertikaikan perkara tersebut di mahkamah. Usaha tersebut tidak berhasil. Selepas itu Tetuan Gana Muthusamy & Co.(GMC) telah menyampaikan writ saman yang diendorskan dengan penyata tuntutan dan satu saman dalam kamar bersama dua affidavit kepada defendan. Di pembicaraan saman dalam kamar, peguam defendan telah membangkitkan satu bantahan permulaan bahawa GMC tidak boleh bertindak sebagai peguamcara plaintif kerana En Muthusamy akan dipanggil sebagai saksi. Tambahan lagi, beliau juga berhujah bahawa bukan sahaja En Muthusamy tidak boleh mewakili plaintif malah seluruh firma guaman, termasuk pembantu guaman, tidak patut hadir atau bertindak bagi pihak plaintif, sama ada dalam kamar atau di mahkamah terbuka.

Mahkamah telah membenarkan bantahan awal dan mengarahkan plaintif melantik peguam baru dan memutuskan bahawa dengan membenarkan peguam plaintif atau pembantu peguamnya hadir dalam kamar atau di mahkamah terbuka sedangkan peguam plaintif akan menjadi seorang saksi didalam kes tersebut akan

bercanggahan dengan perkataan-perkataan yang jelas dalam seksyen 94 (3)(n) dan (o) APG 1976. Sebagai peguam mereka patut mengambil berat kepentingan anak guam dan haruslah berkelakuan dengan tertib agar nama baik profesion guaman tidak tercemar. Firma undang-undang GMC juga tidak boleh kekal atas rekod sebagai peguamcara bagi pihak plaintif disebabkan firma tersebut dimiliki oleh En Muthusamy. Mahkamah seterusnya menyatakan apabila En Muthusamy melawat bengkel defendan dan bercakap dengan TJK, beliau telah menjadi seorang saksi terhadap isu dan fakta material yang dipertikaikan. Menurut Kaedah 28(a) KKPGAE 1978, En Muthusamy sepatutnya dihalang daripada mewakili plaintif, sama ada dalam kamar atau di mahkamah terbuka, kerana beliau tidak patut dibenarkan menjadi saksi bagi pihak defendan dan peguam bagi pihak plaintif serentak.

Mahkamah selanjutnya menegaskan Kaedah-Kaedah tersebut mestilah dipatuhi agar pengendalian litigasi adalah teratur dan untuk mengekalkan serta mematuhi taraf kelakuan yang dikehendaki daripada ahli-ahli profesion yang mulia ini. Mahkamah-mahkamah mempunyai kuasa sedia ada dan autoriti untuk menolak kebenaran untuk seseorang peguam mewakili individu tertentu dalam suatu kes tertentu. Bersemuka dengan tegahan ini, ia akan merupakan salah laku melampau pada pihak peguam berkenaan yang mewakilinya. Hak seseorang individu tertentu untuk diwakili oleh peguam yang dipilihnya sendiri adalah tidak mutlak. Mahkamah akan menentukan hak itu diikut.

Akhirnya mahkamah memutuskan bahawa kedudukannya adalah sama sekiranya seorang pembantu peguam dari firma yang sama dibenarkan mewakili kes tersebut sama ada di dalam kamar atau di mahkamah terbuka. Adalah salah untuk menyatakan bahawa En Muthusamy tidak terlibat sama sekali dalam kes ini. Sungguhpun beliau tidak akan hadir di kamar atau di mahkamah terbuka, secara tidak langsung beliau adalah terlibat. Beliau tidak dapat mengendalikan kes dengan ketertiban dan mengelak daripada percanggahan kepentingan sekiranya pembantu peguamnya dibenarkan mewakili plaintif dalam kes ini sama ada dalam kamar atau dimahkamah terbuka memandangkan beliau adalah pemilik firma undang-undang dan firma tersebut tidak boleh direkodkan sebagai peguamcara.

#### 2.2.1.11 Tidak Berkelakuan Yang Dikategorikan Sebagai Menghina Mahkamah

Peruntukan-peruntukan berkaitan dengan kelakuan yang dikategorikan menghina mahkamah ialah Kaedah-Kaedah 15,16, 17 dan 18 KPGAE 1978. Kaedah-Kaedah ini telah dibincangkan dibawah tajuk 2.2.1.8.

Seseorang peguam boleh dikenakan prosiding menghina mahkamah sekiranya dia membuat permohonan melucutkan kelayakan hakim bicara. Keadaan ini sedemikian, kerana berdasarkan seksyen 20 Akta Mahkamah Keadilan 1964 dan seksyen 11 Kod Etika Hakim 2009, permohonan pelucutan kelayakan hakim bicara lebih sesuai diuruskan melalui pejabat Hakim Besar Malaya atau hakim pengurusan. Dalam kes *Comsa Farms Bhd*. lwn. *Malaysian Asssurance Alliance*

*Bhd*. [2012] CLJ JT (1), semasa pengurusan kes hakim bicara, telah mencadangkan kepada defendan bahawa permohonan melucutkan kelayakan hakim adalah tidak perlu dan hakim memberitahu defendan bahawa defendan boleh bertemu dengan Hakim Besar Malaya memohon supaya kes itu dipindahkan kepada hakim yang lain. Hakim kemudiannya menetapkan tarikh perbicaraan walaupun defendan telah menfailkan satu permohonan untuk mengenepikan tindakan plaintif atas dasar kurang asas pendakwaan. Defendan terus membuat permohonan melucutkan kelayakan hakim bicara walaupun diperingatkan oleh hakim bicara mengenai peruntukan seksyen 20 Akta Mahkamah Keadilan 1964 dan seksyen 11 Kod Etika Hakim 2009. Hakim memutuskan bahawa permohonan melucutkan kelayakaan hakim lebih sesuai sekiranya ia diuruskan secara tidak rasmi melalui pejabat Hakim Besar Malaya. Ini adalah kerana, pengagihan kerja diantara hakim Mahkamah Tinggi adalah budibicara Hakim Besar berdasarkan seksyen 20 Akta Mahkamah Keadilan 1964 dan seksyen 11 Kod Etika Hakim 2009. Hakim seterusya memutuskan satu permohonan melucutkan kelayakan hakim adalah sangat tidak sesuai dan pemohon boleh terdedah kepada prosiding penghinaan mahkamah jika didapati permohonan telah dibuat dalam cara yang angkuh dan niat jahat atau melemahkan pentadbiran keadilan.

Dalam kes *Re Zainur Zakaria* [1999] 2 MLJ 577, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (DSAI) yang dituduh untuk empat kesalahan dibawah seksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No 22 tahun 1970 telah pada 28 November 1998 memfailkan notis usul (usul tersebut) melalui firma Tetuan Zainur Zakaria & Co

memohon untuk perintah bahawa timbalan-timbalan kanan pendakwa raya Dato' Abdul Gani Patail (AGP) dan En Azahar bin Mohamed (Azahar) dua ahli kumpulan pendakwaan dihalang, dilarang dan dilepaskan daripada mendakwa selanjutnya kes tersebut dan bahawa perkara mengenai kelakuan mereka dirujuk kepada Peguam Negara untuk tindakan yang sewajarnya. Usul tersebut disokong oleh affidavit yang diikrarkan oleh tertuduh dan berdasarkan kepada akuan berkanun (AB tersebut) yang diikrar oleh seorang peguam, Manjeet Singh Dillon (MSD), dan sepucuk surat yang ditulis oleh MSD kepada Peguam Negara yang mengatakan terdapat pendakwaan yang salah dalam kes *Pendakwaraya v Nallakaruppan a/l Solaimalai* (perbicaraan Nallakaruppan tersebut). Kedua-dua AB dan surat tersebut telah ditulis oleh MSD, peguam untuk Nallakaruppan, hasil dari pertemuannya dengan Peguam Negara, AGP dan Azahar berkenaan dengan perbicaraan Nallakaruppan. Affidavit tertuduh telah merujuk kepada MSD dan surat tersebut dan mengatakan antara lain, bahawa kedua-dua AGP dan Azahar telah meminta Nallakaruppan untuk membabitkan DSAI secara palsu dalam perbuatan melakukan jenayah seks dengan berbagai wanita yang telah berkahwin dan wanita yang belum berkahwin. Selanjutnya, affidavit juga mengatakan bahawa kedua-dua AGP dan Azahar telah menyalahgunakan kedudukan mereka dan telah bertindak di luar bidang kuasa dengan memalsukan keterangan terhadap tertuduh, supaya lebih banyak tuduhan boleh dibawa terhadapnya.

Selanjutnya, ia juga ditegaskan bahawa penglibatan kedua-dua pendakwa telah menimbulkan keraguan yang mendalam mengenai keterangan yang telah

dikemukakan oleh pihak pendakwaan didalam perbicaraan tertuduh. Apabila usul tersebut dibangkitkan untuk pendengaran pada 30 November 1998, hakim yang arif telah memberitahu pihak-pihak berkenaan bahawa beliau berniat untuk memulakan prosiding untuk penghinaan mahkamah terhadap En Zainur Zakaria (ZZ) kerana memfailkan usul dan juga affidavit tersebut. Untuk menilai semula bahan-bahan penghinaan didalam usul tersebut, hakim yang arif telah menanya ZZ pelbagai persoalan. Hakim yang arif, oleh kerana tidak berpuas hati dengan jawapan-jawapan tersebut, telah selanjutnya menamakan ZZ bagi penghinaan kerana cuba menjejaskan integriti perbicaraan. Penghina mahkamah, ZZ, telah diberi peluang untuk meminta maaf secara tidak bersyarat tetapi beliau enggan melakukannya.

Kemudian, penghina mahkamah telah diminta untuk menunjukkan sebab dan beliau telah mengatakan bahawa beliau memfailkan usul tersebut atas arahan tertuduh, anak guamnya. Permohonan penghina mahkamah untuk membawa masuk keterangan lain telah ditolak mahkamah dan selepas mendengar hujah-hujah, penghina mahkamah sekali lagi diberikan peluang untuk meminta maaf yang mana beliau enggan.

Mahkamah telah mensabitkan penghina mahkamah dan beliau dijatuhkan hukuman penjara selama tiga bulan serta memutuskan bahawa dalam prosiding penghinaan di hadapan mahkamah, semua keadaan penghinaan adalah didalam pengetahuan peribadi mahkamah dan secara am keperluan untuk saksi-saksi dipanggil tidak timbul. Beban adalah terletak keatas penghina mahkamah untuk memuaskan

mahkamah mengenai kewujudan saksi-saksi yang boleh menyokong penjelasannya. Namun, jika penjelasan tersebut tidak boleh diterima oleh mahkamah, maka persoalan memanggil saksi-saksi untuk menyokong penjelasan tidak timbul. Menurut fakta, ZZ telah meminta penangguhan untuk mengemukakan keterangan untuk menunjukkan bahawa mesyuarat antara AGP dan MSD telah berlaku. Namun, dasar keseluruhan prosiding penghinaan yang dibawa terhadap ZZ adalah berdasarkan apa yang berlaku semasa pertemuan AGP dengan MSD yang berdasarkan kepada dokumen yang difailkan oleh ZZ yang mahkamah telah terima. Oleh itu, keperluan untuk memanggil saksi-saksi yang selanjutnya untuk menunjukkan bahawa pertemuan benar-benar telah berlaku adalah tidak perlu kerana pertemuan tersebut tidak dipertikaikan.

Mahkamah seterusnya menyatakan bahawa menurut fakta, penegasan yang berdasarkan surat MSD bahawa AGP telah meminta Nallakaruppan untuk memalsukan keterangan tidak boleh dijustifikasikan. ZZ yang sedar atau patut sedar mengenai kandungan didalam eksibit ID14B, yang telah menerangkan sedikit sebanyak mengenai pembabitan Nallakaruppan dengan tertuduh, tidak patut menerima kesimpulan MSD yang telah dinyatakan didalam suratnya.

Menurut mahkamah lagi, atas fakta, pengataan terhadap pendakwa-pendakwa terjumlah kepada penghinaan mahkamah di atas prinsip-prinsip seperti yang terpakai untuk kritikan terhadap seorang hakim. Pengataan bahawa pembabitan kedua-dua pendakwa didalam kes telah menimbulkan keraguan yang mendalam

mengenai integriti keterangan akan menjejaskan keyakinan orang awam terhadap perbicaraan. Oleh itu, pemfailan usul oleh ZZ adalah remeh, menyusahkan atau menindas dan merupakan penyalahgunaan proses mahkamah dengan tujuan untuk menjejaskan integriti perbicaraan, serta terjumlah kepada penghinaan di hadapan mahkamah.

Selanjutnya mahkamah memutuskan bahawa adalah penting dan mustahak untuk menggunakan prosedur terus berdasarkan fakta kes untuk memastikan bahawa perbicaraan yang sedang dijalankan dibawa ke suatu keadaan yang wajar dan dihormati tanpa gangguan dan untuk melindungi kepentingan awam dengan memastikan bahawa integriti perbicaraan yang sedang dijalankan dikekalkan. Pemfailan permohonan oleh ZZ selanjutnya mempunyai kecenderungan untuk memesong mahkamah daripada menentukan isu secara eksklusif dengan merujuk kepada keterangan. Ia terjumlah kepada penghinaan mahkamah dimana keadaan kes ini memerlukan perhatian segera. Mahkamah kemudiannya menegaskan bahawa tidak kira apa tugas seorang peguamcara dan peguambela kepada anak guamnya, tugasnya kepada mahkamah kekal sebagai keutamaan didalam pentadbiran keadilan. Arahan daripada anak guam adalah tidak mencukupi untuk melindungi seorang pegumbela dan peguamcara apabila beliau membuat permohonan yang menghina mahkamah, seperti yang dilihat didalam kes ini. Di atas fakta, penjelasan yang diberikan oleh ZZ bahawa dia memfailkan usul atas arahan anak guamnya tidak boleh disokong menurut undang-undang.

Mahkamah telah berpuas hati melampaui keraguan munasabah bahawa ZZ menghina mahkamah dan dengan itu mendapati bahawa beliau adalah bersalah.

Akhir sekali mahkamah memutuskan bahawa dalam menghukum ZZ, mahkamah telah mempertimbangkan pelbagai faktor, iaitu: tahap melulu yang begitu tinggi ditunjukkan oleh ZZ dalam memfailkan satu usul tanpa mempertimbangkan kesannya; bahawa penghinaan mempunyai kesan menjejaskan integriti perbicaraan dan juga menjejaskan keyakinan awam dalam pentadbiran keadilan; dan sikap ZZ yang enggan meminta maaf walaupun penjelasan adalah jelas mengenai undang-undang dan fakta kepadanya. Mahkamah tidak dapat menerima rayuan ZZ untuk meringankan hukuman bahawa beliau tidak berniat untuk menghina mahkamah memandangkan tahap melulunya yang begitu tingi. Mahkamah berpendapat bahawa atas kepentingan awam satu hukuman penjara adalah perlu dan oleh itu, ZZ disabitkan dan dihukum tiga bulan penjara.

Dalam kes *Attorney General, Malaysia* lwn. *Manjeet Singh Dillon* [1991] 1 MLJ 167, Peguam Negara telah memohon supaya responden dihukum penjara kerana apa yang dikatakan penghinaan kepada mahkamah. Perkara ini timbul dari affidavit yang diikrar oleh responden untuk menyokong permohonannya mendapat perintah supaya Ketua Hakim Negara dihukumkan penjara kerana apa yang dikatakan penghinaan kepada Mahkamah Agung. Permohonan itu dibuat atas alasan-alasan yang antara lain adalah: Pertama, dalam perenggan 7 affidavit itu responden berkata bahawa responden (iaitu Ketua Hakim Negara) pada 2 Julai 1988 telah

melakukan penghinaan mahkamah dengan mencuba menghalang, mengecewa dan mengganggu sidang Mahkamah Agung 'berkenaan dengan permohonan Tun Haji Mohamed Salleh bin Abas yang disebutkan di situ. Kedua, dalam perenggan 9 affidavit itu, responden telah menuduh Ketua Hakim Negara menyalahgunakan jawatan rasmi beliau sebagai Pemangku Ketua Hakim Negara dengan mengambil beberapa tindakan yang disenaraikan didalam perenggan 6 untuk menghalang, mengecewakan dan mengganggu sidang Mahkamah Agung untuk mendengar perkara dimana responden (iaitu Ketua Hakim) sendiri adalah pihaknya. Responden juga mendakwa 'Dengan demikian perbuatan Ketua Hakim itu menjadi satu penghinaan mahkamah yang sangat melampau. Selain dari penghinaan, perbuatan responden (Ketua Hakim itu) adalah perangai buruk seperti yang dimaksudkan oleh perkara 125 Perlembagaan, yang melayakkan beliau dipecat dari jawatan beliau.' Ketiga, dalam perenggan 11(a) affidavit itu, responden menuduh Ketua Hakim 'dengan menggunakan jawatan beliau itu sebagai Pemangku Ketua Hakim, telah mengganggu perjalanan dan pentadbiran keadilan didalam prosiding yang dibawa oleh Tun Dato Haji Mohamed Salleh bin Abas.' Keempat, dalam perenggan 11(c) affidavit itu responden telah berkata kelakuan Ketua Hakim itu yang disebut itu 'adalah perbuatan menghina kedudukan dan kesaksamaan mahkamah'. Dan akhir sekali, dalam perenggan 11(d) affidavit itu, responden telah berkata perbuatan-perbuatan Ketua Hakim seperti yang disebut itu' menjadi penggunaan kuasa dengan niat tidak baik dan suatu gangguan kepada perjalanan keadilan.'

Mahkamah dengan keputusan majoriti membenarkan permohonan itu dan memutuskan bahawa yang pertama, prinsip undang-undang *common law* Inggeris mengenai penghinaan mahkamah adalah terpakai di Malaysia mengikut seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956. Oleh kerana itu apa-apa perbuatan yang dilakukan atau tulisan yang disiarkan yang bertujuan menghinakan mahkamah atau hakimnya atau merendahkan autoritinya adalah penghinaan kepada mahkamah. Yang kedua, apabila menggunakan undang-undang penghinaan mahkamah di Malaysia, mahkamah tidak akan mengabaikan keadaan tempatan dan oleh kerana itu adalah perlu mengambil pandangan yang lebih berat mengenai kehormatan mahkamah. Yang ketiga, atas fakta-fakta kes ini kritikan yang dibuat oleh responden jika diulangkan pasti akan melemahkan autoriti Ketua Hakim Negara dan merendahkan kehormatan mahkamah pada pandangan orang ramai dan oleh kerana itu penghinaan mahkamah telah dibukti terhadap responden.

Selanjutnya mahkamah menyatakan bahawa atas fakta-fakta kes ini tidak ada alasan bagi kritikan yang disebut didalam affidavit yang diikrarkan oleh responden. Tidak syak lagi responden bertujuan mengikrar affidavit itu yang mengandungi tuduhan dan kata-kata yang menjadi serangan terhadap Hakim Dato' Abdul Hamid yang menimbulkan umpatan yang tidak berasas, yang boleh dianggapkan sebagai penghinaan dan yang menggunakan perkataan yang kotor dan keji terhadap seorang hakim, dan ini adalah menjadi penghinaan dengan menjatuhkan maruah mahkamah. Akhirnya, mahkamah memutuskan bahawa responden belum lagi melintas garisan antara fitnah dan menjatuhkan maruah Ketua Hakim didalam

sifatnya sebagai hakim. Mencaci-maki seorang hakim, walaupun menjadi fitnah, bukanlah penghinaan kepada mahkamah. Caci-maki hendaklah berkait dengan tugasnya sebagai hakim untuk menjadikan perkara itu kesalahan penghinaan mahkamah. Kesalahan yang responden dituduhkan belum lagi dibuktikan.

Dalam kes *Raja Segaran a/l S Krishnan* lwn. *Bar Council Malaysia* [2000] 1 MLJ 1, plaintif merupakan ahli Majlis Peguam Malaysia ('defendan ketiga'). Beliau telah menerima satu notis mesyuarat agung luarbiasa (EGM) Majlis tersebut yang akan diadakan pada 20 November 1999. Notis tersebut membuat ketetapan bahawa Majlis Peguam ('defendan pertama') akan memerlukan penubuhan satu Suruhanjaya Diraja Siasatan untuk membuat siasatan dan cadangan yang mana bersesuaian bagi memastikan bahawa keyakinan didalam badan kehakiman Malaysia dikembalikan sepenuhnya. Pada 2 November 1999, plaintif telah menulis sepucuk surat kepada defendan-defendan meminta agar EGM tersebut dibatalkan. Pada 3 November 1999, seorang ahli defendan pertama telah menghubungi plaintif dan memaklumi beliau bahawa EGM tersebut diadakan terutamanya disebabkan oleh dakwaan-dakwaan yang dibuat terhadap badan kehakiman didalam satu affidavit yang telah difailkan. Plaintif kemudiannya telah mengeluarkan satu writ yang memohon satu injunksi untuk menghalang defendan-defendan daripada mengadakan EGM tersebut. Adalah dihujahkan bahawa sekiranya EGM tersebut diadakan dan/atau resolusi-resolusi tersebut diterima, defendan ketiga termasuk defendan pertama dan setiap ahli yang hadir ke EGM tersebut akan bersalah kerana menghina mahkamah. Perbincangan-perbincangan berkaitan dengan guaman yang masih berjalan akan

sama seperti membincangkan perkara-perkara yang *sub-judice*. Tambahan pula, kelakuan defendan pertama merupakan satu tindakan yang *mala fide* dan menyalahgunakan kuasanya dan/atau bertindak *ultra vires* peruntukan-peruntukan dan skop APG 1976 dan juga boleh menjadi satu kesalahan dibawah Akta Hasutan 1948. Defendan-defendan menghujahkan bahawa kebenaran injunksi tersebut akan sama seperti mencerobohi hak kebebasan bercakap dan menyekat Majlis tersebut. Defendan juga telah memfailkan satu permohonan untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan tersebut atas alasan bahawa pihak-pihak yang salah telah disaman. Adalah juga dihujahkan bahawa apabila memohon satu injunksi, plaintif perlu menunjukkan kewujudan ketidaksahan atau satu pelanggaran kontrak atau bahawa terdapat cubaan untuk melaksanakan satu tindakan *ultra vires*. Adalah dihujahkan bahawa plaintif tidak boleh memohon satu injunksi untuk menghalang satu penghinaan daripada berlaku.

Mahkamah membenarkan permohonan plaintif dan memutuskan bahawa defendan ketiga, satu badan korporat yang mantap menurut seksyen 42 APG 1976, mempunyai kewajipan statutori untuk mewakili, melindungi dan membantu ahli-ahli profesion guaman. Menurut seksyen 42 APG 1976, Majlis Peguam wujud 'bagi pengurusan betul urusan-urusan MPM'. Memandangkan plaintif tidak mungkin tahu siapa yang akan bercakap di EGM tersebut dan siapa yang akan mengundi di pihak EGM, pihak-pihak yang sepatutnya disaman adalah defendan-defendan pada masa itu.

Mahkamah berikutnya memutuskan bahawa plaintif tidak menghalang defendan-defendan daripada mengadakan satu EGM untuk membincangkan perkara-perkara didalam kuasa yang diberikan kepadanya. Defendan-defendan telah cuba untuk berbincang melalui perkara-perkara yang diresolusikan tersebut yang dengan jelas adalah *ultravires* kuasa-kuasa yang diberikan oleh APG 1976 keatas defendan-defendan. Hak kebebasan bercakap sepatutnya diterima kecuali jika ada berlakunya tindakan yang salah. Defendan tidak mungkin dengan sebenar-benarnya mengatakan bahawa perbuatan mereka adalah sedemikian sehingga tiada tindakan yang salah mungkin berlaku. Kemungkinan prosiding penghinaan dan pertuduhan jenayah kerana menghasut merupakan keadaan tindakan salah yang jelas datang daripada hasrat defendan-defendan untuk meneruskan EGM dan membincangkan resolusi-resolusi tersebut. Jauh daripada cubaan untuk menyekat Majlis tersebut, plaintif telah dengan ikhlas mengambil berat untuk menghalang Majlis tersebut daripada gagal memberi pertimbangan yang munasabah.

Selain daripada itu, mahkamah menyatakan resolusi tersebut adalah dengan sendirinya salah kerana ia membicarakan tentang kompetens badan kehakiman yang semakin lemah yang menjejaskan kedaulatan undang-undang di Malaysia. Wujud kenyataan yang jelas didalam resolusi defendan pertama bahawa terdapat keperluan untuk mengembalikan sepenuhnya keyakinan masyarakat didalam badan kehakiman Malaysia. Pernyataan-pernyataan sedemikian sebagaimana terkandung didalam resolusi tersebut adalah dengan jelas penuh dengan kebencian. Adalah jelas terdapat satu cubaan untuk menghakis keyakinan masyarakat didalam badan

kehakiman oleh orang-orang yang mengakui dirinya mempunyai sifat yang sesuai untuk melindunginya.

Mahkamah seterusnya memutuskan bahawa tiada satupun daripada subseksyen-subseksyen seksyen 41(1) APG 1976 boleh dikatakan telah memberikan defendan-defendan hak untuk mencadangkan resolusi-resolusi yang dipersoalkan tersebut. Perlakuan *ultra vires* peruntukan-peruntukan tersebut, terutamanya, memintas perkara 125 Perlembagaan Persekutuan, dan perbuatan memanggil suatu Suruhanjaya Diraja Siasatan, dengan jelas tidak terkandung didalam mana-mana tujuan-tujuan atau kuasa-kuasa yang diberikan kepada Majlis tersebut menurut seksyen 41(1) APG 1976. Sekiranya defendan-defendan tidak boleh memasukkan kes mereka didalam mana-mana peruntukan-peruntukan seksyen 42 APG 1976 itu, maka adalah jelas kelakuan mereka *ultra vires*. Plaintif yang merupakan seorang ahli kepada defendan ketiga mempunyai hak untuk bertindak menyaman bagi menghalang defendan-defendan daripada melakukan satu tindakan yang *ultra vires*.

Mahkamah juga menyatakan bahawa kelakuan defendan-defendan dan ahli-ahli kepada defendan ketiga jika dibenarkan hadir ke EGM dan membincangkan resolusi-resolusi tersebut akan kesila rujukan seperti satu kesalahan dibawah seksyen 4(1)(a) dibaca bersama dengan seksyen 3(1)(c) Akta Hasutan 1948. Bagaimanapun, bukanlah tugas mahkamah untuk membuat apa-apa penemuan terhadap sama ada satu kesalahan telahpun atau tidak dilakukan dibawah seksyen-seksyen tersebut. Didalam apa keadaan pun, plaintif sebenarnya telah melindungi

defendan-defendan daripada terjerumus ke dalam jurang yang amat dalam yang mereka tidak boleh keluar terselamat. Akhir sekali, mahkamah memutuskan setelah mempertimbangkan semua perkara-perkara dan isu-isu yang telah dikemukakan, mahkamah mendapati bahawa keadilan didalam kes ini daripada semua segi menunjukkan tanpa dapat dipertikaikan lagi kepada hakikat bahawa ia adalah bersesuaian untuk memberikan plaintif injunksi interim beliau.

Dalam kes *Lai Cheng Chong* lwn. *PP* [1993] 3 MLJ 147, perayu telah disabitkan di mahkamah majistret atas kesalahan dibawah seksyen 20(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan telah dihukum penjara sepuluh bulan. Beliau telah membuat rayuan terhadap sabitan dan hukumannya dan notis rayuan itu telah ditandatangani olehnya. Terdapat juga tandatangan firma guaman peguambela perayu di atas notis itu. Alamat yang tercatat didalam notis itu adalah alamat firma guaman itu. Pada hari pendengaran rayuan itu, perayu dan peguambela tidak hadir dan mahkamah telah menangguh kes itu ke 27 Oktober 1992. Beberapa hari sebelum tarikh perbicaraan baru, peguambela melalui surat kepada penolong kanan pendaftar (PKP), telah memberitahu mahkamah bahawa mereka tidak lagi mewakili perayu kerana beliau ingin melantik peguambela yang baru dan oleh yang demikian memohon untuk dikecualikan kehadiran mereka pada tarikh perbicaraan. PKP, atas arahan mahkamah, telah menelefon pejabat firma guaman tersebut dan memberitahu kerani di situ bahawa peguambela dikehendaki hadir pada 27 Oktober 1992. Pada tarikh itu, kedua-dua perayu dan peguambelanya sekali lagi tidak hadir dan mahkamah telah menangguhkan kes ke 14 November 1992. Pada tarikh

tersebut, seorang rakan kongsi dalam firma guaman tersebut telah hadir sebagai peguambela perayu dan telah meminta maaf kepada mahkamah. Isu tunggal yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada kegagalan perayu dan peguambela untuk hadir di mahkamah pada 27 Oktober 1992, yang telah menyebabkan perbicaraan terpaksa ditangguhkan, merupakan suatu penghinaan mahkamah.

Mahkamah memutuskan yang pertama, adalah menjadi keadilan yang serba kurang jika mahkamah membatalkan rayuan atas kegagalan pihak-pihak, terutama sekali peguambela, untuk hadir di mahkamah tetapi sebaliknya, mahkamah harus melindungi hak litigan untuk mengutarakan kesnya. Mahkamah harus mencari jalan untuk bertindak terhadap orang yang bertanggungjawab atas keingkaran itu dan satu daripada caranya ialah dengan menggunakan undang-undang penghinaan mahkamah.

Seterusnya mahkamah memutuskan bahawa dengan meletakkan nama mereka dalam rekod didalam notis rayuan sebagai mewakili perayu, peguambela mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kehadiran perayu dan dirinya sendiri di mahkamah. Kegagalan mereka berbuat demikian, yang menyebabkan perbicaraan terpaksa ditangguhkan, telah menggugat keadilan serta pentadbirannya dan satu kes prima facie penghinaan mahkamah telah dibuktikan.

Mahkamah akhirnya memutuskan bahawa walau bagaimanapun, oleh kerana versi kejadian perayu dan peguambela berbeza antara satu sama lain tentang sebab-sebab mengapa mereka gagal hadir di mahkamah, mahkamah mempercayai mereka walaupun berasa sangsi dan tidak membuat apa-apa perintah kerana prosiding penghinaan adalah suatu prosiding keseksaan. Mahkamah juga mengambil kira bahawa kedua-dua mereka telah meminta maaf dari mahkamah dan tidak berniat hendak menghinanya. Juga, keadaan seperti dalam kes ini pertama kali ditimbang dari sudut penghinaan mahkamah.

### 2.3 Kewajipan Kepada Anak Guam

Dibawah tajuk ini, penyelidik membincangkn kewajipan-kewajipan peguam terhadap anak guamnya. Kewajipan-kewajipan yang dibincangkan ialah pertama, seorang peguam boleh menerima arahan jika dia dapat mengendalikan kes tersebut dari mula sehingga akhir dengan sempurna. Kedua, seorang peguam mesti bersedia membela anak guam dan menjalankan tugas dengan penuh perhatian terhadap kepentingan anak guamnya, Ketiga, seorang peguam mesti menjaga perkara rahsia anak guamnya, Akhir sekali, seorang peguam mesti mengelakkan pertentangan kepentingan antara tugas kepada anak guam dan kepentingan peribadi.

### 2.3.1 Seorang peguam Boleh Menerima Arahan Jika Dia Dapat Mengendalikan Kes Tersebut Dari Mula Sehingga Akhir Dengan Sempurna.

Kaedah 5(a) KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah tidak menerima satu arahan jika prosiding berkaitan menyebabkan atau akan menyebabkan sukar bagi dia mengekalkan kebebasan profesional atau prosiding itu tidak sesuai (*incompatible*) dengan kepentingan terbaik pentadbiran keadilan. Manakala Kaedah 5(b) KPGAE 1978 pula memperuntukkan seorang peguam yang telah memberi nasihat, menyediakan pliding atau bertindak bagi satu pihak berkaitan dengan tuntutan, pendakwaan atau pembelaan mana-mana tuntutan, rayuan atau prosiding lain hendaklah tidak bertindak, mewakili atau plid bagi pihak bertentangan dalam tuntutan, rayuan atau prosiding lain itu.

Seterusnya, menurut Kaedah 6(a) KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah tidak menerima arahan melainkan dia secara munasabah pasti berupaya hadir dan mewakili anak guamnya pada hari yang ditetapkan. Selanjutnya, Kaedah 6(b) KPGAE 1978 pula memperuntukkan seorang peguam hendaklah tidak menarik diri dari guna-khidmatan (*engagement*) sebaik sahaja telah menerima arahan tanpa sebab yang memadai dan melainkan notis munasabah dan memadai telah diberikan kepada anak guam berkenaan.

Dalam kes *Tan Pak* lwn. *Cham Boon Sam* [1992] 2 MLJ 271, pada asalnya, terdapat lima tuduhan, yang mana tindakan yang pertama telah dimulakan pada

tahun 1984. Kelima-lima tuduhan ini telah dikurangkan kepada tiga tuduhan. Ketiga-tiga tuduhan ini telah dibicarakan secara bersama. Antara Oktober 1988 dan Januari 1990 keterangan beberapa saksi telah direkodkan. Kes itu telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 23 April 1990. Pada 23 April 1990 kes itu telah ditangguhkan atas permohonan plaintif. Tuntutan-tuntutan itu akhirnya telah ditetapkan untuk perbicaraan pada Mac 1991 selepas satu lagi penangguhan. Dengan satu surat bertarikh 20 Februari 1991 peguam bagi defendan pertama telah memohon penangguhan selanjutnya atas alasan bahawa beliau sibuk didalam suatu perbicaraan pembunuhan di Mahkamah Tinggi Johor Bahru pada masa itu. Peguam bagi pihak-pihak yang lain tidak membantah permohonan itu.

Mahkamah membenarkan permohonan itu dan memutuskan bahawa yang pertama, masa kehakiman adalah diutamakan, dan peguam seharusnya peka terhadap permohonan yang banyak menghabiskan masa kehakiman. Sebaik sahaja sesuatu kes ditetapkan untuk perbicaraan seharusnya tidak ada penangguhannya kecuali sebab yang biasanya berpunca daripada keadaan yang diluar kawalan. Kedua, adalah tidak profesional bagi peguam untuk berjanji akan hadir didalam sesuatu kes sedangkan mengikut budi bicara dia seharus tahu yang dia tidak boleh berbuat begitu. Jika akibatnya kes itu hendaklah ditangguhkan akan terjadi penyalahgunaan proses mahkamah yang mana dia bersubahat dan boleh jadi adalah *prima facie* suatu penghinaan mahkamah oleh sebab ia menyentuh pelaksanaan keadilan yang berpatutan.

Ketiga, suatu permohonan untuk penangguhan perbicaraan harus diperlakukan tidak kurang serius atau secara tidak formal berbanding dengan sebarang permohonan interlokuteri (*interlocutery*) yang lain memerlukan pemakaian fikiran kehakiman dan budi bicara kehakiman. Peguam harus hadir pada hari perbicaraan dan secara formal memohon perintah untuk penangguhan.

Keempat, bahawa fakta tiada bantahan yang dibuat oleh sebarang pihak yang lain dalam tindakan-tindakan ini terhadap permohonan untuk penangguhan bukanlah tidak dapat dipertikaikan. Pemohon terpaksa mengharapkan mahkamah untuk menurut kemahuannya bererti suatu pengorbanan masa kehakiman dan masa kakitangan mahkamah yang menguruskan kes itu, menyebabkan gangguan senarai itu dan menjadikan lebih buruk tunggakan kes.

Akhir sekali, mahkamah memutuskan bahawa atas pertimbangan yang sewajarnya semua fakta dan keadaan kes ini, pengetahuan tanpa perkhidmatan peguam berpengalaman berkenaan anak guam itu akan terjejas, dan oleh kerana peguam bagi pihak-pihak yang lain tiada bantahan, maka permohonan penangguhan itu dibenarkan.

### 2.3.2 Seorang Peguam Mesti Bersedia Membela Anak Guam dan Menjalankan Tugas Dengan Penuh Perhatian Terhadap Kepentingan Anak Guam

Kewajipan ini diperuntukkan dalam Kaedah 15, 16 dan 24 KPGAE 1978. Menurut Kaedah 15 seorang peguam mestilah sentiasa menunjukkan sikap hormat kepada mahkamah. Seterusnya Kaedah 16 pula memperuntukkan bahawa seorang peguam semasa bertindak di hadapan satu tribunal, hendaklah bertindak dengan budi bahasa yang sepatutnya. Dia juga hendaklah tanpa rasa takut menegakkan kepentingan anak guamnya, kepentingan keadilan dan kemuliaan profesion tanpa mengambil kira akibat-akibat yang tidak menyenangkan (*unpleasant consequences*) yang timbul terhadap dirinya atau terhadap orang lain. Manakala menurut Kaedah 23 pula, seorang peguam mestilah membekalkan kepada mahkamah semua maklumat yang boleh memendekkan dan memungkinkan penyelesaian kes.

Dalam kes *Rondel* lwn. *Worsley* [1967] 3 All ER 993, mahkamah menegaskan bahawa adalah kewajipan peguam bertindak tanpa rasa takut, menimbulkan tiap-tiap isu, mengemukakan setiap hujah dan bertanya setiap soalan, walaubagaimana pahit pun, yang mana ia fikir akan membantu kes anak guamnya. Dalam kes *Tombling* lwn. *Universal Beb Co.*(1951) 2 TLR 289, mahkamah memutuskan bahawa adalah kewajipan peguam kepada anak guamnya dalam kes sivil atau dalam membela tertuduh membuat setiap langkah yang jujur untuk berjaya.

Dalam kes *Dato Wong Gek Meng* lwn. *Pathmanathan Mylvaganam & Ors* [1998] 1 CLJ 625, mahkamah menegaskan kewajipan peguam kepada anak guam ada dua iaitu kewajipan menurut ekuiti dan *common law*. Dari segi ekuiti, pertalian antara peguam dan anak guamnya adalah semata-mata fidusiari. Dibawah kewajipan ini peguam mesti bertindak dengan saksama dan satu sikap keterbukaan. Manakala dari aspek *common law* peguam mestilah mahir dan berhati-hati. Dia mesti mengendalikan kes anak guamnya bukan sahaja dengan mahirnya tetapi juga dengan menggunakan pengetahuan guamannya yang berkaitan dan sesuai.

Dalam kes *Yong & Co.* lwn. *Wee Hood Teck Development Corporation* [1984] 2 MLJ 39 mahkamah memutuskan bahawa adalah satu dari kewajipan kontraktual peguam berunding dengan anak guamnya mengenai semua keraguan yang dihadapinya, yang mana tidak termasuk dalam budibicara nyata atau tersiratnya. Peguam juga mesti sentiasa memaklumkan kepada anak guamnya setiap perkembangan mengenai perkara yang sama.

Sungguhpun demikian menurut kes *Lai Cheng Chong* lwn. *PP* [1993] 3 MLJ 147 satu kes *prima facie* hina mahkamah adalah dibuktikan apabila seorang peguam gagal hadir perbicaraan apabila mahkamah meminta peguam itu hadir perbicaraan kes yang diwakilinya walaupun peguam itu menyatakan bahawa dia telah dilepaskan oleh anak guamnya. Isu tunggal yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada kegagalan perayu dan peguambela untuk hadir di mahkamah pada

27 Oktober 1992, yang telah menyebabkan perbicaraan terpaksa ditangguhkan, merupakan suatu penghinaan mahkamah.

Mahkamah memutuskan diantaranya, oleh kerana versi kejadian perayu dan peguambela berbeza antara satu sama lain tentang sebab-sebab mengapa mereka gagal hadir di mahkamah, mahkamah mempercayai mereka walaupun berasa sangsi dan tidak membuat apa-apa perintah kerana prosiding penghinaan adalah suatu prosiding keseksaan. Mahkamah juga mengambil kira bahawa kedua-dua mereka telah meminta maaf dari mahkamah dan tidak berniat hendak menghinanya. Selain dari itu keadaan seperti dalam kes ini adalah pertama kali ditimbang dari sudut penghinaan mahkamah.

Dalam kes *Victor Cham & Anor* lwn. *Loh Bee Tuan* [2006] 5 MLJ 359, mahkamah memutuskan bahawa dalam hal perjanjian jual beli hartanah, apabila peguam bertindak sebagai peguam bagi pihak kedua-dua penjual dan pembiaya akhir di satu pihak dan pembeli di satu pihak lagi, piawai berjaga-jaga yang dikehendaki daripada peguam terbabit adalah amat tinggi. Dalam kes ini, melalui satu perjanjian jual beli bertarikh 6 September 1985 ('PJB'), responden/plaintif bersetuju untuk membeli daripada defendan pertama hartanah yang dipersoalkan ('hartanah tersebut') pada harga yang dipersetujui iaitu RM170,000. Hartanah tersebut telah dibina atas sebidang tanah ('tanah tersebut'). Pada masa transaksi jualan, tiada hak milik subsidiari telah dikeluarkan berkaitan hartanah tersebut. Perayu pertama pada setiap masa matan

merupakan pemegang saham berdaftar, pengarah dan setiausaha syarikat defendan pertama. Perayu kedua bertindak sebagai peguam kedua-dua responden dan defendan pertama dalam transaksi jual beli tersebut.

Tanah tersebut telah dicagarkan kepada Bank Sabah Bhd. dibawah gadaian yang didaftarkan dengan Pejabat Tanah pada tarikh-tarikh berbeza, iaitu sebelum dan selepas penyempurnaan PJB itu. Tanah tersebut, termasuklah hartanah tersebut, kemudiannya telah dihalang tebus oleh Bank Sabah Bhd pada 28 Mei 1993 dan dijual kepada pihak ketiga.

Responden telah memfailkan tindakan ini terhadap perayu pertama berdasarkan tort kerana dikatakan telah memberi gambaran salah yang berunsur fraud dan/atau berkonspirasi dengan defendan kedua untuk menipu atau memperdaya responden. Perayu pertama menolak dakwaan itu atas alasan yang sebagai pengarah defendan pertama, sebuah syarikat berhad, beliau tidak bertanggungjawab dari segi undang-undang sama ada dalam tort mahupun kontrak untuk tindakan atau peninggalan dipihak syarikat, sebagai syarikat, ia adalah satu entiti sah yang berbeza daripada pemegang saham atau pengarahnya. Hakim yang bijaksana mendapati melampaui keraguan munasabah bahawa salah gambaran berunsur fraud tidak mungkin dilakukan oleh defendan pertama tanpa pemberian kuasa atau persetujuan perayu pertama, yang bukan sahaja pengarah dan setiausaha defendan pertama tetapi juga memegang sebahagian besar saham dalam syarikat defendan pertama.

Terhadap perayu kedua, responden menegaskan bahawa perayu kedua bertindak sebagai peguam bagi pihak kedua-dua responden dan defendan pertama dalam transaksi jual beli lot kedai itu dan penyediaan dokumentasi yang relevan. Berdasarkan premis tersebut responden menegaskan bahawa perayu kedua sebagai peguamnya mempunyai kewajipan untuk melaksanakan kemahiran yang betul, sikap berhati-hati dan ketekunan yang profesional dalam atau tentang transaksi jual beli itu. Khususnya ia dikatakan bahawa perayu kedua telah gagal untuk membuat carian yang betul ke atas hak milik itu berhubung sekatan-sekatan dan berkaitan mendapat balik caj-caj berkaitan.

Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah membenarkan tuntutan plaintif. Perayu-perayu pertama dan kedua telah merayu. Mahkamah Rayuan menolak rayuan tersebut dan memutuskan bahawa, pertama, dengan membaca klausa 6 Perjanjian Jual Beli, adalah dijustifikasikan untuk responden berfikir bahawa perayu kedua sememangnya bertindak sebagai peguamnya. Meskipun tiada keterangan bertulis untuk menyokong retainer antara responden dan perayu kedua, dalam keadaan kes ini, satu retainer boleh secara munasabah tersirat (lihat perenggan 19). Berdasarkan fakta bahawa perayu kedua bertindak sebagai peguam bagi pihak kedua-dua penjual dan pembiaya akhir di satu pihak dan pembeli di satu pihak lagi, piawai berjaga-jaga yang dikehendaki daripada perayu kedua adalah, dalam keadaan berikut, amat tinggi. Hakim perbicaraan yang bijaksana adalah betul dalam penemuannya bahawa dalam keadaan sedemikian perayu kedua telah melanggar kewajipannya sebagai peguam responden dibawah satu retainer tersirat.

Seterusnya, Mahkamah Rayuan juga bersetuju dengan hakim yang bijaksana bahawa perayu kedua apabila telah gagal mendapatkan perjanjian penebusan bagi pihak pembiaya akhir akan mendedahkan responden kepada risiko kehilangan hartanah tersebut sekiranya satu halang tebus diambil oleh penggadai. Ini mengakibatkan kehilangan yang terjadi kepada responden. Oleh itu, terdapat kedekatan yang memadai antara perayu kedua dan responden untuk menyebabkan perayu kedua bertanggungjawab kepada responden kerana peninggalannya untuk mengambil langkah perlu bagi mendapatkan perjanjian penebusan daripada penggadai.

### 2.3.3 Seorang Peguam Mesti Menjaga Perkara Rahsia Anak Guamnya

Kewajipan ini diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah 3-5 dan Kaedah 35(h) KPGAE 1978. Berdasarkan Kaedah 3 seorang peguam hendaklah tidak menerima arahan jika dia mendapat malu atau akan memberi malu (*embarrassed)* kepadanya. Suatu keadaan yang memberi malu (*embarrassment*) wujud:

(i) apabila peguam mendapati dia ada posessi maklumat sulit kerana dia telah memberi nasihat kepada seorang lain berkaitan dengan hal yang sama.

(ii) apabila wujud pertalian peribadi antara dia dengan satu pihak atau seorang saksi dalam prosiding yang sama.

Menurut Kaedah 4 seorang peguam hendaklah tidak menerima arahan dalam satu kes apabila dia tahu atau ada alasan mempercayai bahawa kelakuan profesionalnya akan dicabar (*impugned*). Seterusnya, Kaedah 5(a) memperuntukkan seorang peguam hendaklah tidak menerima satu arahan jika prosiding berkaitan

menyebabkan atau akan menyebabkan sukar bagi dia mengekalkan kebebasan profesional atau prosiding itu tidak sesuai (*incompatible*) dengan kepentingan terbaik pentadbiran keadilan.

Selain dari itu Kaedah 5(b) pula memperuntukkan seorang peguam yang telah memberi nasihat menyediakan pliding atau bertindak bagi satu pihak berkaitan dengan tuntutan, pendakwaan atau pembelaan mana-mana tuntutan, rayuan atau prosiding lain hendaklah tidak bertindak, mewakili atau plid bagi pihak bertentangan dalam tuntutan, rayuan atau prosiding lain itu. Selanjutnya, menurut Kaedah 35(a), seorang peguam hendaklah menahan diri dari menggunakan kepercayaan anak guam terhadapnya bagi memperolehi faedah untuk dirinya. Manakala menurut Kaedah 35(b), seorang peguam hendaklah mengekalkan kepercayaan anak guamnya terhadap dirinya dan kewajipan ini adalah berkekalan (*outlasts*) hingga selepas penggajian dirinya oleh anak guam berkaitan.

### 2.3.4 Seorang Peguam Mesti Mengelakkan Pertentangan Kepentingan Antara Tugas Kepada Anak Guam dan Kepentingan Peribadi.

Dalam membincangkan kewajipan ini Kaedah-Kaedah 3-5 adalah juga berkaitan. Peruntukan-peruntukan di atas telah dibincang dibawah tajuk kecil 2.3.3. Selain dari itu, Kaedah-Kaedah 25, 27, 35(a) KPGAE 1978 adalah juga berkaitan di sini.

Kaedah 25 memperuntukkan, seorang peguam hendaklah mendedahkan kepada anak guamnya sepanjang tempoh masa dia diretain semua keadaan-keadaan pertalian dia dengan pihak-pihak lain. Dia juga hendaklah mendedahkan kepada

anak guamnya apa-apa kepentingan dia dengan kontroversi yang mana mungkin mempengaruhi anak guamnya dalam memilih peguam. Selain dari itu Kaedah 27(a) memperuntukkan bahawa seorang peguam hendaklah tidak hadir dalam mana-mana perkara yang mana dia secara langsung mempunyai kepentingan wang.

Menurut kes *Tetuan Kumar Jaspal Quah & Aishah* lwn. *Far Legion Sdn. Bhd. & Ors* [2007] 3 MLJ 315 mahkamah memutuskan bahawa yuran profesional bukanlah maksud kepentingan wang yang diniatkan oleh Kaedah 27 (a). Dalam kes ini, satu rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi menolak permohonan perayu, sebuah firma peguamcara dan peguambela, untuk tidak melayakkan Tetuan Chellam Wong, yang juga merupakan sebuah firma peguamcara dan peguambela, daripada bertindak dalam perkara dimana ia mempunyai kepentingan wang. Perayu telah pada mulanya mewakili responden-responden di sini terhadap dua buah syarikat. Seterusnya peguam baru iaitu Tetuan Chellam Wong mewakili responden-responden. Perayu di sini kemudiannya telah bersetuju untuk digantikan dengan syarat firma baru yang menggantikannya memberikan satu aku janji untuk membayar perayu kos yang di hutang oleh responden kelak. Perayu telah menuntut bayaran daripada responden-responden berhubungan dengan yuran profesional yang belum dibayar. Selepas perayu berjaya memperoleh penghakiman terus untuk yuran profesional yang di hutang tersebut, ia telah menuntut Tetuan Chellam Wong untuk menepati aku janjinya yang terdahulu. Tetuan Chellam Wong nafi memberikan akujanji tersebut dan satu tindakan telah difailkan oleh perayu

terhadap mereka untuk mendapatkannya kembali. Ia kemudiannya telah diterima oleh Mahkamah Tinggi bahawa satu aku janji telah diberikan oleh Tetuan Chellam Wong. Pada 20 November 2002 perayu memfailkan saman dalam kamar untuk tidak melayakkan Tetuan Chellam Wong, sebarang rakan kongsi ataupun sebarang peguam daripada firma tersebut, daripada mewakili responden-responden didalam tindakan ini, oleh kerana ia bertentangan dengan Kaedah 27(a) Kaedah-Kaedah (Amalan dan Etika) Profesion Undang-Undang 1978 (Kaedah-Kaedah Amalan dan Etika) dan atau dibawah A 92 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('permohonan tidak melayakkan'). Isu di sini ialah sama ada bentuk kepentingan wang yang dipegang oleh Tetuan Chellam Wong menjustifikasikan satu 'perintah seperti dipohon' untuk permohonan tidak melayakkan tersebut.

Dalam menolak rayuan perayu, mahkamah memutuskan bahawa yang pertama, disebabkan skop dan format Kaedah 27(1), dan kecuali maksudnya diberikan definisi yang sesuai, tiada peguamcara akan dapat mewakili sesiapapun, oleh kerana kebanyakan perhubungan peguamcara-anak guam mempunyai pemahaman kewangan iaitu yuran profesional. Walaupun tanpa balasan satu aku janji kepada perayu, dan tanpa berdasarkan keputusan kes utama vis- -vis responden-responden dan kesan kemudiannya diantara Tetuan Chellam Wong dan perayu, terdapat satu kepentingan wang yang wujud diantara perayu dan responden-responden apabila perayu digantikan.

Kedua, dengan Kaedah 27(a) yang memberikan 'satu pandangan yang bertentangan' dengan, katakan, Kaedah 11 ataupun seksyen 116 Akta Profesion Undang-Undang 1976, satu tafsiran bermaksud mesti digunakan dalam keadaan kes ini dan selaras dengan hasrat Kaedah-Kaedah Amalan dan Etika dan niat Parlimen. Kaedah-Kaedah Amalan dan Etika telah dibentuk untuk mengawal kelakuan profesion undang-undang, dan memastikan satu undang-undang etika yang baik didalam profesion ini, dan bukannya secara tidak disedari menghapuskan profesion yang dihormati ini. Kecuali satu tafsiran bermaksud diberikan, keputusan yang melampau akan dicapai.

Mahkamah seterusnya menyatakan, walaupun Tetuan Chellam Wong mempunyai kepentingan wang ketika mewakili responden-responden, mahkamah ini tidak yakin bahawa Tetuan Chellam Wong telah melanggar peruntukan tersebut, ataupun kehilangan profesionalisme dan kebebasannya. Sebenarnya tiada bukti langsung yang menunjukkan sebegini. Kepentingan wang di sini adalah lebih berkenaan dengan harapan yuran profesional, dan bukannya kepentingan wang yang diniatkan oleh Kaedah 27(a) tersebut.

Akhirnya, mahkamah menegaskan, terpakai juga didalam setiap kes dimana satu aku janji telah diberikan, dimana seorang peguambela dan peguamcara akan bermaksud ia ditafsirkan sebagai kepentingan wang, pendekatan yang sebegitu akan membawa kepada keputusan yang melampau. Sebenarnya dalam menggunakan alasan yang sama, perayu yang mewakili firmanya, dan secara terus mempunyai kepentingan wang dalam perkara ini juga tidak seharusnya

hadir sebelum mahkamah ini sebagai seorang peguambela dan peguamcara yang mewakili firmanya. Dalam memakai pendekatan ini akan menyebabkan keengganan peguamcara dimasa hadapan untuk memberikan sebarang aku janji, untuk mengelak daripada dijadikan tidak layak untuk mewakili klien mereka kemudiannya, dan juga dapat dilihat peningkatan permohonan penarikan diri oleh peguamcara-peguamcara.

Seterusnya, menurut Kaedah 35(a), seorang peguam hendaklah menahan diri dari menggunakan kepercayaan anak guam terhadapnya bagi memperolehi faedah untuk dirinya. Manakala menurut Kaedah 35(b), seorang peguam hendaklah mengekalkan kepercayaan anak guamnya terhadap dirinya dan kewajipan ini adalah berkekalan (*outlasts*) sehingga selepas daripada penggajian dirinya oleh anak guam berkaitan.

Dalam kes *Rhina Bhar* lwn. *Malaysian Bar* [1994] 1 MLJ 24, plaintif yang merupakan seorang pengamal undang-undang, telah digantung sebagai pengamal undang-undang selama tiga bulan oleh suatu jawatankuasa tatatertib yang bersidang dibawah APG 1976. Suatu rayuan terhadap keputusan itu telah didengar di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dimana RR Sethu (RRS) telah mewakilinya. Plaintif tidak berjaya dan suatu penggantungan pelaksanaan telah dibenarkan sementara menanti keputusan rayuannya ke Mahkamah Agung. Dalam prosiding itu, Majlis Peguam, defendan dalam saman pemula ini, tidak dinamakan sebagai suatu pihak dan tidak mencelah walaupun wakilnya telah menghadiri pendengaran itu. Tiga hari sebelum pendengaran di Mahkamah Agung, Majlis Peguam telah membuat bantahan terhadap perwakilan plaintif di Mahkamah Agung oleh RRS,

kononnya atas alasan percanggahan kepentingan dan kesulitan. Plaintif telah memohon untuk suatu deklarasi bahawa keputusan Majlis Peguam bahawa RRS, peguambela yang diharapkan untuk rayuannya ke Mahkamah Agung itu, tidak harus hadir, adalah tidak berperlembagaan, menyalahi undang-undang, tidak berkuat kuasa, batal dan tidak sah dan tidak berkesan.

Mahkamah membenarkan permohonan plaintif dan memutuskan bahawa Majlis Peguam mahupun sebarang badan yang lain, selain daripada mahkamah undang-undang yang kompeten, tidak mempunyai hak untuk membelenggu budi bicara seseorang peguam. Tugas seseorang peguam diringkaskan dalam Kaedah 16 KPGAE 1978.

Mahkamah seterusnya menegaskan bahawa sebagai rukun am, seseorang peguam yang menjadi ahli sesuatu pihak berkuasa awam tidak harus diguna khidmat di dalam sebarang prosiding dimana pihak berkuasa itu merupakan suatu pihak ataupun dimana ia mempunyai kepentingan secara langsung. Jika terdapat keadaan luar biasa yang menjustifikasikan suatu penyimpangan daripada rukun am ini, adalah menjadi tugas peguam itu untuk memastikan bahawa kepentingan pihak berkuasa itu telahpun dilindungi. Jikalaupun Majlis Peguam boleh disamakan dengan suatu pihak berkuasa awam, ia tidak terlibat secara langsung tanpa sebarang percubaan untuk mencelah dalam prosiding itu.

Selanjutnya mahkamah menyatakan bahawa hak perlembagaan seseorang rakyat di bawah perkara 5(3) untuk mendapatkan perkhidmatan peguamcara pilihannya tertakluk kepada sekatan praktikal. Dalam kes ini, RRS sanggup, bersedia dan boleh bertindak sebagai peguambela dan mempunyai pengetahuan tentang fakta kes ini kerana telah bertindak sebagai peguambela di Mahkamah Tinggi dan telah mengendalikan prosiding sehingga 'krisis' ini timbul. Plaintif tidak mungkin dapat mencari peguambela alternatif yang dipandang tinggi untuk menghujah rayuan itu dan jika deklarasi ini tidak diberi, ia akan mengakibatkan kesusahan dan kesulitan teruk kepada plaintif kerana ia melibatkan pekerjaannya yang tunggal. Sebaliknya, tidak ada kesusahan dan kesulitan serius yang akan diakibatkan kepada Majlis Peguam jika deklarasi ini diberikan.

Akhirnya mahkamah memutuskan memberi deklarasi yang dipohon dan suatu deklarasi selanjutnya, iaitu bahawa RRS mempunyai kebebasan penuh untuk mewakili plaintif dalam rayuannya tanpa sebarang sekatan oleh Majlis Peguam mengenai cara beliau menjalankan tugasnya mengikut maksud Kaedah itu dan tanpa sebarang risiko denda dibawah undang-undang.

Dalam kes *Lee Kan Sun* lwn. *Ho Sau Lin* [1999] 4 MLJ 509, mahkamah memutuskan bahawa; yang pertama, adalah suatu prinsip yang mantap bahawa peguam-peguam tidak bertindak sebagai peguam dan saksi-saksi didalam prosiding-prosiding yang sama. Tetapi peraturan ini tidak terpakai jika keterangan peguamcara dan peguambela adalah berkenaan dengan perkara-perkara yang rasmi

dan tiada bantahan seperti identifikasi, mengakusaksi, kawalan dokumen-dokumen dan sepertinya. Didalam kes ini, jika isu kes tersebut hanya dibataskan kepada penafsiran terma-terma perjanjian, dengan demikian seksyen 92 Akta Keterangan 1950 akan terpakai dan tiada keterangan lisan akan diterima masuk untuk menyangkal, mengubah, menambah atau mengecualikan daripadanya. Didalam situasi begini, sebarang keterangan peguam plaintif akan dihadkan kepada mengakusaksi dokumen-dokumen dan dengan itu terjatuh dibawah pengecualian Kaedah bercanggah dengan kepentingan diri dalam mewakili plaintif. Namun, tuntutan plaintif mengenai kontrak kolateral adalah terjatuh dibawah proviso seksyen 92 Akta Keterangan 1950 untuk pihak-pihak mengemukakan keterangan lisan untuk menyokong atau menidakkan penegasan tersebut. Didalam situasi begini, peguam plaintif yang mengendali pemindahhakan hartanah boleh dipanggil oleh defendan-defendan untuk memberikan keterangan dan keterangannya adalah lebih daripada formaliti sahaja. Atas sebab ini, peguam plaintif patutlah berhenti daripada mewakili plaintif untuk mengekalkan ketertiban dan untuk mengelak kepentingan yang bertentangan. Mahkamah selanjutnya memutuskan bahawa walaupun kedua-dua peguam tidak diretainkan secara peribadi oleh plaintif tetapi firma mereka telah diretainkan. Hubungan dan kedekatan rakan-rakan kongsi dan juga pembantu guaman didalam firma yang sama adalah terlalu dekat untuk memastikan bahawa kepentingan bertentangan tidak akan dipraktikkan. Mahkamah mempunyai dan akan melaksanakan bidang kuasa sedia ada untuk mengarahkan peguam plaintif supaya tidak bertindak bagi pihak plaintif didalam tuntutan tersebut.

Dalam kes *Paruvatry a/p Palany* lwn. *Sathiasealan a/l Govindasamy* [1999] 5 MLJ 151, mahkamah membenarkan bantahan permulaan plaintif dan memutuskan bahawa adalah nyata bahawa peguam defendan sendiri terlibat dalam peristiwa ini. Terdapat kemungkinan bahawa peguam defendan mungkin akan diperiksa balas atas affidavitnya, suatu prerogatif plaintif dan boleh dilaksanakan olehnya pada bila-bila masa dibawah Aturan 38 Kaedah 2(3) KMT. Seterusnya, mahkamah mempunyai budi bicara untuk membenarkan suatu pihak untuk memeriksa balas seorang saksi sumpah. Peguam defendan mungkin menjadi saksi untuk defendan dan beliau akan terperangkap dibawah Kaedah 28(a) KPGAE 1978. Apabila beliau mengikrarkan affidavit tersebut, beliau tidak lagi bertindak sebagai peguam defendan tetapi sebagai seorang saksi. Oleh itu, firma guaman beliau dan rakan kongsinya serta pembantu guamannya haruslah dihalang daripada mewakili defendan. Dengan itu, bantahan permulaan plaintif dibenarkan.

Dalam kes *Syarikat Pengangkutan Sakti Sdn. Bhd.* lwn. *Tan Joo Khing t/a Bengkel Sen Tak* [1997] 5 MLJ 705, mahkamah membenarkan bantahan awal serta mengarahkan plaintif melantik peguam baru dan memutuskan bahawa dengan membenarkan peguam plaintif (Gana Muthusamy) atau pembantu peguamnya hadir dalam kamar atau di mahkamah terbuka sedangkan peguam plaintif akan menjadi seorang saksi didalam kes tersebut akan bercanggahan dengan perkataan-perkataan yang jelas dalam seksyen 94 (3)(n) dan (o) APG 1976. Sebagai peguam mereka patut mengambil berat kepentingan anak guam dan haruslah berkelakuan dengan tertib agar nama baik profesion guaman tidak tercemar. Mahkamah seterusnya

memutuskan apabila Gana Muthusamy (GM) melawat bengkel defendan dan bercakap dengan Tan Joo Khing (TJK), beliau telah menjadi seorang saksi terhadap isu dan fakta material yang dipertikaikan. Menurut Kaedah 28(a) KPGAE 1978, GM sepatutnya dihalang daripada mewakili plaintif, sama ada dalam kamar atau di mahkamah terbuka, kerana beliau tidak patut dibenarkan menjadi saksi bagi pihak defendan dan peguam bagi pihak plaintif serentak. Kaedah-Kaedah tersebut mestilah dipatuhi agar pengendalian litigasi adalah teratur dan untuk mengekalkan serta mematuhi taraf kelakuan yang dikehendaki daripada ahli-ahli profesion yang mulia ini. Mahkamah-mahkamah mempunyai kuasa sedia ada dan autoriti untuk menolak kebenaran untuk seseorang peguam mewakili individu tertentu dalam suatu kes tertentu. Bersemuka dengan sanksi ini, ia akan merupakan salah laku melampau pada pihak peguam berkenaan yang mewakili. Hak seseorang individu tertentu untuk diwakili oleh peguam yang dipilihnya sendiri adalah tidak mutlak. Mahkamah akan menentukan hak itu.

Mahkamah selanjutnya memutuskan bahawa kedudukannya adalah sama sekiranya seorang pembantu peguam dari firma yang sama dibenarkan mewakili kes tersebut sama ada di dalam kamar atau di mahkamah terbuka. Adalah salah untuk menyatakan bahawa GM tidak terlibat sama sekali dalam kes ini. Sungguhpun beliau tidak akan hadir di kamar atau di mahkamah terbuka, secara tidak langsung beliau adalah terlibat. Beliau tidak dapat mengendalikan kes dengan ketertiban dan mengelak daripada percanggahan kepentingan sekiranya pembantu peguamnya dibenarkan mewakili plaintif dalam kes ini sama ada dalam kamar atau di

mahkamah terbuka memandangkan beliau adalah pemilik firma undang-undang dan firma tersebut tidak boleh direkodkan sebagai peguamcara. Akhirnya, mahkamah mengarahkan plaintif melantik peguam baru.

### 2.4 Kelakuan Terhadap Peguam Lain dan Pihak Bertentangan

Dibawah tajuk ini, penyelidik membincangkan kewajipan-kewajipan peguam, yang pertama, kewajipan tidak berkomunikasi dengan anak guam kepunyaan peguam lain. Dan kedua, kewajipan tidak mewakili anak guam yang diwakili oleh peguam lain

#### 2.4.1 Tidak Berkomunikasi Dengan Anak Guam Kepunyaan Peguam Lain

Kaedah 42 KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam tidak boleh berkomunikasi mengenai apa-apa perkara dengan anak guam yang diwakili oleh seorang peguam lain.

#### 2.4.2 Tidak Mewakili Anak Guam Yang Diwakili Oleh Peguam Lain

Menurut Kaedah 54 KPGAE 1978 seorang peguam mestilah tidak dengan disedarinya mewakili anak guam yang telah diwakili oleh peguam lain.

### 2.5 Kelakuan Lain Yang Diperuntukkan DiBawah Kaedah-Kaedah 12, 13, 14, 18, 24(c), 33, dan 56 KPGAE 1978

Menurut Kaedah 12, seorang peguam hendaklah tidak menjalankan satu kes sivil semata-mata untuk melengahkan prosiding atau menyakitkan hati (*harass*) atau

memudaratkan pihak bertentangan atau sebagai satu penindasan (*oppression*). Dalihan yang digunakan juga tidak boleh digunakan bagi tujuan yang sama.

Seterusnya Kaedah 13 memperuntukkan seorang peguam hendaklah mengawal dirinya dari mengemukakan soalan yang bertujuan memalukan atau mengganggu (*annoy*). Peguam berkenaan hendaklah menggunakan pertimbangan dirinya sendiri mengenai kandungan dan bentuk soalan yang dikemukakan (Kaedah 13, KPGAE 1978). Manakala menurut Kaedah 14(a), soalan-soalan yang menjejaskan kredibiliti dengan menyerang karakter tetapi tidak berkaitan dengan siasatan sebenar hendaklah tidak ditanya melainkan pemeriksa balas ada alasan yang munasabah bahawa imputasi (*imputation*) itu ada alasan yang baik dan benar. Soalan-soalan berkaitan yang begitu jauh (*so remote*) dari segi masa atau karakter yang tidak secara material menjejaskan kredibiliti seorang saksi, hendaklah tidak disoal (Kaedah 14(b)).

Kaedah 18 pula selanjutnya memperuntukkan bahawa kelakuan seorang peguam terhadap mahkamah dan peguam yang lain hendaklah dilakukan dengan ketulusan (*candour*), budi bahasa (*courtesy*) dan kesaksamaan (*fairness*). Selain dari itu Kaedah 24(c) memperuntukkan adalah tidak wajar seorang peguam memohon penangguhan kes semasa ketiadaan peguam pihak satu lagi, melainkan dia telah memberi notis sekurang-kurangnya 48 jam tentang niatnya membuat permohonan penangguhan.

Berdasarkan Kaedah 33, seorang peguam hendaklah melayan saksi dan pihak-pihak lain secara saksama. Dia juga hendaklah tidak cenderung menyakitkan hati atau memudaratkan seorang anak guam semasa mengendalikan sesuatu kes. Akhir sekali Kaedah 56 memperuntukkan seorang peguam tidak boleh memohon penghakiman ingkar (*judgment by default*) terhadap seorang anak guam sekiranya dia mengetahui anak guam itu diwakili oleh seorang peguam lain melainkan dia telah memberi notis tentang niatnya untuk mendapatkan penghakiman ingkar itu dan tujuh hari telah berlalu selepas serah-hantar notis tersebut kepada peguam anak guam berkenaan.

Dalam kes *RHB Finance Bhd.* lwn. *CN Corporate Network (M) Sdn. Bhd*. [2000] 5 MLJ 686, plaintif telah mendakwa enam defendan dan menyampaikan writ saman dan pernyataan tuntutan kepada defendan pertama, kedua dan ketiga yang memasukkan kehadiran (*enter appearance*) pada 9 April 1998. Pada 27 November 1998, peguamcara defendan-defendan telah mendapatkan suatu pelepasan daripada guaman tersebut (*discharge*) tetapi perintah yang tidak disempurnakan hanya difailkan pada 4 Januari 1999. Apabila kedua-dua peguam hadir pada 5 Januari 1999 untuk pengurusan kes, peguam defendan memastikan bahawa beliau masih tercatat atas rekod kerana perintah *fair order* masih belum dikeluarkan daripada daftar. Mahkamah kemudiannya menetapkan 3 Februari 1999 untuk pengurusan kes tetapi ini ditangguhkan kepada 22 Februari 1999 kerana hakim tidak hadir. Mahkamah kemudiannya memberitahu peguamcara plaintif dan defendan melalui surat bertarikh 11 Februari 1999 supaya hadir pada 22 Februari 1999. Walau

bagaimanapun, plaintif telah memperolehi penghakiman ingkar pembelaan pada 4 Februari 1999. Defendan-defendan telah membuat permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar tersebut dan penolong kanan pendaftar telah membenarkan permohonan tersebut dan memberi defendan-defendan 14 hari untuk memfailkan pembelaan. Plaintif kemudiannya membuat rayuan. Apabila ditanya oleh hakim sama ada plaintif telah memberikan notis berkanun sebelum memperolehi penghakiman, peguam plaintif mengaku bahawa beliau cuma telah memberi notis lisan.

Mahkamah menolak rayuan tanpa perintah untuk kos dan memutuskan bahawa peguamcara plaintif wajib memberi notis berkanun yang biasa menurut Kaedah 56 KPGAE 1978 kepada peguamcara defendan memandangkan mereka masih tercatat dalam rekod kerana apabila kedua-dua peguam hadir di mahkamah pada 5 Januari 1999, perintah yang tidak disempurnakan berhubung dengan pelepasan tersebut belum lagi dikeluarkan. Mahkamah seterusnya memutuskan bahawa sedangkan seksyen 77(3) APG 1976 mempunyai peruntukan bagi kemungkinan prosiding tatatertib terhadap seseorang peguam sekiranya melanggar mana-mana Kaedah, sebarang pelanggaran Kaedah sepatutnya dipertimbangkan oleh mahkamah atas kerelevanan. Ini adalah kerana tujuan dan kesan sebenar Kaedah ini diperkenalkan adalah untuk menunjukkan kepada peguam yang terlatih bahawa mereka tidak dapat memperoleh penghakiman ingkar melainkan mereka telah mematuhi peruntukan Kaedah tersebut. Dengan itu, sebarang pelanggaran Kaedah 56 mestilah secara perlu memberi hak kepada defendan, sekiranya ia berjaya

menunjukkan kemungkiran, untuk mengetepikan penghakiman yang diperoleh atas keingkaran.

Dalam kes *Madam Packiam Ramalingam* lwn. *Badan Peguam Malaysia* [2000] 1 MLJ 151, plaintif mendepositkan dokumen hak milik asal hartanah dengan peguamnya Meredith Coelho (MC) yang kemudian melarikan diri. Hartanah tersebut telah dipindahkan kepada Yen Seng Credit and Leasing Sdn Bhd (YSCL) yang kemudian memindahkannya kepada Siow Moon Seng (SMS). Tetuan Skrine & Co (TSC) telah memfailkan tindakan sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi pihak plaintif dan guaman tersebut menamakan YSCL, SMS dan Pendaftar Hak Milik, Selangor Darul Ehsan sebagai defendan-defendan. Oleh kerana kes plaintif telah dibawa kepada perhatian defendan, defendan bersetuju untuk membayar plaintif wang berjumlah RM22,396.65 ('jumlah tersebut') daripada tabung pampasannya tertakluk kepada kesudahan guaman sivil berkenaan. Melalui surat bertarikh 2 Jun 1989, TSC meminta defendan untuk membayar pampasan yang patut diterima plaintif dengan akujanji bahawa jika plaintif berjaya didalam kes yang difailkan, TSC akan memastikan bahawa perintah yang diperoleh adalah termasuk suatu perintah untuk pembayaran dalam jumlah yang sama kepada defendan daripada apa-apa wang yang diperolehi daripada guaman tersebut. Defendan telah menyerahkan jumlah wang tersebut. Guaman sivil berkenaan tidak dibicarakan. Perkara tersebut telah diselesaikan di luar mahkamah pada 23 Oktober 1996 dimana plaintif telah memperolehi jumlah RM150,000.00. Defendan telah meminta pengembalian jumlah tersebut termasuk faedah. Plaintif telah memfailkan

saman pemula untuk mengisytiharkan bahawa diatas penafsiran yang benar dan wajar akan akujanji yang diberikan oleh peguam plaintif, defendan tidak berhak untuk dibayar jumlah tersebut. Isu mengenai faedah jumlah tersebut juga timbul untuk pertimbangan mahkamah.

Mahkamah menolak permohonan tersebut dan memutuskan bahawa TSC mestilah berpegang kepada akujanji mereka kepada defendan. Untuk mengatakan bahawa penyelesaian di luar mahkamah adalah di luar liputan akujanji, akan menghalang perjalanan keadilan. Akujanji tersebut adalah jelas dari segi terma-termanya. Tiada keperluan untuk ia dihakimi dan tiada keperluan untuk ia terus ke perbicaraan penuh untuk memastikan kejayaan usaha plaintif-plainitf berkenaan dengan guaman sivil berkenaan. Didalam menderafkan penyelesaian di luar mahkamah, tiada usaha untuk memasukkan keperluan untuk membayar jumlah wang yang sama balik kepada Majlis Peguam Malaysia agar plaintif tidak akan memperoleh tuntutan berganda. Seksyen 80(13) APG 1976 menyatakan, antara lain, bahawa wang yang diperolehi daripada tabung pampasan akan dikecualikan daripada pendapatan dan semua cukai-cukai yang lain dan tidak terdapat keperluan untuk menuntut faedah daripada TSC.

### 2.6 Pekerjaan dan Pengiklanan

Dibawah tajuk ini, penyelidik akan membincangkan peraturan-peraturan semasa menjalankan pekerjaan sebagai peguam dan pengiklanan berkaitan profesion guaman.

### 2.6.1 Kaedah-Kaedah Berkaitan Pekerjaan

Kaedah-Kaedah 2 hingga 39 KPGAE 1978 adalah merupakan Kaedah-Kaedah semasa bekerja. Ia menetapkan apakah yang boleh dilakukan semasa bekerja, apa yang mesti dielakkan semasa bekerja dan apa yang mesti dielakkan setelah bersara dari menjadi pengamal undang-undang. Kaedah 2 KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah memberi nasihat atau menerima apa-apa arahan dengan bayaran profesional yang wajar menurut panjang dan sukarnya kes itu. Sungguhpun demikian dalam keadaan-keadaan khas menurut budibicaranya, dia boleh menolak menerima arahan. Kaedah 3 hingga 5 KPGAE 1978, telah pun dibincangkan di bawah tajuk kecil 2.2.1.10.

Dalam kes *Rhina Bhar* lwn. *Malaysian Bar* [1994] 1 MLJ 24, mahkamah telah memutuskan bahawa sebagai peraturan am, seseorang peguamcara yang menjadi ahli sesuatu pihak berkuasa awam tidak harus diguna khidmat didalam sebarang prosiding dimana pihak berkuasa itu merupakan suatu pihak ataupun dimana ia mempunyai kepentingan secara langsung. Jika terdapat keadaan luar biasa yang menjustifikasikan suatu penyimpangan daripada peraturan am ini, adalah menjadi tugas peguamcara itu untuk memastikan bahawa kepentingan pihak berkuasa itu telahpun dilindungi.

Menurut Kaedah 7(a) KPGAE 1978 seorang peguam tidak boleh menerima apa-apa saraan bagi apa yang dilakukannya sebagai ahli Parlimen atau ahli Dewan

Undangan Negeri. Seorang peguam juga tidak boleh menerima jawatan pengarah eksekutif atau setiausaha eksekutif syarikat tanpa kebenaran bertulis daripada MPM (Kaedah 7(b), KPGAE 1978). Seterusnya Kaedah 8(a) KPGAE 1978 memperuntukkan bahawa seorang peguam yang ditugaskan sebagai peguam dalam mana-mana kes sivil atau jenayah hendaklah tidak memohon pengecualian atas alasan yang remeh. Peguam berkenaan juga hendaklah selalu mempamirkan usahanya yang terbaik (*exert his best effort*) dalam melaksanakan tugasan itu. Selain dari itu, Kaedah 9(b) KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah menggunakan dalihan yang boleh digunakan seseorang tertuduh atas satu kesalahan tanpa mempedulikan pendapat peribadinya mengenai salah atau tidaknya tertuduh itu.

Menurut Kaedah 10(a) KPGAE 1978, seorang peguam yang hadir bagi pihak pendakwa dalam pendakwaan kes jenayah hendaklah tidak menjalankan pendakwaan hingga menyebabkan disabitkan seorang yang tidak bersalah. Material yang boleh membuktikan tidak bersalah tertuduh berkenaan hendaklah tidak disembunyikan (Kaedah 10(a), KPGAE 1978).

Kaedah 11 KPGAE 1978 memperuntukkan bahawa dalam mempertimbangkan jumlah bayaran (*fee*) bagi perkara bertikaian (*contentious*) yang melibatkan perwakilan anak guam di mahkamah, adalah wajar mempertimbangkan :

(a) masa, tenaga atau kemahiran diperlukan;

(b) sesuatu yang baru (*novelty*) dan sukarnya persoalan yang terlibat;

(c) sama ada penerimaan penggajian (*employment*) tersebut akan menghalang kehadiran peguam itu bagi kes-kes lain yang mana dia ada jangkaan munasabah;

(d) caj-caj biasa profesion bagi khidmat serupa;

(e) amaun yang menjadi kontroversi;

(f) manfaat kepada anak guam dari khidmat itu;

(g) sifat guna-khidmatan(*engagement*) itu sama ada kasual atau bagi anak guam yang sedia ada;

(h) kedudukan khas atau kekananan peguam terbabit.

Manakala menurut Kaedah 12 KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah tidak menjalankan satu kes sivil semata-mata untuk melengahkan prosiding atau menyakitkan hati (*harass*) atau memudaratkan pihak bertentangan atau sebagai satu penindasan (*oppression*). Dalihan yang digunakan juga tidak boleh digunakan bagi tujuan yang sama. Seterusnya Kaedah 13 KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah mengawal dirinya dari mengemukakan soalan yang bertujuan memalukan atau mengganggu (*annoy*). Peguam berkenaan hendaklah menggunakan pertimbangan dirinya sendiri mengenai kandungan dan bentuk soalan yang dikemukakan (Kaedah 13, KPGAE 1978).

Selain dari itu, menurut Kaedah 14(a) KPGAE 1978, soalan-soalan yang menjejaskan kredibiliti dengan menyerang karakter tetapi tidak berkaitan dengan siasatan sebenar hendaklah tidak ditanya melainkan pemeriksa balas ada alasan

yang munasabah bahawa imputasi (*imputation*) itu ada alasan yang baik dan benar. Soalan-soalan berkaitan yang begitu jauh (*so remote*) dari segi masa atau karakter yang tidak secara material menjejaskan kredibiliti seorang saksi, hendaklah tidak disoal (Kaedah 14(b), KPGAE 1978). Berdasarkan Kaedah 15 KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah sentiasa mengekalkan sikap penuh hormat kepada mahkamah.

Kaedah 16 KPGAE 1978 pula memperuntukkan bahawa seorang peguam semasa bertindak di hadapan satu tribunal, hendaklah bertindak dengan tingkahlaku yang sopan dan beradab yang sepatutnya, menegakkan kepentingan anak guamnya, keadilan dan kemuliaan profesion. Dia hendaklah bertindak sedemikian tanpa menghiraukan akibat-akibat tidak menyenangkan yang timbul terhadap dirinya atau orang lain.

Dalam kes *Rhina Bhar* lwn. *Malaysian Bar* [1994] 1 MLJ 24, plaintif yang merupakan seorang peguam yang menjalankan amalan, telah digantung selama tiga bulan oleh suatu jawatankuasa tatatertib yang dipanggil dibawah APG 1976. Suatu rayuan terhadap keputusan itu telah didengar di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di mana RR Sethu (RRS) telah mewakilinya. Plaintif tidak berjaya dan suatu penggantungan perlaksanaan telah dibenarkan sementara menanti keputusan rayuannya ke Mahkamah Agung. Dalam prosiding itu, Majlis Peguam, defendan dalam saman pemula ini, tidak dinamakan sebagai suatu pihak dan tidak mencelah walaupun wakilnya telah menghadiri pendengaran itu. Tiga hari sebelum

pendengaran di Mahkamah Agung, Majlis Peguam telah membuat bantahan terhadap perwakilan plaintif di Mahkamah Agung oleh RRS, kononnya atas alasan percanggahan kepentingan dan kesulitan. Plaintif telah memohon untuk suatu deklarasi bahawa keputusan Majlis Peguam bahawa RRS, peguambela yang diharapkan untuk rayuannya ke Mahkamah Agung itu, tidak harus hadir, adalah tidak berperlembagaan, menyalahi undang-undang, tidak berkuat kuasa, batal dan tidak sah dan tidak berkesan. Mahkamah membenarkan permohonan plaintif dan memutuskan bahawa Majlis Peguam mahupun sebarang badan yang lain, selain daripada mahkamah undang-undang yang kompeten, tidak mempunyai hak untuk membelenggu budi bicara seseorang peguambela. Tugas seseorang peguam diringkaskan dalam Kaedah 16 KPGAE 1978.

Manakala Kaedah 17 KPGAE 1978 memperuntukkan seorang peguam hendaklah tidak mengamalkan apa-apa perdayaan (*deception*) terhadap mahkamah. Seterusnya menurut Kaedah 18 pula kelakuan seorang peguam terhadap mahkamah dan peguam yang lain hendaklah dilakukan dengan ketulusan (*candour*), budi bahasa (*courtesy*) dan kesaksamaan (*fairness*). Apabila seseorang peguam memulakan kes, dia hendaklah tidak merujuk apa-apa fakta yang mana dia tidak boleh membuktikannya (Kaedah 19, KPGAE 1978).

Menurut peruntukan 20(a) KPGAE 1978, adalah merupakan kewajipan peguam membawa kepada pengetahuan hakim apa-apa nas yang diketahuinya sama ada

yang menyokong atau menentang anak guamnnya. Kaedah 21 KPGAE 1978 memperuntukkan adalah tidak wajar seorang peguam bertindak seperti berikut:

(a) dengan disedarinya membuat petikan yang salah (*misquote*) kandungan-kandungan satu kertas, testimoni seorang saksi, hujah peguam bertentangan, bahasa satu keputusan atau buku teks; atau

(b) dengan pengetahuan tentang keesahannya, mengemukakan satu keputusan yang telah ditolak atau satu statut yang telah dimansuhkan; atau

(c) dalam penghujahan menyatakan satu fakta yang mana tidak dibuktikan; atau

(d) mengelirukan lawannya dengan menyembunyi atau merahsiakan dalam ucapan pembukaannya, posisi yang mana dia berniat bergantung padanya.

Menurut Kaedah 22(a) KPGAE 1978 selepas penamatan keterangan dan hujah, tetapi penghakiman direzabkan, apabila seorang peguam yang menemui satu proposisi (*proposition*) undang-undang atau satu keputusan yang secara langsung berkaitan, dia hendaklah membawanya kepada perhatian mahkamah. Peguam pihak yang berlawanan hendaklah bersetuju terhadap cadangan itu walaupun proposisi itu bertentangan dengan kepentingan dia (Kaedah 22(a) KPGAE 1978). Manakala Kaedah 23 pula memperuntukkan seorang peguam mestilah mengemukakan kepada mahkamah semua maklumat yang boleh memendekkan dan memungkinkan penyelesaian kes.

Seterusnya Kaedah 24(a) KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah bersedia pada hari perbicaraan yang ditetapkan. Seorang peguam boleh memohon penangguhan

kes atas alasan yang baik dan kukuh sahaja (Kaedah 24(a), KPGAE 1978). Manakala menurut Kaedah 24(c) adalah tidak wajar seorang peguam memohon penangguhan kes semasa ketiadaan peguam pihak satu lagi, melainkan dia telah memberi notis sekurang-kurangnya 48 jam tentang niatnya membuat permohonan penangguhan.

Berdasarkan Kaedah 25 KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah mendedahkan kepada anak guamnya sepanjang tempoh masa dia diretain semua keadaan-keadaan pertalian dia dengan pihak-pihak berkaitan. Dia juga hendaklah mendedahkan kepada anak guamnya apa-apa kepentingan dia dengan kontroversi yang mana mungkin mempengaruhi anak guamnya dalam memilih peguam. Seorang peguam mestilah mengelakkan semua perkara yang cenderung mengelirukan satu pihak yang tidak diwakili oleh peguam (Kaedah 26, KPGAE 1978). Seorang peguam hendaklah tidak hadir dalam mana-mana perkara yang mana dia secara langsung mempunyai kepentingan kewangan (Kaedah 27(a), KPGAE 1978). Menurut Kaedah 28 KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah tidak hadir dimana-mana mahkamah atau dalam kamar dalam mana-mana kes yang mana dia ada sebab mempercayai bahawa dia akan menjadi saksi mengenai satu material dan satu soalan fakta yang dipertikaikan. Seorang peguam yang mewakili mana-mana kausa mestilah tidak memberi keterangan bagi pihak anak guamnya dalam kausa berkenaan (Kaedah 29 KPGAE 1978).

Seterusnya menurut Kaedah 30(a) KPGAE 1978 memperuntukkan peguam yang hadir mahkamah sebagai pihak atau seorang dalam kandang saksi hendaklah tidak memakai jubah. Seorang peguam juga tidak boleh memakai jubah semasa di tempat awam melainkan di mahkamah atau semasa majlis-majlis keramaian yang ditetapkan oleh Majlis Peguam atau mahkamah (Kaedah 30(c), KPGAE 1978). Peguam juga tidak boleh memakai jubah dalam perjalanan pergi dan balik ke mahkamah (Kaedah 30(c) KPGAE 1978). Manakala menurut Kaedah 31 KPGAE 1978 setiap peguam mestilah sentiasa menegakkan kemuliaan dan ketinggian profesionnnya. Seterusnya perasaan yang wujud antara anak guam hendaklah tidak mempengaruhi peguam dalam pengendalian dan kelakuan terhadap satu sama lain dan saksi-saksi mereka dalam kes (Kaedah 32, KPGAE 1978).

Berdasarkan Kaedah 33 KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah melayan saksi dan pihak-pihak lain secara saksama. Dia juga hendaklah tidak cenderung mencederakan atau memudaratkan seorang anak guam semasa mengendalikan sesuatu kes. Seorang peguam boleh menemuramah saksi pihak lawan dalam kes sivil atau jenayah tanpa kerelaan pihak lawan dengan syarat notis telah diberikan kepada peguam pihak lawan itu (Kaedah 34, KPGAE 1978).

Seorang peguam hendaklah menahan diri dari menggunakan kepercayaan anak guam terhadapnya bagi memperolehi faedah untuk dirinya (Kaedah 35(a) KPGAE 1978). Manakala menurut Kaedah 35(b) KPGAE 1978 seorang peguam hendaklah mengekalkan kepercayaan anak guam terhadap dirinya dan kewajipan ini adalah

berterusan (*outlasts*) sehingga selepas penggajian dirinya oleh anak guam berkaitan.

Seorang peguam mestilah menggunakan usahanya yang terbaik menghalang anak guamnya melakukan apa-apa perkara atau perbuatan yang mana seorang peguam tidak dibenarkan melakukannya (Kaedah 36, KPGAE 1978). Ini khususnya merujuk kepada kelakuan terhadap mahkamah, pegawai-pegawai mahkamah, ahli-ahli juri, saksi-saksi dan pihak-pihak terlibat di mahkamah (Kaedah 36, KPGAE 1978). Sekiranya anak guam berkenaan masih kekal dalam kesalahan itu peguam hendaklah menamatkan perhubungannya (*relationship*) dengan anak guam itu (Kaedah 36, KPGAE 1978).

Akhir sekali Kaedah 52(a) KPGAE 1978 memperuntukkan bahawa adalah tak profesional dan kelakuan tidak wajar bagi seorang peguam membahagikan atau bersetuju membahagikan sama ada kos yang diterima atau keuntungan perniagaan dengan mana-mana orang yang tidak berkelayakan (*unqualified person*). Demikian juga adalah tidak profesional dan kelakuan tidak wajar bagi seorang peguam membayar atau bersetuju membayar apa-apa komisen, gratuiti atau balasan bernilai (*valuable consideration*) kepada orang tidak berkelayakan supaya memperolehi atau mempengaruhi untuk memperoleh apa-apa perniagaan (Kaedah 52(b), KPGAE 1978). Larangan ini dipakai kepada bayaran, pemberian atau perjanjian yang dibuat dibawah helah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan. Sungguhpun demikian peraturan ini tidak menghalang pembayaran bonus biasa kepada staf (Kaedah

52(b), KPGAE 1978). Adalah juga tak profesional dan kelakuan tidak wajar seorang peguam menerima fee kurang dari fee-fee skala yang telah ditetapkan oleh undang-undang bagi kerja-kerja tidak bertikaian (*non contentious*) yang telah dilakukannya (Kaedah 52(c), KPGAE 1978). Sungguhpun begitu dia boleh tidak mengenakan apa-apa caj sama sekali atas beberapa sebab yang khas (Kaedah 52(c), KPGAE 1978).

### 2.6.2 Kaedah-Kaedah Mengenai Pengiklanan dan Perihalan Sebagai Peguam (Kaedah-Kaedah 37-39 serta 45-52 KPGAE 1978)

Menurut Kaedah 37 seorang peguam yang menulis untuk akhbar atau penerbitan hendaklah mengambil langkah-langkah munasabah memastikan bahawa tiada perihalan dirinya sebagai peguam. Kaedah ini tertakluk kepada kecualian dibawah Kaedah 38. Kaedah 38 menyatakan bahawa Kaedah 37 tidak dipakai dalam keadaan-keadaan berikut:

(a) apabila peguam menerbitkan satu buku teks undang-undang yang mana di muka kulit buku terdapat namanya, kelayakannya dan rujukan kepada buku-buku teks lain yang mungkin telah ditulisnya. Kaedah 37 juga tidak terpakai kepada iklan buku-buku yang diterbitkan oleh peguam itu.

(b) seorang peguam yang telah besara dari amalan boleh menulis memoir mengenai pengalamannya. Sungguhpun demikian dia tidak boleh mengkhianati kepercayaan yang telah diberikan oleh anak guamnya.

(c) apabila seorang peguam menulis untuk jurnal perundangan.

Seterusnya Kaedah 39 memperuntukkan peguam yang memberi kuliah mengenai undang-undang hendaklah tidak membenarkan dirinya diperkenalkan dengan nama sebagai ahli persatuan peguam. Seorang peguam hendaklah tidak mencari pelanggan, atau mengiklan secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan pekeliling, pengiklanan, memikat atau mendesak pelanggan supaya mengguna khidmatnya (*touts*), komunikasi peribadi, temuramah, membekalkan atau membangkitkan (*inspiring*) komen-komen akhbar atau mengusahakan gambarnya diterbitkan berkaitan dengan kes-kes yang mana dia telah diguna-khidmat (Kaedah 45(a), KPGAE 1978). Manakala Kaedah 51 dengan jelas melarang seorang peguam melakukan apa jua perkara secara langsung atau tidak langsung dengan tujuan memikat atau mendesak mana-mana orang menjadi anak guamya. Seorang peguam hendaklah tidak mempamerkan plat namanya di luar pejabatnya yang menghadap jalan atau laluan awam melebihi saiz 2 1/2 kaki panjang dan 2 kaki lebar (Kaedah 45(b), KPGAE 1978). Seorang peguam juga seterusnya tidak dibenarkan menunjukkan dalam papan tanda, plat nama atau alat-alat tulis bahawa dia adalah ahli Majlis Peguam Malaysia (MPM) atau ahli pertubuhan lain atau dia adalah pakar dalam bidang tertentu (Kaedah 45(c), KPGAE 1978).

Selanjutnya Kaedah 46 pula memperuntukkan seorang peguam hendaklah tidak membuat, menyebabkan atau membenarkan sesuatu dilakukan dengan motif utama pengiklanan peribadi. Seterusnya seorang peguam hendaklah tidak memberi temuramah atau membekalkan maklumat kepada akhbar berkaitan kehidupannya, amalan, atau pendapatannya sebagai ahli persatuan peguam (Kaedah 47, KPGAE

1978). Manakala berdasarkan perkara 48 seorang peguam hendaklah tidak menyiarkan gambarnya sebagai ahli persatuan peguam kepada akhbar atau makalah berkala. Adalah satu yang berlawanan dengan etika seorang peguam menyebabkan pelaporan apa-apa perkara yang mana dia telah secara professional diguna-khidmat (Kaedah 49, KPGAE 1978). Sungguhpun begitu dia boleh mempertimbangkan dan menyemak laporan-laporan kes-kes yang mana dia telah diguna-khidmat (Kaedah 49, KPGAE 1978).

Akhir sekali Kaedah 50 memperuntukkan bahawa seorang peguam hendaklah tidak mengiklankan alamatnya atau alamat firmanya dalam mana-mana buku, pamplet, surat khabar, bahan berkala, atau apa-apa penerbitan. Dia juga tidak boleh memberi persetujuan penerbitan dalam akhbar, notis, artikel yang merujuk kepada kelayakan profesionalnya atau kelebihannya. Sungguhpun begitu, Kaedah ini tidak menghalang percetakan nama dan alamat peguam dalam senarai undang-undang (*law list*), direktori undang-undang (*law directories*), diari undang-undang (*law diaries*) dan lain-lain direktori yang dibenarkan oleh MPM dari semasa ke semasa (Kaedah 50, KPGAE 1978). Cetakan nama dan alamat juga dibenarkan dalam direktori telefon di Malaysia termasuk dalam bahagian yang direzabkan untuk iklan yang dikenali sebagai halaman kuning (*yellow pages*). Walaupun demikian, peguam mestilah tidak memberi penekanan tidak wajar dari segi cetakan besar (*large print*) atau ruang diperlebarkan (*enlarged space*). Dalam setiap kes berkaitan Kaedah ini, penerbitan itu hendaklah mematuhi apa-apa sekatan, garis panduan atau

Kaedah-Kaedah berkaitan penerbitan nama dan alamat yang ditetapkan oleh MPM dari semasa ke semasa (Kaedah 50, KPGAE 1978).

### 2.6.3 Pekerjaan atau Perniagaan Sampingan (Kaedah 7(b) dan Kaedah 44 KPGAE 1978).

Seorang peguam tidak boleh menerima jawatan pengarah eksekutif atau setiausaha eksekutif syarikat tanpa kebenaran bertulis daripada MPM (Kaedah 7(b), KPGAE 1978). Manakala menurut Kaedah 44(a) seorang peguam mestilah tidak secara aktif menjalankan perdagangan yang diisytiharkan oleh MPM sebagai tidak sesuai bagi seorang peguam untuk terlibat atau menjadi pekongsi aktif atau pegawai bergaji. Seterusnya seorang peguam mestilah tidak menjadi pekerja bergaji sepenuh masa (*full time salaried employee*) mana-mana orang, firma (selain dari firma peguam itu sendiri atau firma peguam lain) atau perbadanan sepanjang tempoh dia menjadi pengamal undang-undang (Kaedah 44(b), KPGAE 1978). Sekiranya ia masih menjadi pengamal undang-undang dan masih kekal sebagai pekerja bergaji sepenuh masa, dia hendaklah memaklumkan kepada MPM mengenai penggajian tersebut dan mengambil langkah-langkah menamatkan amalan sebagai peguam (Kaedah 44(b), KPGAE 1978).

## 2.7 Penutup dan Rumusan

Dalam Bab ini, penyelidik telah membincangkan mengenai profesion peguam. Secara khusus Bab ini telah membentangkan mengenai kelayakan untuk diterima masuk sebagai peguam berdasarkan APG 1976. Penyelidik juga telah mengupas

kewajipan peguam kepada mahkamah, kewajipan peguam kepada anak guam, kewajipan peguam kepada pihak lain dan kewajipan berkaitan pekerjaan serta pengiklanan berdasarkan KPGAE 1978 dan keputusan-keputusan mahkamah. Bab ini digunakan untuk membina item-item dalam Bahagian B soal selidik kajian ini.

# BAB TIGA

# SOROTAN KARYA DAN PEMBENTUKAN HIPOTESIS KAJIAN

## 3.0 Pendahuluan

Berdasarkan latar belakang, permasalahan kajian dan objektif yang telah dibincangkan didalam Bab Satu, Bab Tiga ini, penyelidik menjelaskan pula faktor yang menentukan tingkahlaku etika berasaskan sorotan literatur dan hasil-hasil kajian lalu. Oleh itu, secara khusus bahagian ini akan mengulas faktor-faktor yang mempengaruhi seseorang dalam membuat keputusan berkaitan tingkahlakunya. Bahagian ini juga akan menyentuh secara umum faktor yang mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang dan tumpuan diberi kepada faktor individu yang terdiri daripada ciri-ciri individu, pegangan agama, jantina, umur, tanggungjawab sosial, latar belakang pendidikan etika, pengalaman kerja dan persepsi individu.

Faktor individu yang terdiri daripada ciri-ciri individu, pegangan agama, jantina, umur, tanggungjawab sosial, latar belakang pendidikan etika, pengalaman kerja dan persepsi individu akan digunakan sebagai pemboleh ubah pemboleh ubah bebas. Daripada pemboleh ubah pemboleh ubah ini hipotesis-hipotesis kajian akan dibina.

## 3.1 Tingkat Pembangunan Moral

Dalam kajian etika perniagaan, teori tingkat pembangunan moral Kohlberg (1973) telah digunakan dengan meluasnya dalam banyak model proses pembuatan keputusan etika. Menurut teori Kolhberg (1973), ada tiga tingkat perkembangan

moral individu iaitu prakonvensional, konvensional dan pascakonvensional dan tiap-tiap tingkat mempunyai dua tahap (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000; White, 1992). Kohlberg (1973) mengkelaskan tahap 1-2 sebagai prakonvensional; 3-4 sebagai konvensional; dan 5-6 sebagai pascakonvensional. Pada tingkat prakonvensional baik dan buruk adalah difahami dalam bentuk anugerah, hukuman dan kuasa. Tingkat prakonvensional menunjukkan seseorang membuat keputusan moral dengan tujuan untuk mengelakkan hukuman atau mengelakkan penggunaan kuasa oleh orang yang lebih berautoriti, sesuatu yang menguntungkan diri sendiri atau lebih bersifat individualistik (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000). Pada tingkat prakonvensional yang paling penting adalah kuasa. 'Baik' adalah apa dikatakan oleh orang yang paling berkuasa sebagai 'baik' (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000; Elm dan Nichols, 1993; White, 1992). Tahap dua pula 'baik' adalah sesuatu yang memberi beberapa faedah kepada individu (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000; White, 1992). Manakala orang yang berada pada tahap dua, mereka menjadikan harapan dan faedah keluarga dan masyarakat mereka sebagai piawaian moral mereka (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000; White, 1992). Tahap ini juga dinamakan tahap 'anak baik' (*good boy-nice girl*) (Bertens, 2003; Elm et al., 1993). Tingkat prakonvensional biasanya terdapat pada kanak-kanak berusia antara 4-10 tahun (White, 1992).

Pada tingkat konvensional pula seseorang membuat keputusan moral kerana mematuhi undang-undang atau Kaedah, demi menjaga hubungan dengan orang lain, iaitu dari segi kepercayaan, penghormatan dan pujian orang terhadap beliau (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000). Pada tingkat ini juga, seseorang ingin menjaga imej sebagai orang yang baik dari kaca mata diri sendiri dan juga orang lain terhadap diri sendiri (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000). Tahap ketiga, kelakuan 'baik, adalah sesuatu yang menggembirakan atau membantu orang lain atau sekurang-kurangnya cuba menggembirakan atau membantu orang lain (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000; White, 1992). Pada tahap empat, ketenteraman sosial (*social order*) adalah yang paling penting; menjalankan kewajipan sendiri, menghormati pihak berkuasa dan mengekalkan *status quo* adalah dilihat sebagai suatu yang baik (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000; White, 1992). Menurut Kolhberg (1973), kebanyakan orang tidak melepasi tingkat konvensional (Christensen, 2007; Elm et al., 1993; Longenecker, et al., 1988).

Tahap kelima, tingkahlaku tingkat pascakonvensional adalah berpegang kepada kontrak sosial yang telah dipersetujui (Bertens, 2003; Elm et al., 1993). Manakala tahap keenam tingkat pascakonvensional lebih kepada mempertahankan nilai dan prinsip yang dipegang tanpa merujuk apa yang dinilai oleh majoriti masyarakat. Tahap ini adalah tahap tingkahlaku etika paling sempurna dari segi kognitif (Christensen, 2007; Abdullah et al., 2005, 2006; Bertens, 2003; Abdullah, 2000).

Dalam kajian ini tingkat tingkahlaku etika akan dijadikan pemboleh ubah bersandar. Ini dilakukan berdasarkan kajian oleh Elm et al., (1993). Bahagian seterusnya akan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang.

**3.2 Faktor-faktor Individu dan Situasi.**

Tiada terdapat kajian dalam etika peguam tentang ciri-ciri individu yang boleh mempengaruhi tingkahlaku etika peguam (Collins, 2000; Calabretta et al. 2011). Oeh itu, kajian ini menggunakan kajian-kajian etika perniagaan berkaitan ciri-ciri individu yang boleh mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang.

Dalam kajian etika perniagaan, tingkahlaku etika seseorang dipengaruhi oleh berbagai faktor. Kajian yang dijalankan oleh Abdullah (2000) mendapati ciri-ciri individu, organisasi dan situasi berpotensi mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Kajian beliau mendapati darjah kepercayaan, pegangan agama, pendedahan subjek etika semasa di IPT, gaya kepimpinan ketua, tanggungjawab sosial ketua, dan budaya etika organisasi secara langsung dapat mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Manakala kajian Abdullah et al. (2005, 2006) mendapati ciri-ciri individu dan situasi berpotensi mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Kajian Abdullah et al. (2005, 2006) mendapati jantina, pegangan agama, pendedahan kepada pengetahuan etika dapat mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang.

Untuk kajian ini penyelidik akan fokus kepada pengaruh ciri-ciri individu dan situasi terhadap tingkahlaku etika seseorang. Oleh itu bahagian berikutnya akan memperincikan pengaruh ciri-ciri tersebut.

### 3.3 Ciri-ciri Individu

Dalam kajian etika perniagaan diantara ciri-ciri individu yang boleh mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang itu ialah pegangan agama (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000; Kidwell et al., 1987; Hegarty dan Sims, 1978, 1979; McNichols dan Zimmerer, 1985; dan Siker et al., 1991), latar belakang pendidikan (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000; Hawkins dan Cocanougher, 1972; Beltramini et al., 1984; Chonko dan Hunt, 1983; Lazniak dan Inderrieden, 1987; Goodman dan Crawford, 1974; Boyd, 1982; McNichols dan Zimmerer, 1985), sikap tanggung jawab sosial (Abdullah, 2000; Singhapakdi dan Kraft, 1995; Kanungo dan Mendonca, 1996), pengalaman kerja (Abdullah et al., 2005, 2006; Syed Azizi, 1989; Arlow dan Ulrich, 1980; Stevens, 1984 dan Stevens et al., 1989), jantina (Abdullah et al., 2005, 2006; Kidwell, et al., 1987; Syed Azizi, 1989; Beltramini et al., 1984; Chonko dan Hunt, 1983; Ferrel dan Skinner, 1988; Jones dan Gautshi, 1988; Reugger dan King, 1992 dan Whipple dan Swords, 1992), persepsi individu (Abdullah et al., 2005, 2006) dan umur (Abdullah et al., 2005, 2006; Browning dan Zabriskie, 1983; Serwinek, 1992; Reugger dan King, 1992). Sungguh pun demikian dalam etika peguam tiada terdapat kajian mengenai hubungan ciri-ciri individu dengan tingkahlaku etika peguam (Collins, 2000; Calabretta, 2011). Malahan, tiada juga kajian mengenai hubungan ciri-ciri individu dengan tahap perkembangan

moral peguam (Collins, 2000; Calabretta, 2011). Maka, kajian ini akan meneroka hubungan antara ciri-ciri individu dan tahap pembangunan moral etika peguam. Untuk kajian ini, ciri-ciri individu yang akan dikaji adalah terhad kepada pegangan agama, latarbelakang pendidikan, pengalaman kerja, persepsi individu, jantina dan umur. Bahagian seterusnya akan membincangkan ciri-ciri individu berkenaan.

### 3.3.1 Pegangan Agama

Kajian Kidwell et al., (1987) terhadap perbezaan persepsi etika dikalangan pengurus lelaki dan wanita mendapati, mazhab dan kekerapan menghadiri gereja mempengaruhi keputusan etika masing-masing. Manakala kajian McNichols dan Zimmerer (1985) juga mendapati bahawa kepercayaan agama yang kuat mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap nilai etika yang dipegang. Ricklefs (1983) serta Miesing dan Preble (1985) juga mendapati mereka yang kuat pegangan agama lebih beretika daripada yang tidak kuat pegangan agama.

Seterusnya kajian oleh Siker et al. (1991) juga menunjukkan kepercayaan terhadap tradisi agama mempunyai pengaruh kepada pertimbangan moral sesebuah organisasi apabila membuat keputusan yang berkaitan dengan polisi telah yang dibentuk. Ketiga-tiga hasil kajian di atas disokong oleh pendapat Hegarty dan Sims (1978, 1979) yang mana orientasi nilai agama amat mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Hasil kajian ini dikukuhkan lagi oleh kajian Abdullah et al. (2006, 2005) dan Abdullah (2000) yang mana didapati pegangan agama seseorang

berkorelasi dan mempengaruhi secara positif dan signifikan terhadap tingkahlaku etika seseorang. Kajian Abdullah et al. (2006, 2005) mendapati pengurusan atasan syarikat yang beragama Islam lebih tinggi skor tahap etikanya dibandingkan yang bukan beragama Islam.

Menurut Mohd. Nasir (1986), tauhid atau pegangan agama menjadi asas kepada akhlak seseorang Islam. Islam memang menekankan amalan etika atau akhlak yang baik (Abdullah, 2000). Ini selaras dengan sabda Rasul S.A.W. riwayat Anas bin Malik yang bermaksud "Sesungguhnya aku telah dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Shihabuddin, 1999; Muhammad Al Ghazali; 1991; M. Ali Hassan, 1991 dan AboeBakar Atjeh, 1988). Imam Ahmad meriwayatkan hadis yang bermaksud "Tiadalah suatu kebaikan yang terlebih berat dalam timbangan neraca amalan selain akhlak yang bagus" (Imam Al-Ghazali, 1980). Imam Abu Daud meriwayatkan hadis yang bermaksud "Sesungguhnya seorang mukmin dengan kebagusan akhlaknya dia akan mencapai tingkat (mendapatkan taraf pahala) orang yang berpuasa yang bangun beribadat diwaktu malamnya" (Imam Al-Ghazali, 1980). Ibnu Majah meriwayatkan hadis yang bermaksud "Tiadalah akal (yang dipergunakan dengan sebaik-baiknya) sebagaimana mentadbir (menyusun rancangan dan mengurus kehidupan); tiadalah wara' sebagaimana bagusnya akhlak" (Imam Al-Ghazali, 1980).

Imam Ahmad meriwayatkan hadis yang bermaksud "Orang mukmin yang paling sempurna keimanannya ialah orang yang paling bagus akhlaknya" (Imam Al-

Ghazali, 1980). Imam Muslim meriwayatkan hadis yang bermaksud “Kebaikan itu ialah kebagusan akhlak, sedang dosa itu ialah apa yang tidak mententeramkan hati engkau sedangkan engkau ingin supaya perkara itu tidak diketahui orang lain” (Imam Al-Ghazali, 1980). At-Tabrani meriwayatkan hadis yang bermaksud “Akhlak yang mulia itu ialah perlakuan (yang menunjukkan sifat) ahli syurga” (Imam Al-Ghazali, 1980).

Al-Hakim meriwayatkan hadis yang bermaksud “Allah telah mewahyukan kepada Ibrahim: Wahai KekasihKu, perbaguskanlah akhlak engkau sekalipun terhadap orang-orang kafir, nanti engkau akan termasuk golongan orang yang baik-baik; kerana sesungguhnya firmanKu telah terdahulu untuk (memberi tempat kepada) orang yang memperbaguskan akhlaknya iaitu ‘Aku naungi dia dibawah naungan ArasyKu, Aku akan tempatkan dia ke dalam syurgaKu dan Aku akan hampirkan dia kepada rahmatKu” (Imam Al-Ghazali, 1980). Imam Ahmad, Ibnu Hibban, At-Tabarani, Al-Hakim dan Al-Baihaqi meriwayatkan hadis yang bermaksud “Apabila perbuatan anda menggembirakan hati anda dan perbuatan anda yang jahat itu mendukakan anda, maka itu adalah tanda bahawa anda seorang Mukmin (Imam Al-Ghazali, 1980).

Seorang Islam yang bertaqwa sentiasa berakhlak baik walau dimana dia berada. Ini adalah kerana dia sentiasa berbuat ‘ihsan’. Menurut Rasulullah SAW ‘ihsan’ adalah bermaksud “bahawa engkau beribadat kepada Allah, seolah-olah engkau melihatNya, Maka sekalipun engkau tidak merujuk Dia, Dia tetap merujuk engkau”

(Hamka, 2006). Seorang Islam juga sentiasa dididik dari kecil lagi bahawa Allah SWT adalah Maha Mendengar dan Maha Merujuk. Hamka (2006: 165) menulis seperti berikut:

> Hati-hatilah dalam mengucapkan kata, kalaupun sedang duduk seorang diri. Kerana tidak ada kata yang lepas daripada pendengaran Tuhan. Dan sampaikanlah permohonanmu dalam bahasa apa jua pun yang engkau sanggup, walaupun bersamaan dengan engkau ada orang lain yang sedang bermohon…dan bila pun hendak engkau sampaikan permohonan itu, tidak ada halangannya. Semua didengar oleh Tuhan. Janganlah disangka bahawa orang lain sedang meminta pula, sebab itu lebih baik engkau undurkan barang setengah jam. Maka tidaklah akan sunyi suatu saat daripada hamba yang memohon kepada Tuhannya.

Hamka (2006: 167-168) seterusnya menulis:

> Sebab itu maka jika kita duduk berdua, Tuhanlah yang ketiga. Kita duduk berempat, Tuhanlah yang kelima. Sebab itulah Musa dan Harun, seketika akan menentang Fir'aun meminta perlindungan kepada Tuhan, sebab Fir'aun sangat zalim dan kejam. Tuhan bersabda: 'Pergi sajalah, sebab Aku adalah bersamamu berdua. Aku mendengar dan Aku merujuk.' Dia ada bersama Harun dan Musa, bersama Muhammad dan Abubakar seketika beliau berdua bersembunyi di dalam gua! Dia ada bersama seluruh makhluk, seluruh alam, sejak alam dijadikan sampai kelak dimusnahkan.

Diriwayatkan oleh Syaikhan dari Anas, beliau berkata: "Menceritakan padaku Abu Bakar, dia berkata: "Aku berkata pada Nabi Muhammad S.A.W. ketika kami berada dalam gua: Seandainya seorang dari mereka melihat ke telapak kakinya tentu melihat kita". Bersabdalah Rasulullah SAW:"Apa sangkaanmu terhadap dua orang yang ketiganya adalah Allah" Kemudian Nabi Muhammad SAW bersabda: "Seandainya mereka datang pada kita dari sini, tentu kita akan pergi dari sana" Kemudian Saidina Abu Bakar nampak gua dalam keadaan yang terbuka dari sisi

yang lain dan tiba-tiba ada lautan yang bertemu dengan gua itu yang mana terdapat sebuah perahu yang diikatkan pada sisi gua itu (Imam Al-Ghazali, 1984).

Muhammad Al-Ghazali (2000: 103) memetik kata-kata Sulaiman Darani:

> Seorang yang berbuat sesuatu perbuatan kerana didorong oleh empat macam: didorong oleh rasa takut, didorong oleh mengharap pahala, didorong kerana mengagungkan Allah, didorong oleh rasa malu. Dan semulia-mulia mereka itu ialah orang berbuat kerana malu, sikap ini bersumber dari keyakinan bahawa Allah selalu merujuk kepadanya pada setiap waktu dan keadaan.

Kenyataan di atas selari dengan Al-Qur'an, ayat 14 Surah al-Alaq yang bermaksud, "Tidakkah ia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah merujuk (segala amal perbuatannya dan membalasnya)? Menurut Imam al-Ghazali (1997), antara sifat Allah yang Agung ialah memiliki ilmu yang Maha Luas tidak terbatas oleh segala rintangan dan halangan; dimana dengan ilmuNya, Dia mengetahui setiap perkara terus-menerus mentadbirkan segala sesuatu di alam ini sejak dahulu lagi, Dia menyaksikan kehadiran semuanya, maka Dia membuat perakuan (agar diketahui makhlukNya) bahawa "*Tiada Tuhan selain Dia (Sahaja*)." Oleh yang demikian seorang Islam yang memahami maksud *ihsan* akan sentiasa berbuat baik dan menjauhi berbuat jahat sama ada di khalayak ramai atau bersendirian dalam bilik yang gelap gelita. Dengan perkataan lain, seorang yang mengamalkan maksud *ihsan* ini akan sentiasa berakhlak terpuji dimana saja dia berada.

Oleh itu adalah dijangkakan pegangan agama seseorang mempunyai hubungan yang kuat dengan tahap tingkahlaku etika seseorang.

Oleh itu, hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

*H1:* *Pegangan agama seseorang peguam secara terus berhubung dengan tingkahlaku etikanya.*

### 3.3.2 Latar Belakang Pendidikan Etika

Kepentingan etika telah pun diberi penekanan kepada pelajar undang-undang semasa pelajar mengikuti program sarjana muda undang-undang. Menurut Jawatankuasa Program undang-undang dan Syariah Malaysia, diantara hasil pembelajaran bagi program undang-undang ialah pertama, patuh kepada Kaedah mahkamah, etiket, prosedur serta etika dalam pengendalian kes di mahkamah dan kedua, patuh kepada etika serta etiket profesion (Nik Ahmad Kamal et al., 2005). Menurut Nik Ahmad Kamal et al. (2005), di Amerika, salah satu skil yang diperlukan oleh profesion guaman ialah mengenal pasti dan menyelesaikan dilema dan masalah yang berhubung kait dengan etika.

Kursus etika peguam ini merupakan kursus wajib bagi pelajar LLB (Hons.) di semua universiti tempatan. Ia juga kursus wajib bagi lulusan undang-undang luar negara yang mesti mengikuti kursus Sijil Amalan Guaman (*Certificate in Legal Practice*) sebelum dibenarkan membuat latihan dalam kamar (*chambering*) dan didaftarkan sebagai peguam di Semenanjung Malaysia (Vincent-Powell, 1995; Harun, 1993).

Mahathir (Tun Dr.), Perdana Menteri Malaysia keempat dalam ucapannnya sempena perasmian Seminar Etika Pengurusan pada tahun 1990 menyatakan seperti berikut:

> Biasanya etika sesuatu masyarakat berasas semata-mata kepada warisan tradisi tanpa sesuatu usaha kreatif dibuat untuk membentuknya. Tetapi manusia moden tidak boleh hanya menerima apa sahaja warisannya tanpa meneliti akan buruk baiknya warisan itu. Memandangkan bahawa etika atau jumlah nilai-nilai hidup yang diterima dan diamal oleh sesuatu masyarakat boleh menentukan secara menyeluruh kejayaan dan kemajuan atau kegagalan dan kemunduran masyarakat berkenaan maka amatlah penting etika masyarakat dibentuk secara sedar dan teliti untuk menjamin kejayaan masyarakat (Universiti Utara Malaysia, 2004: 12).

Banyak sekolah-sekolah profesional mempunyai kursus-kursus yang mana etika adalah satu yang signifikan atau satu bahagian utama. Bidang-bidang berkenaan ialah undang-undang, kejuruteraaan, perhutanan, senibina, perakaunan, perancangan, veterinari, perubatan, kerja sosial, journalisme, sains maklumat, kaunseling, komunikasi dan pendidikan (McDonald, 1992). Menurut Bertens (2003) pendidikan pengurus, peguam, doktor, guru atau jurutera belum lengkap jika dimensi etika tidak diberi perhatian. Pendidikan etika mestilah memainkan peranan dalam perkembangan profesion perakaunan (Bollom, 1998; Beets dan Killough, 1990). Dalam bidang perakaunan misalnya, di Amerika, subjek etika dicadangkan oleh *National Commission on Fraudulent Financial Reporting* 1987 dimasukkan dalam kurikulum perakaunan (Stanga & Turpen, 1991). Kaedah-Kaedah etika pertama kali diterima oleh Persatuan Akauntan-akauntan Awam Amerika pada 1905 dan satu kod etika digubal pada 1917. Manakala kod etika peguam di Amerika digubal pada tahun 1908 (Horn III, 2003).

Menurut Bertens (2003), Aristotles menyatakan bahawa etika seeloknya tidak dipelajari oleh orang muda kerana mereka belum mempunyai pengalaman hidup yang cukup untuk menangkap dan menilai jangkauan serta rumitnya masalah-masalah etika. Pendapat Aristotles ini tidak selari dengan agama Islam. Menurut Imam Al-Ghazali (1984), membahas ilmu-ilmu perlu diusahakan dengan tenaga dan fikiran, agar tertanam kukuh dalam jiwa adalah sangat sulit dan tidak mudah kecuali pada usia muda. Seterusnya Imam Al-Ghazali (1984) menyatakan belajar diwaktu kecil adalah laksana mengukir di atas batu dan adalah sulit melatih orang yang tua bangka. Hamka (1980) juga berpendapat semulia-mulia didikan ialah yang diajar waktu anak masih kecil. Ini adalah kerana diwaktu kecil itu, batin masih lemah lembut, jadi masih mudah membentuknya (Hamka, 1980).

Oleh kerana tujuan didikan akhlak adalah supaya seorang itu mencapai keutamaan (*virtue*), maka akhlak yang baik itu mestilah diamalkan bagi tempoh yang lama dan secara berterusan. Hal ini tidaklah sempurna, kalau budi tidak dibentuk, kesopanan tidak dijaga, dididik dan dibiasakan berperangai mulia dan berkelakuan baik Hamka (1980). Menurut Imam Al-Ghazali (1984) usaha membentuk akhlak ini hendaklah dilakukan selama-lamanya dan berulang-ulang. Sekiranya kita mengambil contoh mendidik seorang Islam mengamalkan sembahyang, Islam memerintahkan kita supaya menyuruh anak yang berumur tujuh tahun mengerjakan sembahyang dan apabila anak itu sudah berusia sepuluh tahun dan dia ingkar

mengerjakan sembahyang maka pukullah anak itu. Dengan sebab inilah pepatah Melayu ada menyebut “melentur buluh biar dari rebungnya”.

Latar belakang pendidikan yang berbeza juga didapati memberi kesan yang berlainan terhadap tingkahlaku etika seseorang. Hawkin dan Cocanougher (1972) mendapati pelajar jurusan perniagaan adalah lebih bersikap tolak ansur terhadap tingkahlaku tidak etika berbanding dengan pelajar bukan jurusan perniagaan. Hasil kajian ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Boyd (1982) yang menyimpulkan bahawa kursus yang berkaitan dengan perniagaan dan kemasyarakatan tidak dapat meningkatkan kefahaman moral seseorang pelajar. Walau bagaimana pun penemuan-penemuan tersebut tidak selari dengan penemuan oleh Beltramini et al. (1984), dimana mereka dapati jurusan perniagaan lebih memberi perhatian terhadap perkara-perkara berkaitan dengan isu etika berbanding dengan jurusan lain. Kajian keatas pelajar perakaunan menunjukkan majoriti dari responden tidak akan terlibat dalam tingkahlaku tidak beretika namun terdapat ruang untuk menambahbaiki kesedaran etika dikalangan mereka (Stanga dan Turpin, 1991).

Seterusnya kajian lain yang ada hubungan dengan latar belakang pendidikan mendapati pengurus-pengurus yang berpendidikan teknikal lebih beretika berbanding dengan pengurus-pengurus yang tidak berpendidikan teknikal (Chonko dan Hunt, 1983). Kajian oleh Lazniak dan Inderrieden (1987) menunjukkan sama ada pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) yang berpendidikan teknikal

atau pun tidak, kepercayaan etika mereka adalah sama sahaja. Kajian oleh Goodman dan Crawford (1974) dan McNichols dan Zimmerer (1985) juga mendapati jenis pendidikan tidak memberi perbezaan yang signifikan dalam membuat sebarang keputusan yang berkaitan dengan etika. Begitu juga dengan kajian Abdullah (2000) yang mendapati tingkahlaku seseorang tidak berbeza berdasarkan bidang pengkhususan seseorang. Abdullah (2000) seterusnya mendapati bidang pengkhususan tidak mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang.

Kajian oleh Goodman dan Crawford (1974) dan McNichols dan Zimmerer (1985) serta Abdullah (2000) tidak selari dengan kajian oleh McCabe, Dukerich dan Dutton (1991, 1994) yang mendapati program undang-undang mempunyai impak yang signifikan terhadap kedua-dua nilai dan membuat keputusan etika jika dibandingkan dengan program MBA.  Dalam kajian sebelumnya oleh McCabe et al. (1991) dari segi memilih nilai didapati pelajar perniagaan secara signifikan kurang beretika dibandingkan dengan pelajar undang-undang. Sebagai contoh, dalam membuat pilihan dilema perdagangan dalaman (*insider trading*) dan penipuan (*cheating*) keputusan yang dibuat oleh pelajar perniagaan secara signifikannya kurang beretika ($p < 0.0001$) dibandingkan dengan pelajar undang-undang. Bagi tiga dilema etika yang diklasifikasikan sebagai tidak beretika, 31% pelajar MBA memilihnya manakala hanya 15% pelajar undang-undang memilihnya. Bagi dilema penipuan, 48% pelajar MBA memilih melakukaan penipuan sedangkan hanya 8% pelajar undang-undang memilih dilema ini (McCabe et al., 1994).  Seterusnya, dengan menggunakan soal selidik nilai

Rokeach (*Rokeach value survey*) dapatan McCabe et al. (1991) menunjukkan pelajar bidang perniagaan lebih menekankan nilai-nilai mementingkan diri (*sef-centred values*). Sebaliknya pelajar bidang undang-undang lebih mementingkan nilai persamaan (*equality*), pertolongan (*salvation*) dan kebijaksanaan (*wisdom*).

Kajian oleh Abdullah (2000) mendapati pendedahan subjek etika semasa di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga semasa kursus dalam perkhidmatan secara signifikan mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Manakala kajian Abdullah et al. (2005, 2006) mendapati mereka yang terdedah kepada pengetahuan etika berkecenderungan mempunyai tahap tingkahlaku etika lebih tinggi berbanding mereka yang tidak pernah mendapat pendedahan. Hasil kajian ini menguatkan lagi dapatan kajian oleh Azian (1990), yang mendapati pendedahan terhadap episod dilema etika kepada pelajar sekolah menengah rendah di Petaling Jaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkahlaku etika pelajar berkenaan. Goldmen (1987) mendapati salah satu daripada aktiviti-aktiviti yang boleh mempengaruhi integriti ahli-ahli profesional ialah menggalakkan latihan etika diperingkat kolej dan penerusan kursus-kursus pendidikan profesional. Walau bagaimana pun hasil kajian ini bercanggah dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Schoenfeldt et al. (1991). Penemuan mereka menunjukkan pengajaran subjek etika tidak mempunyai hubungan dengan pertimbangan etika didalam membuat sebarang keputusan oleh pelajar yang dikaji (Schoenfeldt et al., 1991). Hasil kajian ini juga didapati selari dengan hasil kajian lain oleh Abdullah et al. (1992). Mereka dapati dalam tempoh

satu semester pendedahan terhadap subjek etika yang diajar di Universiti Utara Malaysia tidak menunjukkan apa-apa kesan terhadap persepsi etika pelajar.

Dengan ini adalah dijangkakan tingkahlaku etika seseorang akan dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan seseorang, khususnya pendedahan terhadap ilmu etika secara formal sama ada di institut pengajian tinggi, kursus didalam perkhidmatan atau pun seminar-seminar yang diikuti. Pada kebiasaannya mereka yang berpengalaman akan mendapat peluang yang lebih untuk terdedah kepada ilmu-ilmu etika, terutama melalui kursus didalam perkhidmatan atau pun seminar-seminar yang diikuti. Kajian oleh Arlow dan Ulrich (1980) dan Stevens (1984) mendapati golongan pelajar adalah lebih rendah tahap kefahaman etikanya berbanding dengan para pengurus. Walau bagaimana pun kajian oleh Stevens et al., (1989) menunjukkan bahawa hanya sedikit sahaja perbezaan didalam kepercayaan etika diantara pengurus, pelajar jurusan perniagaan dan para pelajar jurusan undang-undang.

Oleh itu, hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

*H2:* *Latar belakang pendidikan seseorang peguam dan juga pendedahan terhadap etika secara formal di berbagai peringkat secara terus berhubung dengan tingkahlaku etika masing-masing.*

### 3.3.3 Pengalaman Kerja

Pada kebiasaannya mereka yang berpengalaman akan mendapat peluang yang lebih untuk terdedah kepada ilmu-ilmu etika, terutama melalui kursus didalam perkhidmatan atau pun seminar-seminar yang diikuti (Abdullah et al., 2006; 2005). Kajian-kajian lepas mendapati faktor pengalaman kerja mempengaruhi tahap kefahaman etika seseorang. Menurut Syed Azizi (1989), semakin berpengalaman seseorang itu didalam alam pekerjaan, semakin meningkat moralnya. Kajian beliau mendapati pelajar universiti yang pernah bekerja adalah lebih matang dalam membuat penilaian berkaitan dengan soal etika (Syed Azizi, 1989). Kajian Abdullah (2000) pula mendapati pengalaman seseorang tidak mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Sungguh pun demikian Abdullah (2000) mendapati mereka yang lebih berpengalaman adalah lebih tinggi skor tingkahlaku etika berbanding mereka yang kurang berpengalaman.

Oleh itu, hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

*H3: Pengalaman kerja seseorang peguam mempunyai hubungan dengan tingkahlaku etika masing-masing.*

### 3.3.4 Persepsi Individu

Menurut kamus Dwibahasa (1993) persepsi adalah bermaksud penglihatan, pengertian atau tanggapan. Fishbein dan Ajzen (1975) mendapati, tingkahlaku etika seseorang berhubung dengan sesuatu perkara adalah berkait rapat dengan sikapnya.

Sikap pula bergantung kepada kepercayaan seseorang terhadap perkaitan diantara sifat dengan objek yang ditujukan (Abdullah, 2000; Abdullah et al., 2005, 2006). Menurut Abdullah (2000), Abdullah et al. (2005, 2006), sikap seseorang terhadap sesuatu benda atau perkara (objek), biasanya berasaskan kepada kepercayaan yang menonjol (*salient belief*) terhadap objek tersebut. Sikap ini ditentukan oleh kepercayaan seseorang bahawa objek yang ditujui itu mempunyai ciri-ciri tertentu yang selaras dengan penilaiannya (Abdullah, 2000; Abdullah et al., 2005, 2006). Oleh kerana manusia adalah makhluk yang rasional, dia akan menggunakan segala maklumat yang ada padanya untuk membuat sebarang hukuman, penilaian dan seterusnya membuat keputusan untuk bertindak (Abdullah, 2000; Abdullah et al., 2005, 2006).

Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2005, 2006) menyatakan kepercayaan terhadap sesuatu benda atau perkara biasanya terbentuk berlandaskan tiga sumber utama. Pertama, berdasarkan pemerhatian secara terus (*direct observation*) ataupun pengalaman sendiri. Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2005, 2006) memberi contoh, seseorang itu percaya bahawa susu yang berada di dalam gelas itu manis atau masam apabila ia sendiri merasai susu tersebut dengan lidahnya. Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2005, 2006), memberi istilah kepercayaan ini sebagai kepercayaan *diskriptif*. Kedua, seseorang itu percaya susu itu manis atau masam tanpa merasakannya terlebih dahulu, tetapi daripada pengalamannya yang lepas, iaitu berpandukan ciri-ciri yang dilihat atau diceritakan kepadanya, maka dia percaya bahawa susu itu manis atau sebaliknya (Abdullah, 2000; Abdullah et al.,

2005, 2006). Kepercayaan ini diistilahkan sebagai kepercayaan *inferensi* (Abdullah, 2000; Abdullah et al., 2005, 2006). Ketiga, seseorang itu percaya bahawa susu itu manis atau masam berdasarkan sumber luar seperti akhbar, majalah, buku, penerangan radio dan televisyen, kuliah, kawan-kawan, saudara mara, rakan sekerja dan sebagainya (Abdullah, 2000; Abdullah et al. (2005, 2006). Kepercayaan ini diistilahkan sebagai kepercayaan berinformasi (Abdullah, 2000; Abdullah et al., 2005; 2006).

Kajian Abdullah et al. (2005, 2006) mendapati skor purata persepsi terhadap pelaksanaan undang-undang, Kaedah serta latihan kod etika pengarah syarikat di kalangan pengurusan atasan syarikat adalah 3.1 atas skor maksima 5. Sementara median, mod dan sisihan piawai masing-masing adalah 3.0, 3.0 dan 0.64. Skor ini boleh dikatakan sederhana tinggi.

Kajian oleh Graber (1979) dan Bayles (1987) mendapati para profesional agak keberatan melaporkan pelanggaran kod etika yang dilakukan oleh rakan pengamal mereka. Menurut Graber (1979) keengganan melaporkan aduan terhadap rakan pengamal timbul daripada: (1) kebimbangan menyebabkan kemarahan profesional yang telah tersinggung itu; (2) kebimbangan dipandang rendah oleh pengamal lain; (3) kemungkinan memulakan satu tindakan yang menjejaskan kehidupan seorang lain; dan (4) kesedaran tentang kekurangan diri sendiri. Thureson (1985) mendapati lebih daripada dua pertiga aduan-aduan mengenai isu-su etika adalah difailkan oleh pengamal-pengamal. Baki aduan-aduan lain adalah dimulakan oleh klien atau

sebuah lembaga negeri (Thureson, 1985). Seterusnya kajian oleh Loeb (1974) mendapati 40 peratus daripada responden percaya, tidak mengambil tindakan apabila menyaksikan pelanggaran kod etika adalah wajar. Bayles (1987) menyatakan bahawa seorang pesakit tidak akan melaporkan seorang doktor yang secara tidak patut memberi narkotik kepadanya sekiranya narkotik itu menyokong tabiat pesakit berkenaan. Ini menunjukkan klien adalah berkemungkinan tidak melaporkan pelanggaran kod oleh pengamal sekiranya pelanggaran itu memberi faedah kepada klien itu.

Oleh kerana kita tidak begitu pasti akan kesan persepsi terhadap kod etika peguam terhadap tingkahlaku etika seseorang, maka kajian ini akan cuba merujuk perkaitannya dengan tingkahlaku etika seseorang peguam.

Oleh itu, hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

*H4 : Persepsi seseorang peguam terhadap kod etika peguam secara terus berhubung dengan tingkahlaku etika masing-masing.*

### 3.3.5 Jantina

Pengaruh jantina terhadap tingkahlaku etika seseorang adalah tidak menentu (Abdullah, 2000). Kajian hanya menunjukkan terdapat perbezaan yang kecil dari segi psikologi, yang nyatanya perbezaan hanya wujud dari segi biologi (Mitchell, 1987). Abdullah (2000) mendapati sekumpulan penyelidik mendapati jantina mempunyai hubungan yang positif terhadap tingkahlaku etika seseorang. Syed

Azizi (1989) dalam kajiannya keatas pelajar Malaysia, Indonesia, Thailand dan Amerika Syarikat yang menuntut di Amerika Syarikat mendapati pelajar wanita lebih beretika berbanding dengan pelajar lelaki. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lain (Kidwell et al., 1987; Beltramini et al., 1984; Chonko dan Hunt, 1983; Miesing dan Preble, 1985; Ferrel dan Skinner, 1988; Jones dan Gautshi, 1988; Reugger dan King, 1992 dan Whipple dan Swords, 1992) juga mendapati wanita bertindak lebih beretika berbanding dengan lelaki. Seterusnya Ricklefs (1983) mendapati wanita adalah lebih beretika dibandingkan dengan lelaki. Kajian-kajian di atas diperkukuhkan lagi oleh Abdullah et al. (2005, 2006) yang juga mendapati pengurus atasan syarikat wanita berkecenderungan bertingkahlaku dengan lebih beretika berbanding pengurus lelaki.

Sungguhpun demikian Md. Zabid (1989) mendapati pengurus lelaki bank-bank di Semenanjung Malaysia yang terlibat dalam kajian beliau menunjukkan secara umumnya mempunyai persepsi lebih tinggi terhadap tiga belas amalan tidak beretika berbanding dengan pengurus wanita. Kajian Md. Zabid (1989) didapati tidak selari dengan kajian-kajian Syed Azizi (1989); Kidwell et al. (1987); Beltramini et al. (1984); Chonko dan Hunt (1983); Miesing dan Preble (1985); Ferrel dan Skinner (1988); Jones dan Gautshi (1988); Reugger dan King (1992); Whipple dan Swords (1992); Ricklefs (1983) dan juga Abdullah et al. (2005, 2006).

Manakala kajian-kajian oleh Browning dan Zabriskie, 1983; Callan, 1992; Dubinsky dan Levy, 1985; Hergaty dan Sims, 1978, 1979; McNichols dan

Zimmerer, 1985; Stanga dan Turpen, 1991; Serwinek, 1992 dan Abdullah, 2000 pula mendapati jantina tidak mempunyai apa-apa impak terhadap tingkahlaku etika seseorang. Bahkan dari segi pembangunan moral seseorang, Gilligan (1982) telah mengkritik teori tradisional oleh Kohlberg (1981) yang menyatakan wanita kurang membangun dari segi moral berbanding dengan lelaki. Gilligan (1982) berhujah bahawa kes Heinz yang digunakan oleh Kohlberg (1981) untuk mengukur pembangunan moral seseorang itu lebih memihak kepada lelaki. Gilligan (1982) seterusnya berkata, jika kes yang diajukan memihak kepada wanita, nescaya jawapannya akan berbeza. Selain itu Gilligan (1982) juga berpendapat bahawa moral bukan sahaja dilihat dari perspektif keadilan (*justice*), saksama (*fairness*) atau hak yang sejagat (*universal right*), tetapi ia boleh juga dilihat dari perspektif yang berteraskan sikap mengambil berat (*care*), tanggungjawab kepada pihak lain (*responsible to others*) atau saling bergantungan antara satu sama lain yang berterusan (*continuity of interdependent relationships*). Sungguhpun demikian Gilligan (1982) berpendapat dari segi pembangunan moral lelaki dan wanita melalui pembangunan moral yang sangat berbeza. Gilligan (1982) selanjutnya berhujah bahawa lelaki cenderung merujuk isu moral secara fundamentalnya dari perespektif keadilan (*justice*), sedangkan di pihak wanita mereka lebih cenderung merujuk isu moral dari segi mengambil berat (*care*).

Menurut agama Islam, tiada perbezaan dari segi taraf antara lelaki dan perempuan (Abdullah, 2000; Abdullah et al., 2005, 2006). Sungguhpun begitu Islam mengiktiraf perbezaan dari segi fizikal yang seterusnya mengiktiraf perbezaan dari

segi fungsi masing-masing (Abdullah, 2000; Abdullah et al.,2005, 2006). Dalam soal melaksanakan etika atau akhlak, Islam tidak membezakan dari segi jantina (Abdullah, 2000; Abdullah et al., 2005, 2006). Allah S.W.T dalam Al-Quran berfirman yang bermaksud "Barangsiapa yang mengerjakan amal saleh baik lelaki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan" (16: 97). Seterusnya Allah SWT berfirman yang bermaksud "Sesungguhnya laki-laki dan perempuan yang muslim, laki-laki dan perempuan yang mukmin, laki-laki dan perempuan yang tetap dalam keta'atannnya, laki-laki dan perempuan yang benar, laki-laki dan perempuan yang sabar, laki-laki dan perempuan yang khusyu', laki-laki dan perempuan yang bersedekah, laki-laki dan perempuan yang berpuasa, laki-laki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, laki-laki dan perempuan yang menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan yang besar" (Al-Qur'an, 33:35). Oleh kerana tidak ada beza dari segi baik dan buruk, dosa dan pahala, syurga dan neraka dalam Islam berdasarkan jantina, maka nilaian etika terhadap perkara pokok oleh orang yang betul-betul faham tentang Islam tidak akan berbeza berdasarkan jantina (Abdullah, 2000). Allah SWT berfirman yang bermaksud "Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia disisi Allah ialah yang saling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal (Al-Qur-an, 49:13). Sungguh pun

demikian, ada perkara-perkara yang dikhaskan untuk jantina tertentu sahaja (Abdullah, 2000). Dalam hal berkaitan kenabian dan kerasulan Allah SWT hanya mengkhususkan kepada lelaki sahaja (Abdullah, 2000). Firmannya yang bermaksud "Dan kami tidak mengutus sebelum kamu, kecuali orang-orang lelaki yang diberi wahyu (Al-Quran, 16:43). Sungguhpun demikian menurut Muhammad Al-Ghazali (2003) ummah tidak mampu terbang melainkan dengan dua belah sayap iaitu lelaki dan wanita. Ini selaras dengan Al'Qur'an ayat 195 Surah ali-Imran yang bermaksud, "Sesungguhnya Aku tidak sia-siakan amal orang beramal dikalangan kamu, setengah kamu dari setengah yang lain." Imam Abu Daud dan Termizi meriwayatkan hadis yang bermaksud, "sesungguhnya wanita adalah bahagian lelaki" (Muhammad Al-Ghazali, 2003).

Dengan ini bolehlah dikatakan jantina tidak ada hubungan dengan tingkahlaku etika masing-masing. Oleh kerana kita tidak begitu pasti akan kesan jantina terhadap tingkahlaku etika seseorang, maka kajian ini akan cuba merujuk perkaitannya dengan tingkahlaku etika seseorang peguam.

Oleh itu, hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

*H5 :* *Jantina seseorang peguam secara terus berhubung dengan tingkahlaku etikanya.*

### 3.3.6 Umur

Kajian yang dijalankan oleh Abdullah et al. (2005, 2006) mendapati pengurus atasan syarikat yang berumur lebih dari 40 tahun didapati lebih rendah tahap tingkahlaku etika berbanding dengan mereka yang lebih muda. Serwinek (1992) dan Reugger dan King (1992) masing-masing mendapati pekerja yang lebih tua mempunyai interpretasi etika yang lebih tegas dan pelajar yang lebih tua mempamerkan tingkahlaku etika yang lebih matang berbanding dengan pelajar yang lebih muda. Serwinek (1992) dalam kajiannya tentang kesan faktor demografik terhadap persepsi etika mendapati umur merupakan prediktor yang paling signifikan. Menurutnya pekerja yang lebih tua mempunyi tafsiran etika yang lebih ketat (Serwinek, 1992). Hollon dan Ulrich (1979) membuat kesimpulan bahwa pelajar-pelajar mempunyai etika peribadi yang lebih rendah dari eksekutif. Seterusnya Ricklefs (1983) mendapati orang muda dan pelajar kolej kurang beretika berbanding mereka yang lebih tua.

Sebaliknya kajian oleh Browning dan Zabriskie (1983) mendapati pengurus bahagian pembelian yang lebih muda adalah didapati lebih beretika berbanding dengan pengurus bahagian jualan yang lebih tua. Kajian ini dikukuhkan lagi oleh kajian Abdullah et al. (2005) yang mendapati pengurus atasan syarikat yang berumur kurang dari 37 tahun lebih tinggi skor tingkahlaku etikanya. Manakala kajian Abdullah et al. (2006) pula mendapati pengurus atasan syarikat yang berumur kurang dari 40 tahun lebih tinggi skor tingkahlaku etikanya. Sebaliknya

mereka yang berumur lebih daripada 40 tahun lebih rendah skor tingkahlaku etikanya (Abdullah et al., 2005, 2006).

Kajian Md. Zabid (1989) juga mendapati bahawa pengurus bank-bank di Semenanjung Malaysia yang terlibat dalam kajian beliau menunjukkan mereka yang lebih muda (30 tahun kebawah) secara umumnya mempunyai persepsi terhadap tiga belas amalan tidak beretika adalah lebih tinggi berbanding dengan pengurus yang lebih tua (30 tahun keatas). Miesing dan Preble (1985) telah mengkaji sejumlah 487 pelajar falsafah perniagaan Machiavelli, Darwin, objektivisme, relativisme, universalisme dan mendapati bahawa ahli perniagaan wanita yang lebih tua dan perpengalaman serta mereka yang mempunyai latarbelakang agama cenderung lebih beretika dari mereka yang tidak termasuk dalam kategori ini. Purcell (1977) mendapati ahli-ahli perniagaan yang muda mempunyai kesedaran etika yang lebih tinggi setelah mereka mempunyai pengalaman perniagaan hampir sepuluh tahun. Kajian Abdullah (2000) pula mendapati umur seseorang tidak mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Sungguh pun demikian, Abdullah (2000) mendapati mereka yang lebih tua adalah lebih tinggi skor tingkahlaku etika berbanding mereka yang lebih muda. Oleh kerana dapatan-dapatan kajian mengenai umur adalah tidak menentu, maka kajian ini juga akan meninjau perkaitan umur responden dengan tingkahlaku etika mereka.

Oleh itu, hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

*H6 :* *Umur seseorang peguam secara terus berhubung dengan tingkahlaku etika masing-masing.*

## 3.4 Ciri-ciri Situasi

Diantara ciri-ciri situasi yang telah mendapat perhatian penyelidik-penyelidik ialah tanggung jawab sosial dalam masyarakat (Sims, 1991), budaya organisasi (Trevino, 1986; Sims, 1991; Elm dan Nichol, 1993), kod etika organisasi (Bernard, 1983; Posner dan Schmidt, 1983; Hite, Bellizi dan Fraser, 1978; Izraeli, 1988; Weller, 1988; Tsalikis dan Fritzches, 1989; Murphy, Smith dan Daley, 1992; Farrell, Cobbin dan Farrell, 2002: Abdullah et al., 2005, 2006) dan saiz organisasi (Browning dan Zabriskie, 1983; Vitell dan Festervdan, 1987; Longenecker, McKinney dan Moore, 1989 dan Weber, 1990).

Bagi kajian ini, tanggungjawab sosial dan kod etika sahaja yang akan ditinjau. Menurut Randall (1989), Collins (2000) dan Calabretta et al., (2011) tiada kajian telah dibuat mengenai hubungan kod etika peguam serta sikap tanggungjawab sosial dan tingkahlaku peguam. Bahagian berikutnya akan membincangkan kod etika dan tanggungjawab sosial.

### 3.4.1 Kod Etika Profesion

Pentingnya etika dalam profesion guaman dapat dilihat dengan wujudnya APG 1976, Kaedah-Kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978, dan Kaedah-Kaedah Majlis Peguam yang dikeluarkan oleh MPM dari semasa kesemasa untuk para peguam. Malahan kepentingan etika telah pun diberi penekanan semasa pelajar mengikuti kursus undang-undang. Menurut Jawatankuasa Program undang-undang dan Syariah Malaysia, diantara hasil pembelajaran bagi program undang-

undang ialah pertama, patuh kepada Kaedah mahkamah, etiket, prosedur serta etika dalam pengendalian kes di mahkamah dan kedua, patuh kepada etika serta etiket profesion (Nik Ahmad Kamal et al., 2005). Menurut Nik Ahmad Kamal et al. (2005), di Amerika, salah satu skil yang diperlukan oleh profesion guaman ialah mengenal pasti dan menyelesaikan dilema dan masalah yang berhubung kait dengan etika.

Kursus etika peguam ini merupakan kursus wajib bagi pelajar LLB (Hons.) semua universiti tempatan (sila rujuk LAMPIRAN F). Ia juga kursus wajib bagi lulusan undang-undang luar negara yang wajib mengikuti kursus Sijil Amalan Guaman (*Certificate in Legal Practice*) sebelum dibenarkan membuat latihan dalam kamar (*chambering*) dan didaftarkan sebagai peguam di Semenanjung Malaysia.

Banyak perbadanan-perbadanan telah menggunakan sumber yang besar untuk menyediakan dan mengedarkan kod etika dalam organisasi mereka (Farrell et al., 2002). Kajian pada tahun 1979 di Amerika mendapati 70% daripada perbadanan-perbadanan besar mempunyai kod etika (Mayer, 1988). Tujuan kod etika antaranya ialah mewujudkan suasana etika dan juga meningkatkan perhubungan awam (Farrell et al., 2002). Menurut Farrell et al. (2002), Laporan Suruhanjaya Presiden Amerika Syarikat Mengenai Pengurusan Pertahanan (Suruhanjaya Packard) ada mencadangkan kontraktor-kontraktor pertahanan mempunyai kod etika. Kaun (1994) mendapati setelah mempunyai kod etika ini, terdapat banyak bukti bahawa wujud penipuan bukan sahaja dikalangan tentera yang menjalankan ujian senjata

malahan dikalangan kontraktor pertahanan. Byrnes (1994) dalam kajiannya terhadap kes-kes *General Electric* di Amerika Syarikat mendapati syarikat ini terlibat dengan kes-kes peniupan wisel (*whistle blowing*) walaupun syarikat mempunyai kod etika. Syarikat *General Electric* telah dituduh atas kesalahan penipuan perdagangan bon, kenyataan palsu dalam kontrak-kontrak kerajaan, penggubahan wang haram dan penetapan harga (Byrnes, 1994).

Kajian oleh Bernard (1983); Hite et al. (1987); Weller (1988) dan Tsalikis dan Fritzches (1989), mendapati kod etika sesebuah organisasi secara positif akan meningkatkan kepercayaan etika dan keputusan etika seseorang. Seterusnya kajian oleh Hegarty dan Sims (1979) mendapati polisi etika organisasi secara signifikan mengurangkan keputusan tingkahlaku tidak beretika. Sungguhpun demikian terdapat kajian-kajian yang menunjukkan kod etika tidak mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkahlaku etika dalam organisasai (Posner dan Schmidt, 1984, 1987; Izraeli, 1988 dan Murphy et al., 1992). Murphy et al. (1992) membuat kajian ke atas 526 responden daripada 149 syarikat mendapati kod etika tidak mempunyai pengaruh yang kuat terhadap tingkahlaku etika di dalam sesebuah organisasi. Kajian oleh Baldick (1980), Davis (1984), Hughson dan Kohn (1980), dan Shertzer dan Morris (1972) menunjukkan bahawa sebahagian profesional tidak biasa dengan kod etika yang mana mereka sepatutnya patuh. Ketakbiasaan dengan kod etika akan mengakibatkan pelanggaran terhadapnya kerana kejahilan pengamal itu (Beets dan Killough, 1990). Sebagai tambahan, pelanggaran kod etika yang disaksikan oleh seseorang tidak akan dilaporkan jika dia tidak biasa dengan kod etika itu (Beets dan

Killough, 1990). Bidang-bidang profesional yang terlibat dalam kajian di atas ialah psikologi (Baldick, 1980), kaunseling (Shertzer dan Morris, 1972), kejuruteraan (Hughson dan Kohn, 1980), dan perakaunan (Davis, 1984). Tiada kajian terhadap profesion guaman.

Kajian oleh Posner dan Schmidt (1984, 1987) mendapati hasrat kod etika yang dibentuk oleh pihak pengurusan secara realitinya tidak terlaksana. Kajian ini melibatkan 1,460 ketua eksekutif dalam syarikat. Kajian ini menunjukkan garis panduan etika yang ada di dalam sesebuah organisasi tidak dipraktikkan. Dapatan yang sama juga diperolehi oleh Izrael (1988) yang mendapati 97 pengurus di Israel mendapati polisi di dalam organisasi tidak memberi kesan terhadap moral masing-masing.

Kajian-kajian yang lepas menunjukkan kod etika mempunyai hubungan yang tidak menentu terhadap tingkahlaku etika seseorang. Oleh yang demikian kajian ini cuba meninjau hubungan kod etika peguam terhadap tinglah laku etika masing-masing.

Oleh itu hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

*H7: Kod etika peguam secara terus berhubung dengan tingkah laku seseorang peguam.*

### 3.4.2 Tanggungjawab Sosial

Sifat mengambil berat terhadap orang lain ini dikenali sebagai sikap tanggung jawab sosial seseorang terhadap orang lain (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000; Kanungo dan Mendonca, 1996). Sikap ini dirujuk sebagai satu kepercayaan mendalam (*an internalized belief*) seseorang dalam memberi pertolongan terhadap orang lain tanpa mengharapkan apa-apa balasan daripada pihak yang ditolong (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000; Schwartz, 1975 seperti disunting oleh Kanungo dan Mendonca, 1996). Sikap seperti ini adalah satu sikap yang boleh membentuk tingkahlaku etika yang terpuji bagi seseorang. Kajian Abdullah (2000), Abdullah et al. (2005, 2006), Singhapakdi dan Kraft (1995) mendapati sikap tanggung jawab sosial seseorang berkorelasi secara positif dengan nilai etika seseorang.

Menurut Abu Bakar (2005) sikap adalah satu konstrak yang sukar dibincang dan diukur. Sungguhpun demikian terdapat banyak kajian terhadap sikap telah dibuat. Diantara penyelidik-penyelidik tentang sikap ialah Peplow (1998), Adsit, London, Cromes dan Jones (1996), Donald dan Young (1996), Trueman dan Jobber (1995), Petrovna (1985), Miesing dan Preble (1985) serta Preble dan Reichel (1988).

Miesing dan Preble (1985) menyatakan berdasarkan pungutan suara Gallup (*Gallup poll*) didapati 49% daripada orang awam berpendapat etika perniagaan telah merosot. Manakala 9% berpendapat etika pernigaan dalam dekad yang lepas telah bertambah. Menurut Ricklefs (1983) hanya 23% eksekutif perniagaan bersetuju

bahawa etika perniagaan mereka telah merosot manakala 31% percaya bahawa etika perniagaan mereka meningkat.

Sikap terhadap etika perniagaan menggambarkan penilaian subjektif oleh seseorang individu berkaitan dengan set-set premis yang membentuk pelbagai filosofi perniagaan (Preble dan Reichel, 1988). Sikap terhadap etika perniagaan adalah komponen penting analisisis empirikal etika perniagaan kerana ia menunjukkan pentingnya kumpulan individu tertentu memegang kepada setiap satu filosofi yang mendasarkan konsep perniagaan etika mereka (Preble dan Reichel, 1988). Miesing dan Preble (1985) mencuba mengklasifikasikan sikap falsafah perniagaan dan etika dengan menguji bahan-bahan konsepsual yang dikemukakan oleh Steven (1984). Kajian Miesing dan Preble (1985) mendapati bakal-bakal pengurus adalah kurang beretika daripada mereka yang sedang menjadi pengurus. Mayer (1988) membuat kajian terhadap tiga sekolah profesional iaitu perniagaan, kejuruteraan dan perhutanan. Dalam kajiannya tentang makna profesionalisma, beliau mendapati pelajar kejuruteraan dan perhutanan lebih mementingkan kriteria tanggung jawab sosial dibandingkan dengan pelajar perniagaan. Manakala pelajar perniagaan lebih mengutamakan kriteria kepentingan diri (Mayer, 1988).

Peplow (1998) dalam kajiannya mengenai sikap terhadap peperiksaan dikalangan pelajar perubatan mendapati terdapat perbezaan yang nyata diantara sikap pelajar lelaki dan wanita. Dapatan beliau menunjukkan bahawa sikap pelajar wanita jauh lebih serius dalam pelajaran berbanding pelajar lelaki. Mereka juga memperolehi

pencapaian yang tinggi didalam peperiksaan yang diadakan. Trueman dan Jobber (1995) membuat kajian terhadap 108 syarikat pengeluaran di Britain. Dapatan mereka menunjukkan perubahan sikap boleh menjimatkan masa dalam meningkatkan pengeluaran, kerja-kerja promosi dan seterusnya meningkatkan jualan. Dengan ini dijangkakan tanggung jawab sosial seseorang mempunyai hubungan yang kuat dengan tingkahlaku etika seseorang.

Oleh itu hipotesis kajian yang boleh dibentuk adalah seperti berikut:

*H8: Tanggung jawab sosial secara terus berhubung dengan tingkahlaku etika seseorang peguam.*

### 3.5 Model Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas juga, model kajian yang lengkap adalah seperti berikut:




### 3.6 Penutup dan Rumusan

Dalam Bab ini, penyelidik telah membincangkan mengenai sorotan literatur dan pembentukan teori. Penyelidik telah menghuraikan kajian-kajian lepas berkaitan dengan ciri-ciri individu dan situasi yang cenderung mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Huraian dan kajian tersebut telah membawa kepada pembentukan

hipotesis-hipotesis dan cadangan model kajian ini, iaitu ‘Tingkahlaku Etika Peguam di Semenanjung Malaysia. Dalam Bab seterusnya, penyelidik membincangkan kaedah kajian yang digunakan didalam kajian rintis dan kajian sebenar di lapangan.

# BAB EMPAT

# METODOLOGI KAJIAN

## 4.0 Pendahuluan

Kajian ini secara khusus bertujuan, yang pertama, menentukan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam. Kedua, mengukur persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam dikalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Ketiga, menentukan tahap tingkahlaku etika di kalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Keempat, mengesan perbezaan tahap tingkahlaku etika para peguam berdasarkan ciri-ciri demografik mereka. Kelima, mengesan perbezaan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika berdasarkan ciri-ciri demografik mereka. Keenam, mengesan perbezaan persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam. Akhir sekali, mengenal pasti ciri-ciri individu dan situasi yang mempengaruhi tingkahlaku etika di kalangan peguam di Semenanjung Malaysia.

Oleh itu bab ini akan menjelaskan tentang metodologi yang digunakan bagi mencapai hasrat tersebut. Antara lain perkara yang akan disentuh dalam bab ini ialah tentang tempat kajian, rekabentuk kajian, alat kajian, pengukuran pemboleh ubah, populasi dan persampelan, kajian rintis, prosedur/tatacara kajian dan penganalisaan data.

## 4.1 Tempat Kajian

Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada peguam yang masih menjadi pengamal undang-undang di Semenanjung Malaysia sahaja.

## 4.2 Rekabentuk Kajian

Kajian ini bukan kajian perundangan tulin (*pure legal research*). Kajian ini adalah kajian sosio-perundangan (*socio-legal research*). Oleh yang demikian, analisis data tidak menggunakan kaedah kajian perundangan. Sebaliknya, bagi kajian ini, analisis data dijalankan menggunakan kaedah statistik. Sehubungan dengan ini, rekabentuk kajian secara tinjauan rentas di lapangan telah dipertimbangkan untuk digunakan dalam kajian ini. Melalui kajian secara ini dapat diketahui keadaan sebenar dan lebih realistik (Kerlinger, 1986). Pengumpulan data melibatkan pengedaran soal selidik.

## 4.3 Instrumen Kajian

Satu set soal selidik akan disediakan untuk mengumpul data kajian mengandungi enam bahagian iaitu A, B, C, D, E dan F. Bahagian-bahagian tersebut mengesan perkara yang terdapat dalam Jadual 4.1. Salinan soal selidik terdapat dalam lampiran B.

**Jadual 4.1**
***Bahagian soal selidik***

| Bahagian | Pemboleh Ubah |
| --- | --- |
| A | Tingkahlaku etika |
| B | Pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam |
| C | Tanggungjawab sosial |
| D | Pegangan agama |
| E | Persepsi terhadap perlaksanaan dan penguatkuasaan kod etika peguam |
| F | Demografik |

## 4.4 Pengukuran Pemboleh Ubah

Bahagian ini akan menerangkan bagaimanakah pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini diukur dan dikesan. Pemboleh ubah yang terlibat adalah tingkahlaku etika, tanggungjawab sosial, kod etika peguam, persepsi terhadap kod etika peguam, nilai keagamaan dan faktor peribadi.

### 4.4.1 Tingkahlaku Etika

Tingkahlaku etika yang dijadikan pemboleh ubah bersandar adalah merujuk kepada tingkat pembangunan moral seseorang. Tingkat pembangunan moral adalah satu set kemahiran kognitif responden tentang masalah moral (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000). Pemakaian tingkat pembangunan moral adalah berasaskan pendapat bahawa nilai yang dipegang oleh seseorang biasanya akan menentukan pilihan dalam membuat sebarang keputusan atau untuk bertindak, terutamanya

dalam hal-hal yang berkaitan dengan soal etika (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000). Seseorang akan memilih satu keputusan atau tindakan berdasarkan sebab dan rasional masing-masing selaras dengan nilai yang dipegang (Guth dan Tagiuri, 1965). Blasi (1980) dan Rest (1986) menyatakan penggunaannya sebagai pemboleh ubah bersandar adalah disokong oleh kajian yang menunjukkan proses kemahiran kognitif tentang masalah moral merupakan petunjuk kepada tingkahlaku sebenar. Tahap pembangunan moral adalah cara yang sah bagi mengoperasikan pembuatan keputusan dalam penyelesaian masalah moral (Blasi, 1980; Trevino, 1986; Rest, 1979).

Kajian ini akan menggunakan ukuran "Defining Issue Test" (DIT) yang telah diadaptasi daripada pengukur yang telah digunakan oleh Abdullah et al. (2006, 2005) dan Abdullah (2000) untuk mengukur tingkahlaku etika. DIT dibentuk oleh Rest (1979) berasaskan teori Kohlberg (1973). DIT mengesan tahap pembangunan moral dalam diri seseorang dari segi kognitif. Pengesanan ini dapat menggambarkan realiti sosial yang dimiliki oleh seseorang, iaitu apakah konsep yang digunakan oleh seseorang dalam membuat analisa masalah sosial dan bagaimana seseorang itu membuat keputusan dari perspektif moral (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000). Pengukur ini pada asalnya mengesan enam peringkat tingkahlaku etika seseorang berpandukan teori pembangunan moral oleh Kohlberg (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000). Sebenarnya enam peringkat ini boleh digolongkan kepada hanya tiga tahap rasional (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000).

DIT pada asalnya menggunakan enam situasi dilema etika dengan setiap satunya mengandungi 12 item yang perlu dijawab oleh responden. Walau bagaimanapun kajian oleh Elm dan Nichols (1993) hanya menggunakan tiga dilema yang mencatat nilai kebolehpercayaan di paras 0.73. Paras ini masih dalam lingkungan kebolehpercayaan kebanyakan kajian yang menggunakan 6 atau 3 dilema iaitu di antara 0.7 ke 0.8 (Abdullah et al., 2005, 2006; Abdullah, 2000). Oleh itu kajian ini juga menggunakan tiga dilema sahaja. Walaupun demikian jumlah item yang digunakan dikurangkan kepada enam item. Dua item pada setiap dilema akan mengesan setiap satu tahap (iaitu, prakonvensional, konvensional dan pascakonvensional). Alat yang telah diubahsuai ini telah pun digunakan oleh Abdullah et al., 2005, 2006; dan Abdullah, 2000. Pengiraan skornya adalah menggunakan pendekatan yang digunakan oleh Schlefi et al. (1979), iaitu dengan merujuk kepada indeks P dalam bentuk peratusan yang bernilai diantara 0 hingga 100. Cara pengiraannya adalah:

a. Hanya item yang tergolong didalam pascakonvensional (P) sahaja yang akan diambil kira (Abdullah et al., 2005, 2006).

b. Bagi setiap dilema, jika responden memilih P sebagai paling utama akan diberikan 2 mata, jika kedua penting diberi satu mata dan jika tidak terpilih kosong mata (Abdullah et al., 2005, 2006).

c. Jumlah mata maksimum bagi setiap dilema adalah 3. Oleh itu jika kesemua dilema dipilih P sebagai paling utama dan kedua paling utama, maka jumlah mata maksimum bagi ketiga-tiga kes adalah 9.

Jumlah mata yang diperolehi tersebut perlu dibahagi dengan 0.09. Hasilnya didapati skor rasional moral seseorang berada diantara 0 hingga 100 (Abdullah et al., 2005, 2006).

Mereka yang skor tinggi dari segi peratusnya, mempunyai kognisi moral yang tinggi. Menurut Rest (1979), jika P skornya bernilai 42 ke atas bermakna ianya tergolong dalam tahap tingkahlaku etika pada pascakonvensional, dan jika skor P di antara 28-41.99 ianya tergolong dalam lingkungan tahap tingkahlaku etika pada tahap konvensional, dan jika bawah daripada 28 dianggap berada pada tahap prakonvensional (Chow dan Ding, 2002). Pada umumnya purata P skor untuk orang dewasa adalah pada tahap konvensional, umpamanya kajian Elm dan Nichols (1993) mendapati purata P skor yang diperolehi oleh responden kajian mereka ialah 41. P skor ini menggambarkan tahap tingkahlaku etika konvensional bagi orang dewasa jika dirujuk kepada Blasi (1978), Rest (1979) dan Thoma (1986) serta Wood et al. (1988). Dapatan yang sama juga diperolehi daripada kajian Abdullah et al. (2005, 2006).

Bagi mengesan tahap pembangunan moral para peguam, kajian ini akan menggunakan dengan ubahsuai tiga dilema etika yang telah dibentuk secara hipotetikal seperti yang telah digunakan oleh Abdullah et al. (2006, 2005) dan Abdullah (2000). Kes pertama berhubung dengan dilema diantara amanah, keluarga dan masyarakat. Kes kedua berkaitan dengan dilema skop tanggungjawab sosial

seseorang. Kes ketiga merupakan dilema seseorang didalam mempertimbangkan di antara hak dan prinsip.

Secara keseluruhannya pengukur yang telah digunakan oleh Abdullah (2000) mempunyai nilai alpha 0.65. Manakala nilai alpha kajian Abdullah et al. (2005, 2006) ialah 0.76. Nilai ini hampir setanding dengan kajian yang dijalankan oleh Elm dan Nichols (1993) yang nilai alphanya 0.73.

### 4.4.2 Kod Etika Profesion

Pengukur tentang kod etika sebagai seorang peguam berdasarkan Kaedah Profesion Guaman (Amalan dan Etiket) 1978 (Kod etika peguam) yang digubal oleh MPM (Ravi et al., 2001). Kod etika peguam ini mengandungi 63 Kaedah. Daripada 63 Kaedah-Kaedah ini kod etika kelakuan peguam ini sebenarnya dapat dirumuskan kepada lima kewajipan yang utama. Kewajipan-kewajipan tersebut ialah pertama, kewajipan terhadap mahkamah; kedua, kewajipan terhadap anak guam; ketiga, kewajipan terhadap peguam lain dan parti bertentangan; keempat, kewajipan berkaitan pekerjaan serta kelima, kewajipan berkaitan pengiklanan dan pengurusan firma guaman. Berdasarkan kod etika peguam tersebut kajian telah membentuk serta menggunakan 40 item soal selidik berkaitan dengan kod etika peguam. Daripada 40 item ini, 13 item berkaitan kewajipan kepada mahkamah, 10 item berkenaan kewajipan kepada anak guam, 9 item berkenaan kewajipan semasa bekerja, 5 item berkenaan kewajipan terhadap peguam dan pihak bertentangan dan 3 item berkaitan dengan kewajipan dalam pengiklanan dan pengurusan firma

guaman. Sementara itu, soalan 6, 8, 21, 31 dan 35 daripada bahagian B soal selidik merupakan soalan-soalan yang berbentuk pemboleh ubah negatif.

### 4.4.3 Persepsi Terhadap Kod Etika Peguam

Setakat ini tidak ada sebarang pengukur yang sedia ada untuk mengukur persepsi terhadap kod etika peguam. Oleh kerana itu berdasarkan objektif kajian serta permasalahan kajian penyelidikan ini telah membentuk pengukur sendiri. Secara khusus pengukur yang dibentuk menepati permasalahan serta objektif kedua kajian. Sementara objektif kedua kajian adalah untuk menentukan tahap penerimaan, perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang juga peraturan serta latihan kod etika peguam dikalangan peguam. Sehubungan dengan itu kajian ini akan menggunakan dengan adaptasi soal selidik yang telah digunakan oleh Abdullah et al. (2006, 2005). Abdullah et al. (2006, 2005) telah membentuk 12 item soal selidik yang mengesan tentang penerimaan (item 1, 2 & 5), latihan (item 4, 6 & 7), perlaksanaan (item 8, 11 & 12) dan penguatkuasaan undang-undang serta Kaedah kod etika pengarah-pengarah syarikat di Malaysia (item 3, 9 & 10) seperti yang tertera pada bahagian E soal selidik.

Bagi mengukur persepsi terhadap kod etika peguam ini responden diminta menyatakan sejauhmanakah setiap kenyataan-kenyataan di atas dipersetujui oleh mereka dengan menggunakan skala Likert 1 hingga 5 (iaitu, 1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Kurang setuju, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju). Kajian Abdullah et al. (2005) mendapati nilai kebolehpercayaan soal selidik mereka adalah 0.873 dengan mengambilkira kesemua 12 item yang dikemukakan. Manakala kajian

Abdullah et al. (2006) pula mendapati nilai kebolehpercayaan soal selidik yang sama adalah 0.89 dengan mengambilkira kesemua 12 item yang dikemukakan.

### 4.4.4 Tanggungjawab Sosial

Tanggungjawab sosial dikesan dengan menggunakan ukuran “Social Value Questionnaire” (SVQ) yang dibentuk oleh Perloe (1967). Perloe (1967) mengesan empat faktor persekitaran terhadap orientasi pelajar dalam menyertai masyarakat. Empat faktor tersebut ialah pertama, tanggungjawab moral untuk melindungi dan menegakkan kebajikan pihak lain (Perloe, 1967; Abdullah, 2000 dan Abdullah et al., 2005, 2006). Kedua, kerjasama dan menjadi sebahagian daripada kumpulan sekunder (Perloe, 1967; Abdullah, 2000 dan Abdullah et al., 2005, 2006). Ketiga, nilai dan keperluan menyertai sesuatu kumpulan untuk pembangunan diri (Perloe, 1967; Abdullah, 2000 dan Abdullah et al., 2005, 2006). Keempat, perhatian terhadap moral seseorang yang lain (Perloe, 1967; Abdullah, 2000 dan Abdullah et al., 2005, 2006).

SVQ telah digunakan dengan ubahsuai oleh Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2006, 2005). Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2006, 2005) hanya mengesan faktor perhatian terhadap moral seorang yang lain. Menurut Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2006, 2005) pemilihan faktor ini dibuat untuk tujuan mengesan pandangan seseorang dalam masyarakat dalam usaha membantu membentuk moral anggota masyarakat yang lain. Menurut Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2006,

2005) hanya masyarakat yang memberi perhatian terhadap moral bersama sahaja akan mempunyai anggota yang bermoral.

Perloe (1967) menggunakan 6 skala likert, iaitu terdiri daripada sangat setuju kepada sangat tidak setuju. Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2006, 2005) menggunakan 5 skala likert sahaja (iaitu 1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Kurang setuju, 4=Setuju, 5=Sangat setuju). Ini dilakukan untuk menyeragamkan format soal selidik yang digunakan oleh Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2006, 2005).

Perloe (1967) menggunakan 14 soalan untuk mengesan faktor perhatian seseorang terhadap moral seseorang yang lain. Manakala kajian Abdullah et al. (2006, 2005) menggunakan 12 item.

### 4.4.5 Nilai Keagamaan

Nilai keagamaan diukur berasaskan pengukur *"Religiosity scale"* yang dibentuk oleh Faulkner dan De Jong (1965) yang diubahsuaikan oleh Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2006, 2005). Menurut Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2006, 2005), pengukur ini telah digunakan oleh Faulkner dan De Jong (1965) untuk mengesan lima dimensi keagamaan seperti yang dicadangkan oleh Glock and Starke (1965) terhadap 372 pelajar kelas Pengantar Sosiologi di Pennsylvania State University. Lima dimensi tersebut ialah ideologi, pengetahuan, amalan, pengalaman dan kesan keagamaan terhadap seseorang (Abdullah et al., 2005, 2006

dan Abdullah, 2000). Soal selidik yang dibentuk pada asalnya ditujukan kepada *"Judo-Christian"*.

Kajian Abdullah et al (2005, 2006) dan Abdullah (2000) hanya memilih dua dimensi, iaitu pengalaman dan kesan keagamaan. Menurut Abdullah et al (2005, 2006) Abdullah dan (2000) dua dimensi itu cukup untuk mengesan nilai keagamaan seseorang. Lagipun, menurut Robinson dan Shaver (1973), setiap dimensi boleh diuji secara berasingan. Nilai keagamaan seseorang dapat diukur dengan menjumlahkan skor jawapan yang betul bagi setiap soalan (Robinson dan Shaver, 1973). Lagi banyak jumlah skor jawapan yang betul, maka lagi kuatlah kepercayaan terhadap agama. Jumlah maksimum skor ialah 9 dan terendah adalah kosong. Soalan 1 hingga 5 mengukur dimensi pengalaman, sementara soalan 6 hingga 9 mengukur dimensi kesan amalan keagamaan. Kebolehulangan pengukur ini ialah 0.92. Sementara kebolehulangan pengukur dimensi pengalaman dan kesan masing-masing ialah 0.92 dan 0.90 (Robinson dan Shaver, 1973).

Untuk tujuan kajian ini penyelidik telah menggunakan semula pengukur yang telah diubahsuai oleh Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2005, 2006) iaitu dengan mengubahsuaikan cara skornya kepada lima kategori mengikut skala Likert. Responden dikehendaki menyatakan sejauhmanakah persetujuan mereka terhadap setiap kenyataan yang dikemukakan (iaitu, 1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak setuju, 3=Kurang setuju, 4=Setuju, 5=Sangat Setuju). Nilai alpha yang diperolehi kajian

Abdullah (2000) ialah 0.82. Manakala, kajian Abdullah et al. (2005, 2006), pula mendapati nilai alpha masing-masing adalah 0.82 dan 0.79.

### 4.4.6 Faktor Demografik

Faktor peribadi bagi responden diperolehi daripada soalan biodata. Ia termasuk jantina, dari universiti mana ijazah L.L.B diperolehi, lama bekerja dengan firma, tempoh memegang jawatan sekarang, agama yang dianuti dan umur. Pendedahan terhadap subjek etika semasa di IPT, kursus didalam perkhidmatan dan seminar juga ditanya kepada responden.

## 4.5 Populasi dan Persampelan Responden

Responden kajian ini merupakan peguam yang masih menjadi pengamal undang-undang di Semenanjung Malaysia sahaja. Kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti berikut:

1. Populasi kajian hanya terdiri daripada peguam yang masih aktif sebagai pengamal undang-undang di setiap negeri di Semenanjung Malaysia, kecuali Sabah dan Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan,
2. Peguam yang telah tidak lagi menjadi pengamal undang-undang tidak termasuk dalam kajian ini.

Pada tahun 2009 bilangan peguam adalah seramai 12,500 orang (Berita Harian, 2009; New Straits Times, 2008). Manakala pada 12 Januari 2011 terdapat 13,181 orang peguam (Direktori MPM, 2011). Bagi tujuan kajian ini rangka persampelan

adalah diperolehi daripada direktori MPM atas talian pada laman sesawang MPM pada 31 Disember 2009.

### 4.6 Pra Ujian dan Kajian Rintis

Bahagian ini akan membincangkan hasil penemuan daripada kajian rintis ynag dijalankan pada bulan Mac 2009. Beberapa siri kajian rintis telah diadakan sebelum soal selidik diedarkan kepada responden yang ditetapkan bagi tujuan menguji kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen yang dibentuk (Nunally, 1978). Kajian rintis juga bertujuan memastikan bahawa soalan yang diajukan dalam soal selidik mudah difahami, konsep yang digunakan jelas, tidak mengelirukan dan menjurus kepada persoalan yang dikaji (Nunnally, 1978). Menurut Sekaran (2000) ujian ke atas tahap kepercayaan pengukuran adalah penting kerana ia akan menentukan kestabilan dan kemantapan pengukuran yang digunakan serta untuk mengelakkan daripada bias. Manakala menurut Nunally (1978) ujian kesahan menjadi penting kerana alat pengukuran hanya akan sah apabila ia dapat mengukur apa yang hendak diukur.

Sebanyak 13 soal selidik mula diedarkan pada Mac 2009 kepada pensyarah undang-undang di Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM) yang mempunyai gelaran peguambela dan peguamcara serta pernah menjadi pengamal undang-undang sebelum menjadi pensyarah UUM. Manakala sebanyak 19 soal selidik diedarkan kepada peguam di Perlis dan Kedah. Daripada semua soal selidik yang diedarkan 25 soal selidik telah

dikembalikan. Jumlah sampel sebanyak 25 hingga 100 orang adalah memadai untuk tujuan kajian rintis (Emery & Cooper, 1991).

### 4.6.1 Analisis Kebolehpercayaan

Menurut Cavana et al., (2001) kebolehpercayaan merujuk kepada sesuatu item yang konsisten. Cavana et al., (2001) menyatakan kebolehpercayaan adalah darjah dimana pengukuran sesuatu item yang menunjukkan hasil yang stabil dan konsisten. Ia juga bermaksud hasil keputusan yang sama akan diperolehi walaupun item-item yang sama digunakan berkali-kali (Cavana et al., 2001). Menurut Cavana et al., (2001) dan Churchill (1979) koefisien kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* adalah merupakan alat pengukuran yang sering digunakan untuk mengukur konsistensi dalaman (*internal konsistency*). Menurut Pallant (2007), Cavana (2001) dan Nunally (1978) *Cronbach Alpha* mengambil kira nilai julat 0 hingga 1. Nilai yang kurang daripada 0.6 dianggap lemah dan kurang memuaskan (Pallant, 2007; Cavana, 2001; dan Nunally,1978). Manakala nilai dalam julat 0.7 adalah boleh diterima dan boleh dipercayai, dan nilai dalam julat melebihi 0.8 adalah dianggap sebagai baik (Pallant, 2007; Cavana, 2001; dan Nunally,1978).

Analisis kepercayaan menunjukkan tiga pemboleh ubah memberi nilai *Cronbach Alpha* melebihi 0.70 iaitu kod etika, tanggungjawab sosial, dan persepsi terhadap kod etika. Pemboleh ubah kod etika peguam memberi nilai alpha 0.88. Pemboleh ubah tanggungjawab sosial memberi nilai alpha 0.79. Manakala pemboleh ubah persepsi terhadap kod etika memberi nilai alpha 0.73. Menurut Sekaran (2000) nilai

alpha yang menghampiri 0.70 adalah boleh diterima. Menurut Pallant (2007) item-item dimana nilai *Cronbach Alpha* melebihi nilai 0.7 tidak perlu digugurkan. Maka, bagi item-item kod etika, tanggungjawab sosial dan persepsi terhadap kod etika tiada item yang digugurkan.

Pemboleh ubah pegangan agama memberi nilai alpha 0.51. Nilai rendah ini boleh difahami kerana pegangan agama seseorang bergantung kepada kefahaman agama dan latar belakang agama seseorang (Abdullah et al. 2006, 2005). Manakala bagi pemboleh ubah tingkahlaku etika penyelidik telah menguji item-item dibawahnya berdasarkan tiga kumpulan dimensi berasingan iaitu kumpulan prakonvensional, konvensional dan pascakonvensional. Ini dilakukan kerana item-item yang dibina adalah untuk mengesan tiga dimensi yang berbeza. Kes pertama berhubung dengan dilema diantara amanah, keluarga dan masyarakat. Kes kedua berkaitan dengan dilema skop tanggungjawab sosial seseorang. Kes ketiga merupakan dilema seseorang didalam mempertimbangkan diantara hak dan prinsip.

Hasil analisis mendapati nilai *Cronbach Alpha* item-item bagi kumpulan prakonvensional ialah 0.46. manakala nilai *Cronbach Alpha* item-item bagi kumpulan konvensional ialah 0.14. Bagi item-item kumpulan pascakonvensional pula nilai *Cronbach Alpha* ialah 0.77. Walaupun nilai alpha bagi item-item pegangan agama, prakonvensional dan konvesional adalah rendah, penyelidik bercadang mengekalkan kesemua item dibawah Bahagian A dan Bahagian D ini, kerana dari segi teorinya, kesemua item-item tersebut adalah penting dan perlu

dikekalkan dalam konteks pegangan agama dan dilema etika berkaitan tingkahlaku etika (Abdullah et al. 2006, 2005).

### 4.6.2 Analisis Kesahihan

Menurut Murphy & Davidshofer (1998) ada dua kaedah kesahihan iaitu kesahihan kandungan dan kesahihan konstruk. Nunnally (1978) menyatakaan kesahihan kandungan bermaksud sejauh mana sesuatu instrumen mengandungi item-item yang mencukupi bagi mengukur sesuatu pemboleh ubah. Kesahihan kandungan bergantung kepada bagaimana item-item berkenaan dikaitkan dan cara persembahannya (Shuhymee, 2010). Bagi kajian ini, instrumen-instrumen yang dibina adalah berdasarkan kepada kajian literatur yang komprehensif yang telah dibincangkan dalam bab 2 dan 3, penilaian ahli akademik dalam bidang undang-undang dan peguam berpengalaman.

Bagi menentukan kesahihan soal selidik, penyelidik telah memasukkan soalan berbentuk negatif dalam Bahagian B dan Bahagian C. Soalan bentuk negatif dalam Bahagian B ialah soalan nombor 6, 8, 21, 31 dan 35. Manakala dalam Bahagian C ialah soalan-soalan bentuk negatif ialah soalan-soalan 3, 4, 5 dan 10. Responden telah memilih jawapan yang sepatutnya bagi soalan-soalan tersebut.

Empat soal selidik diedarkan kepada empat pensyarah undang-undang yang bertaraf Profesor Madya dan pemegang Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang di Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara

Malaysia. Manakala satu soal selidik diedarkan kepada seorang pensyarah undang-undang yang pernah menjadi pengamal undang-undang selama 14 tahun sebelum memasuki bidang akademik pada tahun 2007. Seterusnya, tiga soal selidik telah diedarkan kepada tiga orang profesor Undang-Undang daripada Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabaangsa. Ini bertujuan mendapatkan pandangan pakar mengenai soal selidik bagi memastikan kesahihan kandungannya. Daripada perbincangan dengan pakar-pakar berkenaan, adalah didapati pengukuran yang dibina adalah agak mantap kecuali sedikit kesalahan dari segi ejaan dan terma Bahasa Inggeris yang digunakan. Bahagian B soal selidik mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Contohnya, perkataan *alert with* diganti dengan *aware of*. Kesalahan bahasa yang dikesan dalam Bahagian D ialah perkataan *novelty* digantikan dengan *sanctity*. Dalam Bahagian E pula, perkataan *obedience* digantikan dengan *observance*, perkataan *always* digantikan dengan *persistently* dan ayat *received sufficient practical* diganti dengan *has sufficiently received the practical instructions*. Akhir sekali dalam Bahagian F terdapat kesalahan dari segi urutan nombor soalan. Bahagian-bahagian lain soal selidik tiada mengandungi apa-apa kesalahan atau kesilapan. Penambahbaikan dan semakan telah dibuat berdasarkan komen-komen dari lapan orang pakar tersebut. Maka, hasil para ujian ini membuktikan kesahihan kandungan instrumen adalah mengukur setiap konstruk yang digunakan dalam kajian ini.

## 4.7 Kajian Sebenar Di Lapangan

Responden dikenalpasti dan dipilih berdasarkan teknik persampelan rawak sistematik. Persampelan ini menggariskan setiap elemen tertentu yang akan dipilih dalam sesuatu populasi (Sekaran, 2000). Sebagai contoh, jika kita memerlukan sampel 35 penduduk daripada populasi 260 buah rumah, maka kita boleh mengambil sampel setiap rumah yang ketujuh secara rawak (Sekaran, 2000). Katakanlah nombor rawak itu itu tujuh, maka rumah bernombor 7, 14, 21, 28 dan seterusnya akan diambil hingga 35 rumah telah terpilih (Sekaran, 2000). Bagi kajian ini, penyelidik memilih responden yang ketujuh secara rawak daripada populasi peguam di Semenanjung Malaysia. Maka penyelidik mula mengambil sampel responden bermula dari 7, 14, 21, 28 dan seterusnya sehingga memperolehi 950 responden.

Populasi dan kerangka persampelan diambil daripada Direktori MPM atas talian daripada laman sesawang Majlis Peguam Malaysia pada 31 Disember 2009. Kutipan data sebenar bermula dari 26 Julai 2010 hingga 28 Ogos 2011 yang mengambil masa lebih kurang 13 bulan. Tempoh ini agak panjang kerana penyelidik menjalankan kajian ini secara sambilan. Ini bermaksud penyelidik bekerja sepenuh masa, manakala penyelidikan dijalankan selepas waktu pejabat. Kerja menyediakan sampul surat beralamat sendiri, sampul surat beralamat responden, melekatkan setem, mengisi tiap-tiap sampul surat dengan satu set soal selidik dan mengepos semua 950 sampul yang lengkap dengan perkara-perkara di atas dilakukan sendiri oleh penyelidik.

Sebanyak 950 set soal selidik telah diedarkan kepada responden berbanding jumlah yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) sebanyak 375. Pertambahan sebanyak 575 (60.5%) adalah disebabkan kajian lepas mendepati pendekatan pos mempunyai kadar maklum balas yang agak rendah di Malaysia. Menurut Abdullah (2000), Syd Abdul Rahman (2003), dan Shuhymee (2010) hanya 40% responden yang akan memberikan maklum balas terhadap soal selidik.

Data dikutip melalui pengedaran borang soal selidik yang dipenuhi sendiri oleh responden yang terpilih dengan pen atau pensil. Sebanyak 950 soal selidik telah diedarkan kepada 950 responden yang terpilih. Borang tersebut telah disampaikan kepada responden melalui tangan semasa lawatan di setiap pejabat peguam yang dilawati dan juga melalui pos. Ahmad Mahzan (2002) mendapati pengedaran soal selidik melalui pos mempunyai beberapa kebaikan berikut:

- Sesuai bagi kawasan yang luas dan bertaburan,
- Perbelanjaan yang murah berbanding menggunakan pembanci,
- Kaedah pos dapat memberikan kadar kepersisan yang tinggi jika soal selidik dikembalikan dalam tempoh yang sama atau hampir sama,
- Kesilapan atau ralat yang berpunca daripada pembanci dapat dielakkan,
- Responden berpeluang untuk berfikir sejenak sebelum menjawab soalan,
- Kaedah ini sesuai kepada responden yang tidak suka menjawab secara bersemuka.

Semasa lawatan penyelidik menerangkan tujuan kedatangan penyelidik (Abdullah et al., 2005, 2006). Penyelidik menerangkan bagaimanakah soal selidik harus dijawab dan siapa patut menjawab soal selidik tersebut (Abdullah et al., 2005, 2006). Soal selidik yang siap dijawab perlu dikembalikan secara pos dalam tempoh dua minggu dari tarikh lawatan berkenaan (Abdullah et al., 2005, 2006). Penyelidik telah membekalkan kepada responden sampul surat yang bersetem dan juga alamat penyelidik. Setelah tempoh dua minggu, penyelidik telah menelefon responden untuk memastikan responden telah menghantar soal selidik yang telah lengkap diisi kepada penyelidik. Sekiranya belum dijawap oleh responden, penyelidik mengingatkan responden supaya mengisi dan menghantar borang yang lengkap diisi kepada penyelidik. Seterusnya, penyelidik telah pergi semula ke beberapa pejabat responden yang berhampiran di Kedah dan Perlis untuk memungut kembali soal selidik yang telah lengkap diisi.

Hasil daripada usaha di atas, penyelidik telah menerima 117 soalselidik iaitu 12.3%. Daripada jumlah tersebut hanya 107 soal selidik sahaja boleh digunakan untuk analisis dalam kajian ini selepas tapisan dan pembersihan. Baki sepuluh soal selidik dikeluarkan daripada analisis adalah kerana tidak dijawap oleh responden kerana responden telah berpindah atau berhenti daripada firma peguam berkaitan. Menurut Roscoe (1975) saiz sampel antara 30 hingga 500 adalah sesuai dan mencukupi bagi kebanyakan kajian. Oleh yang demikian, sampel sebanyak 107 adalah mencukupi bagi kajian ini.

### 4.7.1 Analisis Kebolehpercayaan

Secara keseluruhan tahap kebolehpercayaan bagi setiap konstruk adalah memuaskan. Jadual 4.2 menunjukkan nilai alpha bagi setiap konstruk dan perbandingannya dengan keputusan yang diperolehi pada peringkat kajian rintis.

**Jadual 4.2**
***Nilai Cronbach Alpha bagi ujian kebolehpercayaan (n=107)***

| **Pemboleh Ubah** | **Jumlah Item** | **Nilai Alpha Kajian Rintis** | **Nilai Alpha Kajian Sebenar** |
|---|---|---|---|
| Kod Etika Peguam | 40 | 0.88 | 0.90 (33 item) |
| Tanggungjawab sosial | 12 | 0.79 | 0.81 |
| Pegangan Agama | 5 | 0.51 | 0.84 (4 item) |
| Persepsi Terhadap Kod Etika | 12 | 0.73 | 0.81 |
| Tingkahlaku Etika | | | |
| Prakonvensional | 6 | 0.46 | 0.51 |
| Konvensional | 6 | 0.14 | 0.03 |
| Pascakonvensional | 6 | 0.77 | 0.62 |

Bagi pemboleh ubah tingkahlaku etika penyelidik telah menguji item-item di bawahnya berdasarkan tiga kumpulan berasingan iaitu kumpulan prakonvensional, konvensional dan pascakonvensional. Ini dilakukan kerana item-item yang dibina adalah untuk mengesan tiga dimensi yang berbeza. Kes pertama berhubung dengan dilema diantara amanah, keluarga dan masyarakat (Abdullah et al. 2005, 2006). Kes kedua berkaitan dengan dilema skop tanggungjawab sosial seseorang (Abdullah et al. 2005, 2006). Kes ketiga merupakan dilema seseorang didalam mempertimbangkan diantara hak dan prinsip (Abdullah et al. 2005, 2006).

Keputusan analisis mendapati nilai *Cronbach Alpha* item-item bagi kumpulan prakonvensional ialah 0.51. manakala nilai *Cronbach Alpha* item-item bagi

kumpulan konvensional ialah 0.03. Bagi item-item kumpulan pascakonvensional pula nilai *Cronbach Alpha* ialah 0.62. Walaupun nilai alpha bagi item-item konvensional adalah rendah, penyelidik mengekalkan kesemua item dibawahnya, kerana dari segi teorinya, kesemua item-item tersebut adalah penting dan perlu dikekalkan dalam konteks dilema etika berkaitan tingkahlaku etika (Abdullah et al. 2005, 2006).

Menurut Pallant (2007) adalah agak sukar untuk mendapat nilai alpha yang baik bagi konstruk yang mempunyai bilangan item yang kurang daripada sepuluh. Bagi lain-lain pemboleh ubah nilai *Cronbach Alpha* adalah dianggap sebagai baik dan boleh dipercayai (Nunnally, 1978; Pallant, 2007). Nilai *Cronbach Alpha* kod etika peguam, tanggungjawab sosial, pegangan agama dan persepsi terhadap kod etika dan tingkahlaku etika tahap pascakonvensional adalah diantara 0.62 hingga 0.90 (sila rujuk Jadual 4.2)

### 4.7.2 Analisis Kesahihan

Prosedur analisis faktor penerokaan (*exploratory factor analysis*) digunakan bagi menentukan kesahihan konstruk kod etika peguam, tanggungjawab sosial, pegangan agama dan tingkahlaku etika. Hair et al. (2006) menyatakan analisis faktor digunakan untuk menentukan struktur pemboleh ubah dan mencadangkan jumlah dimensi dalam sesuatu kajian. Dalam kajian ini penyelidik hanya merujuk jumlah komponen atau faktor yang dicadangkan berdasarkan dapatan daripada analisis faktor tersebut.

*Principal Component Analysis* (PCA) digunakan dalam kajian ini untuk menganalisa setiap konstruk kod etika peguaam, tanggungjawab sosial, pegangan agama, persepsi terhadap kod etika. Leowanthal (1996) menyatakan PCA dapat memberi hasil keputusan yang jelas. Menurut Velicer dan Jackson (1990) PCA adalah satu kaedah yang tepat untuk menentukan jumlah faktor atau komponen yang perlu dikekalkan.

Bagi konstruk pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam sebanyak 40 item digunakan untuk dianalisis. Pallant (2007) mencadangkan bagi menganalisa hasil keputusan analisis faktor, langkah pertama ialah dengan memeriksa *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO) dan *Barlett's Test of Spericity* (BTS). Merujuk kepada Jadual 4.3 nilai KMO adalah 0.690 melebihi nilai minimum 0.6 yang dikehendaki bagi membolehkan analisis faktor diteruskan (Tabachnik & Fidell, 2001; Pallant, 2007). Ujiann BTS adalah signifikan ($p<0.05$) dengan nilai Chi-square 1978.692 pada darjah kebebasan 780 yang menyokong penggunaan analisis faktor bagi konstruk pengetahuan dan pemahaman kod etika.

**Jadual 4.3**
***Ringkasan keputusan bagi analisis faktor (Principal Component Analysis)***

| Bil | | Keputusan Kod Etika Peguam | Keputusan Tanggungjawab Sosial | Keputusan Pegangan Agama | Keputusan Persepsi terhadap Kod Etika Peguam | Penerangan syarat yang perlu dipatuhi |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Matrik Korelasi** *Kaiser-Meyer-Olkin Measure of* | 0.690 | 0.826 | 0.778 | 0.688 | Nilai KMO lebih daripada 0.6 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | *Sampling Adequacy* (KMO) | | | | | |
| 2. | ***Barlett's Test of Sphericity***<br>Angaran Chi-Square<br>Darjah kebebasan (df)<br>Signifikan | <br>1978.692<br>780<br>0.000 | <br>443.246<br>66.000<br>0.000 | <br>235.992<br>10.000<br>0.000 | <br>498.534<br>66.000<br>0.000 | Signifikan pada p<0.001 |
| 3. | ***Measure of Sampling Adequqcy (MSA)***<br>*Anti-Image Matrix* | Semua nilai lebih daripada 0.5 kecuali 7 item dari pada 40 item | Semua nilai lebih daripada 0.5 | Semua nilai lebih daripada 0.5 | Semua nilai lebih daripada 0.5 | Darjah korelasi antara pemboleh ubah melebihi nilai minimum iaitu 0.5 |
| 4. | Nilai *Communalities* | 5 item kurang daripada 0.3 | Semua nilai lebih daripada 0.3 | Semua nilai lebih daripada 0.3 kecuali item d2 (0.214) | Semua nilai lebih daripada 0.4 | Tujuh item pengetahuan dan pemahaman kod etika perlu digugurkan kerana nilai keseragaman kurang daripada 0.3. Enam daripada item tidak termasuk dalam mana-mana empat komponen. Satu item pegangan agama digugurkan (d2) |
| 5. | **Nilai *Eigenvalues***<br>Jumlah Komponen/Faktor<br>Jumlah penerangan variasi<br>Komponen 1<br>Komponen 2<br>Komponen 3<br>Komponen 4 | <br>4<br>43.41<br>24.88<br>7.26<br>6.59<br>4.68 | <br>3<br>59.51<br>38.21<br>10.86<br>10.44 | <br>1<br>57.978 | <br>3<br>60.729<br>25.354<br>17.708<br>17.667 | Melebihi nilai satu bagi e***igenvalues*** dan diterima dibawah syarat e***igenvalues*** |

Seterusnya merujuk kepada Jadual 4.4 didapati empat komponen (nombor-nombor *italicized* dan *bold*) mempunyai nilai eigenvalues lebih daripada satu. Keempat-empat komponen tersebut dapat menerangkan 43.4% kedudukan variasi pemboolehubah pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam. Menurut Hair et al. (2006); Pallant 2007; dan Tabachnik & Fidell, 2001, selain nilai eigenvalues rajah *Scree Plot* juga boleh dirujuk untuk menentukan jumlah faktor atau komponen (sila rujuk LAMPIRAN H). Berdasarkan kepada nilai eigenvalues, penyelidik merumuskan bahawa konstruk pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam mempunyai empat komponen atau faktor yang diwakili oleh pemboleh ubah kewajipan kepada anak guam, kewajipan kepada mahkamah, kewajipan kepada pihak lain dan kewajipan semasa bekerja. Dapatan ini adalah satu penemuan baru dan yang pertama.

**Jadual 4.4**
***Jumlah varian diterangkan bagi konstruk pengetahuan dan pemahaman kod etika***

| Komponen | Eigenvalues Permulaan | | | Extraction Sum of Squared Loadings | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah | % Varian | % Terkumpul | Jumlah | % Varian | % Terkumpul |
| ***1*** | ***9.953*** | ***24.883*** | ***24.883*** | ***9.953*** | ***24.883*** | ***24.883*** |
| ***2*** | ***2.902*** | ***7.256*** | ***32.139*** | ***2.902*** | ***7.256*** | ***32.139*** |
| ***3*** | ***2.635*** | ***6.586*** | ***38.725*** | ***2.635*** | ***6.586*** | ***38.725*** |
| ***4*** | ***1.872*** | ***4.680*** | ***43.405*** | ***1.872*** | ***4.680*** | ***43.405*** |
| 5 | 1.809 | 4.522 | 47.927 | | | |
| 6 | 1.658 | 4.144 | 52.071 | | | |
| 7 | 1.494 | 3.734 | 55.805 | | | |
| 8 | 1.376 | 3.441 | 59.246 | | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | 1.310 | 3.275 | 62.521 | | | |
| 10 | 1.224 | 3.060 | 65.581 | | | |
| 11 | 1.137 | 2.843 | 68.424 | | | |
| 12 | 1.057 | 2.643 | 71.067 | | | |
| 13 | .994 | 2.484 | 73.551 | | | |
| 14 | .983 | 2.457 | 76.008 | | | |
| 15 | .866 | 2.165 | 78.173 | | | |
| 16 | .788 | 1.969 | 80.142 | | | |
| 17 | .761 | 1.902 | 82.044 | | | |
| 18 | .724 | 1.810 | 83.853 | | | |
| 19 | .657 | 1.643 | 85.496 | | | |
| 20 | .591 | 1.477 | 86.973 | | | |
| 21 | .537 | 1.341 | 88.315 | | | |
| 22 | .504 | 1.261 | 89.576 | | | |
| 23 | .495 | 1.239 | 90.814 | | | |
| 24 | .418 | 1.044 | 91.858 | | | |
| 25 | .392 | .980 | 92.838 | | | |
| 26 | .351 | .877 | 93.715 | | | |
| 27 | .345 | .862 | 94.577 | | | |
| 28 | .292 | .729 | 95.306 | | | |
| 29 | .276 | .689 | 95.995 | | | |
| 30 | .236 | .591 | 96.586 | | | |
| 31 | .223 | .556 | 97.143 | | | |
| 32 | .205 | .513 | 97.656 | | | |
| 33 | .182 | .454 | 98.110 | | | |
| 34 | .156 | .389 | 98.499 | | | |
| 35 | .154 | .386 | 98.885 | | | |
| 36 | .138 | .344 | 99.229 | | | |
| 37 | .117 | .292 | 99.521 | | | |
| 38 | .089 | .222 | 99.743 | | | |
| 39 | .054 | .136 | 99.879 | | | |
| 40 | .048 | .121 | 100.000 | | | |

Selepas analisis faktor, tujuh item telah digugurkan kerana keseragaman kurang daripada 0.3 dan item yang tidak termasuk dibawah mana-mana komponen. Item-item yang digugurkan ialah b1, b5, b8, b10, b21, b34 dan b35. Bagi tujuan analisis multivariat, penyelidik hanya mengambilkira 33 item sahaja (sila rujuk Jadual 4.5).

**Jadual 4.5**
***Nombor dan bilangan item yang diambilkira bagi tujuan analisis multivariat***

| Faktor | Faktor 1 Kewajipan kepada anak guam | Faktor 2 Kewajipan kepada mahkamah | Faktor 3 Kewajipan kepada pihak lain | Faktor 4 Kewajipan semasa bekerja |
|---|---|---|---|---|
| Item-item | b2<br>b3<br>b7<br>b9<br>b19<br>b20<br>b22<br>b23<br>b24<br>b25<br>b26<br>b28<br>b29 | b11<br>b12<br>b13<br>b14<br>b15<br>b16<br>b17<br>b18 | b6<br>b31<br>b32<br>b33<br>b36<br>b37<br>b38<br>b39<br>b40 | b4<br>b27<br>b30 |
| Jumlah item | 13 | 8 | 9 | 3 |

Bagi analisis faktor ke atas konstruk sikap tanggungjawab sosial sebanyak 12 item telah dianalisis menggunakan PCA. Merujuk kepada Jadual 4.3 nilai KMO adalah 0.826 melebihi nilai minimum 0.6 yang dikehendaki bagi membolehkan analisis faktor diteruskan (Tabachnik & Fidell, 2001; Pallant, 2007). Ujian BTS adalah signifikan ($p<0.05$) dengan nilai Chi-square 443.246 pada darjah kebebasan 66.000 yang menyokong penggunaan analisis faktor bagi konstruk. Keputusan ini mengesahkan penggunaan analisis faktor ke atas konstruk tanggungjawab sosial. Merujuk kepada Jadual 4.6, terdapat tiga komponen (nombor-nombor *italized* dan *bold*) yang mempunyai nilai eigenvalues lebih daripada satu. Kesemua komponen itu menerangkan 60.7% kedudukan variasi bagi pemboleh ubah tanggungjawab sosial. Berdasarkan kepada nilai eigenvalues dan *Scree Plot*, penyelidik merumuskan bahawa konstruk tanggungjawab sosial mempunyai tiga komponen atau faktor yang diwakili oleh pemboleh ubah sikap ambil tahu moral masyarakat,

sikap menyerahkan tugas menegakkan moral kepada pihak lain dan sikap tidak ambil tahu moral masyarakat(sila rujuk LAMPIRAN I). Dapatan ini adalah satu penemuan baru kerana kajian Abdullah et al., 2005, 2006 tidak melaksanakan analisis faktor terhadap pemboleh ubah perhatian terhadap moral seseorang yang lain. Sekiranya diperhati dengan teliti, sebenarnya ketiga-tiga komponen tersebut adalah berkaitan dengan perhatian terhadap moral seseorang yang lain seperti yang dinyatakan oleh Perloe, 1967; Abdullah, 2000 dan Abdullah et al., 2005, 2006. Tiada item yang digugurkan bagi tujuan analisis multivariat (sila rujuk Jadual 4.3).

**Jadual 4.6**
***Jumlah varian diterangkan bagi konstruk sikap tanggungjawab sosial***

| | Eigenvalues Permulaan | | | Extraction Sums of Squared Loadings | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Komponen | Jumlah | % Varian | % Terkumpul | Jumlah | % Varian | % Terkumpul |
| ***1*** | ***3.988*** | ***33.230*** | ***33.230*** | ***3.988*** | ***33.230*** | ***33.230*** |
| ***2*** | ***1.936*** | ***16.134*** | ***49.364*** | ***1.936*** | ***16.134*** | ***49.364*** |
| ***3*** | ***1.364*** | ***11.365*** | ***60.729*** | ***1.364*** | ***11.365*** | ***60.729*** |
| 4 | .988 | 8.236 | 68.965 | | | |
| 5 | .862 | 7.182 | 76.147 | | | |
| 6 | .729 | 6.073 | 82.220 | | | |
| 7 | .528 | 4.398 | 86.618 | | | |
| 8 | .457 | 3.811 | 90.429 | | | |
| 9 | .379 | 3.160 | 93.588 | | | |
| 10 | .377 | 3.139 | 96.727 | | | |
| 11 | .313 | 2.611 | 99.338 | | | |
| 12 | .079 | .662 | 100.000 | | | |

Seterusnya, bagi analisis faktor ke atas konstruk pegangan agama sebanyak lima item telah dianalisis menggunakan PCA. Merujuk kepada Jadual 4.3 nilai KMO adalah 0.778 melebihi nilai minimum 0.6 yang dikehendaki bagi membolehkan

analisis faktor diteruskan (Tabachnik & Fidell, 2001; Pallant, 2007). Ujiann BTS adalah signifikan ($p<0.05$) dengan nilai Chi-square 235.992 pada darjah kebebasan 10.000 yang menyokong penggunaan analisis faktor bagi konstruk. Keputusan ini mengesahkan penggunaan analisis faktor ke atas konstruk tanggungjawab sosial. Merujuk kepada Jadual 4.7, terdapat satu komponen (nombor-nombor *italized* dan *bold*) yang mempunyai nilai eigenvalues lebih daripada satu. Komponen itu menerangkan 57.98% kedudukan variasi bagi pemboleh ubah pegangan agama. Berdasarkan kepada nilai eigenvalues dan *Scree Plot*, penyelidik merumuskan bahawa konstruk pegangan agama mempunyai satu komponen atau faktor sahaja (sila rujuk LAMPIRAN J). Satu item digugurkan bagi tujuan analisis multivariat iaitu item d2. Item ini kurang daripada keseragaman 0.3, iaitu 0.214.

**Jadual 4.7**
***Jumlah varian diterangkan bagi konstruk pegangan agama***

| Komponen | Eigenvalues Permulaan | | | Extraction Sums of Squared Loadings | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah | % Varian | % Terkumpul | Jumlah | % Varian | Terkumpul% |
| ***1*** | ***2.899*** | ***57.978*** | ***57.978*** | ***2.899*** | ***57.978*** | ***57.978*** |
| 2 | .966 | 19.324 | 77.302 | | | |
| 3 | .683 | 13.666 | 90.968 | | | |
| 4 | .284 | 5.681 | 96.648 | | | |
| 5 | .168 | 3.352 | 100.000 | | | |

Akhir sekali, bagi analisis faktor ke atas konstruk persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam sebanyak 12 item telah dianalisis menggunakan PCA. Merujuk kepada Jadual 4.3 nilai KMO adalah 0.688 melebihi nilai minimum 0.6 yang dikehendaki bagi membolehkan analisis faktor

diteruskan (Tabachnik & Fidell, 2001; Pallant, 2007). Ujiann BTS adalah signifikan ($p<0.05$) dengan nilai Chi-square 498.534 pada darjah kebebasan 66.000 yang menyokong penggunaan analisis faktor bagi konstruk. Keputusan ini mengesahkan penggunaan analisis faktor ke atas konstruk persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam. Merujuk kepada Jadual 4.8, terdapat tiga komponen (nombor-nombor *italized* dan *bold*) yang mempunyai nilai eigenvalues lebih daripada satu. Komponen itu menerangkan 60.73% kedudukan variasi bagi pemboleh ubah persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam. Berdasarkan kepada nilai eigenvalues dan *Scree Plot*, penyelidik merumuskan bahawa konstruk pemboleh ubah persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam mempunyai tiga komponen atau faktor (sila rujuk LAMPIRAN K). Faktor pertama, ialah persepsi terhadap perlaksanaan latihan etika peguam. Faktor kedua, ialah persepsi terhadap penguatkuasaan undang-undang dan peraturan etika peguam. Manakala faktor ketiga, ialah persepsi terhadap pematuhan etika peguam.

**Jadual 4.8**
***Jumlah varian diterangkan bagi konstruk persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam***

| Komponen | Eigenvalues Permulaan | | | Extraction Sums of Squared Loadings | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Jumlah | % Varian | % Terkumpul | Jumlah | % Varian | % Terkumpul |
| ***1*** | ***3.988*** | ***33.230*** | ***33.230*** | ***3.988*** | ***33.230*** | ***33.230*** |
| ***2*** | ***1.936*** | ***16.134*** | ***49.364*** | ***1.936*** | ***16.134*** | ***49.364*** |
| ***3*** | ***1.364*** | ***11.365*** | ***60.729*** | ***1.364*** | ***11.365*** | ***60.729*** |
| 4 | .988 | 8.236 | 68.965 | | | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5 | .862 | 7.182 | 76.147 | | | |
| 6 | .729 | 6.073 | 82.220 | | | |
| 7 | .528 | 4.398 | 86.618 | | | |
| 8 | .457 | 3.811 | 90.429 | | | |
| 9 | .379 | 3.160 | 93.588 | | | |
| 10 | .377 | 3.139 | 96.727 | | | |
| 11 | .313 | 2.611 | 99.338 | | | |
| 12 | .079 | .662 | 100.000 | | | |

Penemuan ini adalah satu penemuan baru kerana kajian Abdullah et al., 2005, 2006 menggunakan empat pemboleh ubah untuk mengesan persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam. Pemboleh ubah tersebut ialah pertama, persepsi terhadap latihan etika peguam. Kedua, persepsi terhadap pematuhan etika peguam. Ketiga, persepsi terhadap penguatkuasaan dan keempat ialah persepsi terhadap jelasnya peraturan dan undang-undang etika peguam. Kajian ini mendapati item-item bagai pemboleh ubah jelasnya peraturan dan undang-undang etika peguam (item-item e1, e2 dan e5) termasuk sama ada dalam faktor satu (item e5) atau faktor dua (e1 dan e2) (sila rujuk Jadual 4.9). Tiada item digugurkan bagi tujuan analisis multivariat. Keadaan ini sedemikian kerana semua item melebihi nilai keseragaman 0.3.

**Jadual 4.9**
***Bilangan item-item dibawah faktor-faktor persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam***

| Faktor | Faktor 1 Persepsi terhadap latihan etika peguam | Faktor 2 Persepsi terhadap penguatkuasaan etika peguam | Faktor 3 Persepsi terhadap pematuhan etika peguam |
|---|---|---|---|
| Item-item | e6<br>e7<br>e4<br>e5 | e1<br>e2<br>e3<br>e9 | e12<br>e11<br>e8<br>e10 |
| Jumlah item | 4 | 4 | 4 |

### 4.7.3 Ujian Normaliti, Lineariti dan Multikolineariti

Hair et al. (2006) menyatakan beberapa andaian perlu dipenuhi sebelum teknik multivariat boleh digunakan. Menurut Hair et al. (2006), Norusis (1999) dan Pallant (2007) andaian tersebut ialah ujian kenormalan, lineariti dan multikolineariti.

#### 4.7.3.1 Ujian Normaliti

Hair et al. (2006) menyatakan data yang baik ialah data yang mempunyai pola bertaburan normal. Ia bermaksud taburan data tidak lencong ke kiri atau ke kanan (Hair et al., 2006). Menurut Norusis (1999) kaedah yang mudah untuk memeriksa kenormalan data adalah dengan merujuk rajah histogram untuk residual. Data bertaburan normal boleh dirujuk pada rajah histogram dengan merujuk garis-garis tegak (Norusis, 1999). Rajah 4.1 menunjukkan histogram untuk residual piawai pemboleh ubah kod etika peguam dengan tingkahlaku etika peguam.

Rajah 4.1 menunjukkan tiada terdapat satu pengelompokan residual ke arah tengah serta tiada yang bertabur ke arah nilai positif atau negatif yang besar. Oleh itu, data adalah bertaburan normal (Hair et al., 2006; Norusis, 1999). Maka, andaian kenormalan data bagi kajian ini telah dipenuhi. Ujian kenormalan data keatas pemboleh ubah pemboleh ubah lain juga telah dilakukan dengan menggunakan kaedah yang sama (sila rujuk LAMPIRAN L, M, dan N). Secara keseluruhannya keputusan ujian mendapati kesemua taburan residual histogram adalah normal. Ini membuktikan bahawa andaian kenormalan data telah dipenuhi.




**Rajah 4.1**
***Histogram residual bagi pemboleh ubah kod etika peguam dengan tingkahlaku etika peguam***

Selain daripada merujuk histogram residual, kenormalan data boleh juga dirujuk daripada mean, mod dan median pemboleh ubah (Hair et al., 2006). Sekiranya mean, mode dan median hampir sama, maka kenormalan data adalah dipenuhi (Hair et al., 2006). Jadual 4.10 menunjukkan mean, mod dan median bagi pemboleh ubah pemboleh ubah kod etika peguam, tanggungjawab sosial, pegangan agama dan persepsi terhadap kod etika peguam.

**Jadual 4.10**

***Mean, mod dan median bagi pemboleh ubah pemboleh ubah kod etika peguam, tanggungjawab sosial, pegangan agama dan persepsi terhadap kod etika peguam.***

| Pemboleh ubah / Frequensi | Kod etika peguam | Tanggunglawab sosial | Pegangan agama | Persepsi terhadaap kod etika peguam |
|---|---|---|---|---|
| Mean | 4.1261 | 4.0291 | 4.3067 | 3.3209 |
| Median | 4.1750 | 4.0833 | 4.6000 | 3.2500 |
| Mode | 4.00 | 3.92 | 5.00 | 3.08 |

Seterusnya, menurut Hair et al., (2006), ujian kenormalan data juga boleh dibuat dengan menggunakan kaedah plot kebarangkalian normal. Rajah 4.2 menunjukkan plot kebarangkalian kumulatif residual untuk residual pemboleh ubah kod etika peguam. Berdasarkan Rajah 4.2 nilai residual yang dikaji menghampiri garisan normal. Ini menunjukkan bahawa data adalah normal serta memenuhi andaian kenormalan. Kaedah yang sama juga digunakan untuk pemboleh ubah tanggungjawab sosial, pegangan agama dan persepsi kod etika peguam (sila rujuk LAMPIRAN 0, P dan Q).




**Rajah 4.2**
***Plot kebarangkalian normal bagi pemboleh ubah kod etika peguam***

#### 4.7.3.2 Ujian Lineariti

Pallant (2007) mencadangkan untuk memeriksa lineariti, penyelidik hendaklah menggunakan ujian residual. Ini dilakukan dengan memplotkan nilai standard residual terhadap nilai jangkaan (Pallant, 2007). Sekiranya andaian kelinearan dipenuhi, nilai residual sepatutnya bertaburan secara rawak didalam satu kelompok di sekeliling garisan melintang 0. Rajah 4.3 menunjukkan plot serakan antara residual terhadap nilai jangkaan bagi pemboleh ubah kod etika peguam dengan tingkahlaku etika. Rajah 4.3 menunjukkan nilai residual bertaburan secara rawak dalaam satu pola kelompok di sekeliling garisan melintang melalui 0. Berdasarkan Rajah 4.3, andaian lineariti diantara kedua-dua pemboleh ubah telah dipenuhi. Kaedah yang sama juga telah digunakan terhadap semua pemboleh ubah lain bagi

menguji kelinearan data dan mendapati andaian kelinearan terhadap semua pemboleh ubah telah dipenuhi (sila rujuk LAMPIRAN R, S, dan T).




**Rajah 4.3**
***Plot serakan antara kod etika peguam dengan tingkahlaku etika peguam***

### 4.7.3.3 Multikolineariti (*multicollinearity*)

Hair et al., (2006) dan Meyers et al., (2006) menyatakan sebelum analisis teknik multivariat boleh digunakan andaian ketiadaan kewujudan multikolineariti mestilah dipenuhi. Hair et al., (2006) dan Meyers et al., (2006) mencadangkan setiap pemboleh ubah tidak bersandar perlu diuji kemungkinan wujudnya masalah multikolineariti. Multikolineariti adalah merujuk kepada darjah korelasi antara sesama pemboleh ubah tidak bersandar yang berkolerasi tinggi (lebih dari 0.90) (Hair et al., 2006). Jadual 4.11 menerangkan hasil ujian multikolineariti diantara pemboleh ubah kod etika peguam dengan tingkahlaku etika. Berdasarkan Jadual 4.10 multikolineariti bukanlah satu masalah dalam kajian ini. Pemboleh ubah

pemboleh ubah tanggungjawab sosial, pegangan agama dan persepsi terhadap kod etika juga telah diuji menggunakan kaedah yang sama. Hasil ujian menunjukkan ketiadaan kewujudan multikolineariti bagi pemboleh ubah pemboleh ubah tanggungjawab sosial, pegangan agama dan persepsi terhadap kod etika (sila rujuk LAMPIRAN U).

**Jadual 4.11**
***Pengujian multikolineariti untuk pemboleh ubah pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam***

| | | Tingkahlaku etika | Pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam |
|---|---|---|---|
| Tingkahlaku etika | Pearson Correlation | 1.000 | .179* |
| | Sig. (1-tailed) | | .034 |
| | N | 105.000 | 105 |
| Pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam | Pearson Correlation | .179* | 1.000 |
| | Sig. (1-tailed) | .034 | |
| | N | 105 | 107.000 |

*. Correlation is significant at the 0.05 level (1-tailed).

## 4.8 Penganalisisan Data

Kajian ini mempunyai tujuh objektif. Pertama, menentukan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam. Kedua, mengukur persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam dikalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Ketiga, menentukan tahap tingkahlaku etika di kalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Keempat, mengesan perbezaan tahap tingkahlaku etika para peguam berdasarkan ciri-ciri demografik mereka. Kelima, mengesan perbezaan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika berdasarkan ciri-ciri demografik mereka. Keenam, mengesan perbezaan persepsi terhadap

perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam. Akhir sekali, mengenal pasti ciri-ciri individu dan situasi yang mempengaruhi tingkahlaku etika di kalangan peguam di Semenanjung Malaysia.

Skor terhadap DIT akan dibuat bagi mengesan tahap tingkahlaku etika para peguam di Semenanjung Malaysia. Sementara itu ujian t digunakan untuk melihat perbezaan tahap tingkahlaku etika para peguam berdasarkan ciri-ciri individu, perbezaan tahap pemahaman dan penerimaan kod etika peguam dikalangan peguam berdasarkan faktor demografik dan perbezaan persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan untuk peguam. Manakala regresi mudah digunakan bagi menjelaskan tentang pengaruh ciri-ciri individu dan situasi terhadap tingkahlaku etika para peguam.

### 4.9 Penutup dan Rumusan

Bab Empat secara khususnya telah membincangkan metod kajian yang digunakan dalam kajian ini. Perbincangan dalam Bab ini meliputi tempat kajian, rekabentuk kajian, alat kajian, pengukuran pemboleh ubah, populasi dan persampelan responden, kajian rintis, kajian sebenar di lapangan dan penganalisaan data. Bab seterusnya (Bab Lima) akan membincangkan keputusan-keputusan yang diperolehi daripada analisis data sebenar di lapangan.

# BAB LIMA

# HASIL KAJIAN

## 5.0 Pengenalan

Kajian ini mempunyai tujuh objektif. Pertama, menentukan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam. Kedua, mengukur persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam dikalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Ketiga, menentukan tahap tingkahlaku etika di kalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Keempat, mengesan perbezaan tahap tingkahlaku etika para peguam berdasarkan ciri-ciri demografik mereka. Kelima, mengesan perbezaan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika berdasarkan ciri-ciri demografik mereka. Keenam, mengesan perbezaan persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam. Akhir sekali, mengenal pasti ciri-ciri individu dan situasi yang mempengaruhi tingkahlaku etika dikalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Oleh itu, bahagian ini akan menjelaskan hasil dapatan kajian mengikut objektif di atas. Sebelum perincian dapatan dibuat, maklumat latar belakang responden kajian, akan dijelaskan.

## 5.1 Maklumat Demografik

Bahagian ini melaporkan maklumat latar belakang responden dari segi jantina, agama, pendedahan etika, lama bekerja dan umur.

### 5.1.1 Jantina

Penyelidik menerima 117 soal selidik daripada responden, selepas pemutihan hanya 107 soal selidik boleh digunakan. Dari 107 responden 61 responden adalah lelaki yang mana merupakan 57%, perempuan terdiri daripada 42.1%. Seorang responden tidak memberikan butiran jantina seperti tertera pada jadual 5.1.

**Jadual 5.1**
**Jantina**

| Jantina | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| Lelaki | 61 | 57 |
| Perempuan | 45 | 42.1 |
| Tidak res. | 1 | 0.9 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

### 5.1.2 Agama

Dari jadual dibawah menunjukkan responden beragama Islam adalah yang tertinggi iaitu 74.8% manakala responden beragama Kristian adalah sebanyak 5.6%. Responden beragama Hindu berjumlah 5 orang yang membentuk 4.7%. Ini diikuti oleh beragama Buddha seramai 4 orang iaitu 3.7%, Sikh 4 orang, tidak beragama 3 orang, manakala 5 orang tidak menyatakan butiran agama.

**Jadual 5.2**
***Agama***

| Agama | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| Islam | 80 | 74.8 |
| Kristian | 6 | 5.6 |
| Hindu | 5 | 4.7 |
| Buddha | 4 | 3.7 |
| Sikh | 4 | 3.7 |
| Tiada Agama | 3 | 2.8 |
| Tidak res. | 5 | 4.7 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

### 5.1.3 Pendedahan Terhadap Kursus Etika Semasa di IPT

Menyentuh mengenai persoalan sama ada responden pernah didedahkan dengan sebarang kursus etika secara formal di peringkat pengajian tinggi, dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak 75 orang responden dengan peratusan sebanyak 70.1% telah mendapat pendedahan. Sementara sebanyak 25 orang responden mewakili peratusan sebanyak 23.4% tidak pernah mendapat pendedahan.

**Jadual 5.3**
***Pendedahan kursus etika di IPT***

| Pendedahan | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| Ya | 75 | 70.1 |
| Tidak | 25 | 23.4 |
| Tidak res. | 7 | 6.5 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

### 5.1.4 Pendedahan Terhadap Kursus Etika Semasa Bekerja

Bagi persoalan pendedahan etika melalui kursus didalam perkhidmatan, sebanyak 55 orang responden dengan peratusan sebanyak 51.4% telah mendapat pendedahan. Manakala, 35 orang responden dengan peratusan sebanyak 32.7% tidak pernah mendapat pendedahan.

**Jadual 5.4**
***Pendedahan kursus etika didalam perkhidmatan***

| Pendedahan | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| Ya | 55 | 51.4 |
| Tidak | 35 | 32.7 |
| Tidak res. | 17 | 15.9 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

### 5.1.5 Pendedahan Terhadap Kursus Etika Melalui Seminar

Bagi persoalan mengenai pendedahan etika melalui seminar, dapatan kajian menunjukkan seramai 60 orang responden dengan peratusan sebanyak 56.1% didapati telah mendapat pendedahan melalui cara sedemikian. Manakala, sebanyak 30 orang responden dengan peratusan 28% tidak mendapat pendedahan itu.

**Jadual 5.5**
**Pendedahan kursus etika didalam seminar**

| Pendedahan | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| Ya | 60 | 56.1 |
| Tidak | 30 | 28 |
| Tidak res. | 17 | 15.9 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

### 5.1.6 Lama Bekerja

Bagi persoalan berhubung lama berkerja, terdapat 27 responden yang telah menjadi pengamal undang-undang dalam lingkungan 5 tahun ke bawah, dapatan kajian menunjukkan sebanyak 25.2%. Seramai 19 orang responden yang berkhidmat dalam lingkungan 5 tahun hingga 10 tahun, dapatan kajian menunjukkan 17.8%. Seterusnya, 18 orang responden yang telah berkhidmat dalam lingkungan 10 hingga 15 tahun, dapatan kajian menunjukkan peratusan sebanyak 16.8%. Manakala seramai 34 orang responden yang telah berkhidmat dalam lingkungan 15 tahun ke atas, dapatan kajian menunjukkan peratusan sebanyak 31.8%. Akhir sekali, terdapat 9 orang responden yang tidak respons, dapatan kajian menunjukkan peratusan sebanyak 8.4%.

**Jadual 5.6**
***Lama berkerja***

| Lama Bekerja | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| 5 thn ke bawah | 27 | 25.2 |
| 5 thn – 10 thn | 19 | 17.8 |
| 10 thn – 15 thn | 18 | 16.8 |
| 15 thn ke atas | 34 | 31.8 |
| Tidak res. | 9 | 8.4 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

### 5.1.7 Kategori Umur

Bagi peringkat umur, seramai 17 orang responden berumur didalam lingkungan kurang daripada 30 tahun dengan peratusan sebanyak 15.9%. Seramai 40 orang responden berumur dalam lingkungan 31-40 tahun dengan peratusan sebanyak 37.4%. 31 orang responden berada didalam lingkungan umur 41-50 tahun mewakili peratusan sebanyak 29.0%. sementara 6 orang responden berumur didalam lingkungan 51-60 tahun dengan peratusan sebanyak 5.6. akhir sekali, seramai 9 orang responden berumur lebih daripada 61 tahun dengan peratusan sebanyak 8.4%.

**Jadual 5.7**
***Umur***

| Umur | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| 30 thn ke bwh | 17 | 15.9 |
| 31-40 thn | 40 | 37.4 |
| 41-50 thn | 31 | 29.0 |
| 51-60 thn | 6 | 5.6 |
| 61 thn ke atas | 9 | 8.4 |
| Tidak res. | 4 | 3.7 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

## 5.2 Hasil Kajian

Seterusnya bahagian ini menjelaskan dapatan kajian berdasarkan objektif yang telah dibentuk.

### 5.2.1 Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Peguam

Objektif pertama kajian adalah untuk menentukan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam. Hasil kajian menunjukkan skor purata pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam 4.30 atas skor maksima 5. Sementara median, mod dan sisihan piawai masing-masing adalah 4.36, 4.2 dan 0.45. Skor ini boleh dikatakan agak tinggi.

**Jadual 5.8**
***Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika***

| Tahap | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| 75-152 | 20 | 18.7 |
| 153-165 | 87 | 81.3 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

Berdasarkan Jadual 5.8 mengesahkan tahap pengetahuan dan kefahaman responden berada di tahap yang tinggi, yang mana didapati majoriti (81.3%) responden jumlah skor tahap pengetahuan dan kefahaman kod etika berada skor diantara 153 – 165.

### 5.2.2 Tahap Persepsi Terhadap Perlaksanaan Undang-Undang, Peraturan dan Latihan Etika Peguam

Objektif kedua kajian adalah untuk mengukur persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam dikalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian menunjukkan skor purata persepsi terhadap

perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam dikalangan peguam adalah 3.32 atas skor maksima 5. Sementara median, mod dan sisihan piawai masing-masing adalah 3.25, 3.20 dan 0.55. Skor ini boleh dikatakan sederhana tinggi. Dapatan ini disahkan lagi berasaskan tahap jumlah skor persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan dan latihan kod etika peguam seperti jadual 5.9. Majoriti responden (55.1%) berada pada tahap sederhana dengan skor diantara 36 - 45.

**Jadual 5.9**
***Skor persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan dan latihan etika peguam***

| Tahap | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|
| 23-35 | 27 | 25.2 |
| 36-45 | 59 | 55.1 |
| 45-60 | 20 | 18.7 |
| Tidak res | 1 | 0.9 |
| Jumlah | 107 | 100.0 |

Kajian juga menunjukkan peguam tidak berpuas hati mengenai latihan kod etika peguam yang telah diikuti. Perkara ini jelas ditunjukkan daripada Jadual 5.10.

Jadual 5.10 menunjukkan min skor untuk latihan adalah paling rendah iaitu 2.83.

**Jadual 5.10**
***Tahap persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan dan latihan etika peguam***

| | N | Minima | Maksima | Min | Sisihan piawai |
|---|---|---|---|---|---|
| Latihan | 106 | 1.00 | 5.00 | 2.8333 | 0.94645 |
| Kod Jelas | 106 | 1.67 | 5.00 | 3.1981 | 0.73862 |
| Pematuhan | 106 | 2.67 | 5.00 | 4.0786 | 0.57377 |
| Kuatkuasa | 106 | 1.00 | 5.00 | 3.1588 | 0.77711 |

### 5.2.3 Tahap Tingkahlaku Etika

Objektif ketiga kajian adalah menentukan tahap tingkahlaku etika di kalangan peguam di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian menunjukkan skor purata tahap tingkahlaku etika di kalangan peguam dengan indeks P DIT bernilai 55.74 atas skor maksima 100. Sementara median, mod dan sisihan piawai masing-masing adalah 55.56, 55.56 dan 25.08. Skor ini boleh dikategorikan dalam tahap pascakonvensional berdasarkan tahap pembangunan moral oleh Kohlberg. Analisis seterusnya mendapati 13.3% responden tergolong pada kategori pra-konvensional, 10.5 % konvensional dan 76.2% adalah pasca-konvensional seperti yang ditunjukkan oleh jadual 5.11. Dapatan ini adalah tidak selari dengan hasil kajian Blasi (1980); Rest (1979); Rest et al. (1986); Thoma (1986); Wood at el. (1988); Elm dan Nichols (1993); Abdullah (2000); dan Abdullah et al. (2005, 2006). Ini membayangkan tingkahlaku etika para peguam adalah banyak didasarkan kepada prinsip etika yang dipegang.

**Jadual 5.11**
***Tahap tingkahlaku etika***

| Tahap | TLE | Kekerapan | Peratus |
|---|---|---|---|
| Pra | 1.00 | 14 | 13.3 |
| Konv | 2.00 | 11 | 10.5 |
| Pasca | 3.00 | 80 | 76.2 |
| Jumlah | | 105 | 100.0 |

### 5.2.4 Perbezaan Tahap Tingkahlaku Etika

Objektif keempat kajian ini ialah mengesan perbezaan tahap tingkahlaku etika para peguam berdasarkan ciri-ciri demografik mereka.

### 5.2.4.1 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Jantina

Dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dari segi tahap etika di antara lelaki dan wanita. Namun begitu hasil kajian menunjukkan min tahap wanita lebih tinggi berbanding lelaki dimana nilai min responden wanita ialah 61.35 sedangkan min lelaki ialah 52.68 seperti jadual 5.12 dibawah.

**Jadual 5.12**
***Perbezaan min tingkahlaku etika peguam berdasarkan jantina***

| Jantina | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Lelaki | 58 | 52.68 | 24.07 | .043 | .84 | -1.778 | 101 | .078 |
| Perempuan | 45 | 61.35 | 25.18 | | | -1.768 | 92.594 | .080 |

Hasil kajian ini didapati selari dengan kajian yang dibuat oleh Syed Azizi (1989) ke atas pelajar Malaysia, Indonesia, Thailand dan Amerika Syarikat yang menuntut di Amerika Syarikat yang mana kajian beliau mendapati pelajar wanita lebih beretika berbanding pelajar lelaki. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lain (Kidwell et al., 1897; Beltramini et al.; 1984; Chonko dan Hunt, 1983; Ferrel dan Skinner, 1988; Jones dan Gautshi, 1988; Reugger dan King, 1992 dan Whipple dan Swords, 1992) juga mendapati wanita bertindak lebih beretika berbanding dengan lelaki. Walau bagaimanapun, hasil kajian yang diperolehi bercanggah dengan kajian yang dilakukan oleh Md. Zabid (1989) yang mana kajian beliau mendapati pengurus lelaki bank-bank di Malaysia menunjukkan secara umumnya mempunyai persepsi terhadap tiga belas amalan tidak beretika adalah lebih tinggi berbanding dengan pengurus wanita.

Menurut agama Islam, tiada sebarang perbezaan taraf diantara kaum lelaki dan perempuan termasuklah dalam soal melaksanakan etika atau akhlak. Bahkan tanggungjawab melaksanakan etika adalah tanggungjawab sejagat. Allah berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud, *"Sesungguhnya laki-laki dan perempuan yang muslim, laki-laki dan perempuan yang mukmin, laki-laki dan perempuan yang tetap dalam ketaatannya, laki-laki dan perempuan yang benar, laki-laki dan perempuan yang sabar, laki-laki dan perempuan yang khusyu', laki-laki dan perempuan yang bersedekah, laki-laki dan perempuan yang berpuasa, laki-laki dan perempuan yang memelihara kehormatannya, laki-laki dan perempuan yang banyak menyebut (nama) Allah, Allah telah menyediakan untuk mereka ampunan dan pahala yang besar"* (33:35). Sehubungan dengan itu, sekiranya prinsip ini dipegang, maka tidak akan wujud sebarang perbezaan berdasarkan jantina berhubung persoalan etika khususnya bagi mereka yang benar-benar memahami ajaran Islam. Allah turut berfirman, *"Hai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengenal"* (49:13).

#### 5.2.4.2 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Faktor Agama

Kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan diantara responden beragama Islam dan bukan Islam dimana nilai min tahap etika responden beragama Islam ialah 53.92 berbanding bukan Islam yang minnya hanya 62.69.

**Jadual 5.13**
***Perbezaan min tingkahlaku etika peguam berdasarkan agama***

| Agama | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Muslim | 78 | 53.92 | 24.86 | .142 | .707 | -1.433 | 97 | .155 |
| Bukan muslim | 21 | 62.69 | 25.16 | | | -1.423 | 31.334 | .165 |

Dapatan ini bercanggah dengan kajian terhadap perbezaan persepsi etika di kalangan pengurus lelaki dan wanita oleh Kidwell et al., (1987) yang mendapati mazhab dan kekerapan menghadiri gereja mempengaruhi keputusan etika masing-masing. Seterusnya, kajian ini bercanggah dengan kajian oleh McNichols dan Zimmerer (1985) juga menunjukkan bahawa kepercayaan agama yang kuat mempunyai hubungan yang positif dan signifikan terhadap nilai etika yang dipegang. Kajian ini juga bercanggah dengan satu kajian lain yang mendapati kepercayaan kepada tradisi agama mempengaruhi pertimbangan moral sesebuah organisasi apabila keputusan yang perlu dibuat berkaitan dengan polisi yang dibentuk (Siker, Nonanwe dan Green, 1991). Ketiga-tiga hasil kajian sebelum ini disokong oleh pendapat Hergaty dan Sims (1978, 1979) yang mana orientasi nilai agama amat mempengaruhi gelagat etika seseorang. Hasil kajian ini juga bercanggah dengan kajian Abdullah (2000) yang mana mendapati pegangan agama seseorang berkorelasi dan mempengaruhi secara positif dan signifikan terhadap tingkahlaku etika seseorang. Bagi orang Islam, tauhid atau pegangan agama menjadi asas kepada akhlak seseorang (Mohd Nasir Omar, 1986). Islam memang amat menggalakkan amalan etika atau akhlak yang baik, bahkan Rasul S.A.W. diutuskan khusus untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak manusia, seperti mana sabda Rasul S.A.W. riwayat Anas bin Malik yang bermaksud “Sesungguhnya aku

telah dibangkitkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia" (Shihabuddin, 1999). Oleh itu kajian ini berlawanan dengan jangkaan bahawa pegangan agama seseorang mempunyai hubungan yang kuat dengan tahap tingkahlaku etika seseorang.

#### 5.2.4.3 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Pendedahan Etika Di IPT

Hasil kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan diantara responden yang pernah mendapat pendidikan etika di peringkat pengajian dengan responden yang tidak pernah mendapat pendedahan di peringkat pengajian tinggi. Nilai min responden yang telah mendapat kursus etika semasa di IPT ialah 57.64 sedangkan yang tidak mendapat kursus ialah 54.67.

**Jadual 5.14**
***Perbezaan min tingkahlaku etika peguam berdasarkan pendedahan etika di IPT***

| IPT | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ya | 72 | 57.64 | 25.37 | 1.081 | .301 | .526 | 95 | .600 |
| Tidak | 25 | 54.67 | 21.01 | | | .576 | 50.11 | .567 |

Hasil kajian yang diperolehi ini bercanggah dengan kajian yang dijalankan oleh Abdullah et al. (2005, 2006) dan Abdullah (2000) yang mana kajian-kajian tersebut mendapati pendedahan subjek etika semasa di IPT dan juga semasa kursus dalam perkhidmatan secara signifikan mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Hasil kajian ini juga didapati bercanggah dengan kajian yang dijalankan oleh Azian (1990), yang mendapati pendedahan terhadap episod dilema etika kepada pelajar sekolah menengah rendah di Petaling Jaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkahlaku etika pelajar berkenaan. Walau bagaimanapun hasil kajian ini

selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Schoenfeldt et al. (1991). Mereka dapati pengajaran subjek etika tidak mempunyai hubungan dengan pertimbangan etika didalam membuat sebarang keputusan oleh pelajar yang dikaji. Hasil kajian ini juga didapati selari dengan hasil kajian lain oleh Abdullah et al. (1992). Mereka mendapati dalam tempoh satu semester pendedahan terhadap subjek etika yang di ajar di Universiti Utara Malaysia tidak menunjukkan apa-apa kesan terhadap persepsi etika pelajar.

#### 5.2.4.4 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Pendedahan Etika DiDalam Perkhidmatan

Hasil kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan diantara responden yang pernah mendapat kursus etika semasa perkhidmatan dengan responden yang tidak pernah mendapat pendedahan semasa perkhidmatan. Nilai min responden yang telah mendapat kursus etika semasa perkhidmatan ialah 55.66 sedangkan yang tidak mendapat kursus ialah 59.84 (sila rujuk Jadual 5.15).

**Jadual 5.15**
***Perbezaan min tingkahlaku etika peguam berdasarkan pendedahan etika semasa perkhidmatan***

| KURSUS | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ya | 55 | 55.66 | 24.99 | .045 | .832 | -.787 | 88 | .434 |
| Tidak | 35 | 59.84 | 23.96 | | | -.794 | 74.82 | .430 |

Dapatan ini adalah bercanggah dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Syed Azizi (1989), semakin berpengalaman seseorang itu didalam alam pekerjaan, semakin meningkat moralnya. Syed Azizi mendapati pelajar universiti yang pernah

bekerja adalah lebih matang dalam membuat penilaian berkaitan dengan soal etika. Kajian Abdullah et al. (2005, 2006) dan Abdullah (2000) pula mendapati pengalaman seseorang tidak mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Walau bagaimanapun Abdullah (2000) mendapati mereka yang lebih berpengalaman adalah lebih tinggi skor tingkahlaku etika berbanding mereka yang kurang berpengalaman.

#### 5.2.4.5 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Pendedahan Etika DiDalam Seminar

Tiada perbezaan yang signifikan diantara responden yang pernah dan tidak pernah menghadiri seminar etika. Min bagi responden yang pernah menghadiri seminar etika ialah 55.74. Manakala min bagi responden yang tidak pernah menghadiri seminar etika ialah 57.04 (sila rujuk Jadual 5.16).

**Jadual 5.16**
***Perbezaan min tingkahlaku etika peguam berdasarkan pendedahan etika didalam seminar***

| SEMINAR | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ya | 60 | 55.74 | 24.69 | .007 | .935 | -.233 | 88 | .816 |
| Tidak | 30 | 57.04 | 25.22 | | | -.231 | 57.02 | .818 |

Hasil kajian ini didapati selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Abdullah et. al. (1992) dan Schoenfeldt et al. (1991) tetapi bercanggah dengan kajian Abdullah et. al. (2005, 2006), Abdullah (2000), dan Azian (1990).

#### 5.2.4.6 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Lama Menjadi Peguam

Hasil kajian menunjukkan tiada terdapat perbezaan yang signifikan diantara yang berkhidmat kurang 15 tahun dan yang berhidmat lebih dari 15 tahun. Jadual 5.17 menunjukkan nilai min berkhidmat kurang 15 tahun ialah 54.51 manakala yang berkhidmat lebih dari 15 tahun ialah 64.19.

**Jadual 5.17**
***Perbezaan min tingkahlaku etika peguam berdasarkan lama berkhidmat***

| Lama Berkhidmat | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| <15 tahun | 96 | 54.514 | 25.341 | 0.383 | .538 | -1.109 | 103 | .270 |
| >15 tahun | 9 | 64.198 | 21.356 | | | -1.279 | 10.23 | .0229 |

Hasil kajian ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Syed Azizi (1989) iaitu semakin berpengalaman seseorang itu didalam alam pekerjaan, semakin meningkat moralnya serta kajian yang dijalankan oleh Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2005, 2006) yang mana mendapati mereka yang lebih berpengalaman adalah lebih tinggi skor tingkahlaku etika berbanding mereka yang kurang berpengalaman.

#### 5.2.4.7 Tahap Tingkahlaku Etika Berdasarkan Kategori Umur

Tiada perbezaan yang signifikan diantara yang berumur kurang daripada 40 tahun dan yang lebih daripada 40 tahun. Min yang berumur lebih daripada 40 tahun ialah 2.66. Manakala min yang berumur kurang 40 tahun ialah 2.60 (sila rujuk Jadual 5.18).

**Jadual 5.18**
***Perbezaan min tingkahlaku etika peguam berdasarkan umur***

| Umur | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| <40 | 57 | 2.60 | .73 | .363 | .548 | -.432 | 99 | .667 |
| >40 | 44 | 2.66 | .71 | | | -.433 | 93.54 | .666 |

Hasil kajian yang diperolehi adalah bercanggah dengan kajian yang telah dijalankan oleh Serwinek (1992) yang mendapati pekerja yang lebih tua mempunyai interpretasi etika yang lebih tegas. Hasil kajian ini juga bercanggah dengan kajian Reugger dan King (1992) yang mendapati pelajar yang lebih tua menunjukkan tingkahlaku etika yang lebih matang berbanding dengan pelajar yang lebih muda.

Hasil kajian yang diperolehi ini juga didapati tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Browning dan Zabriskie (1983), mereka mendapati pengurus pembelian yang lebih muda adalah didapati lebih beretika berbanding dengan pengurus jualan yang lebih tua. Kajian Md. Zabid (1989) juga mendapati bahawa pengurus bank-bank di Malaysia yang terlibat dalam kajian beliau menunjukkan mereka yang lebih muda (30 tahun ke bawah) secara umumnya mempunyai persepsi terhadap tiga belas amalan tidak beretika adalah lebih tinggi berbanding dengan peguam yang lebih tua (30 tahun ke atas).

Walau bagaimanapun, hasil kajian yang diperolehi mempunyai persamaan dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Abdullah (2000) yang mendapati bahawa umur seseorang tidak mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Meskipun begitu,

Abdullah (2000) mendapati mereka yang lebih tua adalah lebih tinggi skor tingkahlaku etika berbanding mereka yang lebih muda.

## 5.3 Perbezaan Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika

Objektif kelima kajian ini ialah mengesan perbezaan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika berdasarkan ciri-ciri demografik peguam. Bahagian ini membincangkan hasil ujian perbezaan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika berdasarkan faktor jantina, agama, pendedahan etika di IPT, kursus dalam perkhidmatan dan seminar yang dihadiri.

### 5.3.1 Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Berdasarkan Jantina

Analisa kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam tidak berbeza secara signifikan diantara peguam lelaki dan wanita. Min peguam lelaki ialah 4.29. Manakala min peguam wanita ialah 4.36 (sila rujuk Jadual 5.19).

**Jadual 5.19**
***Perbezaan min pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam berdasarkan jantina***

| Jantina | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Lelaki | 61 | 4.2981 | .36932 | .914 | .341 | -0.924 | 104 | .343 |
| Perempuan | 45 | 4.3674 | .39764 | | | -0.914 | 90.841 | .345 |

Hasil kajian ini didapati bercanggah dengan kajian yang dibuat oleh Syed Azizi (1989) ke atas pelajar Malaysia, Indonesia, Thailand dan Amerika Syarikat yang menuntut di Amerika Syarikat yang mana kajian beliau mendapati pelajar wanita

lebih beretika berbanding pelajar lelaki. Kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik lain (Kidwell et al., 1897; Beltramin et al.; 1984; Chonko dan Hunt, 1985; Ferrel dan Skinner, 1988; Jones dan Gautshi, 1988; Reugger dan King, 1992 dan Whipple dan Swords, 1992) juga mendapati wanita bertindak lebih beretika berbanding dengan lelaki. Hasil kajian yang diperolehi juga bercanggah dengan kajian yang dilakukan oleh Md. Zabid (1989) yang mana kajian beliau mendapati pengurus lelaki bank-bank di Malaysia menunjukkan secara umumnya mempunyai persepsi terhadap tiga belas amalan tidak beretika adalah lebih tinggi berbanding dengan peguam wanita.

### 5.3.2 Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Berdasarkan Faktor Agama

Analisa kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam tidak berbeza secara signifikan diantara responden beragama Islam dan bukan Islam. Min peguam beragama Islam ialah 4.30. Manakala min peguam bukan Islam ialah 4.41 (Sila rujuk Jadual 5.20).

**Jadual 5.20**
***Perbezaan min pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam berdasarkan agama***

| Agama | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Muslim | 80 | 4.3041 | .39821 | .384 | .537 | -1.210 | 100 | .229 |
| Non muslim | 22 | 4.4169 | .34320 | | | -1.317 | 38.042 | .196 |

Dapatan ini tidak selari dengan kajian oleh Hegarty dan Sims (1978, 1979), McNichlos dan Zimmerer (1985), Kidwell et al. (1987), Siker, Nonanwe dan Green (1991) juga Abdullah (2000) dan Abdullah et al. (2005, 2006).

### 5.3.3 Tahap Pengetahuan dan Pemahaman Kod Etika Berdasarkan Pendedahan Di IPT, Kursus Dalam Perkhidmatan dan Semasa Seminar

Analisa kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam tidak berbeza secara signifikan dari segi pendedahan di peringkat pendidikan tinggi. Min responden yang mendapat pendedahan etika di IPT ialah 4.33. Manakala min responden yang tidak mendapat pendedahan etika di IPT ialah 4.29 (Sila rujuk Jadual 5.21).

**Jadual 5.21**
***Perbezaan min pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam berdasarkan kursus etika IPT***

| IPT | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Yes | 75 | 4.3318 | .40256 | 1.504 | .223 | .415 | 98 | .679 |
| No | 25 | 4.2945 | .34404 | | | .449 | 47.683 | .655 |

Sementara itu, analisa kajian bagi pendedahan melalui kursus dalam perkhidmatan adalah juga tidak berbeza secara signifikan dengan nilai min adalah 4.30 bagi responden yang telah mendapat pendedahan tersebut berbanding dengan nilai min 4.31 bagi responden yang tidak pernah menerima pendedahan melalui kursus di dalam perkhidmatan (sila rujuk Jadual 5.22).

.

**Jadual 5.22**
***Perbezaan min pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam berdasarkan kursus etika semasa perkhidmatan***

| KURSUS | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ya | 55 | 4.3053 | .40065 | .185 | .668 | -0.120 | 89 | .905 |
| Tidak | 36 | 4.3154 | .38558 | | | -0.121 | 77.019 | .904 |

Manakala analisa kajian bagi responden yang mendapat pendedahan melalui seminar adalah tidak berbeza secara signifikan dengan nilai min adalah 4.34 bagi mereka yang telah mendapat pendedahan melalui seminar berbanding dengan nilai min adalah 4.25 bagi mereka yang tidak pernah mendapat pendedahan melalui kaedah tersebut (sila rujuk Jadual 5.23).

**Jadual 5.23**
***Perbezaan min pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam berdasarkan seminar***

| SEMINAR | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Yes | 61 | 4.3468 | .40546 | .505 | .479 | 1.084 | 91 | .281 |
| No | 32 | 4.2544 | .35971 | | | 1.126 | 70.023 | .264 |

Hasil kajian yang diperolehi ini tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abdullah (2000) dari segi pendedahan subjek etika semasa di IPT. Walau bagaimanapun hasil kajian ini selari dengan kajian Azian (1990), Abdullah et al. (2005, 2006) dan Abdullah (2000) dari segi pendedahan etika semasa kursus dalam perkhidmatan. Walau bagaimanapun hasil kajian ini bercanggah dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Schoenfeldt et al. (1991).

## 5.4 Perbezaan Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika Peguam Berdasarkan Ciri-ciri Demografik

Objektif keenam kajian ini ialah mengesan perbezaan persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam. Bahagian ini pula membincangkan hasil ujian perbezaan persepsi terhadap perlaksanaan etika peguam berdasarkan faktor jantina, umur, agama, pendedahan etika di IPT, kursus dalam perkhidmatan dan seminar yang dihadiri serta lama berkhidmat sebagai peguam.

### 5.4.1 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika Peguam Berdasarkan Jantina

Kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan diantara lelaki dan wanita. Sungguhpun demikian dari segi min ia menunjukkan lelaki lebih tinggi dari wanita yang mana min lelaki ialah 3.38 dibandingkan min wanita 3.23 (sila rujuk Jadual 5.24).

**Jadual 5.24**
***Perbezaan min persepsi terhadap etika peguam berdasarkan jantina***

| Jantina | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Lelaki | 61 | 3.38 | .55 | .103 | .749 | 1.37 | 104 | .174 |
| Perempuan | 45 | 3.23 | .54 | | | 1.37 | 96.49 | .173 |

### 5.4.2 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Umur

Kajian menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan kategori umur responden. Mereka yang berusia >40 tahun adalah sama tahap penerimaan terhadap perlaksanaan kod etika peguam berbanding dengan mereka yang berusia kurang daripada 40 tahun dengan purata skor masing-masing 3.33 dan 3.27 (sila rujuk Jadual 5.25).

**Jadual 5.25**
***Perbezaan min persepsi terhadap etika peguam berdasarkan umur***

| Umur | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| <40 | 57 | 3.33 | .59 | .770 | .382 | .530 | 101 | .597 |
| >40 | 46 | 3.27 | .51 | | | .538 | 100.346 | .592 |

### 5.4.3 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika Peguam Berdasarkan Agama

Tiada perbezaan yang signifikan diantara responden beragama Islam dan bukan Islam dimana nilai min persepsi terhadap perlaksanaan etika peguam responden beragama Islam ialah 3.36 berbanding bukan Islam yang minnya 3.21 (sila rujuk Jadual 5.26).

**Jadual 5.26**
***Perbezaan min persepsi terhadap perlaksanaan etika peguam berdasarkan agama***

| Agama | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Muslim | 80 | 3.36 | .52 | 2.22 | .140 | 1.093 | 100 | .277 |
| Bukan muslim | 22 | 3.21 | .64 | | | .968 | 28.983 | .341 |

### 5.4.4 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Pendedahan Etika Di IPT

Terdapat perbezaan yang signifikan diantara responden yang telah mendapat pendedahan diperingkat pengajian tinggi dengan yang tidak mendapat pendedahan (sila rujuk Jadual 5.27).

**Jadual 5.27**
***Perbezaan min persepsi terhadap perlaksanaan etika peguam berdasarkan kursus etika di IPT***

| IPT | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ya | 75 | 3.40 | .55 | .269 | .605 | 2.461 | 98 | .016 |
| Tidak | 25 | 3.10 | .50 | | | 2.587 | 45.05 | .013 |

Hasil kajian yang diperolehi ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abdullah et al. (2005, 2006) dan Abdullah (2000) yang mana kajian-kajian tersebut mendapati pendedahan subjek etika semasa di IPT dan juga semasa kursus dalam perkhidmatan secara signifikan mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Hasil kajian ini juga didapati selari dengan kajian yang dijalankan oleh Azian (1990), yang mendapati pendedahan terhadap episod dilema etika kepada pelajar sekolah menengah rendah di Petaling Jaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkahlaku etika pelajar berkenaan.

### 5.4.5 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Kursus Etika Didalam Perkhidmatan

Tiada perbezaan yang signifikan diantara responden yang telah mendapat kursus etika semasa perkhidmatan dengan responden yang tidak pernah mendapat pendedahan semasa perkhidmatan. Nilai min bagi responden yang telah mendapat kursus ialah 3.34 manakala yang tidak mendapat kursus ialah 3.14 (sila rujuk Jadual 5.28).

**Jadual 5.28**
***Perbezaan min persepsi terhadap perlaksanaan etika peguam berdasarkan kursus semasa perkhidmatan***

| Kursus | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Yes | 55 | 3.34 | .51 | .346 | .558 | 1.711 | 89 | .091 |
| No | 36 | 3.14 | .58 | | | 1.664 | 67.851 | .101 |

### 5.4.6 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Pendedahan Etika Didalam Seminar

Dapatan kajian menunjukkan tiada terdapat perbezaan yang signifikan antara yang pernah menghadiri seminar etika berbanding yang tidak pernah. Dapatan menunjukkan nilai min tahap penerimaan etika peguam bagi yang pernah menghadiri seminar ialah 3.33 berbanding 3.22 bagi responden yang tidak pernah (sila rujuk Jadual 5.29).

**Jadual 5.29**
***Perbezaan min persepsi terhadap perlaksanaan etika peguam berdasarkan kursus etika dalam seminar***

| Seminar | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | Df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Ya | 61 | 3.33 | .51 | 2.28 | .134 | .938 | 91 | .35 |
| Tidak | 32 | 3.22 | .65 | | | .868 | 51.23 | .39 |

### 5.4.7 Persepsi Terhadap Perlaksanaan Etika peguam Berdasarkan Lama Khidmat

Tiada perbezaan yang signifikan dari segi penerimaan terhadap perlaksanaan etika peguam diantara yang berkhidmat lebih dari 15 tahun dan yang kurang dari 15 tahun. Min bagi yang berkhidmat lebih dari 15 tahun adalah 3.32. Manakala yang berkhidmat kurang dari 15 tahun minnya juga adalah 3.32 (sila rujuk Jadual 5.30).

**Jadual 5.30**
***Perbezaan min persepsi terhadap perlaksanaan etika peguam berdasarkan lama berkhidmat***

| | N | Min | Sisihan Piawai | F | Sig. | T | df | Sig. (2-tailed) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| < 15 tahun | 98 | 3.315 | .557 | .377 | .540 | -.015 | 104 | .988 |
| > 15 tahun | 8 | 3.318 | .448 | | | -.018 | 8.867 | .986 |

## 5.5 Ciri-ciri Individu dan Situasi Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Etika

Objektif terakhir kajian untuk mengenal pasti ciri-ciri individu dan situasi yang mempengaruhi tingkahlaku etika dikalangan peguam di Malaysia. Dapatan hasil analisa ini akan menjawab lapan hipotesis (H1, H2, H3, H4, H5, H6, H7 dan H8) dari objektif akhir kajian ini. Hasil analisis regresi menunjukkan pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika, tanggungjawab sosial, pegangan agama, persepsi terhadap kod etika peguam, umur, jantina, agama, pendedahan etika di IPT, pendedahan etika melalui kursus dalam perkhidmatan, pendedahan etika melalui seminar, dan lama menjadi peguam tidak dapat menerangkan varian tingkahlaku etika peguam secara signifikan. Maka, semua H1 hingga H8 adalah **tidak disokong**. Walau bagaimanapun, model ini berpotensi menerangkan varian etika tingkahlaku sebanyak 19.8%.

**Jadual 5.31**
***Ciri-ciri individu dan situasi yang berpotensi mempengaruhi tingkahlaku etika***

| | B | Beta | T | Sig |
|---|---|---|---|---|
| Y= tingkahlaku etika | | | | |
| A | 12.774 | | .550 | .584 |
| $X_1$ = Kod Etika Peguam | 9.905 | .179 | 1.842 | .068 |
| $X_2$ = Tanggungjawab sosial | 9.518 | .226 | 1.435 | .157 |
| $X_3$ = Pegangan Agama | 2.849 | .163 | 1.674 | .097 |
| $X_4$ = Persepsi Terhadap Kod Etika | -7.553 | -.169 | -1.234 | .222 |
| $X_5$ = Umur | .434 | .208 | .614 | .541 |
| $X_6$ = Jantina | -5.918 | -.120 | -.912 | .366 |
| $X_7$ = AGAMA1 | 24.480 | .198 | 1.523 | .133 |
| $X_8$ = AGAMA2 | 1.463 | .014 | .098 | .923 |
| $X_9$ = AGAMA3 | 17.613 | .182 | 1.210 | .231 |
| $X_{10}$ = AGAMA4 | 9.478 | .077 | .601 | .550 |
| $X_{11}$ = AGAMA5 | -12.289 | -.100 | -.684 | .496 |
| $X_{12}$ = SEMINAR1 | 8.040 | .149 | 1.055 | .296 |
| $X_{13}$ = SEMINAR2 | -3.156 | -.064 | -.442 | .660 |
| $X_{14}$ = SEMINAR3 | -3.480 | -.070 | -.491 | .625 |
| $X_{15}$ = Lama Menjadi Peguam | -.032 | -.164 | -.509 | .613 |

R = 0.445, R Square = 0.198, DW = 1.654 , F = 0.494 , Sig = 0.66

Analisis juga mendapati bahawa kesemua pemboleh ubah bebas yang diambilkira didalam kajian ini berkecenderungan mempengaruhi tingkahlaku etika secara positif kecuali persepsi terhadap kod etika, jantina, pendedahan etika melalui kursus didalam perkhidmatan dan didalam seminar serta lama menjadi peguam.

Seterusnya, pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika adalah paling berpontensi mempengaruhi tingkahlaku etika peguam. Manakala, pegangan agama adalah kedua berpontensi mempengaruhi tingkahlaku etika peguam.

### 5.6 Penutup dan Rumusan

Dalam bahagian ini penyelidik telah membentangkan dapatan kajian mengikut objektif yang telah ditetapkan. Kajian mendapati tahap tingkahlaku etika majoriti para peguam berada pada tahap pascakonvensional. Dapatan ini adalah merupakan satu penemuan baru kerana kajian-kajian yang lepas mendapati majoriti responden berada pada tahap konvensional sahaja. Hasil kajian tidak menunjukkan min tahap etika berdasarkan jantina berbeza secara signifikan. Hasil kajian juga menunjukkan tingkahlaku etika peguam beragama Islam tidak berbeza secara signifikan dengan yang bukan Islam. Seterusnya, hasil kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara mereka yang lebih lama berkhidmat berbanding dengan mereka yang kurang berpengalaman. Begitu juga, mereka yang lebih tua didapati tahap tingkahlaku etika mereka adalah tidak berbeza secara signifikan berbanding dengan mereka yang lebih muda. Demikian juga dari segi pendedahan kursus etika, tiada perbezaan yang signifikan antara mereka yang terdedah dan yang tidak terdedah kepada kursus etika. Sungguhpun begitu, responden yang mendapat pendedahan kursus etika semasa di IPT mempunyai persepsi yang berbeza secara signifikan terhadap perlaksanaan etika peguam dengan mereka yang tidak mendapat pendedahan. Manakala, dari segi perbezaan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika, tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina, agama, lama berkhidmat, umur dan pendedahan kursus etika di IPT, dalam perkhidmatan dan

seminar. Begitu juga, dari segi perbezaan persepsi terhadap perlaksanaan etika peguam tiada perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina, agama, lama berkhidmat, umur dan pendedahan kursus etika dalam perkhidmatan dan seminar. Sungguhpun demikian, terdapat perbezaaan yang signifikan diantara responden yang mendapat pendedahan kursus etika di IPT dan yang tiada mendapat pendedahan. Bab seterusnya pula akan menyimpulkan hasil kajian serta mengemukakan beberapa cadangan dan juga halatuju kajian masa akan datang.

# BAB ENAM

# KESIMPULAN DAN CADANGAN

## 6.0 Pendahuluan

Bahagian ini akan memberi gambaran menyeluruh secara ringkas mengenai kajian. Seterusnya, penyelidik akan merumuskan dapatan kajian serta membuat saranan-saranan bagi faedah penyelidik akan datang dan pihak berkaitan yang lain. Bab ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian kecil. Pertama, gambaran menyeluruh kajian. Kedua, penemuan utama kajian. Ketiga, implikasi kajian. Keempat, batasan kajian. Kelima, masalah kajian. Keenam, hala tuju kajian akan datang dan diakhiri dengan penutup.

## 6.1 Gambaran Ringkas Kajian

Secara umumnya kajian mendapati tahap tingkahlaku etika para peguam berada pada tahap pascakonvensional iaitu dengan purata skor P DIT sebanyak 55.74. Dapatan ini adalah satu penemuan baru. Kajian juga mendapati, sungguhpun hasil kajian tidak menunjukkan min tahap etika berdasarkan jantina berbeza secara signifikan, didapati min indeks P DIT wanita lebih tinggi berbanding lelaki dimana min wanita ialah 61.35 manakala lelaki ialah 52.68. Ini menunjukkan peguam wanita berkecenderungan bertingkahlaku dengan lebih beretika berbanding peguam lelaki. Kajian mendapati tiada perbezaan yang signifikan diantara responden beragama Islam dan bukan Islam. Sungguhpun begitu, nilai min tahap etika responden beragama Islam ialah 53.92 berbanding bukan Islam yang minnya 62.69. Dapatan ini agak memeranjatkan kerana kajian-kajian lepas, responden yang

beragama Islam tahap tingkahlaku etika mereka lebih tinggi daripada yang bukan beragama Islam. Sungguhpun demikian, bagi kajian ini, faktor agama tidak berpotensi menentukan tahap tingkahlaku etika seseorang peguam. Sungguhpun tahap tingkahlaku etika tidak berbeza berdasarkan pendedahan etika sama ada semasa di IPT atau kursus semasa dalam perkhidmatan atau pun semasa berseminar, kita dapati bagi mereka yang pernah terdedah kepada pengetahuan etika semasa di IPT berkecenderungan mempunyai tahap tingkahlaku etika lebih tinggi berbanding dengan mereka yang tidak pernah mendapat pendedahan.

Hasil kajian ini jelas menunjukkan tahap pengetahuan dan pemahaman terhadap kod etika peguam agak tinggi, iaitu 4.30 atas skor maksima 5. Keadaan ini lebih jelas lagi kepada kita, apabila dibandingkan dengan hasil kajian yang menunjukkan skor purata persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam dikalangan peguam  agak sederhana tinggi, iaitu 3.32 atas skor 5. Ini bererti pemantauan terhadap perlaksanaan kod etika peguam agak longgar.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati, secara purata menunjukkan para peguam kurang mendapat latihan berkaitan etika peguam (skor purata 2.83 atas skor 5) berbanding pematuhan (skor purata 4.08 atas skor 5)  dan penguatkuasaan (skor purata 3.16 atas skor 5) terhadap undang-undang serta peraturan etika peguam.

Kajian juga menunjukkan tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam di kalangan peguam berdasarkan semua ciri demografik yang di ambil kira didalam

kajian ini (i.e agama, jantina, umur, pendedahan terhadap kursus etika, dan pengalaman kerja) adalah tidak berbeza secara signifikan.

Demikian juga perbezaan tahap persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam dikalangan peguam berdasarkan semua ciri demografik yang diambil kira didalam kajian ini (i.e agama, jantina, umur, pendedahan terhadap kursus etika, dan pengalaman kerja) adalah tidak berbeza secara signifikan. Sungguhpun begitu, terdapat perbezaaan yang signifikan diantara responden yang mendapat pendedahan kursus etika di IPT dan yang tiada mendapat pendedahan

Sungguhpun hasil kajian gagal membuktikan bahawa faktor-faktor yang diambil kira bagi kajian ini untuk menjelaskan varian tingkahlaku etika para peguam di Semenanjung Malaysia, kita dapati model ini berpotensi menerangkan varian etika tingkahlaku sebanyak 19.8%. Analisis juga mendapati bahawa kesemua pemboleh ubah bebas yang diambil kira didalam kajian ini berkecenderungan mempengaruhi tingkahlaku etika secara positif kecuali persepsi terhadap kod etika, jantina, pendedahan etika melalui kursus didalam perkhidmatan dan didalam seminar serta lama menjadi peguam.

## 6.2 Penemuan Utama Kajian

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian 6.1, penemuan baru dan utama kajian ialah para peguam berada pada tahap pascakonvensional. Ini menjawab persoalan

kajian tentang adakah tahap tingkahlaku etika peguam di Semenanjung Malaysia membimbangkan?. Maka, jawapannya ialah tahap tingkahlaku etika peguam di Semenanjung Malaysia tidaklah membimbangkan kerana majoriti peguam berada pada tingkat pascakonvensional. Tingkat ini adalah tingkat tertinggi menurut teori Kohlberg. Kajian-kajian lepas mendapati amat jarang sekali seseorang dapat melepasi tingkat konvensional.

Selain daripada di atas, didapati konstruk pengetahuan dan pemahaman kod etika peguam mempunyai empat komponen atau faktor yang diwakili oleh pemboleh ubah kewajipan kepada anak guam, kewajipan kepada mahkamah, kewajipan kepada pihak lain dan kewajipan semasa bekerja. Dapatan ini juga adalah satu penemuan baru dan yang pertama.

Seterusnya bagi konstruk pemboleh ubah persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam mempunyai tiga komponen atau faktor. Faktor pertama, ialah persepsi terhadap perlaksanaan latihan etika peguam. Faktor kedua, ialah persepsi terhadap penguatkuasaan undang-undang dan peraturan etika peguam. Manakala faktor ketiga, ialah persepsi terhadap pematuhan etika peguam. Penemuan ini adalah satu penemuan baru, kerana kajian Abdullah et al., 2005, 2006 menggunakan empat dimensi untuk mengesan persepsi terhadap perlaksanaan undang-undang, peraturan serta latihan etika peguam. Dimensi tersebut ialah pertama, persepsi terhadap latihan etika peguam. Kedua, persepsi terhadap pematuhan etika peguam. Ketiga, persepsi terhadap penguatkuasaan dan

keempat ialah persepsi terhadap jelasnya peraturan dan undang-undang etika peguam.

Satu lagi penemuan baru ialah dapatan daripada perlaksanaan anilisis faktor terhadap konstruk tanggungjawab sosial. Dapatan menunjukkan, konstruk tanggungjawab sosial mempunyai tiga komponen atau faktor yang diwakili oleh pemboleh ubah sikap ambil tahu moral masyarakat, sikap menyerahkan tugas menegakkan moral kepada pihak lain dan sikap tidak ambil tahu moral masyarakat. Dapatan ini adalah satu penemuan baru kerana kajian Abdullah et al., 2005, 2006 tidak melaksanakan analisis faktor terhadap pemboleh ubah perhatian terhadap moral seseorang yang lain.

## 6.3 Implikasi Penemuan Kajian

Dalam bahagian ini, penyelidik membahagikan perbincangan kepada tiga sub-topik iaitu implikasi teoritikal, implikasi pengurusan dan implikasi akademia.

### 6.3.1 Implikasi Teoritikal

Hasil kajian mendapati bahawa peguam-peguam di Semenanjung Malaysia berada pada tingkat pascakonvensional berdasarkaan teori pembangunan moral Kolhberg. Tingkat pascakonvensional ialah tingkat tertinggi dalam teori Kolhberg. Dapatan ini bercanggah dengan hasil kajian Blasi (1980); Rest (1979); Rest et al. (1986); Thoma (1986); Wood at el. (1988); Elm dan Nichols (1993); Abdullah (2000); dan Abdullah et al. (2005, 2006) yang mana mereka mendapati responden kajian-kajian

mereka hanya berada pada tingkat konvensional sahaja. Selain daripada itu, dapatan kajian ini juga tidak selari dengan teori Kolhberg itu sendiri, yang mana menurut Kolhberg (1973) kebanyakan orang tidak melepasi tingkat konvensional. Ini menunjukkan tingkahlaku etika para peguam adalah banyak didasarkan kepada prinsip etika yang dipegang mereka. Maka, dapatan ini merupakan satu penemuan baru dalam kajian berkaitan dengan tingkahlaku etika. Dapatan kajian ini sesungguhnya sangat bertepatan dengan profesion guaman yang berkedudukan tinggi dan mulia. Kedudukan tinggi profesion guaman disebut dengan jelas dalam Kaedah 16 dan Kaedah 31, KPGAE 1978. Manakala, Lennertz (1991), Crier (2002), Horn III (2003) dan Yeap Ghim Guan (2004) menyatakan tentang kemuliaan profesion guaman. Seterusnya, kemuliaan profesion guaman dinyatakan dengan tegas oleh mahkamah dalam kes *Syarikat Pengangkutan Sakti Sdn. Bhd.* lwn. *Tan Joo King t/a Bengkel Son Tak* (1997) 5 MLJ 705.

### 6.3.2 Implikasi Pengurusan

Pihak Pengurusan dalam kajian ini ialah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang mengeluarkan graduan undang-undang, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LPQB) yang akan memberi pengiktirafan kepada graduan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (L.L.B) yang dikeluarkan oleh IPT awam untuk menjadi pengamal Undang-undang dan Majlis Peguam Malaysia sebagai badan profesional yang memantau para pengamal undang-undang. Hasil kajian menunjukkan beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan bagi memastikan tingkahlaku yang tinggi dapat ditegakkan oleh para peguam.

#### 6.3.2.1 Latihan Berkaitan Kod Etika Peguam

Berdasarkan hasil kajian ini, latihan mengenai kod etika peguam perlu dipertingkatkan, kerana purata skor terhadap latihan berkaitan etika peguam adalah paling rendah berbanding pematuhan, perlaksanaan dan penguatkuasaan terhadap kod etika peguam. Daripada jawapan kepada soalan terbuka berkaitan cadangan untuk memperbaiki kod etika para peguam, didapati ada responden yang mencadangkan latihan etika peguam diikuti oleh pelatih (*pupil*) semasa latihan dalam kamar (*chambering*). Terdapat juga cadangan supaya pendidikan berterusan berkaitan etika peguam diadakan oleh Majlis Peguam Malaysia (MPM). Seterusya, ada juga responden mencadangkan kehadiran peguam dalam kursus etika yang diadakan oleh MPM sebagai wajib. Kajian oleh Browning dan Zabriskie (1983) mendapati pengurus bahagian pembelian yang lebih muda adalah didapati lebih beretika berbanding dengan pengurus bahagian jualan yang lebih tua. Kajian ini dikukuhkan lagi oleh kajian Abdullah et al. (2005) yang mendapati pengurus atasan syarikat yang berumur kurang dari 37 tahun lebih tinggi skor tingkahlaku etikanya. Manakala kajian Abdullah et al. (2006) pula mendapati pengurus atasan syarikat yang berumur kurang dari 40 tahun lebih tinggi skor tingkahlaku etikanya. Sebaliknya mereka yang berumur lebih daripada 40 tahun lebih rendah skor tingkahlaku etikanya (Abdullah, 2006).

Bagi merealisaikan cadangan daripada para peguam ini, satu peruntukan undang-undang hendaklah dimasukkan dalam Akta Profesion Guaman 1976 yang mewajibkan para peguam mengikuti kursus etika peguam setelah mencapai umur

40 tahun. Peruntukan seperti ini selari dengan cadangan para responden dan kajian-kajian lampau. Kursus etika dimasa usia 40 tahun dapat menyegarkan kembali ingatan dan pemahaman terhadap kod etika peguam.

#### 6.3.2.2 Peguatkuasaan Kod Etika Peguam

Penguatkuasaan kod etika peguam juga harus diketatkan lagi, ini adalah disebabkan tahap penguatkuasaan adalah masih ditahap yang rendah seperti yang diperolehi daripada kajian ini. Daripada jawapan kepada soalan terbuka, terdapat peguam mencadangkan Lembaga Disiplin MPM mesti menyelesaikan aduan terhadap peguam dalam tempoh yang lebih pendek. Terdapat juga peguam mencadangkan hukuman yang keras dikenakan kepada peguam yang melanggar kod etika peguam. Selain daripada itu, ada peguam mencadangkan MPM hendaklah menyediakan kaunter aduan untuk memudahkan orang awam membuat aduan terhadap salah laku peguam.

Oleh yang demikian, MPM hendaklah menyemak semula tempoh yang telah diambil dalam menyelesaikan aduan orang awam supaya pada masa hadapan, masa yang diambil adalah cepat dan pantas. Seterusnya, MPM hendaklah mengkaji semula hukuman yang dikenakan kepada peguam yang melanggar kod etika peguam bagi memastikan hukuman yang dikenakan adalah keras. Cadangan seterusnya, MPM hendaklah menyediakan kaunter aduan untuk memudahkan orang awam membuat aduan terhadap salah laku peguam.

#### 6.3.2.3 Memantapkan Kod Etika Peguam

Hasil daripada kajian ini dapat menyumbang maklumat lanjut kepada penyelidikan berkaitan dengan etika peguam khususnya dari segi pemantapan kod etika peguam. Kajian ini mendapati bahawa tahap pengetahuan dan pemahaman kod etika adalah tinggi. Oleh yang demikian setiap profesion yang terlibat dalam bidang perundangan dan kehakiman harus mengadakan kod etika atau garis panduan masing-masing berdasarkan kod etika yang berpandukan etika peguam. Ini khususnya bagi peguam-peguam syarie. Seterusnya kod etika juga perlu ada bagi Timbalan-timbalan Pendakwaraya (DPP) dan Peguam Persekutuan yang mana mereka merupakan peguam kepada pihak kerajaan.

#### 6.3.2.4 Pendedahan Kepada Subjek Etika

Sungguhpun hasil kajian menunjukkan pendedahan kepada subjek etika tidak mempengaruhi tingkahlaku etika peguam, tetapi ia berkecenderungan secara positif mempengaruhi tingkahlaku etika peguam. Selain daripada itu, pendedahan subjek etika di IPT berbeza secara signifikan dengan mereka yang tidak mendapat pendedahan dari aspek persepsi terhadap pelaksanaaan kod etika peguam. Kajian oleh Abdullah (2000) mendapati pendedahan subjek etika semasa di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga semasa kursus dalam perkhidmatan secara signifikan mempengaruhi tingkahlaku etika seseorang. Manakala kajian Abdullah et al. (2005, 2006) mendapati mereka yang terdedah kepada pengetahuan etika berkecenderungan mempunyai tahap tingkahlaku etika lebih tinggi berbanding mereka yang tidak pernah mendapat pendedahan. Hasil kajian ini menguatkan lagi

dapatan kajian oleh Azian (1990), yang mendapati pendedahan terhadap episod dilema etika kepada pelajar sekolah menengah rendah di Petaling Jaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkahlaku etika pelajar berkenaan. Goldmen (1987) mendapati salah satu daripada aktiviti-aktiviti yang boleh mempengaruhi integriti ahli-ahli profesional ialah menggalakkan latihan etika di peringkat kolej dan penerusan kursus-kursus pendidikan profesional. Seterusnya menurut Bertens (2003) pendidikan peguam belum lengkap jika dimensi etika tidak diberi perhatian. Oleh yang demikian pendedahan kepada subjek etika di IPT hendaklah diteruskan dan diperkemaskan lagi.

Selain daripada cadangan di atas, penyelidik juga mencadangkan agar pendidikan etika peguam diajar kepada pelajar-pelajar LLB diperingkat awal pengajian. Pendidikan etika peguam patut didedahkan kepada pelajar LLB, dalam semester kedua tahun pertama pengajian atau selewat-lewatnya dalam tahun kedua pengajian. Ini bertujuan, supaya pelajar sentiasa dapat diingatkan oleh pensyarah tentang kod etika peguam sepanjang tempoh dua tahun berikutnya sehingga tamat pengajian. Seterusnya pendedahan awal membolehkan pelajar menghadzam etika peguam ini sebelum mereka menceburkan diri dalam profesion guaman. Menurut Imam Al-Ghazali (1984), membahas ilmu-ilmu perlu diusahakan dengan tenaga dan fikiran, agar tertanam kukuh dalam jiwa, adalah sangat sulit dan tidak mudah kecuali pada usia muda. Seterusnya Imam Al-Ghazali (1984) menyatakan belajar diwaktu kecil adalah laksana mengukir di atas batu dan adalah sulit melatih orang yang tua bangka. Hamka (1980) juga berpendapat semulia-mulia didikan ialah yang

diajar waktu anak masih kecil. Ini adalah kerana diwaktu kecil itu, batin masih lemah lembut, jadi masih mudah membentuknya (Hamka, 1980). Menurut Imam Al-Ghazali (1984) usaha membentuk akhlak ini hendaklah dilakukan selama-lamanya dan berulang-ulang. Sekiranya kita mengambil contoh mendidik seorang Islam mengamalkan sembahyang, Islam memerintahkan kita supaya menyuruh anak yang berumur tujuh tahun mengerjakan sembahyang dan apabila anak itu sudah berusia sepuluh tahun dan dia ingkar mengerjakan sembahyang maka pukullah anak itu. Dengan sebab inilah pepatah Melayu ada menyebut “melentur buluh biar dari rebungnya”.

### 6.3.3 Implikasi Akademia

Ada dua sumbangan utama kajian terhadap ilmu. Pertama, penggunaan kaedah statistik dalam kajian sosio-perundangan dan kedua pengukur tingkahlaku etika.

#### 6.3.3.1 Penggunaan Kaedah Statistik dalam Kajian Sosio-perundngan

Kajian ini adalah kajian sosio-perundangan dan bukan kajian perundangan tulin. Kajian ini menggabungkan kaedah penyelidikan undang-undang dan kaedah penyelidikan perniagaan. Kajian ini menggunakan kaedah statistik dalam menganalisis data. Penyelidik berpendapat, kajian ini mampu memberi sumbangan yang signifikan kepada dunia akademik perundangan. Pada lazimnya, mereka yang berkelayakan undang-undang akan membuat kajian berdasarkan kaedah penyelidikan undang-undang tulin dan sangat jarang menggunakaan kaedah statistik dalam analisis data. Keadaan ini sedemikian, kerana mereka yang berlatar

belakang akademik undang-undang tidak mengetahui atau tidak mahir ilmu statistik. Oleh sebab itu, kajian ini boleh dijadikan panduan kepada mereka yang berminat menggunakan kaedah statistik dalam kajian undang-undang mereka, terutamanya, kajian terhadap tingkahlaku etika pihak-pihak atau orang-orang yang terlibat dalam profesion perundangan.

#### 6.3.3.2 Pengukur Tingkahlaku Etika

